

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 31	Rabu	10 Jun 2015
----------------	-------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 24)
- Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (Halaman 24)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3) (Halaman 188)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- Penipuan Skim Pelaburan Kayu Gharu Kemboja
- YB. Tuan Hee Loy Sian (*Petaling Jaya Selatan*) (Halaman 188)
- Isu Pembangunan Dua Blok pangsapuri di Sri Petaling
- YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (*Seputeh*) (Halaman 192)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Rabu, 10 Jun 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Perdana Menteri menyatakan program-program yg telah dirangka oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bagi mencapai KPI Bumiputera 2015 dan apakah peranan Majlis Penasihat Industri INSKEN yang telah ditubuhkan bagi membantu golongan usahawan bumiputera. Adakah keperluan peralatan menangani banjir di balai-balai bomba di seluruh negara sesuai dan mencukupi serta apakah langkah susulan yang diambil bagi mengimbangi keperluan peralatan bersesuaian dengan keadaan semasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih, Yang Berhormat Jerlun. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sewaktu membuat pembentangan Bajet 2015 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan bahawa Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) akan menjadi pusat kecemerlangan keusahawanan bumiputera dan akan melaksanakan program-program pembinaan kapasiti untuk kumpulan sasaran.

Sejak pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, INSKEN telah pun dipindahkan daripada MITI ke TERAJU dan INSKEN telah menjalin kerjasama dengan semua agensi kerajaan negeri dan menjadikannya sebagai *Satellite Learning Centre*, dengan izin bagi melaksanakan program-program INSKEN. Dengan cara ini INSKEN dapat menjalankan program dengan kos yang rendah dan seperkara lagi melalui pendekatan itu juga kita juga dapat mengelakkan pertindihan program.

Program yang telah dijalankan adalah beberapa. Saya mungkin sebutkan lima. Pertama sekali garis mula INSKEN-500 di kesemua 5 produk ekonomi. Keduanya, On-Board SME Directors Programme, dengan izin yang dikendalikan oleh Mission Directors Academy (MINDA). Ketiga, Social Media Marketing, dengan izin secara kolaborasi dengan MaGIC di dua lokasi. Keempat, Program Pembangunan Usahawan Graduan secara kolaborasi dengan UNIRAZAK, Universiti Sains Malaysia dan UiTM di enam lokasi dan yang kelima ialah Pembentangan Global

Entrepreneurship Monitor, oleh UNIRAZAK pada semua agensi pembangunan keusahawanan dan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, program INSKEN ini adalah bersikap ataupun bersifat *outcome-based*, dengan izin dan sasaran ditetapkan melalui program yang dikenali dengan INSKEN500 itu adalah sebanyak sekurang-kurangnya 500 buah syarikat bumiputera berjaya melonjakkan pencapaian ke tahap seterusnya dengan menggunakan skala SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE) bagi perusahaan kecil dan sederhana bagi menentukan tahap sesebuah syarikat tersebut dan juga MSCORE bagi perusahaan mikro.

Berdasarkan penarafan SCORE yang kita laksanakan bersama-sama dengan SME Corporation, Counselor Business INSKEN akan mengemukakan dan membantu syarikat tersebut dengan cara merunding, melatih dan memudah cara ataupun *consulting training and facilitating*, dengan izin dan menghubungkan syarikat dengan pelbagai program agensi-agensi. Melalui intervensi ini syarikat-syarikat tersebut dapat meningkatkan *capability* dan *capacity* mereka untuk bersaing.

Kesemua program di atas dilaksanakan dengan berpegangan kepada prinsip Dipacu Industri yang diterajui oleh usahawan ataupun *Industry Driven Entrepreneur Lab*, dengan izin. Atas semangat itulah maka sebuah Majlis Penasihat Industri telah pun ditubuhkan dan seramai 9 orang mewakili pelbagai sektor, geografi dan gender yang telah dilantik bagi menganggotainya. Fungsi utama majlis ini adalah untuk memandu INSKEN dalam melaksanakan program-program agar ia menepati prinsip yang disebutkan tadi. Selain daripada itu, majlis ini juga akan memudah cara kerjasama awam dan swasta yang lebih erat lagi bagi mencapai matlamat penubuhan INSKEN, terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. Kita sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah tentulah melalui pembentangan bajet yang lalu, memang memberi penekanan untuk INSKEN ini. Ini adalah satu lagi usaha-usaha, antara usaha-usaha besar yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan golongan bumiputera terutama sekali *entrepreneurs* bumiputera terus diberi bimbingan dan akhirnya hendak mencapai kejayaan.

Soalan tambahan saya, siapakah ataupun bagaimanakah pemilihan sesebuah syarikat ataupun individu yang hendak dilatih oleh INSKEN. Kemudian, adakah kita memberi tumpuan kepada sektor-sektor tertentu umpamanya kontraktor pembinaan, *trading*, *traders* ataupun bahagian pelajaran, pendidikan dan sebagainya. Apakah pula ruang yang diberikan kepada anak-anak muda, golongan-golongan muda yang mungkin baru *graduate*, keluar universiti dan institusi pengajian tinggi yang berhasrat untuk menceburi dalam bidang keusahawanan ini sehingga akhir nanti mereka boleh membimbing syarikat masing-masing sehingga boleh disenaraikan di bursa saham. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Dari segi penglibatan usahawan ini, kita membukanya kepada mana-mana juga usahawan yang berminat untuk menyertai program INSKEN ini. Itu secara menyeluruh tetapi secara fokusnya kita bekerjasama dengan SME Corporation di mana kita buat *scoring* sama ada dia *microenterprise* ataupun *small and medium enterprise*, dengan izin.

■1010

Kita melalui satu proses penarafan yang saya sebutkan tadi SME *Competitiveness Rating for Enhancement* (SCORE) yang kita panggil ini ataupun yang satu lagi kita panggil MSCORE, itu merujuk kepada *micro enterprise*. Kita menyasarkan agar sekurang-kurangnya 500 buah syarikat yang dapat melonjakkan taraf mereka. Macam kalau SCORE ini ada ratingnya daripada tiga bintang, empat bintang. So, jadi yang mana tiga bintang itu kita hendak lonjakkan ia kepada taraf empat bintang. Itulah *target* kita dalam Program INSKEN ini.

Daripada segi industrinya, ia terbuka kepada kesemua industri termasuklah pembinaan, mereka yang menjalankan *trading* dan juga perkilangan kecil dan sederhana dan ini saya sebutkan tadi kita bekerjasama dengan SME Corporation. Untuk usahawan-usahawan muda, kita selain daripada apa yang kita ada dalam Program INSKEN, kita juga akan melaksanakan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) untuk program pertama tahun lepas, SME Corporation telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi lain untuk mewujudkan dan melatih lebih 400 orang usahawan.

Untuk tahun ini kita bekerjasama antara TERAJU dan SME Corporation dan kementerian-kementerian tersebut. Fasa kedua akan melibatkan 500 orang belia dan ini program ada tiga aspek. Satu dari segi *motivation*, keduanya daripada segi skil keusahawanan sendiri dan ketiga adalah dari segi *mentoring*. So ini program yang kita lalui dan mereka ini akan diberikan modal juga sebanyak RM15,000 untuk seorang usahawan. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu di bawah INSKEN ini sejak empat tahun dahulu sebanyak 41 buah projek telah diluluskan dan mendapatkan dana pemudah cara yang dianggarkan berjumlah RM104.2 juta dengan nilai pelaburan sebanyak RM748.5 juta dan kita tahu INSKEN telah berjaya mewujudkan peluang perniagaan sebanyak 1,650.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, setakat ini bilangan usahawan bumiputera yang telah mendapat manfaat ini secara totalnya berapa orang? Kalau tadi dimaklumkan bilangan belia tetapi kita hendak minta berapa bilangan usahawan keseluruhan bumiputera yang telah mendapat manfaat ini dan sejauh mana program-program yang dijalankan ini memberi manfaat yang besar terutamanya kepada usahawan-usahawan muda. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab saya tidak ada statistik itu untuk pagi ini. Saya akan berikan statistik tersebut kemudian. Terima kasih.

2. **Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pendirian Malaysia terhadap TPPA (*Trans-Pacific Partnership Agreement*).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Ada beberapa soalan berkaitan dengan TPP. Ia selain daripada Yang Berhormat Gopeng juga daripada Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kepala Batas. Saya mohon izin untuk menjawab kesemua soalan bersekali pada pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan-soalan ini ialah berkaitan dengan status terkini rundingan dan isu-isu tertunggak. Kedua berkaitan dengan hak harta intelek. Ketiga berkaitan dengan kaitan *Asian Infrastructure Investment Bank* (AIIB) dengan TPP. Sebagai mukadimah saya ingin maklumkan bahawa saya dan rakan-rakan saya dalam kerajaan sentiasa berkongsi maklumat terkini berkaitan TPP dengan pelbagai pihak.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita telah tubuhkan kaukus Parlimen yang mengandungi lima orang Ahli Barisan Nasional dan lima orang ahli daripada pembangkang. Saya berada di Dewan ini pada 1 April untuk menjawab soalan TPP daripada Yang Berhormat Kuala Nerus dan kali terakhir saya bertemu kokus TPP yang terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional dan pembangkang pada 20 Mei yang lalu iaitu kira-kira dua minggu yang lalu, barulah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan, Malaysia mempunyai pandangan yang terbuka terhadap perjanjian perdagangan bebas atau FTA. Setakat ini kita telah tandatangan 13 FTA dan yang terkini adalah perjanjian antara Malaysia dan Turki yang saya sendiri telah tandatangan pada 17 April 2014, itu terkini.

Parlimen Turki sebelum pilihan raya baru-baru ini telah meluluskan FTA ini dan Kerajaan Turki telah mengesahkannya, telah meratifikasikannya pada 1 Jun 2015 dan malam tadi saya telah dimaklumkan oleh Duta Turki ke Malaysia bahawa Kerajaan Turki bersedia untuk melaksanakannya bila-bila masa FTA antara Malaysia dengan Turki. Ini yang ketiga belas Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hidup ini tidak ada benda yang 100% sempurna, *nothing is 100% perfect*, dengan izin. Ini kerana semua keputusan yang kita ambil ada buruk dan baiknya. Internet ada buruk baiknya, ada pornografi tetapi ini bukan bermakna kita tidak mahu pakai internet, mahu bakar komputer. TV ada buruk baiknya, ada isu-isu berkaitan moral yang boleh menjejaskan anak muda kita tetapi TV juga memberikan maklumat yang banyak. Ada buruk TV

atau internet bukan bermakna kita hendak buang TV dalam sungai. Itu maknanya dalam hidup ini, ada buruk baiknya.

Jadi yang penting adalah *of course* adalah manfaat. Kalau manfaat lebih daripada keburukan, kita harus mengambil sikap yang terbuka. Itulah pendirian kerajaan dalam semua hal dan kita timbang buruk dan baiknya sebelum sesuatu keputusan dibuat. Dalam kes TPP ini, saya telah maklumkan kepada Parlimen kita sedang menjalankan kajian *cost benefit analysis*, dengan izin satu oleh ISIS dan satu lagi oleh Price Waterhouse. ISIS melihat kepada kepentingan negara, Pricewaterhouse melihat kepada kepentingan Bumiputera kepada PKS kepada negara keseluruhannya. Kedua-dua mereka ini akan menyiapkan kajian pada hujung bulan Julai. Lagi enam minggu lagi *insya-Allah* akan siap dan pagi tadi saya mengadakan pertemuan dengan mereka untuk mendapatkan laporan kemajuan kajian berkaitan dengan TPP pagi tadi baru sekejap.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini saya dan rakan-rakan telah mengadakan lebih 100 sesi konsultasi dengan pelbagai pihak, kokus yang mengandungi Ahli Parlimen Barisan Nasional dan pembangkang ditubuhkan Ogos 2013 dan ketuanya ialah Yang Berhormat Jasin, ahli-ahli daripada pembangkang pun ada juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah mengadakan pertemuan dengan NGO, kita telah tubuhkan *cleared advisors* dan kesemua perbincangan ini telah memandu saya dan kerajaan dalam menentukan pendirian Malaysia mengenai TPP dan kita amat menghargai kesemua pandangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, TPP ini kontroversial bukan sahaja di Malaysia, di Amerika Syarikat pun juga kontroversial. Sehingga kini Amerika Syarikat belum lagi diperoleh dipanggil TPPA ataupun Trade Promotion Authority, belum lagi ke *Lower House*, ke *House of Representative*. Jadi bukan sahaja di Malaysia, di tempat lain, negara lain pun banyak kontroversi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memaklumkan rundingan masih lagi berjalan dan belum dimuktamadkan, tidak ada isu hendak tandatangan esok lusa. Belum dimuktamadkan. Kali terakhir peringkat pegawai, ketua perunding diadakan pertemuan ialah di Guam Amerika Syarikat 14 Mei hingga 28 Mei yang lalu. Baru sekejap, baru dua minggu habis di peringkat pegawai dan seperti yang telah saya maklumkan Ahli-ahli Parlimen TPP ini ada 29 bab ataupun *chapters* dan setakat ini 11 bab sudah hampir muktamad. Lain-lain masih lagi dalam perundingan dan yang telah dimuktamadkan ini ialah perkara-perkara yang tidak kontroversial termasuklah mengenai pembangunan, mengenai bantuan kepada PKS, mengenai kerjasama dan *capacity building*, dengan izin, pembinaan kapasiti. Itu antara perkara yang sudah pun selesai tetapi yang lain-lain belum lagi dimuktamadkan.

Bagi Malaysia, isu-isu utama seperti saya maklumkan sebelum ini termasuklah berkaitan dengan perolehan kerajaan, *government procurement*, dasar bumiputera, syarikat milik kerajaan, hak harta intelek, buruh, Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur Negara (ISDS) dan kedudukan kita mengenai hal-hal ini adalah berdasarkan asas negara, Perlembagaan Negara dan

juga termasuklah perkara-perkara yang melibatkan dasar memperkasakan kedudukan bumiputera dalam negara kita.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita terus berunding kerana kita rasa mungkin kita dapat manfaat khususnya akses pasaran umpamanya di mana kita belum ada FTA dengan Mexico, dengan Kanada, Amerika Syarikat dan Peru. Walaupun kita tahu ada faedah, kita cukup sedar bahawa ada juga kosnya. Itu sebabnya perlu kita lakukan satu *cost benefit analysis* yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, TPP juga berkaitan dengan mewujudkan rejim pelaburan yang lebih tentu, lebih dengan izin *predictable*, bukan sahaja bagi pelabur asing di Malaysia tetapi kita harus sedar bahawa kita juga ada pelabur-pelabur Malaysia di negara TPP iaitu di Jepun, Australia, Kanada. Jadi kita bukan bercakap hanya tentang kemasukan pelabur asing negara kita, Malaysia juga melabur di luar negara. Jadi kalau kita melindungi kepentingan pelabur asing di negara kita, kita harus ingat juga tentang perlunya kita lindungi kepentingan Malaysia di Jepun, Australia, di Kanada sebagai contoh dan Amerika Syarikat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kerajaan, kita tidak harus tergopoh-gapah. Ini kerana kalau kita antara sebab ataupun kalau kita tidak menyertai TPP antara perkara yang mungkin terjejas antaranya ialah pelaburan yang mungkin Malaysia kurang menarik, akses pada pasaran mungkin akan berkurangan. Malaysia mungkin kurang sedikit daya saing berbanding Vietnam umpamanya. Pelabur-pelabur mungkin lebih tertumpu kepada Vietnam, ini semua kemungkinan dan semuanya akan dikaji dengan mendalam ataupun hasilnya akan diketahui apabila *cost benefit analysis* dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan daripada Yang Berhormat Kamar, pengecualian daripada bab harta intelek. Saya ingin maklumkan bahawa perkara ini masih lagi dalam perundingan belum dimuktamadkan. Secara umumnya obligasi harta intelek yang sedang dirunding perlu dipatuhi oleh kesemua negara TPP. Walaupun begitu tiada pengecualian diberikan namun fleksibiliti diberikan kepada negara-negara TPP. Akan tetapi seperti saya maklum tadi perkara ini masih lagi dalam perundingan dan saya tidak boleh hendak memaklumkan perkara ini secara muktamad kerana belum selesai lagi.

Yang Berhormat Kelapa Batas bertanya apakah kesan AIIB. Ini merupakan inisiatif negara China bank infrastruktur inisiatif negara China dan kita rasa ini boleh membantu untuk melengkapkan lagi TPP dan juga pembangunan di rantau ini. Baru dua minggu lepas Jepun pula telah mengumumkan dana USD110 untuk dimasukkan dalam ADB supaya pembiayaan bagi kerja-kerja infrastruktur di Asia dapat ditambah dan teguh lima tahun akan datang. Kesemuanya sama ada inisiatif oleh China ataupun Jepun kita rasa akan membantu negara Asia untuk membangunkan infrastruktur dan ini akan melengkapkan lagi usaha-usaha lain untuk meningkatkan kemajuan pembangunan di rantau kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa langkah-langkah masa hadapan ataupun dengan izin, *the way forward* adalah seperti berikut, perkara ini akan terus dirundingkan. Kita *insya-Allah* akan menjaga kepentingan negara berlandaskan Perlembagaan dan dasar-dasar negara dan sekiranya disetujui, sekiranya di peringkat Menteri kita bersetuju maka benda ini akan dibawa ke Parlimen dan sebelum itu seperti saya maklumkan tadi hujung Julai *cost benefit analysis* akan selesai.

Ini akan didedahkan pada umum dan teks perundingan juga, teks perjanjian akan didedahkan kepada umum pada masa yang sesuai. Satu perbahasan akan diadakan di Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen akan menentukan sama ada perkara ini buruk ataupun baik. Apa yang penting saya berpuas hati kerana kerajaan telah menjalankan banyak konfrontasi termasuklah dengan ahli-ahli pembangkang. Kesemua pandangan ini telah membantu saya dan kerajaan dalam menentukan pendirian kerajaan dalam perkara yang penting ini. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang komprehensif tadi. Memang kalau kita lihat rundingan perjanjian TPP memang didominasi oleh Amerika Syarikat walaupun Amerika Syarikat bukanlah pengasas. Ini jelas kalau kita lihat kepada isu berkenaan dengan AIIB yang sepatutnya tidak ada kaitan dengan perjanjian TPP di mana AIIB diasaskan oleh negara China dan terkeluar daripada ahli-ahli dalam TPP.

Apabila Amerika Syarikat masuk meja perundingan, memang Amerika Syarikat akan pertahankan Amerika Syarikat. Saya juga hairan kerana kita teruskan rundingan tersebut kerana mengikut dasar Amerika Syarikat dalam ranking pemerdagangan dan penyeludupan manusia kita dalam tahap tiga di mana Amerika Syarikat dilarang untuk ada perjanjian perdagangan sama sekali dengan Malaysia di mana kita dalam tahap ketiga.

Soalan saya, dalam khususnya kepada isu harta intelek ubat di mana apabila di bawah perjanjian TPP di mana data-data ini menjadi eksklusif dan data-data penyelidikan ubat menjadi eksklusif. Kedua, paten-paten ubat boleh dilanjutkan selama-lamanya. Jadi ini akan mengakibatkan kos ubat meningkat. Ini juga akan menjejaskan industri farmasi tempatan untuk kembangkan ubat farmasi generik. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengelakkan supaya harga ubat import tidak meningkat dan supaya industri farmasi tidak terjejas di bawah perjanjian TPP. Sekian.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Dua perkara yang pertama Amerika Syarikat. Betul Amerika Syarikat merupakan kuasa dunia, negara terbesar di dunia dari segi ekonomi, dari segi pertahanan dan lain-lain tetapi China juga besar yang ketiga ialah Jepun, nombor tiga besar. Jadi Amerika Syarikat memang berkuasa tetapi harus diingati bahawa Jepun juga adalah dalam TPP jadi bukan sahaja Amerika Syarikat, Jepun juga ada kepentingan, selalu kita ingat Amerika Syarikat sahaja. Satu perkara lagi ialah

tidak ada paksaan dengan TPP, tidak mahu boleh jalan, boleh *say good bye* dengan izin, boleh keluar tidak ada masalah, tidak ada paksaan.

Jadi apa pun kita akan buat kajian yang terperinci. Seperti yang saya maklumkan tadi bahawa kita juga ada syarikat-syarikat Malaysia makin aktif di Vietnam, di Australia, di Jepun pun ada, di Kanada pun ada. Jadi jangan kita ingat syarikat Amerika pergi ke Pulau Pinang melabur di Kulim kah, Pulau Pinang sahaja. Kita harus ingat syarikat-syarikat pembinaan di Malaysia begitu aktif di Australia dan syarikat Malaysia di Jepun pun ada, petroleum di Kanada. Jadi ada dua belahlah dalam apa-apa jua pun kita lakukan ada dua pihak, ada *good and bad*, ada buruk dan baik, ada kiri kanan, itu biasalah ya, itu yang pertama. Hendak betulkan persepsi betul Amerika tetapi tidak ada paksaan. Kita boleh cabut bila-bila masa kalau ia tidak bertepatan dengan dasar-dasar kita.

Kedua berkaitan ubat. Ini masih lagi dalam perundingan. Mengikut dalam WTO dalam *trips agreement* berkaitan dengan paten ini. Perlindungan sekarang ini 20 tahun maknanya paten bukanlah selama-lamanya sekarang ini 20 tahun. Makna lepas 20 tahun bolehlah buat generik apa semua. Apa yang dirundingkan hari ini ialah antara perkara ialah jika terdapat *delay* umpamanya lima tahun hendak proses ini semuanya. Maka, beberapa negara hendak supaya ini diambil kira. Kata lambat lima tahun maka dia hendak 20 campur lima jadi 25 tahun.

Jadi dalam negara kita Malaysia kita tidak, kita cekaplah dalam bab ini. Maknanya kita rasa kita tidak akan sampai ke tahap itu dan dalam hal ini kita tidak ada masalah. Maknanya apabila satu *prominent patent* dibuat kita punya badan-badan bertanggungjawab mampu untuk memproses permohonan itu dalam masa yang singkat. Oleh itu kita tidak tertakluk kepada perkara ini. Apa pun harga *drug* ini bukan sahaja bergantung kepada FTA banyak lagilah *currency*. Adalah tidak adil kita kata harga kos ubat ini sebelum TPP pun harga ubat ada yang naik, turun tidak tahulah, ada yang naik. Jadi kalau kita kata semua TPP tidak benar.

Berkaitan dengan perkara seterusnya iaitu isu *force labor*. Kita sedia maklum dalam *tier* tiga makna kita ini dianggap negara yang tidak memenuhi minimum standard dan tidak melaksanakan langkah untuk memperbaiki dasar dan pelaksanaan berkaitan dengan *trafficking*. Yang Berhormat sedia maklum bahawa dalam *order paper* ini selepas kita selesai bahas RMKe-11 kita ada nombor dua *order paper* Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, inilah usaha kerajaan.

Jadi pada pandangan kita sekiranya kita mengambil tindakan tegas untuk mengatasi masalah ini maka kita akan terkeluarlah daripada tiga ini. Tiga ini teruklah kita pun tidak mahu Malaysia masuk dalam golongan yang teruk ini. *Insyah-Allah* sekiranya Dewan ini meluluskan rang undang-undang nombor dua ini lepas kita bahas RMKe-11 kita rasa kedudukan kita mungkin akan bertambah baik. Terima kasih Yang Berhormat Gopeng.

■1030

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mengambil satu inisiatif untuk menyertai perundingan TPPA ini yang telah berlangsung sejak Oktober 2010 dan kita telah menjalankan beberapa peringkat rundingan di peringkat kerajaan, di peringkat pegawai dan juga di peringkat Menteri dengan satu matlamat supaya kita dapat menembusi akses pasaran bebas yang merangkumi seramai 800 juta pengguna dengan GDP sebanyak USD27 trilion.

Saya ingin mengucapkan terima kasih juga di atas kesungguhan pihak Kerajaan Malaysia yang mengambil satu pendirian yang cukup tegas dengan izin, *tough stand* bagi memastikan supaya kedaulatan negara kita, kepentingan semua pihak diambil kira sebelum kita membuat apa-apa juga keputusan untuk menyertai ataupun menandatangani. Dalam masa yang sama, kerajaan juga telah menunjukkan ketelusan, bukan sahaja mengadakan *engagement* dengan semua *stakeholders* bahkan kita mempunyai satu sikap yang cukup terbuka sekali. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya apakah perkara-perkara pokok yang menjadi sekarang *area of concern*, dengan izin oleh member *countries* yang lain negara yang lain, 12 negara yang lain yang masih lagi tertangguh dalam perbincangan ini.

Keduanya, apakah kesan kepada perdagangan dan perindustrian negara sekiranya kita membuat keputusan untuk tidak menyertai rundingan ini ataupun menangguhkan rundingan ini sama ada kita tidak kompetitif bukan sahaja kepada pelabur-pelabur yang akan datang tetapi pelabur-pelabur yang sedia ada dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin yang merupakan pengerusi kepada Kokus Parlimen berkaitan dengan TPP dan beliau sedia maklum bahawa kita telah mengadakan banyak pertubuhan. Kokus ditubuhkan dua tahun, TPP sudah lima tahun usianya. Sudah besar panjang. Jadi yang pertama berkaitan dengan perkara-perkara pokok yang menjadi kebimbangan ini, dalam mana-mana perundingan, kita ada dua pihak, hujung sana hujung sini dan kita cari titik pertemuan.

Bagi kita, bagi Malaysia, Perlembagaan negara kita Malaysia, dasar bumiputera dan hak-hak kaum lain, dasar berkaitan dengan syarikat-syarikat milik kerajaan Petronas, Khazanah ini antara perkara penting bagi kita. Akan tetapi antara perkara yang menjadi tajuk ataupun isu kebimbangan hampir kesemua negara ialah yang pertama ialah ubat-ubat yang disebut oleh Yang Berhormat Gopeng tadi. Kita hendak pastikan bahawa kesan daripada rundingan berkaitan dengan *pattern* ini tidak menjejaskan kos ubat kerana ubat ini melibatkan semua orang, tiada sesiapa yang terkecuali. Ini perkara yang amat sukar dalam rundingan dan kita semua berpendirian bahawa TTP ini tidak harus menyebabkan kesan yang teruk kepada harga ubat.

Satu lagi berkaitan dengan *national sovereignty* ataupun kedaulatan negara. Kita ada kepentingan negara dan negara lain juga ada kepentingan negara. Jadi masing-masing kita

hendak pertahankan kepentingan negara. Jadi, apa pun yang kita lakukan, kita tidak mahu supaya kita dihadkan dari segi membuat dasar. Umpamanya dalam satu perkara yang sedang dibincangkan ialah berkaitan dengan *currency control*, *capital control*. Kita sedia maklum pada 1 September 1998 kita mengenakan *capital control* dan ini keadaan yang serius kita hadapi. Maka kita tidak mahu TPP ini menyebabkan kita hilang kebebasan untuk melaksanakan dasar-dasar tertentu. Jadi, itu perkara kedua. Kita hendak pastikan kedaulatan kita tidak akan terjejas.

Berkaitan dengan kalau kita tidak menyertai, kita tunggulah hasil kajian. Ini semua pada peringkat ini semuanya berbentuk andaian, *assumption* kerana kita *tax* belum muktamad lagi, rundingan belum muktamad. Apabila sudah muktamad, pasukan kerajaan akan menentukan. Kalau tidak masuk ini apa yang kita rugi. Setakat ini kerajaan berpendapat bahawa kita tidak akan mendapat *access* pasaran pada empat buah negara yang mana kita tidak ada FTA iaitu kepada Amerika, Kanada, Peru dan Mexico. Ini antara kesan sekiranya kita tidak menyertai.

Akan tetapi ringkas ceritanya, saya harap kita semua tunggu. Ini satu perkara yang penting dan hakikat bahawa kerajaan bersetuju untuk membawa ke Parlimen adalah hasil desakan-desakan dan permohonan daripada Ahli Parlimen. Kerajaan mendengar hasrat Ahli Parlimen. *Insyah-Allah* kita akan mengambil kira pendirian Ahli Parlimen sebelum kerajaan membuat keputusan muktamad tidak ada mana-mana negara yang boleh memaksa kita. Akhirnya kita akan membuat keputusan berdasarkan kedaulatan negara dan dasar-dasar negara *insyallah*, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, baru-baru ini Amerika telah menetapkan Malaysia di *tier 3* akibat daripada masalah pemerdagangan manusia. Apakah tindakan itu ada kesan kepada TPPA dan apakah faedah atau keuntungan sebenarnya kepada peniaga-peniaga bumiputera jika sekiranya TPPA ini ditandatangani. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit. Bumiputera ini adalah penting, dasar kita. Itu sebabnya kajian ini skopnya empat. Antara skop yang terpenting ialah untuk melihat kepada kesan kepada perniagaan bumiputera. Adakah kontraktor bumiputera akan terjejas, adakah peniaga kecil di Parit, di Jeli dan lain-lain akan terjejas umpamanya, ini akan dikaji. Kita tunggulah sama ada kita ada kemampuan. Ada yang berpendapat bahawa macam mana bumiputera hendak berniaga di Washington. Itu antara perkara yang akan TPP akan bolehkan orang Melayu berniaga di Washington umpamanya. Ini antara perkara yang akan dikaji. Kita tunggulah ya.

Berkaitan dengan *tier 3* tadi saya sudah jawab sedikit sebanyak apabila respons saya kepada soalan daripada Yang Berhormat Gopeng. Jadi *tier 3* ini bermakna yang paling bawah. Jadi, kita tidak memenuhi syarat-syarat minimum berkaitan dengan pemerdagangan manusia ini dan kita tidak menunjukkan apa-apa hasrat untuk membaiki keadaan. Jadi seperti yang saya sudah maklum, selepas RMKe-11 ini, perkara kedua kita akan bahas perkara ini.

Jika diluluskan perkara ini oleh Parlimen, maka kita rasalah kita tidak akan berada dia *tier* 2. Jadi kalau kita terus berada di *tier* 3 memang sukar kerana dalam *Senate* Amerika, seorang Senator Amerika Syarikat sudah menyatakan bahawa negara-negara yang *tier* 3 ini tidak harus terlibat dalam rundingan TPP. Jadi kalau kita terus *tier* 3, memang sukar. Akan tetapi kalau sekiranya kita membaiki keadaan ini, antipemerdagangan orang ini *insya-Allah* kita berharap kedudukan kita akan bertambah baik kepada kedudukan 2 dan *insya-Allah* 1 pun satu hari nanti, terima kasih.

3. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah inisiatif kementerian dalam memberi pendedahan awal kepada generasi muda terutamanya dalam bidang kerja sebagai nelayan dan bentuk inovasi dalam bidang ini supaya tidak bergantung kepada cara tradisional semata-mata.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada saudara Yang Berhormat Simpang Renggam yang telah mengemukakan satu soalan yang amat baik sekali. TPP penting, ikan pun penting juga. Sama-sama penting. Kalau boleh bagi tiga soalan tambahan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebab apa saya kata penting, sebab generasi muda tidak begitu minat dengan kerjaya perikanan sebagai nelayan kerana ada satu persepsi yang tidak betul di kalangan generasi muda terhadap kerjaya sebagai nelayan ataupun industri perikanan, yang mana mereka menganggap itu satu ekonomi yang tidak menjamin masa depan mereka. Itu satu tanggapan yang salah. Dengan sebab itu kita mengadakan pelbagai kursus yang perlu untuk bukan sahaja mengubah persepsi ini kerana industri perikanan, kerjaya sebagai nelayan adalah juga satu *business*.

■1040

Pertanian itu satu perniagaan. Ia melibatkan keusahawanan dan juga memberi pulangan yang tinggi kepada pengusaha-pengusaha atau mereka yang terlibat di dalamnya. Jadi yang penting ialah pendedahan. Kursus-kursus yang kita berikan kepada generasi muda untuk mereka berkemahiran. Tidak lagi mengamalkan cara-cara tradisional semata-mata untuk menjadi nelayan dan pengusaha perikanan yang berjaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita melaksanakan berbagai-bagai program latihan untuk generasi muda yang dikendalikan terutama sekali kursus di Pusat Latihan Teknologi Perikanan Tanjong Manis di mana tujuan penubuhan pusat ini ialah untuk menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam bidang pertanian, perikanan sebagai tenaga mahir bertaraf komersial melalui penggunaan teknologi terkini. So tidak

lagi hanya bergantung kepada cara tradisional tetapi berteknologi yang mempunyai masa depan yang cerah kepada mereka.

Kaedah pelaksanaan kursus pula adalah seperti berikut:

- (i) latihan berasaskan kompetensi kemahiran dan fokus kepada latihan amali serta simulasi; dan
- (ii) menumpukan latihan dari aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran, pemantapan jati diri pelatih dan amalan keselamatan tempat kerja.

Terdapat dua modul iaitu:

- (i) Tahap Satu – Sijil Kru Mahir Teknologi Perikanan Tangkapan selama enam bulan; dan
- (ii) Tahap Dua – Sijil Pembantu Nakhoda Teknologi Perikanan selama enam bulan.

Kita juga ada program untuk agropreneur muda. Kursus melibatkan menggalakkan penyertaan belia nelayan dalam bidang pemprosesan hasil perikanan, pemasaran ikan, ternakan dan *agro tourism* melalui program agropreneur muda seperti yang saya sebutkan tadi.

Juga, kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah bekerjasama dengan GIATMARA dengan mewujudkan Pusat Latihan GIATMARA di Tanjung Dawai yang mula beroperasi pada tahun 2004. Program ini menjurus kepada penyelenggaraan enjin marin dan fiber dan komposit. Ramai yang telah menyertai program ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana melaksanakan berbagai-bagai usaha bagi membela nasib generasi muda ini.

Soalan tambahan saya, saya ingin tanya dalam Belanjawan 2015, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta dalam mempergiatkan aktiviti akuakultur seperti ternakan dalam sangkar yang bertujuan mempertingkatkan pendapatan nelayan terutamanya jika tidak dapat keluar ke laut. Apakah perkembangan yang telah dilaksanakan setakat ini dalam memastikan usaha ini dapat dijayakan?

Juga, di kawasan saya juga ada empangan, ada tasik yang besar tetapi malangnya, nelayan darat sampai hari ini cuma tinggal 25 orang sahaja. Saya juga tidak nampak ada sebarang aktiviti yang dilaksanakan. Saya juga lihat golongan ini selalu seperti dipinggirkan oleh kementerian. Jadi saya harap satu usaha juga dapat dilaksanakan bagi membela nasib generasi muda ini. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Tuan Yang di-Pertua, perikanan akuakultur adalah di dalam strategi kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara. Pada

masa ini, pengeluaran ikan daripada akuakultur hanya merupakan lebih kurang 20% sahaja. Kita melihat masa depan, kalau kita hendak meningkatkan pengeluaran, kita tidak boleh bergantung kepada sumber marin sahaja kerana dari segi dalam konteks *food security*, kalau kita bergantung kepada sumber marin, tidak begitu menentu kerana *subject to seasonal* dengan izin, musim sejuk, musim tengkujuh, tidak ada tangkapan.

Jadi dengan sebab itu, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani serta kementerian telah mengambil satu pendekatan baru dengan melaksanakan satu strategi meningkatkan pengeluaran ikan daripada sektor akuakultur. *So that is our policy. That's what we are going to do* dan untuk menuju ke arah itu, kita menyasarkan 50% keluaran ikan daripada akuakultur.

Soal pelaksanaan, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan ini biasalah. Ada lah masalah lambat sana sikit, sini sikit. Cerita banyak nanti pun tidak elok juga. Jadi itu cerita dalaman kita. Hendak cerita kepada semua orang pun tidak berapa bagus tetapi *the commitment is there. The government's commitment towards increasing aquaculture production is there. It's going to be 50% of total production* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Berhubung dengan nelayan darat di tempat Yang Berhormat, di Simpang Renggam, saya tengok rekod ini ada 50 orang nelayan darat. Sudah kurang. Sudah tinggal berapa? Lima orang? *[Disampuk]* Dua orang sahaja. Disebabkan tadilah, kesedaran mungkin. *As I said earlier* dalam jawapan pertama tadi, kesedaran dari segi nelayan ataupun masyarakat terhadap ekonomi perikanan ataupun menangkap ikan ini, Tuan Yang di-Pertua, minat itu kurang.

Dia lebih suka dalam bidang yang lain. Pakai *tie*, duduk kerja pejabat, kerja kilang. Boleh jumpa 'minah' kilang. Nelayan mana ada sesiapa. Semua lelaki sahaja. Tidak *glamour*, bukan? Jadi sebab itu kesedaran dari segi itu kurang. Minat kurang. *So Tuan Yang di-Pertua, we don't get the people to be interested in this sector. So we have to change that mentality. Yang Berhormat can do also. Help us to campaign, explain to the* pengundi-pengundi sana. Boleh dapat undi lebih lagi akan datang. Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kita difahamkan bahawa aktiviti penangkapan ikan laut dalam menghasilkan pulangan yang lebih baik ataupun lumayan. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah setakat hari ini, berapa jumlah golongan muda yang terlibat dalam industri perikanan laut dalam? Kalau tidak ada, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan golongan sasaran ini terlibat dalam aktiviti perikanan laut dalam ini? Terima kasih.

■1050

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang betul penyertaan dalam bidang penangkapan ikan laut dalam ini memang satu masalah di mana tidak begitu ramai yang minat dan tidak berapa ramai yang berani nak pergi ke laut dalam, takut. Itu sebab sekarang ini pun apa yang berlaku kebanyakan krew-krew semua itu adalah daripada orang luar, orang

Thailand, ramai orang Thailand dan daripada Vietnam. *We have to allow them to work as a awak-awak dan juga kapten dan sebagainya.* Bagi pihak kerajaan, *there's no problem*, kita sentiasa bersedia untuk bukan sahaja menggalakkan tetapi juga memudahkan serta memberi insentif kepada sesiapa juga termasuk generasi muda.

Dari segi kursus, kita ajar mereka bidang-bidang yang menggunakan teknologi umpamanya bagaimana menggunakan satelit, data daripada satelit untuk mengesan ikan. Kalau dia nak pergi ke laut nak cari ikan dengan menggunakan data daripada satelit, ia boleh membantu mereka. Selain daripada itu menggunakan alat seperti *echo-sounder* dan menggunakan sonar dan pelbagai alat-alat yang menggunakan teknologi yang tinggi yang boleh memberikan kemahiran kepada mereka menjadi nelayan-nelayan yang mempunyai produktiviti yang tinggi.

Jadi, latihan-latihan meliputi semua aspek, kursus asas pelayaran dan navigasi, kursus penyelenggaraan enjin kapal, kursus berkenaan dengan keselamatan, *safety training, scuba diving*, macam-macam kursus yang disediakan oleh kerajaan, Kementerian Pertanian untuk melahirkan nelayan-nelayan yang kita perlukan untuk pergi ke laut dalam. *The question is, back to earlier statement that I made*, dengan izin, minat, *the attitude, so how do we do this? How do we do this to change the attitude of the people to be more interested?* Ini yang satu masalah saya rasa semua kita kena main peranan untuk memberi motivasi kepada mereka. Bagi pihak kerajaan, *as again I would like to assure you that we are ready, we are always ready to support* kepada golongan ini. Sekian terima kasih.

4. Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan berapakah jumlah kemasukan pelancong asing ke Malaysia dari Januari hingga Mac 2015 berbanding pada tempoh yang sama pada tahun 2014 dan nyatakan negara tersebut dan jumlah pelancong setiap negara.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Mac 2015, Malaysia telah menerima seramai 6.5 juta orang pelancong asing berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2014 iaitu seramai 7.1 juta orang pelancong asing. Ini merupakan penurunan sebanyak 8.6%.

Jumlah ketibaan pelancong asing dari 10 pasaran utama ke Malaysia pada suku tahun pertama 2015 iaitu daripada Singapura, Indonesia, China, Thailand, Brunei, India, Filipina, Jepun, Korea Selatan dan Australia adalah seperti berikut;

Negara	2015 (Suku Pertama)	2014	Peratus (Penurunan)	Peratus (Kenaikan)
Singapura	3,241,651	3,548,301	8.6	
Indonesia	671,211	676,328	0.8	
China	379,265	520,466	2.1	
Thailand	311,054	333,131	6.6	
Brunei	305,899	296,119		3.2

India	177,196	172,899		2.5
Filipina	138,803	144,932	4.2	
Jepun	125,339	149,859	16.4	
Korea Selatan	121,178	109,014		11.2
Australia	121,037	156,662	22.7	

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan. Ini kena cermat dengan Menteri nak tanya soalan tambahan, beliau pun darah pahlawan keturunan hulubalang. Ini bukan Bugis, ini Pattani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soalan seterusnya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Ketawa] Ya, soalan. Dak memang betul, dia memang berani dia keturunan hulubalang Pattani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat soalan. Tak ada soalan duduklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik. Soalan, soalan. Sabar. Baik, Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa berlaku penurunan di sebahagian besar 10 negara utama yang menjadi sasaran negara Malaysia untuk industri pelancongan ini. Akan tetapi sudah tentu pelancong negara tersebut yang keluar dari negara tersebut tidak berkurangan, pelancong daripada negara-negara tersebut yang keluar melancong ke negara-negara lain itu tidak berkurangan. Jadi persoalannya ialah, apakah faktor yang menyebabkan mereka ini tak datang ke Malaysia? Tak datang ke Malaysia.

Umpama contoh negara China, saya melihat bahawa kalau berasaskan kepada angka tadi 2014 - 520,000. Kemudian 2015 - 379,000 menunjukkan bahawa bukan lagi faktor isu MH yang hilang dan sebagainya dan juga isu-isu lain itu, tetapi saya melihat, kalau dilihat purata pelancong China yang keluar daripada negara dia setiap tahun 100 ke 110 juta orang itu ikut angkanya. Tahun ini sahaja mengikut satu laporan majalah antarabangsa dari Thailand, di Thailand sahaja dalam tiga bulan pertama ini telah menerima pelancong China sebanyak dua juta. Kita masih lagi dalam 379,000 orang.

■1100

Jadi, saya melihat bahawa masalah di sana mereka lebih berminat pergi, umpamanya khususnya pelancong China itu kerana di sana mereka tidak menghadapi masalah hal-hal yang berkaitan dengan urusan visa berbanding dengan negara kita umpamanya ialah apabila pelancong China yang nak datang ke Malaysia ini dia kena bayar sampai 200 Yuan dia punya mata wang dengan daripada 200 Yuan itu, 80 Yuan sahaja yang dapat kepada negara Malaysia. Jadi saya lihat bahawa ini antara faktor.

Apakah Kementerian Pelancongan tidak berhasrat untuk merundingkan dengan Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan supaya kemudahan pelancong-pelancong khususnya pelancong China ini 110 juta itu kalau kita dapat 10% satu tahun, saya ingat satu angka

yang cukup besar berbanding dengan hanya RM40 sahaja daripada seorang pelancong China yang imigresen nak dapat. RM40 sahaja tetapi kalau kita boleh dapat 10% daripada 110 juta itu sudah tentulah bahawa mereka lebih ramai yang akan datang ke Malaysia, akan menguntungkan negara Malaysia. Jadi saya minta penjelasan apakah tidak berhasrat untuk memudahkan urusan visa ini. Sila hulubalang petani.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, sememangnya tepat iaitu pada tiap-tiap tahun mengikut unjuran *United Nations World Tourism Organization* akan berlaku pertambahan mereka yang berkunjung, *outbound* ke luar negara sebagai *tourist*. Pada tiap-tiap tahun ia akan bertambah. Bagi negara China sahaja pada tahun lepas, 80 juta tahun lepas dan unjuran yang kita dapat tahu daripada UNWTO, dia akan dinaikkan kepada 110 juta untuk rakyat China, *outbound tourist* yang berkunjung ke luar negara.

Maka sudah tentulah kalau kita lihat bagaimana kita nak menaikkan atau menambahkan pelancong-pelancong datang ke negara kita, kita tidak boleh lihat kepada *long-haul tourist*. *Long-haul tourist* ini dari Amerika kah, dari *Europe*, kita mesti lihat kepada *medium-haul* dan *short-haul*. Jadi kalau *medium-haul* itu yang kita nampak ialah China dengan India. Ini merupakan dua negara yang mesti kita tumpukan untuk mendapat pelancong yang ramai untuk meningkatkan jumlah pelancong datang ke negara kita untuk kita mencapai 29.4 juta pelancong bagi tahun 2015 ini. Jadi, mengapa Yang Berhormat rasa mereka tidak datang ke Malaysia? Betullah Yang Berhormat sebut iaitu masalah pertama ialah masalah visa. Visa rejim ini kita kena rubah sikit kita punya pemikiran yang menganggapkan iaitu bahawa kalau pelancong itu datang dari China maka sudah tentu dia terlibat dengan pelacuran.

Ini merupakan jawapan yang saya dengar yang telah diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri mengapa tidak *diabolish* atau dibatalkan visa untuk membolehkan pelancong China datang masuk ke negara kita tanpa apa-apa bayaran. Alasan dia, kalau pelancong China pelacur, walhal banyak kita tahu dari negara Asian yang mereka datang ke negara kita tanpa visa yang saya faham terlibat dengan aktiviti yang sedemikian. Tak payahlah sebut negara, tapi kita tahu. Jadi ini satu persepsi yang cukup tidak baik.

Pada saya, seorang *tourist* yang datang, kita bercakap tentang *visa tourism* bermakna iaitu kalau rakyat China datang nak belajar, itu *education* punya visa tetapi kalau *visa tourism*, bermakna orang itu memang datang mengikut peraturan tertentu yang mana pelancong itu mesti ada *return ticket* dan dia datang ke negara kita membuat tempahan menerusi ejen dan kita pegang ejen ini iaitu pastikan iaitu kalau dia datang melawat ke Malaysia, pasti dia balik ke China dan sekarang ini pun saya tengok rakyat China tak nak duduk di Malaysia ini. Kerja mereka di sana pun banyak dan mereka merupakan negara yang cukup maju dalam bidang ekonomi.

Jadi betul Yang Berhormat, visa ini masalah. Thailand dan Indonesia merupakan dua buah negara yang menjadi saingan kepada kita. Kedua-dua negara itu telah pun membatalkan ataupun membatalkan keperluan untuk mendapatkan visa bagi melancong ke negara Thailand dan juga

Indonesia. Thailand, seperti mana Yang Berhormat sebut itu betul, dalam masa dua, tiga bulan dia telah mendapat 2 juta pelancong berbanding dengan kita baru 350 ribu. Apa masalah dia? Masalah dia kerana visa. Bukan sahaja visa itu dikenakan yang dibayar kepada kerajaan sebanyak 80 Yuan iaitu RM40 tetapi nak proses itu lebih daripada *visa collection* untuk kerajaan.

Kalau tak silap saya, 120 Yuan. Ya, betul 120 Yuan. 120 Yuan dikutip oleh syarikat, saya tidak tahu syarikat itu pelantikan siapa tetapi mereka memproses visa di China dan juga di India. Jadi 120 Yuan itu RM60 *and then* 80 Yuan untuk visa bayaran *fee* kepada kerajaan yang kita batal dah tetapi nak cerita dulu ini, 120 Yuan dengan 80 Yuan total 200 Yuan makna RM100 mereka terpaksa bayar *on top* di atas dia punya perbelanjaan tiket semua.

Kalau dah Thailand bagi *free*, tak payah bayar, apa pasal nak pergi Malaysia? Kalau satu orang yang datang dah kena bayar RM100, kalau datang *family* lima orang dah RM500. Belum apa-apa lagi dah kena RM500 dah. Jadi kalau saya ataupun Yang Berhormat jadi pelancong, mana nak pergi? Malaysia kah Thailand? Tentu kita pergi Thailand. Malaysia kah Indonesia? Tentu kita pergi Indonesia. Sebab itu saya bersetuju supaya rejim visa untuk pelancong ini mesti dibatalkan kalau betul-betul kita mahu mendapat pelancong-pelancong bukan sahaja dari negara China, dari India pun tak apa.

India pun ramai, ada kenaikan tetapi yang China ini, seluruh negara dalam dunia termasuk Sepanyol, Amsterdam, Perancis, UK, mereka menerima pelancong-pelancong dari China ini dengan memberikan berbagai-bagai kemudahan malah pengumuman dalam *departmental store* pun dibuat dalam bahasa Mandarin dan dikeluarkan *pamphlets* dalam bahasa Mandarin untuk memudahkan mereka untuk membuat VAT semua. Negara lain buat. Itulah kena tanya kepada Menteri Dalam Negeri. Okey?

Jangan menyalahkan saya, bekal visa bukan bawah saya, jadi kalau tak faham jangan tanya macam itu. Saya bercakap sebab visa bukan bawah saya. Kalau visa bawah saya, saya laksana dah kan, tak ada masalah tetapi kita sedang berusaha untuk, saya boleh maklumkan di sini bahawa telah pun dibangkitkan dalam Jemaah Menteri, telah pun dibincang dan Kementerian Dalam Negeri telah pun diarahkan untuk menyediakan kertas Kabinet bagi tujuan untuk membatalkan keperluan visa *tourist* dan *trial period* selama satu tahun. Kita cuba tengok kalau satu tahun dia okey, kita boleh teruskan kerana yang penting ini duit.

Pelancong China ini dia belanja duit, itu yang penting. Bukan sangat kuantiti, *it's a quality*. Kemudian kita ada masalah juga pelancong China tidak datang ialah kerana tidak ada *closure* kepada MH370. Ini masalah bagi masyarakat China. Masih lagi, sebab itu kita tengok ada kekurangan. Kekurangan ke Malaysia kerana apabila MH370 tidak dapat dicari, sampai hari ini pun Kerajaan China tak berani. Di China, tak berani nak mengatakan kita dah berhenti mencari kapal terbang ini kerana bagi orang kata *Chinese* punya *custom*, dia perlu ada *the final rights*. Sekurang-kurangnya kalau tahu di mana kapal terbang itu berada, serpihan apa pun, mereka boleh pergi situ

untuk *farewell ritual* dia, orang kata ritual untuk *farewell* kepada mereka yang telah pergi. Tak jumpa. Selagi tak jumpa, pantang kepada dia.

■1110

Oleh sebab itu negara China sendiri pun walaupun komunis tetapi kerana tradisi, adat dia, dia tidak berani. Dia sendiri pun tidak berani hendak kata "*No, we have stopped looking for this plane*". Itu satu perkara. Oleh sebab itu dia tidak datang dan yang ketiganya masalah kita ialah MAS. Kalau kita tengok negara lain macam Thailand. Thailand, di mana juga ada ibu negara Eropah, kita turun mesti ada Thai Airlines dan dia bekerjasama dengan kerajaan kerana kerajaan promosi pelancongan dan dia angkut tetapi kalau kita promosi pelancongan tidak ada kapal terbang yang *direct* mengangkut mereka, mereka tidak akan datang.

Jadi MAS merupakan satu masalah kepada kita kerana dia tidak seiring dengan usaha kerajaan yang mempromosikan pelancongan. Kita mengharapkan iaitu bahawa dengan adanya yang baru ini, kita harap supaya mereka terbang kerana apa yang berlaku sekarang bukan dia terbang, dia tutup. Selagi ada tempat-tempat destinasi ini dia tutup.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Macam pembangkang sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya bukan pembangkang. Saya hendak mempromosikan...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Oh! Hendak promosi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tahulah Yang Berhormat pening fasal kalah baru-baru ini kan tetapi tidak apa, relaxlah. *[Ketawa]* Tidak apa saya faham, saya faham. Pening lalat sedikitkan, tidak tahu mana hendak pergi. Tidak apa.

Jadi, kita promosi pelancongan tapi kita kena ada penerbangan nasional kita mesti bersama untuk mengangkut pelancongan-pelancongan datang ke negara kita. Jadi, inilah tiga sebab mengapa pelancongan-pelancong tidak datang dan usaha kita untuk memastikan mereka datang ialah dengan sebaik-baiknya kita membatalkan keperluan visa untuk pelancongan-pelancong negara ini.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasar Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya ruang untuk soalan tambahan. Soalan tambahan saya sejauh manakah penganjuran Tahun Melawat Malaysia ini berjaya menarik jumlah pelancong yang ramai kerana Malaysia dan apakah kelainan yang dibawa di dalam penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2015? Apakah langkah strategik bagi memperkenalkan tempat pelancongan dan kebudayaan yang terdapat di Malaysia kepada pelancong asing oleh pihak Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di luar negara terutama di pusat-pusat IKS dan kampung-kampung tradisi? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pada kempen 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia, kita tidak berjaya untuk hendak mendapat sasaran daripada segi jumlah kehadiran pelancong yang datang ke negara kita. Kurangnya ialah kerana kita perlu kepada 28

juta tahun lepas tetapi kita cuma dapat 27.4 juta dan 600,000 yang kurang itu ialah daripada negara China. Jadi fahamlah kita bahawa impak MH370 itu adalah besar bagi pelancong-pelancong daripada negara China dan kita sendiri boleh lihat reaksi mereka dalam televisyen dan macam-macam lagi.

Walau bagaimanapun, kehadiran 27.4 juta pelancong ke negara kita pada 2014 melebihi kehadiran pelancong pada tahun 2013. Maknanya dia melebihi 2013. Walaupun kita tidak dapat sasaran 28 juta tetapi *27.4 million* itu melebihi kehadiran pelancongan pada 2013 dan kita berjaya lagi mengatasi bukan sahaja jumlah kehadiran 2013 tetapi juga *tourism receipts* 2013.

Yang Berhormat, 2015 ini sedang berjalan dan kita sedang berusaha dan betullah kelainannya ialah pada Tahun Melawat Malaysia 2015 ini kelainannya ialah kerana pada tahun 2015 kita mempromosikan *Year of Festival*. Kita mempunyai banyak festival di negara kita. Kalau kita lihat daripada segi hari raya sahaja kita ada Chinese New Year, Deepavali, Vasakhi dan macam-macam lagi. Kemudian ada hari-hari kebesaran seperti Wesak, Thaipusam, Raya Haji. Jadi, ini semua kita sambut bersama dan kita mengambil kesempatan oleh kerana kita ada *diversity* dan banyak festival kita, itulah yang kita jadikan tahun ini sebagai tahun *Year of Festival*. Mengambil kesempatan daripada *variety of celebrations* dengan izin, yang kita ada termasuk macam Keamatan terpaksa dibatalkan baru-baru ini kerana *earthquake* dan juga Hari Gawai, Christmas Day.

Jadi, kita gunakan tahun 2015 sebagai Tahun Melawat Malaysia untuk *year of celebration*. Kita kena kerja kuat sedikit pada tahun 2015 kerana nampaknya daripada kehadiran yang kita lihat sedikit berkurangan. Kita ada enam bulan lagi. Kita kena kerja bersungguh-sungguh untuk pastikan kita dapat mencapai 29.4 juta jumlah pelancongan pada tahun ini. Untuk kita iklankan kepada dunia, kita adakan kalendar. Jadi bagi orang-orang yang datang melawat Malaysia mereka akan tahu bahawa kita ada kalendar Malaysia yang menunjukkan pada tiap-tiap bulan apakah festival yang diraya dan diraikan oleh kita. Jadi, dia akan tahu bila dia hendak datang. Kalau dia hendak tengok kita merdeka, dia akan datang. Macam baru-baru ini, dua minggu lepas kita ada *Magic of the Night*. Mereka tahu, kehadiran ramai. Jadi Yang Berhormat kita ada kalendar untuk orang ini semua tahu.

Cuma tadi Yang Berhormat sebut tentang bagaimana kita hendak menarik ada kurangnya di IKS dan di kampung-kampung tersusun. Saya ingat tidak perlu ada kalendar di IKS kerana kita hendak menarik perhatian pelancong-pelancong luar. Pelancong-pelancong dalam negeri sudah tentu mereka juga akan dimaklumkan tentang kalendar-kalendar kita tetapi kalau Yang Berhormat sebut pelancong-pelancong luar negara saya rasa tidak perlu kita ada kempen di IKS dan di kampung-kampung tersusun kerana ini merupakan *domestic tourist*. Jadi terima kasih Yang Berhormat. Itu sahaja jawapan saya.

5. **Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah rumah di bawah kelolaan PR1MA yang telah dibina di negeri Selangor serta kekangan-kekangan yang dihadapi dalam memastikan rumah tersebut berjaya dibina.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 17,316 unit rumah untuk dibina di sekitar Selangor. Jumlah ini dijangka meningkat dari semasa ke semasa.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,726 unit rumah sedang berada dalam pembinaan. Manakala projek-projek pembangunan PR1MA di negeri Selangor yang lain masih berada dalam fasa perancangan. PR1MA berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam merealisasikan pembangunannya. Antara cabaran yang perlu ditangani termasuklah tanah yang terhad di kawasan bandar dan pinggiran bandar berbanding harga dan permintaan yang semakin meningkat.

Selain itu, PR1MA juga memerlukan kerjasama yang erat dengan pelbagai pihak seperti Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawahnya termasuklah pihak berkuasa tempatan. Kerjasama ini diharap agar dapat mempermudah dan memastikan urusan permohonan kelulusan rancangan pembinaan berjalan dengan lancar. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya ucapkan terima kasih kerana PR1MA telah pun meluluskan sebanyak 17,316 rumah di negeri Selangor tetapi belum dimulakan lagilah. Tadi juga dinyatakan bahawa PR1MA berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran dalam merealisasikan pembangunannya di negeri Selangor.

Soalan saya, bolehkah Yang Berhormat bagi tahu 17,316 ini di mana lokasinya secara umum? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak PR1MA jika kerajaan negeri ataupun agensi-agensi di bawah kerajaan negeri seperti PBT yang tidak mahu ataupun kurang memberikan kerjasama. Maklumlah ini projek Kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri ini kita tahu, di Selangor ini banyak politik. Dia lebih politik daripada jaga kepentingan rakyat.

■1120

Jadi apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh PR1MA untuk mengatasi masalah ini, tambahan pula Selangor hari ini dia ada Projek Rumah SelangorKu. Jadi bolehkah Yang Berhormat bagi tahu di antara perbezaan harga ini, dia ada saingan? Mana agak-agak lebih murah? Rumah SelangorKu ataupun Rumah PR1MA. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, berhubung dengan di Selangor ini, saya sudah sebut tadi 2,726 unit rumah sedang dalam pembinaan. Kita sudah mulakan pembinaan dan rumah-rumah di Selangor yang sedang dibina dalam peringkat perancangan ialah di Kajang, Pandan Jaya, Pandan Indah, Cempaka, Cheras, Cyberjaya, Sepang, Seri Kembangan, Beranang, Semenyih. Kemudian Dengkil, Cyberjaya, Dengkil, Sepang, Bandar Bukit Mahkota, Beranang, Bukit Serdang, Taman Puteri, Hulu Langat. Inilah tempat.

Berhubung dengan rumah lain yang dibina termasuk Rumah SelangorKu ya, PR1MA membina rumah iaitu berdasarkan kepada keluasan. Bagi *high rise* ialah 8,000 sehingga 1,200 kaki persegi dan *landed* 900 sehingga 1,600 kaki persegi. Berdasarkan kepada lokasi, jadi sering kali dalam lokasi yang sama ini, rumah ini perbezaannya tidak jauh. Contohnya rumah RM250,000. Jadi sudah pasti rumah-rumah yang berdekatan itu dia tidak boleh, harganya tidak akan meningkat RM250,00 harga ini RM400,000. Tidak mungkin dia berlaku sedemikian rupa. Dia kalau lokasi yang sama, di sebelah menyebelah pula, sudah pasti harganya hampir sama. Kalau hendak lebih pun mungkin 10 ataupun pun kurang 10 dan sebagainya.

Akan tetapi keistimewaan PR1MA, yang ini yang lain sikit. PR1MA bagi 20% diskaun kepada mereka yang dapat rumah PR1MA dan dalam masa yang sama PR1MA menguruskan pinjaman. Kalau sekiranya mereka tidak mendapat pinjaman bank di atas sebab-sebab tertentu, jadi PR1MA akan menguruskan pinjaman. Saya sudah sebut dulu, dekat 110%, malah dia tidak payah bayar apa. Dia dapat rumah PR1MA, dia terus masuk dan kerana dia dapat pinjaman, alhamdulillah. Kalau tidak dapat PR1MA akan uruskan pinjaman. Yang ini bukan tujuan saya hendak *compete* dengan mana-mana pihak tetapi tujuan kita hendak pastikan supaya rakyat kita mendapat sebanyak mungkin rumah. Kehadiran PR1MA bukan saja membina rumah. Kita bukan masuk ke satu kawasan itu, kita bina rumah lepas itu orang beli. Kita masuk ke satu tempat, kita membina komuniti masyarakat.

Biar masyarakat yang kita bina itu ialah masyarakat yang aman damai, harmoni. Ini masa depan Malaysia yang cemerlang. Itu sebab PR1MA bagi perhatian hanya kepada rumah kos sederhana. Kemudian kementerian lain dan agensi lain bagi perhatian kepada rumah yang harga rendah. Jadi itulah perbezaannya. Tujuan yang keduanya ialah hendak pastikan supaya lebih ramai rakyat, mereka yang berpendapatan sederhana dapat rumah di bandar. Dalam keadaan sekarang tidak mungkin orang yang berpendapatan sederhana boleh membeli rumah di bandar dan itu sebab PR1MA masuk untuk hendak pastikan mereka yang berpendapatan sederhana termasuk mereka yang belum berkahwin untuk mempunyai rumah di bandar.

Jadi kehadiran kita lebih kepada *compliment* dengan izin, tetapi dalam keadaan tertentu, kita juga menjadi peneraju utama. Saya tidak mahu sebut secara khusus tentang masalah yang dihadapi dengan mana-mana kerajaan negeri tetapi kita menggunakan pendekatan perniagaan sebab kalau khusus kita sebut nama PR1MA kadang-kadang ada juga mungkin masalah. Baiklah kita mengambil pendekatan perniagaan. Jadi pendekatan perniagaan, saya ingat kita tidak ada masalah dengan mana-mana kerajaan negeri ya.

6. **Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat mana ketetapan DUN telah diperolehi daripada setiap negeri bagi memberi kuasa kepada Menteri melantik Pengerusi dan anggota-anggota Tribunal Pengurusan Strata dan agar bilanya dijangka Akta Pengurusan Strata 2013 dapat dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Tanjong di atas soalan yang telah pun dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Strata 2013 ataupun Akta 757 yang akan saya sebutkan selepas ini adalah telah pun digubal bagi memastikan keseragaman undang-undang dan juga dasar berkenaan kerajaan tempatan berhubung dengan penyelenggaraan dan juga pengurusan bangunan dan harta bersama di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 757 ini juga digubal bagi memenuhi keperluan pembeli, pemilik, pihak pengurusan serta pihak-pihak yang berkepentingan di samping untuk mengatasi segala kelemahan dalam pengurusan pemajuan berstrata. Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Tanjong, sehingga 26 Mei 2015 Yang Berhormat, sebanyak 10 buah negeri di Semenanjung Malaysia dan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan telah pun mendapatkan kelulusan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing dan terkini kerajaan negeri Pulau Pinang baru saja memaklumkan bahawa MMKN Pulau Pinang pada 27 Mei 2015 telah pun bersetuju supaya akta berkenaan dikuatkuasakan di negeri yang berkenaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Yang Berhormat juga telah pun menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi Akta 757 pada 1 Jun 2015 dan melibatkan semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Pulau Pinang melalui Warta PUB231/2015 bertarikh 27 Mei 2015. Bagi negeri Pulau Pinang Yang Berhormat, belum lagi dikuatkuasakan kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru menyatakan persetujuan untuk menguatkuasakan akta ini pada 28 Mei 2015. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, satu pewartaan khusus untuk negeri Pulau Pinang sedang diproses dan tarikh kuasa akta ini bagi negeri Pulau Pinang ditetapkan pada 12 Jun 2015.

Manakala tarikh permulaan kuat kuasa Akta 757 ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Wilayah Persekutuan Putrajaya, Tuan Yang di-Pertua juga telah pun ditetapkan pada 1 Jun 2015. Walau bagaimanapun mengenai resolusi Dewan Undangan Negeri bagi memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk melantik pengerusi, timbalan pengerusi, anggota, setiausaha, pegawai dan juga kakitangan Tribunal Pengurusan Strata, setakat ini hanya negeri Melaka dan Perak saja yang telah pun mendapatkan ketetapan DUN, manakala pemakaian Tribunal Pengurusan Strata di Wilayah Persekutuan adalah terpakai serta-merta pada 1 Julai 2015.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat ini kementerian sedang berurusan dengan negeri-negeri yang lain untuk menyegerakan resolusi Dewan Undangan Negeri masing-masing bagi

mbolehkan pelantikan dan juga penubuhan Tribunal Pengurusan Strata dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan banyak negeri lagi belum meneruskan ketetapan DUN untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri bagi pelantikan tribunal. Jadi agaknya bila ketepatan dapat diperoleh daripada semua negeri dan agaknya bila Tribunal Pengurusan Strata ini dapat beroperasi dengan sepenuhnya di setiap negeri. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat Tanjong ya, bagi negeri-negeri yang lain pihak kementerian sedang berurusan. Kerana apa Yang Berhormat, resolusi ini perlu dibawa dalam sidang Dewan Undangan Negeri masing-masing dan ada negeri telah pun menyatakan persetujuan untuk membawa resolusi ini di dalam sidang Dewan Undangan Negeri mereka yang akan datang pada September dan sebagainya.

Jadi kita akan selesaikan pada tahun ini *insya-Allah*. Selain daripada itu, sekiranya resolusi ini tidak dibawa dalam Dewan Undangan Negeri yang memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri ya untuk penubuhan pelaksanaan Tribunal Pengurusan Strata ini, maka tidak ada pendengaran yang dapat dilakukan di negeri yang berkenaan. Sekiranya terdapat apa-apa aduan *dispute* dan sebagainya, maknanya mana-mana penghuni berstrata boleh memfailkan apa-apa juga kes kepada mahkamah.

Itu antara beberapa perkara yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Tanjong. Terima kasih Yang Berhormat.

■1130

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, setakat itulah sesi soal jawab untuk pagi ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin melihat lebih banyak soalan dapat dijawab dikemukakan dan dijawab dengan lisan. Akan tetapi, apakah itu hanya boleh kita capai sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat memberi kerjasama dan jawapan daripada Menteri juga dibuat secara pendek dan padat. *Otherwise*, kita akan kekal dengan enam, tujuh atau lapan soalan yang dijawab secara lisan setiap hari.

Peraturan mesyuarat 12(1), dijemput Yang Berhormat Menteri.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.30 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan yang di-pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan sehingga selesai ucapan penangguhan. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 11 Jun 2015.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

Menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

Merestui usaha kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam rangka dan merencana Rancangan Malaysia Kesebelas seterusnya;

Meluluskan pelaksanaannya bertunjangkan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada Tahun 2020 menurut Kertas Perintah 23 Tahun 2015;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya.” **[9 Jun 2015]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Kementerian Pendidikan.

11.32 pg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada 48 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan pelbagai aspek berkaitan pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di sepanjang tempoh enam hari perbahasan iaitu daripada 25 Mei hingga 9 Jun 2015. Saya amat menghargai dan mengambil perhatian terhadap semua pandangan, teguran serta cadangan yang telah pun dikemukakan demi untuk memastikan sistem pendidikan negara kita terus relevan dan bertambah baik.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Di kesempatan ini, ingin saya merakamkan ucapan takziah dan juga dukacita kepada semua keluarga mangsa tragedi gempa bumi yang baru-baru ini berlaku di Ranau, Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan akan mengambil segala tindakan yang sewajarnya untuk memberikan keutamaan dalam semua aspek untuk membantu pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengulas isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, secara ringkas saya ingin memperjelaskan kepada Dewan yang mulia ini berhubung pelaksanaan projek-projek pembangunan pendidikan sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh. Secara keseluruhannya, kerajaan telah pun memperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak RM28.339 bilion iaitu RM15.553 bilion untuk sektor pelajaran dan RM12.786 bilion untuk sektor pendidikan tinggi. Daripada jumlah yang diperuntukkan pada sektor pelajaran, sebanyak 3,927 projek telah pun dilaksanakan. Sehingga 30 Mei 2015, 89.1% atau 3,497 projek telah berjaya disiapkan. Sebanyak 430 projek masih dalam peringkat pelaksanaan dan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Manakala bagi sektor pendidikan tinggi pula, 218 projek yakni 48.1% telah berjaya disiapkan, 180 projek masih dalam peringkat akhir pelaksanaan dan 55 projek dijangka akan dapat disempurnakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Dari segi prestasi perbelanjaan pula sehingga 30 Mei 2015, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM22.96 bilion iaitu 80% daripada keseluruhan siling peruntukan yang diluluskan dan dijangka akan dapat dibelanjakan keseluruhannya menjelang akhir tahun ini *insya-Allah*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Belum ada saya dengar ada poin yang perlu dibangkitkan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada poin. Mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak dapat menangkap poin tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terlampau awal Yang Berhormat panjat pokok.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak. Cuma saya hendak dapatkan penjelasan daripada – Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan. Penjelasan sebab disebutkan tadi bahawa hanya beberapa ratus projek yang dapat dilaksanakan dan sebahagian itu akan disambung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Cuma saya hendak tahu, kenapa kegagalan pelaksanaan sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh? Apa faktornya?

Adakah kerana masalah pengurusan kewangan dan sebagainya atau kekurangan kewangan? Itu perlu diperjelaskan sebab bagi saya bahawa bila sesuatu projek itu atau rancangan itu telah pun direncanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, sepatutnya bagi saya harus diselesaikan. Jadi takkan kita hendak tunggu sampai Rancangan Malaysia Kesebelas. Itu pun belum tentu bila akan dapat diselesaikan. Cuma satu Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan sebab apa ramai MP BN tidak hadir. Diarah boikotkah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, boleh Yang Amat Berhormat habiskan pada jam 1.00 petang? Kalau boleh kerana kita cuma ada tiga hari. Hari ini, esok. Esok mungkin tidak disambung jam berapa, 5.30 petang kita balik dan *Monday*. Kita ada *Monday* lagi. Jadi kalau boleh jam 1.00 petang boleh habis?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: *Insyah-Allah* Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada gangguan, 12.30 tengah hari boleh habis.

Tuan Yang di-Pertua: Dia mengganggu Yang Amat Berhormat, tetapi jangan risau, saya ada duduk di sini. *[Ketawa]* Sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Segala-galanya telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, jadi sekarang ini giliran saya untuk menjelaskan. Jadi tadi belum mula pun sudah ada mencelah. Akan tetapi memang soalan Yang Berhormat tadi itu, mungkin Yang Berhormat pun dapat jawab. Ini kerana soalnya bukan kerana kita tidak mahu melaksanakan, tetapi setiap peringkat pelaksanaan itu mesti melalui proses-proses perancangan, selepas itu barulah mula kita hendak melaksanakan.

Kadang-kadang isu yang berbangkit soal tanah ini biasanya menjadi satu halangan sama ada tanah itu tidak sesuai ataupun tanah itu agak belum dapat diselesaikan di sesetengah peringkat. Juga yang menjadi cabaran besar adalah kerana pelaksana projek seperti konsultan, selepas itu kontraktor. Itu satu daripada halangan besar yang kita hadapi yang menyebabkan tempoh jadual siap itu agak lewat daripada apa yang telah ditetapkan.

Akan tetapi, dalam masa-masa yang lepas pun memang ada sebahagian daripada projek itu kita baru laksanakan. Macam contohnya tahun ini, jadi pastinya ia akan larut masuk ke tahun 2016, tahun 2017 kerana setiap projek mengambil masa dua tahun atau tiga tahun. Jadi sebab itu, apa pun yang penting akhirnya akan disiapkan. Kalau ia telah ditetapkan jadual, kita hendak

tentukan kontraktor itu menyiapkan kerja ikut jadual yang ditetapkan. Jadi apa pun, peruntukan tidak menjadi masalah. Mana yang telah diluluskan sudah disediakan peruntukan. Cuma kalau projek baru, itu soal kedualah. *Insyallah* itu akan kita lihat pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat telah pun menggariskan enam strategi tumpuan dalam RMKe-11 iaitu termasuk modal insan yang diletakkan sebagai strategi tumpuan ketiga. Sebagai pemangkin untuk melaksanakan strategi tumpuan ini, enam *game changer* disebutkan telah dikenal pasti di mana *game changer* dengan izin, keempat iaitu menteraskan pendidikan dan latihan teknikal ataupun TVET merupakan aspek penting dalam usaha untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi yang mampu memberi keperluan negara. Langkah ini telah pun dimulakan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2013-2025 atau PPPM(PT) yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

■1140

Agenda mentransformasikan sistem pendidikan negara termasuk mengarusperdanakan pendidikan dan latihan vokasional atau TVET dengan sasaran untuk meningkatkan 2.5 kali ganda keseluruhan enrolmen TVET kepada 650,000 pelajar menjelang tahun 2025 di mana 300,000 daripadanya didaftarkan dalam program di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Tanggungjawab ini bukan sahaja digalas oleh kementerian tetapi memerlukan penggembleran usaha secara komprehensif dan bersepadu oleh semua pihak termasuk pihak swasta.

Sehubungan dengan itu, Pendidikan Asas Vokasional (PAV) telah pun diperkenalkan di peringkat menengah rendah dan seterusnya dikembangkan ke peringkat menengah atas melalui 80 buah kolej vokasional, 91 buah kolej komuniti dan 33 buah politeknik bagi memastikan pembangunan modal insan dalam bidang berkenaan dapat dimulakan seawal mungkin. Laluan kerjaya bidang ini juga diperkukuhkan melalui empat buah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia iaitu MTUN yang sedia ada dan institusi pendidikan swasta yang lain. Ini jelas menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam hendak memastikan modal insan berkemahiran tinggi dan berpengetahuan dapat dihasilkan di setiap peringkat pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Lonjakan 1 PPPM(PT) iaitu graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang, penekanan khusus kepada program keusahawanan bagi semua graduan terutamanya graduan TVET turut diberikan perhatian untuk memastikan bahawa modal insan yang dibangunkan mampu berdikari. Matlamatnya adalah untuk menganjak minda generasi baru ini daripada sebagai pencari pekerjaan ataupun *job seekers* kepada penjana pekerjaan ataupun *job creators*.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerjasama antara kerajaan dan pihak swasta yang dilaksanakan kini bukanlah bererti untuk meletakkan tanggungjawab kepada pihak tertentu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Pelaksanaan model kerjasama baru dengan pihak industri seperti yang digariskan dalam PPPM(PT) adalah pendekatan strategik untuk

membangunkan dan mengembangkan kurikulum berkualiti aliran berkenaan melalui input dan maklum balas industri yang mampu memberikan impak yang signifikan kepada keupayaan dan kebolehpasaran graduan.

Berdasarkan kepada kajian pengesanan graduan TVET semasa konvokesyen bagi tahun 2014, status kebolehpasaran bagi tempoh tiga bulan hingga enam bulan selepas tamat pengajian ialah 73.9% bagi graduan politeknik dan 94.2% graduan kolej komuniti. Ini jelas menunjukkan bahawa jalinan kerjasama di antara sektor awam dan swasta bukan sahaja dapat di selaras secara teratur tetapi pendidikan TVET dapat disediakan dengan lebih komprehensif, dinamik serta memenuhi kehendak semasa. Usaha ini juga dilihat akan dapat memperkukuhkan lagi keakraban hubungan antara akademia, industri dan membuka lebih banyak peluang kerjasama strategik seperti pemindahan teknologi, penyelidikan dan juga pengkomersialan produk yang dihasilkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Sipitang dan juga Yang Berhormat Gerik, kementerian sedang pun berusaha untuk menambah keperluan dan permintaan bagi mengikuti program TVET di seluruh Malaysia. Namun ingin ditegaskan di sini bahawa penubuhan sesebuah institusi pendidikan seperti kolej vokasional ataupun kolej komuniti bukan berdasarkan kepada sesuatu kawasan ataupun mengikut parlimen, tetapi penubuhan sesuatu institusi pendidikan itu perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti keperluan masyarakat dan industri setempat serta syarat-syarat lain yang ditetapkan dan tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan. Penambahan program-program strategik untuk institusi TVET sedia ada juga akan diberikan pertimbangan sewajarnya berdasarkan kepada kemampuan dan keperluan semasa.

KPM juga bercadang untuk menambah lima buah lagi KV baru dalam RMKe-11 untuk menampung permintaan dan ini termasuklah menaik taraf sekolah menengah harian yang bersesuaian dan terpilih sebagai KV seperti yang telah pun dilaksanakan kepada SMK Sultan Abdul Samad, Banting, Selangor. Manakala dalam RMKe-11 nanti, SMK Tanjung Pengelih di Pengerang, Johor telah pun dikenal pasti untuk dinaiktarafkan menjadi KV dan akan menawarkan kursus *oil and gas* seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Pengerang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang usaha meningkatkan kepakaran dan kualiti pendidikan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Pandan, pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan. Ini termasuklah usaha untuk meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang diukur melalui *Program for International Students Assessment*, dengan izin, PISA dan *Trends International Mathematics and Science Study* dengan izin, TIMSS.

Beberapa inisiatif baru juga dilaksanakan seperti program intervensi tertentu kepada guru dan murid, pemetaan semula kurikulum sains, matematik dan bahasa Inggeris bagi memperkukuhkan lagi kurikulum dan pedagogi mata pelajar berkenaan serta program peningkatan kemahiran bagi *Trends International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan PISA untuk guru dan murid.

Di samping itu, sekumpulan jurulatih utama telah pun dilantik untuk membantu guru-guru meningkatkan kemahiran dan keyakinan termasuk menerapkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan melengkapkan guru-guru dengan kaedah PDP abad ke-21.

Kementerian juga sedang mengatur strategi untuk menyusun atau mengagih semula tenaga pengajar mengikut kelayakan dan opsyen serta memantapkan lagi program latihan guru. Ini bertujuan agar kualiti guru dapat terus dipertingkatkan melalui program-program khusus yang lebih berkesan dan teratur.

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, ulasan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Pada tahun 2012, seramai 60,135 orang guru yang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kementerian telah dinilai tahap kompetensi mereka melalui *Cambridge Placement Test* (CPT) dan mulai tahun 2014, ianya digantikan dengan ujian APTIS.

Bagi mereka yang tidak mencapai tahap kompetensi yang sepatutnya, mereka akan terus diberikan bimbingan dan latihan bagi meningkatkan penguasaan dan kemahiran mereka melalui program tertentu seperti program *English Proficiency Teaching* ataupun Pro-ELT sehinggalah tahap penguasaan mereka berada di tahap yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat berdiri. Silakan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri.

Saya menerima baik pandangan kerajaan supaya meningkatkan peranan guru dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Akan tetapi, kita semua tahu bahawa dalam 30 tahun ini, walaupun kerajaan berhasrat sedemikian, tetapi kita mengeluarkan guru-guru yang tidak ada standard mengajar bahasa Inggeris. Ini sebenarnya betul, Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat pun tahu mengenai perkara ini. Apa yang dibuat supaya betul-betul kita boleh mengatasi masalah ini? Nombor satu.

Nombor dua, adakah kerajaan sedar bahawa pemilihan guru-guru ini bukanlah secara meritokrasi, di mana mereka yang fasih, mereka yang ingin belajar bahasa Inggeris supaya dapat mengajar kepada anak-anak di negara ini dan supaya kita boleh setaraf dengan negara lain.

Kita tak boleh lupa dalam 60-an, *we are one of the best* dalam *mastery of the English language* dan di peringkat SPM, *formerly MCE, compulsory*. Adakah kerajaan ingin berbuat sedemikian supaya *it becomes a compulsory subject*? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, memang benar bahawa kita menilai prestasi guru-guru bahasa Inggeris kita sepanjang masa. Lebih-lebih lagi dalam situasi keadaan sekarang ini dan selaras dengan perakuan dalam Pelan

Pembangunan Pendidikan Malaysia, kita mahu melihat supaya tahap *proficiency* dan kecekapan guru Bahasa Inggeris itu ditingkatkan.

Oleh sebab itu saya sebutkan tadi, hampir 60,000 guru bahasa Inggeris yang ada dalam sistem kita telah pun kita uji, dan daripada ujian itu kita dapati bahawa hampir 67% yang lulus dengan Band yang dikatakan yang terbaik, setara dengan apa yang ada di negara-negara di mana bahasa Inggeris itu bahasa utama.

■1150

Akan tetapi masih ada lompong atau *void* yang 30% lebih itu. Jadi apa yang telah pun kita ambil sekarang tindakan ialah waktu mana guru-guru ini dipilih ialah pertama mesti awalnya waktu mereka hendak dipilih sebagai pelatih untuk masuk ke IPGM syarat-syarat kelayakan terutama dari segi penguasaan bahasa Inggeris itu telah pun kita ambil kira. Kemudian dalam kursus yang mereka akan ikuti dalam tempoh lima tahun sebelum mereka lulus dan menjadi guru di sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa Inggeris, kita ambil beberapa peringkat untuk menilai.

Saya telah pun mengarahkan sebagai contoh, sebelum katalah setahun sebelum mereka keluar daripada IPGM, walaupun dianggap baik tetapi tidak memenuhi kriteria yang kita kehendaki sebagai guru bahasa Inggeris yang terbaik, betul-betul *proficient*, maka mesti ada langkah intervensi awal. Maknanya sebelum mereka keluar maka kita *intervene*. Lepas itu kalau sudah keluar, benar-benar mereka ini layak untuk ditempatkan. Itu bagi mereka yang baru.

Akan tetapi persoalannya ialah sebahagian besar yang sudah ada dalam sistem ini yang saya katakan 60,000 itu, yang itu perlu kita tingkatkan dan program *upskilling* ini sudah pun kita mulakan dan sekarang ini sudah 20,000 guru bahasa Inggeris yang sudah pun kita latih semula supaya setara dengan *benchmark* yang telah pun kita tetapkan baik untuk bahasa Inggeris di peringkat nasional ataupun di peringkat antarabangsa. Jadi sebab itu inilah inisiatif yang kita tetapkan supaya peningkatan penguasaan bahasa Inggeris itu dalam tempoh mendatang itu akan lebih jelas.

Soal untuk mewajibkan bahasa Inggeris sudah ada polisi. Memang setiap pelajar mesti ambil bahasa Inggeris. Sekarang ini soalnya ialah sama ada kita hendak tetapkan syarat wajib lulus bahasa Inggeris sebelum kita keluar. Saya sudah membuat pengumuman kita memikirkan mungkin sudah sampai waktu di mana syarat wajib lulus bahasa Inggeris itu sebagai prasyarat untuk mendapatkan sijil penuh. Akan tetapi implikasinya ialah kalau masih sebahagian besar pelajar kita belum sampai ke tahap itu dan kalau mereka tidak lulus, bermakna mereka tidak akan dapat sijil. Ini mungkin ibu bapa akan bangkit dan marah pada saya dan Yang Berhormat semua sekali, kenapa syarat baru ini dikenakan.

Jadi walaupun ada harapan saya begitu, kita kena harus teliti dahulu. Yang penting adalah langkah-langkah awal iaitu naikkan martabat guru, pastikan *efficiency* mereka, kurikulum kita baik dan juga waktu *exposure* ataupun dikatakan *contact hours* bahasa Inggeris itu kalau boleh dapat

kita tambah termasuk sama ada dalam jadual kurikulum ataupun di peringkat luar kurikulum. Jadi, pelbagai inisiatif Yang Berhormat. Kalau saya hendak jelaskan mungkin tidak sempat di sini. Memang telah pun kita mulakan. *Insyallah* saya kira akan ada peningkatan dalam tempoh masa yang akan datang.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa Tuan Yang di-Pertua. Walaupun jawapan itu *very good* jawapan tetapi tidak ikhlas. Akan tetapi mengatakan bila kalau diwajibkan ia akan mengakibatkan ibu bapa marah itu *it lacks understanding*. Apa yang perlu adalah *political will*. Yang Amat Berhormat *can leave a legacy* supaya ada satu perkara di mana ramai di antara Menteri Pendidikan sebelum ini tidak berani buat. Jadi buat *compulsory* dalam mengeluarkan *certificate* tersebut supaya baik kepada semua. *It is a win-win* formula untuk semua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Oleh kerana sokongan itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sebenarnya saya sudah umumkan dasar itu. Saya katakan tahun 2016 kita hendak menentukan syarat wajib lulus itu dilaksanakan. Cumanya ada beberapa langkah intervensi awal yang saya sebut.

Keduanya kalau sekiranya mereka ambil peperiksaan itu, bahasa itu agak gagal, kita akan bagi ruang untuk mereka ulang. Macam setahun ada dua kali yang mereka akan ambil lagi peperiksaan sehingga mereka lulus. Ini ruang-ruang untuk supaya akhirnya mereka akan dapat juga sijil itu. Ini inisiatif yang sedang pun difikirkan oleh pihak kementerian. Bukannya kata kita tidak berani. Saya sudah mengumumkan. Cuma saya sebut ada beberapa implikasi yang saya harus ambil kira. Kalau tidak esok, ada kesan-kesan lain.

Jadi langkah-langkah yang saya sebut itu mungkin boleh membantu. Maknanya kalau mereka gagal, itu tidak merupakan penghujung. Ada ruang untuk mereka mengambil peperiksaan sehinggalah lulus bahasa Inggeris tadi dan selepas itu mereka akan dapat sijil yang diperlukan untuk lulus SPM, sebagai contoh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin minta pandangan pada Menteri, apakah sebenarnya kerajaan, katakanlah kerajaan ingin meluluskan, mensyaratkan bahawa pelajar mesti lulus dalam bahasa Inggeris. Persoalan saya, adakah persediaan dari segi pelajar luar bandar dengan bandar ini. Apakah langkah-langkah yang dibuat bagi memastikan supaya pelajar-pelajar luar bandar ini betul-betul boleh kalau sekiranya kita mensyaratkan lulus itu mereka berupaya untuk lulus. Satu.

Keduanya, Menteri saya hendak tanya, baru-baru ini apabila saya pergi beberapa buah sekolah sempena Hari Guru ini, guru menyatakan bahawa sebagai contoh Sekolah Kebangsaan Sungai Lang di Sepang, mengatakan mereka diminta untuk mengadakan satu sekolah dipanggil

sekolah Kelas Abad-21. Saya tidak tahu apa konsep Kelas Abad-21 itu tetapi diadakan satu kelas khas. Akan tetapi mereka mengatakan tidak ada peruntukan pun diberi. Mereka masih lagi kabur, apakah Kelas Abad-21 itu.

Jadi persoalannya, mengapakah kita memperkenalkan sesuatu kata orang itu satu idea-idea baru bila keadaan sekolah sendiri pun kabur. Sebagai contoh kalau di sekolah kawasan Sungai Lang itu ada 470 murid, mereka mengatakan ada seorang sahaja pegawai tadbir (PT). Maknanya guru terpaksa juga membuat kerja-kerja pentadbiran ini. Jadi persoalan saya, polisi apa baik pun kalau prasarananya dari segi *human resource* nya tidak cukup, adakah kerajaan rasa idea-idea yang baik ataupun *possibility* yang baik ini boleh dilaksanakan. Jadi saya minta kalau boleh Menteri Pendidikan dapat jawab. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sebelum Tuan Yang di-Pertua jawab, boleh minta mencelah?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Boleh.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Berhubung sama juga. Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Menyedari kefasihan bahasa Inggeris merupakan satu faktor penting untuk memastikan negara kita masuk di kalangan negara maju. Adakah Kementerian Pendidikan mempunyai wawasan untuk memulihkan semula sekolah-sekolah pengaliran bahasa Inggeris seperti dulu supaya kecemerlangan rakyat Malaysia dapat menguasai sepenuhnya bahasa antarabangsa ini supaya kita dapat bersaing di persada antarabangsa.

Soalan kedua saya kepada Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pendidikan, modal insan merupakan satu faktor penentu utama, sama ada Rancangan Malaysia Kesebelas akan berjaya ataupun gagal. Dengan menarik balik semua modal insan, *human capital* intelek ini, antara satu faktor utama adalah supaya aliran pendidikan yang tidak ada ini diberikan pengiktirafan seperti peperiksaan *United Examination Certificate* (UEC) yang telah pun mendapat pengiktirafan lebih daripada 600 buah universiti di seluruh dunia.

Akan tetapi anehnya, peliknya tidak diiktiraf oleh kerajaan kita sendiri. Orang lain, 'orang putih' iktiraf peperiksaan UEC tetapi kerajaan kita sendiri menganaktirikan UEC. Adakah sebagai Menteri Pendidikan yang berpandangan jauh, adakah Tan Sri mempunyai *political will* supaya peperiksaan UEC ini dapat diberikan pengiktirafan yang sewajarnya untuk kebaikan dan kepentingan negara dalam jangka masa panjang. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal tadi ialah untuk hendak wajibkan bahasa Inggeris. Sama ada pelajar-pelajar kita terutama di luar bandar sudah bersedia. Itu sebab yang saya *respond* kepada Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, kesan apa pun polisi yang kita hendak buat harus kita benar-benar teliti kerana sekarang pun memang ada *gap* lompangan antara bandar dan luar bandar. Kalau dipecahkan mengikut subjek-

subjek di luar bandar sekian-sekian, itu termasuklah bahasa Inggeris agak jauh, lagi mundur daripada di bandar.

Jadi sebab itu memang intervensi-intervensi ini penting kita buat sampai ke taraf di mana mereka sudah sampai orang kata mampu bersaing dengan pelajar-pelajar lain. Taraf mereka mesti sama. Oleh sebab itu langkah yang kita buat secara besarnya ialah untuk fokus balik semula bagaimana *gap* bandar dan luar bandar ini hendak kita rapatkan dan sudah mula pun lihat dalam tahun ini sebagai contoh daripada hasil keputusan peperiksaan dan pencapaian, sudah ada orang kata jurang yang agak besar itu sudah mengecil. Akan tetapi masih ada banyak ruang lagi yang perlu kita buat untuk mengatasi masalah ini.

Jadi dengan sebab itu, dengan dasar untuk bagi tumpuan ke luar bandar kita perlu menempatkan sebagai contoh guru- guru yang baliknya soal pentingnya. Guru-guru yang berkelayakan benar-benar, yang terlatih betul-betul. *The best teachers must be sent to the rural areas* sebagai contoh kerana di luar bandar mereka menghadapi banyak kekangan dan kekurangan.

■1200

Jadi, langkah-langkah sebegini selain daripada latihan semula penempatan guru-guru *native* bahasa Inggeris ke kawasan sekolah-sekolah luar bandar sudah pun kita laksanakan tetapi baru peringkat awal. Saya fikir akan mengambil masa sedikit sebelum kita akan lihat kesan ini menyeluruh di semua kawasan di luar bandar.

Soalan yang kedua tentang Kelas Abad Ke-21, itu bukan menjadi dasar kementerian. Kita galakkan kalau sekolah-sekolah itu fikir dia hendak memperkenalkan satu cara yang melihatkan sistem pendidikan sudah ke depan. Umpamanya menggunakan IT secara lebih meluas, papan interaktif yang boleh membantu mereka meningkatkan penguasaan semua subjek. Akan tetapi bukan menjadi dasar kita kerana kita tidak boleh melaksanakan perkara ini keseluruhannya. Kesan dan impak dari segi kewangan amat besar dan setakat hari ini sedia adapun, peruntukan Yang Berhormat luluskan tidak lagi mencukupi.

Akan tetapi kalau di peringkat sekolah itu dengan inisiatif ibu bapa, komuniti kata "*Sekolah ini, saya hendak bantu dan tingkatkan*" maka dia boleh buat dengan menokok apa yang kurang, menambah apa yang perlu dibuat supaya sekolah itu mencapai tahap setanding dengan sekolah-sekolah antarabangsa. Itu inisiatif memang kita sokong tetapi bukan polisi untuk kita laksanakan secara keseluruhannya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Ya, ini berhubung dengan guru-guru bahasa Inggeris di luar bandar. Saya ini selalu berdepan dengan masalah sebegini sama ada di kawasan saya ataupun di kawasan-kawasan lain, soalan yang sama. sebetulnya

perancangan daripada kementerian ini cukup baik. Memang tidak ada keraguan dia terhadap perancangan untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di luar bandar. Cuma perancangan yang baik itu, pelaksanaannya kurang berkesan. Itu sahaja halangan dia iaitu di Sabah dan di Sarawak ini contohnya, bukan macam di Semenanjung Tuan Yang di-Pertua. Dia punya kampung-kampung itu, *scattered* sekolah dia. Jadi kadang-kadang guru-guru yang dipilih ini daripada Semenanjung. Datang ke Sabah contohnya, ke kawasan saya dan lain-lain, dia kurang arif dan sebab itu dia ada halangan sedikit.

Jadi apa yang mereka minta, latihlah budak-budak di Sabah atau di Sarawak yang boleh berbahasa Inggeris untuk dipertingkatkan penguasaan mereka dan mereka menjadi guru bahasa Inggeris di kawasan masing-masing. Dengan cara begini, saya nampak ia akan memberi impak yang lebih baik daripada kita rekrut daripada mana-mana kawasan dan dihantar ke kawasan pedalaman sebab kekebalan mereka untuk mengajar di luar bandar itu kurang kebal daripada bak kata pepatah Melayu, '*kalah bisa daripada biasa*'. Jadi latih mereka, tempatkan mereka di tempat mereka masing-masing. Dengan ini tidak lagi ada alasan *transportation* dan sebagainya. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Biar saya selesaikan jawapan Yang Berhormat tadi yang belum terjawab. Ini soal hendak menghidupkan semula bahasa Inggeris ini bercanggah dengan Akta Pendidikan Yang Berhormat luluskan dalam Parlimen di mana bahasa penghantar utama bahasa Malaysia.

Ini adalah orang kata, peninggalan daripada sistem lama dahulu, selepas itu ada Akta Pendidikan yang mana kita ubah bahawa bahasa penghantar utama di sekolah-sekolah kebangsaan adalah bahasa Malaysia. Itu dalam akta. Kalau hendak ada cadangan baru kena bawa balik ke Parlimen. Akan tetapi pastinya, kita sudah pergi jauh Tuan Yang di-Pertua, 57 tahun merdeka. Walaupun soal pokok yang dibangkitkan Yang Berhormat tadi adalah supaya ada keupayaan menguasai bahasa Inggeris.

Jadi, saya sebutkan juga waktu mana kita putuskan PPSM tidak diteruskan, bukan pasal saya tak setuju tetapi tak ada kemampuan. Akan tetapi yang utama ialah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. *So, if issue is upskilling and upgrading proficiency of English*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, maka itulah yang harus kita buat sedangkan lain-lain dasar tidak menjadi masalah. Kita sudah melahirkan banyak pakar daripada sistem pendidikan kita yang sedia ada. Kenapa kita alih? Kalau di Jepun dengan bahasa Jepunnya, di China dengan bahasa Cina, di Finland dengan bahasa Finland, di Korea dengan bahasa Korea, di Indonesia dengan bahasa Indonesia. Di Malaysia? Bahasa Inggeris. Di mana maruah Yang Berhormat?

Jadi sebab itu saya tidak emosional dalam soal ini. Apa yang penting, saya setuju tadi kita tumpukan lebih banyak usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Cari guru yang pakar dan mahir, kurikulum kita mesti betul. Jadual waktu masa mesti panjang, kemudian dilatih dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum yang menggunakan bahasa Inggeris dan sebagainya. Yang

ini sudah pun kita mulakan. Saya jangkakan kalau kita beri masa sedikit, mungkin impaknya akan mula dilihat. Akan tetapi bukan boleh satu anjakan besar dalam suatu tempoh yang begitu. Jadi, soal membawa balik sistem lama ke bawah sistem baru dalam sistem yang sudah sedia ada, saya fikir bukan sahaja bercanggah dengan akta tetapi tidak lagilah saya fikir sesuai dalam zaman negara yang sudah merdeka dan ada bahasa kebangsaan yang harus kita yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, Yang Berhormat menyebutkan tentang UEC. Sudah berulang kali di Dewan ini juga dijelaskan. Ya, memang kita bagi sedikit *recognition* kalau mereka mahu mengambil bidang perguruan untuk mengajar bahasa Mandarin. Itu ada ruangnya. Akan tetapi ceritanya panjang Yang Berhormat. Saya sudah panggil Dong Zong, dan banyak 'Jong-Jong' yang lain yang semuanya berminat untuk kita melihat tentang ini supaya diiktiraf.

Soal negara lain mengiktiraf itu soal lain kerana mereka ada dia punya ukuran dan *qualification* agensi yang menentukannya. Akan tetapi dalam soal UEC punya kurikulum ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga sudah panggil dan saya mencadangkan pindaan-pindaan tertentu dibuat supaya *content* dalam UEC itu selari dengan dasar kita, yang ini tidak dipersetujui. Saudara pun tahu, Yang Berhormat pun tahu, dalam itu pun ada masalah mereka bergaduh sesama sendiri. Ini mereka tak mahu ikuti. Jadi, kalau mereka ikuti, selari dengan dasar kita dengan pindaan tertentu, lebih mudah kerajaan menimbang semula. [Tepuk]

Jadi, saya fikir itu pendirian yang kita sudah ambil. Terserah kepada Yang Berhormat. Cakap kepada Dong Zong, tengok betul-betul, bawa balik dan selarikan dengan dasar kita. Kita memang iktiraf banyak sijil-sijil lain di negara lain, kenapa tak boleh dia? Akan tetapi kerana dia tidak mahu patuh dengan apa yang diminta oleh Kementerian Pendidikan maka kami tidak boleh menerima cadangan dan mempersetujui UEC, sijil UEC ini.

Tentang apa yang Yang Berhormat Kinabatangan sebutkan tadi, sebenarnya begitu. Yang Berhormat Kinabatangan, memang kita faham isu di Sabah, di Sarawak dan memang ada tuntutan supaya lebih ramai guru Sabah mengajar anak-anak Sabah, di Sarawak pun begitu. Pada waktu saya berada di sana, itulah telah disuarakan dan inisiatif ini sudah pun kita mulakan. Malahan saya telah maklumkan kepada pihak pegawai kita. Pertama, dari segi pengambilan pelatih-pelatih daripada guru di Sabah dan Sarawak diramaikan. Ada juga masalah sedikit kerana mereka tidak memenuhi beberapa kriteria. Saya kata, longgarkan sedikit supaya bilangan itu agak bertambah.

Kedua, kalau mereka sudah lulus, kita minta Suruhanjaya Pendidikan Malaysia yang menjadi badan yang menentukan mereka ini mengambil kira apa yang disebutkan tadi. Kalau ada orang Sabah, tempatkan ke Sabah tetapi masalahnya tidak akan mencukupi bilangannya. Mahu, tidak mahu, orang Semenanjung yang ada di sini, yang agak ada opsyen untuk tertentu subjeknya juga akan terus dihantar sehinggalah di Sabah itu bilangannya agak memadai, maka bolehlah kita tampung dengan keperluan itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan perdana Menteri. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata tak cukup orang, orang Sabah dan Sarawak yang hendak diupah sebagai guru. Akan tetapi saya dimaklumkan bahawa ramai graduan dari Universiti Tun Abdul Razak yang orang Sarawak itu dalam bidang pendidikan, *Bachelor Degree in Education* tetapi mereka tidak dijemput untuk menjadi guru di Sabah, Sarawak. Apakah sebabnya orang tempatan Sarawak yang ada *degree* dalam pendidikan tidak dijemput jadi guru tetapi pergi ke Semenanjung sini, cari orang Semenanjung untuk dijadikan guru di Sabah dan Sarawak walaupun keadaan ini tak sesuai untuk keadaan di Sarawak dan Sabah.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Soalnya dasar kita Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak ambil ini kita sudah pilih awal-awal. Hantar mereka ke IPGM ataupun ke UPSI, maka inilah pelatih-pelatih yang akan jadi guru. Akan tetapi kalau ada dari UTAR atau lain-lain universiti, waktu mana Suruhanjaya Pelajaran mengumumkan, dia boleh mohon. Itu terserah kepada polisi di peringkat Suruhanjaya sama ada hendak mengambil mereka ataupun tidak. Saya sebutkan tadi bahawa bilangan kalau jumlahnya di Sabah itu yang memohon pun tidak dapat mematuhi kehendak semuanya, maka mahu tidak mahu, kita mengambillah guru-guru yang kita latih dalam institut perguruan kita dan juga UPSI dihantar ke Sabah dan Sarawak.

■1210

Ini yang telah pun kita laksanakan, bagi pihak universiti yang lain mereka boleh mohon itu terserah kepada pihak suruhanjaya untuk mempertimbangkan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Amat Berhormat, itu alasan polisi ini tidak adil, tidak patut dibagikan kerana murid-murid dan graduan-graduan itu mereka masuk ambil *degree in education* dengan *intention* untuk menjadi guru. Ramai daripada mereka ini daripada Universiti Tun Abdul Razak dan apa sebabnya kerana saya dimaklumkan bahawa polisi supaya di mana kerajaan tidak mengambil *private university* itu adalah sebagai guru digubalkan kebelakangan, dua hingga tiga tahun sahaja.

Mereka sudah setengah masuk *degree course* dan selepas itu kerana *a change of policy* mereka tidak boleh dijadikan guru-guru di sekolah. Ini tidak adil, saya mintalah Yang Berhormat sebagai Menteri Pendidikan, kaji baliklah polisi ini supaya ramai daripada graduan ini boleh diambil, dijadikan guru di sekolah-sekolah kerajaan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab, sebenarnya jawapan saya banyak tidak ada kena-mengena dengan ini tadi tetapi fasal soal pendidikan saya jawablah, Tuan Yang di-Pertua. Fasal banyak lagi yang belum saya umumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat sebenarnya dalam sudah menggulung ini yang perlu diberi tumpuan ialah kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang turut berbahas. Akan tetapi saya perhatikan bahawa

ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada turut berbahas yang perlu dijawab oleh Menteri berkenaan tetapi mencelah.

Jadi, saya benarkan itu oleh kerana mungkin ada perkara-perkara baru yang perlu dijawab tetapi pemerhatian saya soal bahasa Inggeris sahaja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat telah menggamit empat, lima Yang Berhormat yang sama. Yang sekarang ini pula Yang Berhormat Bandar Kuching bangkitkan satu perkara yang saya sendiri mengamati bahawa pendidik ini adalah orang yang masukkan dahulu dalam institusi perguruan yang boleh dibawa kemahiran untuk mengajar. Tidak semestinya bahawa dia *Degree Bachelor of Education* terus boleh mengajar kerana itu semata-mata adalah akademik bagi saya.

Sila, Yang Berhormat. Jadi, jangan tekankan perkara-perkara yang soal membangkitkan masa banyak untuk berbahas. Sila Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih tetapi saya ambil perhatian tadi. Sebenarnya tidak ada perubahan polisi, itulah polisinya kerana kita buat perancangan dari segi modal insan, kita tahu setiap tahun berapa bilangan guru yang harus dilatih maka itu yang kita latih. Kita punya institut atau universiti kita, IPGM atau UPSI tetapi lain-lain universiti masih berminat untuk menawarkan kursus pendidikan. Jadi kalau sesiapa pergi di situ ia tidak menjamin untuk bekerja di bawah Kementerian Pendidikan.

Mungkin dia membuka kolejnya sendiri, pergi ke luar negara dan itu terserah kepada mereka. Oleh sebab itu saya kata ini polisi di peringkat SPP memang sudah lama begitu, bukan kita diskriminasi tetapi terserah kepada mereka, kalau mereka fikir sesuai mereka boleh ambil. Ini bukan suruhanjaya, ia sebuah badan bebas yang akan putus dasar itu. Kita ambil perhatian perkara itu. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menjaga kebajikan guru bukan sahaja menyediakan peluang kenaikan pangkat yang lebih baik tetapi mengadakan pelbagai elaun yang bersesuaian dengan sumbangan dan bakti yang telah pun dicurahkan. Oleh itu, cadangan Yang Berhormat Sabak Bernam supaya kadar Elaun Tanggungjawab (ETJ) untuk guru penolong kanan dan ketua bidang dinaikkan, akan diteliti dengan lebih mendalam bersama-sama dengan agensi pusat yang berkaitan sebelum sebarang keputusan dibuat.

Sementara itu, Bayaran Insentif Tawaran Baru (BITB) yang diperkenalkan adalah untuk mengiktiraf dan menghargai kepimpinan sekolah dan guru-guru yang berjaya melonjakkan prestasi sekolah mereka ke tahap yang lebih baik. Justeru, cadangan supaya kepimpinan sekolah yang cemerlang ini dapat dimanfaatkan oleh sekolah yang lain seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam sememangnya telah menjadi rancangan KPM untuk menggalakkan guru besar dan Pengetua yang menerima BITB diberi lebih daripada tiga kali ke sekolah yang lain dengan harapan pengalaman dan kepakaran mereka ini boleh dikongsi bersama untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah dan potensi murid di tempat yang baru.

Untuk Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Parit, syarat baru pemilihan pengetua dan guru besar yang perlu memiliki *National Professional Qualification for Educational Leaders* (NPQEL) dengan izin, bagi memastikan kepentingan sekolah telah dilengkapi dengan kecekapan kepimpinan sebelum menyandang jawatan yang berkenaan. Peluang bagi mengikuti program NPQEL adalah terbuka kepada semua guru yang berminat termasuklah guru penolong kanan yang telah dapat perakuan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri. Modul NPQEL ini juga telah diolah dengan lebih fleksibel dan mudah untuk diikuti oleh peserta yang hanya dilaksanakan dalam tempoh lima bulan melalui kaedah bersemuka, *face-to-face* dan juga *e-Learning*.

Program NPQEL ini modul baru ini membolehkan peserta menjalani kursus tanpa perlu memohon cuti belajar dan tidak perlu melepaskan jawatan hakiki yang sedang disandang mereka. Di peringkat pendidikan tinggi, Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) untuk pensyarah universiti awam, politeknik dan kolej komuniti telah disediakan melalui penajaan pengajian peringkat pascaijazah dalam dan di luar negara. Pensyarah diberikan peluang untuk mengikuti pengajian di beberapa buah universiti terbaik dunia mengikut bidang oleh Times Higher Education (THE) atau QS World University Rankings.

Ini bertujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pendidikan di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti melalui perwujudan tenaga pengajar yang berkualiti sepertimana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Sibuti. Di samping itu Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKPT) juga turut diberikan peranan untuk meningkatkan kualiti pensyarah melalui program kepimpinan institusi pembelajaran dan pengajaran, pendidikan dan inovasi, kemahiran berkaitan kurikulum serta pentaksiran.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian universiti awam dalam QS World University Rankings yang dikatakan merosot oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Pandan adalah tidak berapa tepat. Universiti di negara ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan kedudukan mereka di peringkat global, sebagai contoh Universiti Malaya telah berjaya berada pada kedudukan 151 terbaik pada tahun 2014 berbanding kedudukan 167 pada tahun 2013.

Malah UM juga merupakan universiti terbaik dalam kalangan universiti negara-negara OIC dan berdasarkan QS *Ranking by subject* 2015 pula 23 daripada bidang pengajian yang dipelopori oleh IPT di Malaysia berada dalam lingkungan 200 terbaik dunia berbanding 19 bidang pada tahun 2014.

Kesemua lima universiti pendidikan juga tersenarai di kedudukan 100 terbaik melibatkan sembilan bidang manakala dua bidang berada pada aras 50 terbaik dunia iaitu USM ke-31 dunia untuk program sains alam sekitar dan UM ke-30 dunia untuk program pengajian pembangunan. Saya yakin dengan usaha keras semua pihak akan ada universiti awam dalam bidang tertentu mencapai kedudukan 50 terbaik di dunia menjelang tahun 2020.

Namun begitu, dalam usaha untuk mengejar ranking di mata dunia kementerian masih menekankan kesedaran bahawa kualiti PDP akan terus dipertingkatkan lagi bagi menjamin kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh universiti tempatan berada di tahap yang terbaik dan memenuhi kehendak semasa. Ini kerana mutu pendidikan adalah lebih utama jika dibandingkan kedudukan QS World Ranking yang hanya berlandaskan kepada beberapa kriteria dan mutu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu kemasukan pelajar ke semua institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Kapar. Ingin ditegaskan bahawa kemasukan pelajar ke IPTA adalah berdasarkan prinsip meritokrasi iaitu markah merit calon yg berjaya untuk ditawarkan di tempat pengajian adalah berdasarkan 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.

Berdasarkan prinsip ini calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di IPTA tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, sosioekonomi dan juga tempat tinggal. Calon atau pemohon juga mestilah memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian dan kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh Senate University.

■1220

Penawaran pengajian juga tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh IPTA, kemudahan prasarana, nisbah pelajar dan pensyarah serta kuota yang telah ditetapkan oleh badan-badan profesional untuk kursus-kursus yang kompetitif.

Untuk Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Bayan Baru, kementerian telah pun melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan pelajar di universiti bebas dalam menjalankan aktiviti mereka sama ada di dalam ataupun di luar kampus. Sebagai contoh, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 telah memberi kebebasan kepada semua pelajar untuk mengikut pengajian mereka. Malah di bawah seksyen 15 AUKU (Pindaan) 2012 juga telah membenarkan pelajar universiti terlibat dalam aktiviti politik tetapi apabila mereka berada di luar kampus, nama mereka masih tertakluk kepada semua perundangan yang berkuat kuasa di negara ini.

Warga universiti seharusnya mengekalkan keberkecualian *mutuality* dalam kampus bagi menghormati universiti sebagai sebuah gedung ilmu pengetahuan. Justeru, cadangan Yang Berhormat Rompin agar mahasiswa di IPT tidak dieksploitasi oleh fahaman kepartian amatlah wajar. Mereka sepatutnya lebih mementingkan masa depan akademik, mereka bebas untuk menimba ilmu yang bermanfaat, bersosial melalui persatuan dan bebas mengetengahkan idea secara intelektual tanpa berpegang kepada mana-mana fahaman yang boleh merosakkan masa depan mereka sendiri dan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa, PTPTN telah melaksanakan pelbagai kaedah kutipan balik pinjaman yang mesra pelanggan seperti mempelbagaikan saluran pembayaran balik pinjaman serta pemberian insentif seperti diskaun dan rebet kepada peminjam.

Dalam usaha membuat kutipan balik, PTPTN turut memberikan pertimbangan khas kepada peminjam membuat penangguhan bayaran balik sehingga 24 bulan. Sekiranya peminjam masih menghadapi masalah untuk menyelesaikan pembayaran, mereka boleh mengadakan perundingan bersama-sama PTPTN pada bila-bila masa bagi menstrukturkan semula pembayaran balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, penggubalan kurikulum dan buku teks Sejarah tidak pernah mengabaikan sejarah mana-mana negeri termasuk Sarawak sebaliknya penulisan dan pendidikan sejarah adalah berasaskan kepada kaca mata, aspirasi dan pandangan masyarakat Malaysia secara umum yang telah diiktiraf oleh panel pakar rujuk kurikulum dan buku teks Sejarah yang terdiri daripada tokoh pelbagai latar belakang sama ada ahli akademik, universiti dan juga persatuan Sejarah.

Berkaitan Pendidikan Islam seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Temerloh dan Yang Berhormat Hulu Langat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sejarah tadi.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Untuk makluman, Pendidikan Islam sememangnya sedang pesat berkembang dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum bersepadu dini dan kurikulum bersepadu tahfiz telah diangkat sebagai kurikulum kebangsaan yang masih di peringkat permulaan pelaksanaannya. Oleh itu, untuk menjamin kejayaan pelaksanaan kurikulum berkenaan termasuklah di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), kementerian sedang melaksanakan pelbagai usaha seperti menyediakan guru terlatih yang mencukupi dengan mengambil kira kebajikan guru dini sedia ada, menyediakan latihan yang berterusan untuk guru-guru yang berkaitan, pengawalan mutu dan pengiktirafan untuk sijil dini dan tahfiz serta menyediakan infrastruktur khusus bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi KBD, KBT dan STAM.

Ingin saya jelaskan bahawa Program j-QAF secara umumnya adalah program memperkasa Pendidikan Islam di sekolah rendah. Bagi peringkat sekolah menengah, Pendidikan Islam sudah pun menghadapi transformasi besar-besaran melalui pelaksanaan kurikulum standard sekolah menengah yang akan bermula menjelang tahun 2017.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Oleh itu, program pemerikasaan Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah akan disepadukan dengan pelaksanaan KSSM.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya terpaksa mencelah berkenaan sejarah tadi. Ini kerana saya hendak memberitahu Yang Amat Berhormat Menteri, baru-baru ini dalam perbicaraan di mahkamah, Profesor Khoo Kay Kim ketika di soal balas oleh saya sendiri, beliau menyatakan bahawa buku teks Sejarah sekolah menengah Tingkatan Lima ini, dia kata nama beliau telah dimasukkan sebagai pihak yang dirujuk. Penulis adalah Ramlah Adam, orang

PERKASA ini. Profesor Khoo Kay Kim mengatakan saya dan Tan Sri Ainudin Wahid tidak pernah dirujuk ketika buku itu disiapkan tetapi nama kami diletakkan tanpa rujukan. Jadi saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Adakah satu siasatan akan dibuat. Macam manakah kedua-dua profesor ini, nama mereka dimasukkan. *[Disampuk]*

Eh! Apa ini? *Relax*lah. Kenapa kelam kabut pula? Kenapakah nama mereka ini dimasukkan dalam keadaan mereka tidak pernah dirujuk dan beliau mengatakan beliau tidak bersetuju dengan beberapa fakta dalam buku Sejarah itu. Jadi saya hendak tanya. Adakah siasatan akan dilakukan. Kedua, adakah pihak kerajaan bersetuju dengan pendirian Profesor Khoo Kay Kim yang mengatakan sebenarnya Malaysia tidak pernah dijajah. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa tidak ada pengabaian unsur-unsur Sarawak dalam kurikulum buku teks. Saya ingin tanya, berapa peratus daripada buku Sejarah yang diajar di sekolah menengah ini mengandungi sejarah Sarawak atau Sabah kalau dibandingkan dengan sejarah Semenanjung Malaysia. Memang ada satu pengabaian apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Bilakah Hari Kemerdekaan Sarawak? Tahukah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri? Kita belajar tentang 31 Ogos tetapi adakah kita belajar tentang 22 Julai di mana Sarawak mencapai kemerdekaan sebelum menubuhkan Malaysia dan sejarah-sejarah ini telah dilupakan, telah diabaikan secara langsungnya daripada buku teks-buku teks Sejarah sekolah-sekolah menengah kita.

Oleh itu saya harap Yang Amat Berhormat boleh mengkaji semula *content* dalam buku Sejarah yang diajar. Haruslah lebih seimbang dan bukan dari kaca mata masyarakat Semenanjung Malaysia sini. Sekian.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sikit sahaja saya mahu tambah lagi tentang mata pelajaran Sejarah. Buku...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Belum dipanggil Yang Berhormat. Ada lagi yang berdiri terdahulu. Sila. Yang Amat Berhormat ada setengah jam lagi. Sila, Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri. Saya ada bangkitkan satu persoalan tentang pemerkasaan Pendidikan Islam ataupun pembangunan Pendidikan Islam ini berhubung dengan sekolah agama rakyat. Saya hendak tahu bagaimana sikap sebenar kerajaan terhadap sekolah agama rakyat ini kerana saya lihat mutakhir ini sekolah agama rakyat diletakkan dalam satu dilema.

Kalau mereka tidak menyerahkan kepada kerajaan sekolah agama rakyat ini, mereka mengalami kesukaran untuk *maintain* pengurusan operasi mereka. Gaji guru dan juga keselesaan, keperluan, pembangunan dan seumpamanya. Akan tetapi kalau mereka serah pula kepada pihak

kerajaan, apa yang dibimbangkan ialah berubah silibus daripada penguasaan 70% silibus subjek pengajian agama, pergi kepada campur akademik sampai pergi kepada 40% ataupun lebih.

Jadi menyebabkan mereka hilang jati diri kepada sekolah agama rakyat itu kalau mereka serahkan. Ini dilema yang berlaku sebab dalam negara kita, dalam pendemokrasian ilmu ini, pendidikan ini, rakyat dan masyarakat juga telah ada pilihan sendiri. Kalau mereka hendak belajar akademik penuh, mereka boleh pergi ke sekolah-sekolah yang lain tetapi ada sebahagian rakyat dia memang hendak fokus kepada pendidikan agama lalu mereka pilih sekolah agama rakyat yang mempunyai silibus pengajian 70% bahagian agama. Jadi persoalan sekarang ialah bagaimana sikap kerajaan sebenarnya?

■1230

Kenapa tidak sahaja terus kekal memberi bantuan kepada sekolah agama rakyat dengan kekal *syllabus* mereka tingkatkan per kapita yang telah diberikan sehingga mereka mampu *survive* sekolah agama rakyat tersebut. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama pasal Yang Berhormat bangkitkan tadi, Prof. Khoo Kay Kim dan seorang lagi yang menyatakan mereka ini tidak ada dalam panel. Saya akan siasat, mungkin secara rasmi tidak ada sama ada dia dalam proses menyiapkan kurikulum sejarah itu ada dirujuk. Ini saya kena siasat, saya tidak dapat pastikan perkara itu untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya. Hendak tanya saya sama ada Malaysia dijajah atau tidak, saya secara peribadi kata dijajah. Kalau tidak kita tidak meraikan kemerdekaan. Mudah sahaja, itulah. Akan tetapi ada tafsiran lain itu, tidak apalah. Saya fikir tidak harus jadi debat yang tidak boleh memberikan faedah kepada kita.

Ketiga ialah menyusun unsur Sabah Sarawak. Dalam panel ini pun memang kita telah tetapkan ambil kira, tetapi buku Sejarah ini keterbatasannya Tuan Yang di-Pertua ialah kita tidak boleh hendak masuk semua sekali sebab ada asas-asas pertimbangan yang kita kena tetapkan yang mana boleh kita masukkan sebagai bahan sejarah yang mana tidak dapat kita masukkan. Jadi dengan sebab itu tidak boleh segala apa yang sudah berlaku katalah contoh di Sabah, Sarawak itu dimasukkan dalam itu. Namun elemen itu memang ada diambil kira. Apa pun memang dari semasa ke semasa kita mengkaji semula menilai semula tentang *content* kurikulum kita dan kita sesuaikan dalam keadaan pada masa-masa yang akan datang.

Soal pendidikan Islam ini Yang Berhormat pun tahu langkah Kerajaan Pusat agak ke hadapan berbanding kerajaan negeri. Sebab apabila sudah pendidikan Islam kalau ikut asas dari segi Perlembagaan ini patut berurusan dengan negeri, mungkin mereka juga berdaftar dengan negeri. Namun atas dasar pertimbangan juga oleh Kerajaan Pusat hanya kementerian kita, kita bantu mereka. Yang Berhormat pun tahu dahulu tidak ada kategori sekolah agama bantuan kerajaan. Dibantu secara *ad-hoc* tetapi sudah ada satu skema yang agak menarik.

Akan tetapi pastinya tujuan kita adalah untuk meningkatkan kedudukan sekolah-sekolah agama rakyat yang sebahagian besar termasuk waktu saya masih kecil, arwah ayah saya pun ada

sekolah agama. Namun tidak berupaya dan tidak ada kemampuan dan menunggu bayaran hanya daripada yuran untuk menampung bayaran gaji. Akhirnya mutu pendidikan dan pelajaran agak rendah walaupun sebahagian besarnya akan pergi ke Maahad atau pergi ke Al-Azhar, tetapi tidak ramai begitu.

Jadi masalah itu sudah berlarutan panjang sehingga akhirnya Kerajaan Pusat buat keputusan. Kita bantulah dan itulah yang kita telah buat. Akan tetapi kalau hendak mendapat bantuan ikutlah syarat-syarat yang hendak membantu tadi supaya kurikulumnya disesuaikan dan sudah adapun. Sebagai contoh di Johor sekolah agama kerajaan negeri menyerahkan kepada Kerajaan Pusat untuk kita bantu dan disesuaikan kurikulum itu. Kita tidak ambil alih sekolah itu, hak itu masih hak warisnya ataupun sesiapa yang memulakan. Cuma *content*nya tadi mesti disesuaikan.

Ini kerana kita juga fikir anak-anak kita yang belajar agama ini mesti ada asas-asas ilmu yang *core*, bahasa Inggeris, sains, matematik, ini penting. Kalau setakat dia belajar itu sahaja tetapi tidak ada ilmu seperti yang saya sebut, itu akan menjadi satu halangan dan kekangan. Walaupun dia mungkin bijak dalam soal agama sahaja, tetapi tidak ada asas itu. Kalau mereka hendak mencari pekerjaan, kalau tidak ada kelulusan itu, jadi satu masalah kepada mereka juga.

Sebab itu pandangan Kerajaan Pusat bantu ia dan kita akan terus bantu. Baru ini saya pergi ke Kedah kita serahkan dekat RM2 juta untuk bantu makan untuk anak-anak sekolah agama rakyat, itu kita buat. Apa yang pentingnya kita harus bekerjasama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Saya ada sedikit lagi, betulkah ada jaminan daripada kerajaan untuk tidak berlaku pengambilalihan itu. Maksudnya sekadar hanya membantu dan memberikan keupayaan untuk sekolah tersebut selepas operasi.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Kita tidak ambil alih. Itu harta warisnya atau pengasasnya tidak perlu kita ambil alih, yang penting membantu *content* gurunya dilatih gurunya bayar gajinya ikut kadar yang lebih munasabah, bantu pendidikan dan latihan-latihan yang lain untuk sekolah. Itu memang kita buat. Jadi jangan bimbang, kalau kata hendak serah itu, bukan serah. Serah untuk kita bantu, tetapi sekolah masih milik siapa yang pengasasnya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sibu dahulu, Yang Berhormat Ipoh Barat sudah bercakap, Yang Berhormat Sibu dahulu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah Kementerian Pendidikan merupakan satu badan yang profesional, tetapi mengapa dalam buku Sejarah SJK(C) sudah ditentukan ada sembilan kesilapan dalam buku teks. Mengapa ada kesilapan dalam buku teks Sejarah kita ini walaupun ada ramai Tokoh Sejarah sudah dipanggil untuk *compile* buku sejarah ini, ini soalan pertama saya.

Soalan kedua ialah mengapa dalam buku teks Sejarah Tahun 4 dan Tahun 5 langsung tidak menyentuh tentang Perjanjian Malaysia 1963? Saya rasa perjanjian Malaysia merupakan titik sejarah yang amat penting dalam sejarah Malaysia, tetapi tidak sentuh langsung dalam Tahun 4 dan Tahun 5. Saya ingin memohon penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Berkaitan juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, semasa ucapan penangguhan minggu dahulu telah mendapat satu jawapan daripada kementerian mengatakan bahawa Dr. Ramlah Adam adalah ketua untuk menyemak balik kandungan kurikulum Sejarah Darjah 4 dan Darjah 5. Kita tahu pandangan beliau, *on the right thinking woman*, seorang ahli PERKASA macam mana dia boleh dilantik sebagai ketua untuk *committee* tersebut. Adakah kerajaan sedar satu kesalahan telah dibuat? Adakah kerajaan sedar supaya satu *committee* yang baru dilantik supaya kita boleh seimbangkan sejarah yang benar.

Kalau kita tengok apa yang dikatakan oleh Dr. Ramlah ini sangat teruk Tuan Yang di-Pertua. *I don't want to mention all that*. Saya berharap dan saya tahu Yang Amat Berhormat tahu mengenai kandungan tersebut. Pandangan beliau, *the stands she has taken*. Kalau tengok *website* dia, *every speech she has made, had taken out. Something is wrong with her. Even qualifications are not stated*. Kalau kita tengok pandangan beliau, *writings are totally unacceptable, not in rationality* dalam negara ini. Jadi bolehkah Yang Berhormat setuju untuk menubuhkan satu lagi *committee* untuk menyemak perkara ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya membenarkan satu sahaja penghabisan selepas itu Yang Berhormat *concentrate* kepada soalan-soalan yang ditimbulkan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat. Berkaitan dengan Sarawak juga. Dalam satu temu duga saya adakan pelajar-pelajar sekolah menengah. *It's a concern* kerana apabila saya menanya mereka tentang *reforming of Federation of Malaysia*, kebanyakan mereka tidak tahu. Jadi memang menunjukkan bahawa kita punya kokurikulum tidak ada menggalakkan semangat *reforming of Federation Malaysia* ini. Jadi ramai pelajar sekolah menengah dari Sarawak mereka sudah terlupa bagaimana pembentukan *Federation of Malaysia* iaitu terdiri daripada *three parts*. *Peninsular Malaysia*, Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kalau tadi Yang Berhormat Stampin dengar soalan dari Sibul, saya rasa Yang Berhormat tidak perlu untuk tanya. Sama, soalan yang sama. Memerlukan jawapan yang sama. Sejarah penubuhan Malaysia tidak masuk dalam buku Tingkatan 4 dan 5. Lain kali dengar baik-baik. Masa sudah saya tetapkan jam 1 berhenti, Kementerian Pendidikan. Sila Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya habiskan ini, selepas itu ada masa saya komen apa yang saya sudah catatkan, saya akan jawab sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pengerang bahawa generasi muda masa kini begitu berminat dengan teknologi maklumat yang bolehlah dikatakan sebagai *the new generations of 'digital' native*. Justeru dua pendekatan utama diamalkan oleh kementerian menjadikan Teknologi Maklumat sebagai satu mata pelajaran yang berupaya untuk mendidik, memupuk kompetensi dan minat murid-murid. Manakala kedua, menggalakkan guru-guru untuk mengintegrasikan bahan multimedia ataupun dikatakan *creative content* dalam proses PDP.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Rasah untuk mengoptimumkan penggunaan Netbook1Malaysia di kalangan murid dan guru. *Netbook* berkenaan tidak pun diagihkan pada individu sebaliknya diletakkan di tempat tertentu yang selamat dan terkawal. Ini bertujuan supaya proses penyelenggaraan dan khidmat sokongan teknikal dapat disediakan secara berpusat serta mampu menjimatkan masa dan kos. Jika terdapat keperluan untuk digunakan pada bila-bila masa *netbook* tersebut bolehlah dipinjam oleh guru sebagai *loan unit*. Kaedah ini juga mampu untuk memastikan *netbook* dapat dikawal dengan teratur, diselenggara secara berterusan dan menjamin kecekapan mengikut perkembangan teknologi yang terkini.

■1240

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Shah Alam supaya sekolah satu aliran dilaksanakan, KPM...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Amat Berhormat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Biar saya habis dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum dijemput untuk berhujah, bercakap, jangan bercakap, duduk dahulu.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham, apabila seseorang Yang Berhormat sedang berhujah, jangan ganggu kalau tidak diberi laluan, dan jangan bercakap kalau tidak dipanggil oleh Speaker. Lihat balik Peraturan Mesyuarat 35 dan 36. Sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Supaya sekolah satu sesi dilaksanakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya nampak Yang Berhormat berdiri. Jangan bercakap kalau tidak dipanggil. Berdiri sahaja. Macam orang lain, berdiri sahaja baru dipanggil. Duduk. Yang Berhormat duduk.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tidak berani menjawab soalan yang saya timbulkan mengenai Netbook 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Pegawai-pegawai bentara, sila. Ahli Yang Berhormat yang berdiri sekarang ini hantar pergi luar. Sila. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat Rasah boleh masuk lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Segambut mahu juga keluar?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Bukan. Saya hendak tanya satu soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat mahu juga keluar? Jangan bercakap sebelum dipanggil...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya hendak tanya soalan bila Yang Berhormat Rasah boleh masuk?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Lagi bentara, Yang Berhormat Segambut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Bila saya boleh masuk? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti saya kasi tahu Yang Berhormat. Keluar dahulu. Sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, maaf. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Shah Alam supaya sekolah satu sesi dilaksanakan, KPM sememangnya berhasrat untuk menjadikan semua sekolah beroperasi dalam satu sesi persekolahan. Satu inisiatif khusus sedang pun direncanakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. KPM juga sedang pun menyediakan perancangan strategik jangka panjang pendidikan dalam RMKe-11 dan RMKe-12 yang melibatkan pembinaan sekolah baru, bangunan tambahan dan gantian bagi menukarkan sekolah padat menjadi sekolah satu sesi.

Untuk makluman, sehingga 1 Mei 2015, terdapat 8,767 buah sekolah beroperasi satu sesi. Jumlah ini bertambah berbanding 8,705 pada tahun 2014 dan 8,625 pada tahun 2013. Semua sekolah di negeri Perlis dan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta sekolah berasrama penuh, sekolah menengah agama dan KV telah melaksanakan persekolahan satu sesi.

KPM prihatin dengan sekolah dalam ladang dan di kawasan pedalaman yang enrolmennya semakin berkurangan termasuklah SJK(T) seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Ipoh Barat. Dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid, kementerian akan membantu memudahkan proses penempatan semula sekolah berdasarkan case

by case. Ini kerana pemindahan sesebuah sekolah ini perlu dilaksanakan secara teliti kerana ia melibatkan kos yang tinggi dan yang paling penting adalah persetujuan semua pihak berkepentingan termasuklah ibu bapa murid yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu-isu pembangunan fizikal, pembinaan institusi pendidikan baru seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Malim, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Hulu Rejang, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Lawas, kementerian memang memandang serius isu-isu berkaitan pembangunan infrastruktur sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

Sudah pasti KPM akan meneliti perkara-perkara tersebut termasuklah permohonan spesifik daripada kawasan Parlimen Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara yang dibangkitkan ini telah pun diluluskan untuk dilaksanakan dan selebihnya akan ditangani secara berperingkat-peringkat bersesuaian dengan kepentingan dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, KPM juga telah melaksanakan perwakilan kuasa kepada semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri termasuklah Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan projek pembangunan fizikal, perolehan perkhidmatan serta kerja penyenggaraan sehingga RM5 juta. Namun, ianya masih tertakluk kepada prosedur kewangan yang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup, saya jelaskan sedikit apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat banyak menyentuh soal sejarah. Terima kasih kerana minta yang begitu tinggi dalam aspek sejarah. Ada pandangan-pandangan tadi tentang soal *content* kurikulum yang disebut termasuk soal Hari Malaysia dan sebagainya itu. Itu memang benar. Akan tetapi saya sebutkan tadi, sebahagian daripada buku teks Sejarah itu telah pun kita buat berdasarkan kepada pandangan-pandangan daripada pakar. Termasuk pakar tadi ialah Dr. Ramlah Adam. Ini pakar sejarah.

Saya tidak melihat dari sudut politik tetapi pakar sejarah mengambil kira dari segi pengalaman, kelulusan, kelayakan. Beliau ini adalah antara seorang yang telah duduk dalam panel ini dan bukan dia sahaja yang menentukan kerana saya kira ada lima ke enam orang lain terdiri daripada pakar-pakar termasuk juga yang bukan Melayu berada dalam panel ini.

Apa pun, kalau apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi perlu kita lihat termasuklah soal *content* dalam buku Sejarah yang dikata tidak menepati ataupun silap cetak, itu

saya fikir serius dan perlu kita perbetulkan. Akan tetapi yang penting, segala bentuk apa yang termasuk dalam buku tadi mestilah ada yang disebutkan sebagai asas-asas sejarah negara yang penting yang perlu kita masukkan. Tidak mungkin semua tetapi apa yang wajar telah pun kita ambil kira.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan dalam aspek pendidikan...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terpujang kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Ada masa lagi, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh TPM?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya. Sibu di sini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia sebut Tanjong Karang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Yang Berhormat sebut Tanjong Karang, saya hendak dapatkan jawapan. Dalam ucapan saya, saya ada sentuh mengenai UiTM di Selangor ini. Kita tahu UiTM di Selangor dahulu sebab masalah politik dipindahkan ke Jasin. Sekarang Selangor tidak ada UiTM. Saya cadangkan kalau boleh ditimbangankan UiTM Puncak Alam hari ini sudah siap ini, boleh tidak dijadikan UiTM Cawangan Negeri Selangor? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Akan saya ambil perhatian dan meneliti perkara itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Yang Amat Berhormat sudah duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingatkan balik. Kerja saya, saya buat cara serius. Saya tidak ada ruang untuk main-main. Kalau Ahli Yang Berhormat ada yang main-main sewaktu menjalankan tugas sebagai Ahli Yang Berhormat, terpujang dan saya tidak akan agak-agak untuk rehatkan seperti apa yang saya buat kepada dua Ahli Yang Berhormat tadi. Terpujang kepada Ahli Yang Berhormat. Sila Menteri Pengangkutan.

12.48 tgh.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ke-11 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Bagi menjawab isu-isu, pertanyaan-pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menyentuh isu berkenaan dengan isu lapangan terbang. Yang Berhormat Pengkalan Chepa telah memohon supaya projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra seperti yang telah diumumkan dalam RMKe-11 disegerakan pelaksanaannya.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan kepada Unit Perancangan Ekonomi untuk mendapatkan siling peruntukan di bawah RMKe-11 bagi melaksanakan projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Kerajaan akan memulakan projek menaik taraf lapangan terbang ini sebaik sahaja peruntukan diluluskan oleh EPU.

Seterusnya Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Beruas telah membangkitkan mengenai cadangan sebuah lapangan terbang baru di Utara Malaysia.

■1250

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak EPU sedang dalam proses menjalankan kajian kemungkinan berhubung keperluan sebuah lapangan terbang di Northern Corridor Airport. Sebarang keputusan untuk membina sebuah lapangan terbang baru di Utara Malaysia adalah tertakluk kepada hasil kajian kemungkinan tersebut.

Yang Berhormat Batu Sapi turut membangkitkan mengenai cadangan pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sandakan untuk membolehkan pendaratan kapal terbang yang lebih besar. Pihak Kementerian Pengangkutan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Batu Sapi dan mengambil maklum akan cadangan pemanjangan Lapangan Terbang Sandakan. Namun begitu keperluan sebenar bagi projek tersebut akan diteliti terlebih dahulu bersama dengan agensi-agensinya pusat yang lain.

Yang Berhormat Silam dalam perbahasan telah memohon pertimbangan pihak kerajaan untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di Lahad Datu. Untuk makluman Yang Berhormat Silam, pihak Kementerian Pengangkutan telah memohon peruntukan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi pembinaan lapangan terbang baru di Silabukan, Lahad Datu untuk pertimbangan dan kelulusan pihak EPU.

Yang Berhormat Tanjong Malim dalam perbahasan telah mencadangkan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah yang sedia ada terletak di bandar raya Ipoh dipindahkan ke suatu tempat yang lebih luas di Parlimen Parit untuk membolehkan pesawat-pesawat yang lebih besar mendarat di sana. Berhubung dengan isu ini, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum terhadap cadangan tapak baru di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Walau bagaimanapun, pihak EPU pada masa ini sedang menjalankan kajian pembangunan lapangan terbang antarabangsa baru di Utara Malaysia. Kajian ini dijangka akan dimuktamadkan pada bulan November 2015. Keputusan kajian tersebut akan memberikan

panduan terhadap kebolehlaksanaan projek-projek pembangunan lapangan terbang di Utara Malaysia termasuk cadangan pembinaan lapangan terbang baru di negeri Perak.

Yang Berhormat Kubang Pasu telah memohon pertimbangan kerajaan untuk menaik taraf ruang menunggu penumpang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar yang agak kecil dan sempit. bagi mengatasi masalah ruang menunggu penumpang yang agak kecil dan sempit di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar tersebut, Kementerian Pengangkutan akan meminta pihak Malaysia Airport Berhad (MAHB) mengambil tindakan seperti menyusun balik aliran penumpang, *rearranging passenger flow* bagi mengurangkan kesesakan di ruangan tersebut.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selayang yang telah mencadangkan supaya dibuat pemanjangan landasan Lapangan Terbang Senai, Johor Baharu memandangkan landasan yang sedia ada tidak dapat menampung kapal terbang kargo yang besar yang menyebabkan kapal terbang kargo mendarat di Singapura. Ini adalah tidak tepat untuk menjawab isu ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, landasan sedia ada di Lapangan Terbang Senai adalah sepanjang 3,800 meter dan sebenarnya memadai untuk menampung operasi kapal terbang kargo yang besar seperti Boeing 747. Dengan demikian keperluan pemanjangan landasan bukanlah menjadi isu di Lapangan Terbang Senai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu perkhidmatan kereta api, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Kluang telah membangkitkan mengenai status kerja baik pulih landasan kereta api di Pantai Timur.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bagan berdiri.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanyakan Yang Berhormat Bentong mengapakah tidak ada rancangan untuk memperbesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang akan memenuhi kapasitinya sebanyak 6.5 juta orang penumpang pada tahun ini. Kalau kita lihat dari segi pertambahan penumpang-penumpang adalah di antara Lapangan Terbang Antarabangsa yang paling pesat membangun sebanyak 10% pada tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013. Peningkatan sebanyak 10%.

Sungguhpun pihak kerajaan negeri telah pun menulis surat kepada pihak Kerajaan Pusat, kita masih belum menerima sebarang balasan. Saya difahamkan bahawa pihak Kerajaan Pusat meminta kita memberikan maklumat yang lebih terperinci tetapi pihak kerajaan negeri tidak pernah menerima sebarang surat jawapan berkaitan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sehingga hari ini.

Adakah jawapan yang diberikan tidak tepat dan Yang Berhormat Menteri telah dapat maklumat yang tidak betul daripada pegawai-pegawai anda? Paling penting Yang Berhormat ialah pentingnya kita memperbesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah kerana bukan sahaja dari segi pelancongan, juga dari segi pelaburan. Kalau kita lihat jumlah pelaburan yang meningkat, lebih-lebih lagi buat kali pertama *semicon* iaitu satu pameran *semi conductor*

yang terunggul di dunia. Kalau kita cakap seminar ekonomi adalah World Economic Forum di Davos. *Semicon* adalah di tahap yang sama untuk industri *semi conductor*. So *Semicon South East Asia* diadakan kali pertama di Malaysia di Pulau Pinang yang sebelum ini diadakan setiap tahun di Singapura.

Dengan tarikan sedemikian, adalah perlunya bahawa kita memperbesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang supaya dapat menarik pelaburan, pelancongan dan juga peniaga-peniaga, pedagang-pedagang ke Pulau Pinang yang juga akan menguntungkan negara Malaysia. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Memang saya telah pun menerima surat daripada Yang Berhormat Bagan selaku Ketua Menteri Pulau Pinang dan Kementerian Pengangkutan mengambil berat tentang perkembangan lapangan terbang di Pulau Pinang. Saya telah pun mengarahkan Setiausaha Bahagian Udara untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut daripada kerajaan negeri termasuk pengambilan balik tanah ataupun termasuk pembesaran daripada segi apron dan juga lapangan terbang yang sedia ada.

Seperti mana kita sedia maklum bahawa Lapangan Terbang Pulau Pinang tidak ada masalah dengan landasan ataupun ruang landasannya kerana ia cukup panjang, *runway* cukup panjang tetapi yang masalah kesesakan adalah akibat daripada apron yang sedia ada termasuk kargo untuk pembesaran *airport* tersebut. Oleh itu kita bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri sekiranya pengambilan tanah dapat diselesaikan, kita boleh membuat perancangan untuk menambah baik lagi Lapangan Terbang Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan baik pulih landasan kereta api di Pantai Timur, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat perkhidmatan kereta api Pantai Timur akan mula beroperasi bermula sebelum hari raya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Kita telah pun melaksanakan pembaikan kecemasan dilakukan selepas banjir. Ya Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum beralih kepada kereta api. Siapa dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sedikit sebab dahulu di dalam Dewan ini Yang Berhormat juga menyatakan tentang Lapangan Terbang Kulim yang diminta oleh Kerajaan Negeri Kedah iaitu lapangan terbang antarabangsa dalam kajian mengambil masa tempoh enam bulan. Sekarang saya hendak dapatkan penjelasan tentang apakah kedudukan sebab dalam Rancangan Malaysia Kesebelas pun tidak dimasukkan. Adakah kajian itu sudah selesai dan apakah pendirian kerajaan terhadap

permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kedah. Adakah tidak dimasukkan itu kerana Menteri Besar itu anak Tun Dr. Mahathir atau macam mana?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Sebelum beralih kepada kereta api, saya difahamkan bahawa KKIA di Kota Kinabalu ini kedua itu akan ditutup dan semua pesawat akan beralih kepada KKI Nabawan. Jadi apakah rancangan MAHB terhadap bangunan-bangunan yang sedia ada? Adakah ia hanya untuk VIP ataupun dibuat dan digunakan untuk kegunaan sama? Rakyat tertanya-tanya kerana kalau di situ hanya dilaksanakan untuk *for cargo and then* VIP tidak sesuai untuk turun di KKIA2. So, minta penjelasan sedikit supaya rakyat mahu tahu.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Berhubung dengan KKIA2 ini kita akan selepas pemindahan AirAsia ke KKIA, kita akan gunakannya untuk kargo. Berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Pokok Sena tadi saya telah jawab bahawa EPU sedang membuat kajian kemungkinan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, soalan kedua itu adakah tempat VVIP turun di sana itu sama juga di KKIA2?

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Bukan, tidak ada. VVIP akan turun, semua penumpang akan turun di KKIA yang sedia ada. Saya telah jawab tadi bahawa EPU sedang mengkaji jawapannya akan kita siapkan pada bulan November 2015.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Menteri. Boleh sambung perbahasan sebelah tengah hari nanti. Ini sebagai makluman dan ambil perhatian kepada Menteri-menteri juga yang menjawab. Apabila menjawab itu sekali-sekali angkat muka. Jadi siapa di antara yang Menteri kasi laluan jemput dia sendiri. Jangan Tuan Yang di-Pertua yang memanggil bahawa siapa-siapa yang berdiri kerana itu bukan peraturan mesyuarat.

Selepas itu timbang juga kalau masa untuk menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut berbahas kasi tumpuan kepada itu sahaja. Perkara lain itu adalah *discretionary matter*. Itu peraturan mesyuarat kita. Kalau tidak, kita tidak menepati masa yang kita tetapkan, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan*

Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan. Saya juga ingin ingatkan Ahli-ahli Yang

Berhormat untuk patuh kepada Peraturan Mesyuarat, perkara-perkara yang dibangkit sahaja yang harus dijawab Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung jawapan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Apa lagi nak sahkan lagi, boleh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat kata bulan 11 baru siap kajian yang dibuat oleh EPU dan saya difahamkan bahawa kajian awal telah dibuat oleh kementerian Yang Berhormat dari sudut teknikal dari sudut *aeronautical*. Jadi saya hendak dapatkan apakah hasil kajian dari segi yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat, apakah dari sudut teknikalnya ada keperluan boleh dari segi laluan dan sebagainya untuk mewujudkan *Northern Corridor* punya *airport* khususnya bagi saya belum ada kepastian di Perak ataupun di Kulim kan? Jadi dua negeri yang minta, saya minta penjelasan.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Berhubung dengan kajian *aeronautical* yang dibuat oleh DCA saya juga belum mendapat kajian laporannya dan sekiranya telah selesai saya akan maklumkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkhidmatan kereta api Pantai Timur akan mula beroperasi semula sebelum Hari Raya Aidilfitri. Kerja-kerja pemulihan kecemasan sedang dilaksanakan dengan bantuan kerjasama pasukan Rejimen ke-50, pakar pengendalian kereta api, Rejimen Askar Jurutera Diraja, kerja-kerja menaik taraf keseluruhan landasan kereta api dari Gemas ke Tumpat sedang dalam proses tender dan dijangka akan mula dilaksanakan pada Ogos 2015 dan mengambil masa selama 24 bulan. Perkara-perkara ini tidak dinyatakan dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas memandangkan ia telah diputuskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, *Rolling Plan 4*, 2015. Pihak kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM366 juta bagi kerja-kerja pemulihan infrastruktur kereta api dan stok kereta di sektor Gua Musang ke Tumpat yang terjejas akibat musibah banjir besar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang telah membangkitkan mengenai rancangan untuk membuka semula perkhidmatan kereta api ke Thailand. Kementerian mengambil maklum akan cadangan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, walau bagaimanapun, kajian yang teliti perlu dibuat bagi melihat dari segi pembaikan landasan kereta api yang sedia ada dan juga isu berkaitan keselamatan di sempadan termasuk aktiviti penyeludupan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Gerik yang telah mencadangkan supaya pihak kerajaan perlu mengkaji pembinaan landasan kereta api yang menghubungkan Kelantan dengan Kedah. Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan cadangan bernas ini supaya landasan kereta api menghubungkan Kelantan dengan

Kedah dibina. Walau bagaimanapun, kajian kemungkinan perlu dibuat terlebih dahulu dan kita juga perlukan satu kajian menyeluruh berhubung dengan laluan landasan kereta api di seluruh negara.

Yang Berhormat Batu Sapi telah mencadangkan supaya pihak kerajaan membantu kerajaan negeri Sabah untuk merancang dan melaksanakan pembinaan rangkaian landasan kereta api untuk menghubungkan Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau-Keningau. Berhubung dengan cadangan ini saya mahu maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa permohonan rangkaian kereta api di negeri Sabah adalah di bawah agensi kerajaan negeri Sabah, iaitu Jabatan Kereta Api Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan sedia membantu Jabatan Kereta Api Negeri Sabah sekiranya diperlukan seperti mana sokongan kementerian kepada permohonan negeri Sabah yang melibatkan sembilan cadangan projek dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah membantu JKNS negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi pembangunan landasan kereta api daripada Tanjung Aru ke Beaufort.

Yang Berhormat Sekijang memohon penjelasan mengenai status pelaksanaan projek landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan akan melaksanakan Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor Bahru di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas baru-baru ini. Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut, Kementerian Pengangkutan telah memulakan proses perolehan tender dengan mengeluarkan surat niat kepada kontraktor, dijangkakan proses perolehan akan mengambil masa selama lima bulan sebelum kerja-kerja pembinaan dilaksanakan di kawasan tapak.

Yang Berhormat Kluang telah membangkitkan status terkini pelaksanaan *automated*...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Yang Berhormat Sekijang, silakan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bangkitkan tentang permohonan sebenarnya daripada pihak pejabat daerah sendiri berkaitan dengan jambatan menghubungkan dua buah sungai iaitu Sungai Genua di daerah Segamat, di mana pihak JPS telah pun melaksanakan projek pembesaran jambatan tersebut tetapi oleh sebab kita menghadapi halangan iaitu jambatan kereta api sepatutnya dapat dibesarkan bersama tetapi oleh sebab projek landasan berkembar ini lambat hendak dilaksanakan jadi projek ini tak dapat dilaksanakan.

Saya dimaklumkan oleh pihak JPS, mereka telah memohon peruntukan daripada pihak Kementerian Pengangkutan untuk meminta bajet daripada Kementerian Pengangkutan untuk membesarkan jambatan tersebut tetapi pihak kementerian telah menolak dengan alasan projek landasan berkembar ini belum dapat dilaksanakan. Jadi saya mohon jasa baik dari pihak

kementerian oleh sebab JPS sedang melaksanakan projek ini secara bersama kalau dapat kerjasama yang baik dari pihak kementerian supaya jambatan ini terus dapat dibesarkan, tak payah nak tunggu kerja sampai dua kali, kita tak nak nanti oleh sebab jalan itu adalah jalan utama antara daerah Segamat dan juga jalan utama persekutuan jika sekiranya ia gagal dijalankan secara serentak maka bila JPS siap kerja-kerja tersebut pihak Kementerian Pengangkutan terpaksa menggunakan bajet yang akan diterima semasa landasan berkembar ini dibangunkan kelak baru nak mula kerja-kerja untuk pelebaran jambatan tersebut. Silakan.

■1440

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Memang ini satu cadangan dan peringatan yang tepat pada masanya kerja projek ini telah pun kita luluskan untuk membina landasan berkembar ini dan kita akan selaraskan kerja-kerja dengan Jabatan Parit dan Saliran kerana saya yakin dan memahami bahawa jambatan ini cukup penting untuk mengurangkan masalah banjir kilat di kawasan Segamat dan Sekijang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Ya, Yang Berhormat Kulai silakan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, saya sokong Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik ini tetapi sekarang saya menghadapi satu isu di kawasan Kulai iaitu untuk melaksanakan Projek Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik ini jadi sekeping tanah di Kampung Baru Sedenak diperoleh oleh kerajaan untuk melaksanakan projek ini dan tanah ini sebahagiannya merupakan kubur orang Cina dan penduduk di sana mengatakan kubur itu sudah lebih daripada lebih kurang 80 tahun, bersejarah 80 tahun.

Akan tetapi sekarang apabila kerajaan memperoleh tanah tersebut, pampasan yang diberi kepada penduduk-penduduk mereka hanyalah seorang atau untuk satu kubur sebanyak RM1,200. Saya rasa pampasan itu memang tidak mencukupi untuk penduduk-penduduk di Kampung Baru Sedenak ini untuk meletakkan kubur moyang mereka di satu tempat yang dekat di Kulai dan tak perlu pergi ke Johor Bahru kerana Johor Bahru dan Kulai pun agak jauh lagi.

Jadi hasrat penduduk di sana adalah mereka boleh pindah kubur itu di satu tempat di Kulai tetapi memang pada harga pasaran sekarang, RM1,200 memang tak cukup. Jadi saya di sini hanya nak pohon pertimbangan dan budi bahasa Yang Berhormat Menteri supaya boleh tak kita meningkatkan lagi pampasan untuk penduduk-penduduk yang kena itu. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Ya.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan jawapan Menteri tadi yang katakan perkhidmatan kereta api ke Pantai Timur akan pulih sebelum hari raya. Saya nak tumpang tanya, adakah benar di mana kontrak DMU *train* tersebut telah pun diberikan kepada syarikat yang dimiliki oleh bekas KSU Kementerian Pengangkutan tanpa sebarang tender terbuka secara *direct nego* dan jika benar, mengapa tidak ada open tender? Saya sebagai wakil negeri Perak di sini mengambil peluang kerana susah nak jumpa Menteri.

Saya dah baca Rancangan Malaysia Ke-11, saya dimaklumkan di mana Kerajaan Negeri Perak pernah mencadangkan supaya di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 ada lapangan terbang baru dibina di negeri Perak iaitu sama ada di kawasan Bagan Serai ataupun Seri Iskandar tetapi amat menghampakan sekali. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, kedua-dua cadangan tersebut, saya tak tahulah sama ada Kerajaan Perak betul-betul serius ada cadang ataupun hanya sambil lewa, *lip service* sahaja tetapi faktanya tidak ada lapangan terbang antarabangsa yang akan dibina di negeri Perak lima tahun yang akan datang.

Ini amat mengecewakan rakyat di seluruh negeri Perak khususnya dan bagi Kementerian Pengangkutan, saya sebagai kakanda saya, saya amat bersimpatilah dengan kedudukan menteri di mana saya rasa kini Kementerian Pengangkutan sebenarnya seharusnya merupakan satu kementerian strategik yang cukup penting dalam pelan pembangunan negara kita tetapi saya tak tahu kebelakangan ini apa sudah berlaku.

Menteri sekarang ini seolah-olah dijadikan bentuk hiasan sahaja tanpa sebarang kuasa. Pengangkutan jalan serah kepada SPAD, JPJ tak ada, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Ini lapangan terbang udara juga serah kepada suruhanjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ini isu baru Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Bukan isu baru, saya pernah bangkitkan di Dewan ini dan Menteri kata dah beberapa kali minta dari Jabatan Perdana Menteri tetapi Yang Berhormat Pekan tak senang mahu dengar. Sebab itu saya ingin mencadangkan jika Yang Berhormat Bentong, saya bawa usul di Parlimen supaya kuasa-kuasa ini dikembalikan kepada Kementerian Pengangkutan, boleh sokong kah? Bolehkah Ahli-ahli Parlimen daripada MCA semua sokong usul saya? Boleh tak? Saya rasa ini *we do justice to the Transport Ministry*. Jika tidak, Menteri seolah-olah kini tangan semua diikat, indah khabar daripada rupa, semua cadangannya angkat bakul masuk sendiri, apa guna dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Kementerian ini seolah-olah jadi hiasan sahaja. Saya rasa inilah masanya kita di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, kita memperbetulkan keadaan ini. Boleh tak? Boleh sokong? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, hati-hati Yang Berhormat. Itu bukan sokongan, itu jolok itu.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: [Ketawa] Saya tahulah ini memang dia punya taktik daripada DAP. Dia bukan nak bantu, dia nak mengeruhkan keadaan tapi yang pentingnya saya nak jawablah soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kulai tadi. Terima kasih kerana timbulkan isu ini dan memang saya akan ambil perhatian. Saya difahamkan bahawa sebuah syarikat telah dilantik untuk mengalihkan kubur-kubur tersebut dan sekiranya pampasan lagi tidak mencukupi, boleh kita runding balik. Saya tidak ada fakta bersama saya tetapi saya sudi untuk melihat kembali apa yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai tadi.

Berhubung dengan Yang Berhormat Taiping, memang daripada segi perolehan DMU telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk *direct nego* membeli beberapa buah DMU kerana untuk mengatasi masalah banjir di Pantai Timur secara cepat.

Kita telah pun memperoleh peruntukan kecemasan untuk membaiki landasan-landasan tersebut dan juga termasuk DMU kita juga ditenggelami air sebanyak *six couches*. Sebab itu dia perlu dipulihkan dengan secepat mungkin dan saya juga tidak ada data di sini, saya akan maklumkan kemudian.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Mengapa tiada *open tender* dan berapa kosnya. Saya rasa Dewan ini perlu tahu.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Kita boleh beri maklumat terperinci. Daripada soalan lisan itu pun saya dah beri jawapan secara terperinci kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Taiping tadi bahawa kuasa Kementerian Pengangkutan telah pun diaibkan ataupun dikurangkan. Itu tidak benar kerana daripada segi pelaksanaan Dasar Pengangkutan Negara memang di bawah Kementerian Pengangkutan dan walaupun SPAD di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi kita perlu tahu bahawa daripada segi dasar pengangkutan darat, udara dan juga air adalah di bawah Kementerian Pengangkutan dan *even* yang baru diluluskan, *Aviation Commission* juga di bawah Kementerian Pengangkutan bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jawab berhubung dengan soalan Yang Berhormat Kluang yang membangkitkan status terkini pelaksanaan *automated fare collection system* oleh pihak Kereta api Tanah Melayu Berhad. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang dalam proses akhir kerja-kerja mengenal pasti mesin-mesin *AFC system ticket vending machine, access control gate, ticket air swing machine* dan stesen komputer yang boleh berfungsi yang ditinggalkan oleh kontraktor asal yang gagal menyiapkan kerja. Proses perolehan seterusnya akan dibuat selepas kerja-kerja ini sempurna dilaksanakan dan ianya dijangka dapat disiapkan sebelum akhir tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Ya, sila. Silakan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya nak mendapat penjelasan pasal kemudahan yang diberikan kepada Ahli Parlimen dan juga Adun berkenaan dengan waran ataupun tiket kereta api masih lagi menggunakan dengan secara manual. Kadang-kadang kita mengganggu perjalanan orang lain. Terpaksa membuat satu tiket itu kadang-kadang makan masa sampai 15 minit hingga 20 minit untuk isi borang secara manual. Apa salahnya ada satu sistem yang bukan ramai pun yang untuk menggunakan ini? Saya rasakan itu perlu mendapat kerjasama kerana ini merupakan satu kemudahan kepada kami daripada pihak MP dan juga ADUN. Terima kasih.

Dato' Sri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Kita memang dalam proses menaik taraf semua sistem *fare collections*. Apa yang saya jawab tadi adalah *automated fare collection*. Apabila sistem ini dapat kita perbaiki dan tingkatkan, kita juga akan naik taraf sistem bagi semua Ahli Parlimen termasuk tak payah isi borang dan sebagainya.

■1450

Kita kalau boleh hendak berikan kad yang lebih canggih untuk boleh *automatic gate system* membolehkan Ahli-ahli Parlimen menggunakan perkhidmatan kereta api dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Sandakan telah membangkitkan Dasar Kabotaj serta telah memohon pertimbangan pihak kerajaan untuk menaik taraf Pelabuhan Sepanggar dan sekali gus menjadikannya sebagai *transshipment hub*. Seperti mana yang pernah diperjelaskan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini dan yang terakhirnya kepada ucapan penangguhan oleh Yang Berhormat Tuaran pada 19 Mei 2015 bahawa Dasar Kabotaj tidak menghalang kapal-kapal asing untuk mengunjungi mana-mana pelabuhan di Malaysia untuk mengangkut terus kargo eksport ataupun import.

Seperti yang telah dijelaskan singgahan bilangan kapal antarabangsa yang terhad di Pelabuhan Sepanggar disebabkan oleh faktor kecekapan pelabuhan dan kekurangan *volume* kargo. Dengan demikian, Dasar Kabotaj tidak boleh dipersalahkan sekiranya sesebuah pelabuhan tidak dapat menarik minat syarikat perkapalan untuk singgah di pelabuhan tersebut.

Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa satu kajian bagi membangunkan strategi dan pelan perancangan bagi menjadikan Pelabuhan Sepanggar sebagai *hub transshipment* yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah baru selesai. Kementerian Pengangkutan difahamkan bahawa laporan kajian ini akan dibentangkan kepada pihak Kerajaan Negeri Sabah terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan susulan diambil. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengangkutan boleh membantu meneliti laporan kajian dan bersedia

bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha membangunkan Pelabuhan Sepanggar.

Seterusnya Yang Berhormat Batu Sapi telah mencadangkan supaya Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Negeri Sabah melaksanakan satu projek mendalamkan Pelabuhan Sandakan dengan pengorekan bagi membolehkan kapal yang besar berlabuh di Sandakan.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran bangun.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Ya, silakan.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas jawapan dan penjelasan tadi tentang menjadikan Pelabuhan Sepanggar sebagai *transshipment hub*. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini di antara strategi yang diperkenalkan ialah *growth centre* seperti di Nilai salah satu dan beberapa tempat juga di Semenanjung dan Bandar raya Kota Kinabalu juga telah diambil sebagai salah satu daripada *growth centre*.

Pertanyaan saya ialah adakah Kementerian Yang Berhormat melihat logistik dan pengangkutan dari segi pelabuhan ini sebagai salah satu jentera pertumbuhan yang amat penting bagi Kota Kinabalu dan jika sekiranya pelabuhan ini, hal *transshipment* ini sebagai salah satu daripada pemangkin pertumbuhan ekonomi bandar raya Kota Kinabalu adakah Yang Berhormat meletakkan ini sebagai salah satu perkara yang teratas daripada segi keutamaan untuk pelaksanaan Kementerian Yang Berhormat.

Dato' Seri Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Memang benar bahawa pelabuhan boleh dijadikan satu *growth centre* bagi mana-mana kawasan dan negeri dan bagi saya Kementerian Pengangkutan mengambil berat tentang pembangunan Pelabuhan Sepanggar. Saya telah pun menyuarakan pandangan ini di negeri Sabah bahawa kita ingin melihat bahawa bagaimana kita boleh menjadikan Pelabuhan Sepanggar sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa dan bagaimana kita boleh meningkatkan kecekapan Pelabuhan Sepanggar dan juga *volume* dan kargo di Pelabuhan Sepanggar.

Saya rasa Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu bekerjasama untuk meningkatkan bilangan industri di negeri Sabah. Kita perlukan sektor-sektor industri yang besar untuk meningkatkan *volume* dan kita juga boleh membantu daripada segi *shipping line* daripada antarabangsa kalau boleh melalui Borneo, melalui Sabah. Ini semua perlu perancangan rapi dan perlu satu perancangan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Batu Sapi saya hendak tegaskan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia membantu Kerajaan Negeri Sabah dan akan membincangkan cadangan pengorekan mendalamkan Pelabuhan Sandakan dengan agensi-agensi pusat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu operasi JPJ. Yang Berhormat Jerantut telah memohon dipertimbangkan supaya pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dapat membuka sebuah cawangan di kawasan Jerantut. Untuk makluman Yang Berhormat Jerantut, sukacita dimaklumkan stesen penguat kuasa (SPK) di Jerantut akan dinaik taraf kepada pejabat cawangan JPJ yang akan menawarkan perkhidmatan seperti pembaharuan lesen memandu, lesen kenderaan motor, pembayaran saman dan tukar hak milik kenderaan. Saya ucap terima kasih di atas permintaan Yang Berhormat Jerantut dan saya dengan sukacitanya meluluskan permohonan ini.

Isu yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah Yang Berhormat Simpang Renggam berhubung dengan isu kod etika pakaian berurusan di kaunter JPJ. Yang Berhormat Simpang Renggam telah membangkitkan mengenai isu kod etika pakaian susulan penyebaran gambar di laman sosial seorang wanita yang disuruh memakai kain sarung untuk berurusan di kaunter JPJ. Saya hendak tegas di sini berhubung dengan isu ini bahawa JPJ tidak ada peraturan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai untuk mengenakan pelanggan perlu diberikan kain sarung jika mereka tidak menepati garis panduan kod etika pakaian. *So, there is no sarong policy in JPJ.*

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mengarahkan satu siasatan berhubung perkara ini dijalankan semalam dan hasil siasatan pihak JPJ itu mendapati bahawa pengawal keselamatan di pintu masuk pejabat JPJ tersebut yang memberikan kain sarung bagi tujuan memastikan urusan rasmi yang ingin dilaksanakan oleh wanita tersebut dapat diselesaikan dan bukannya oleh mana-mana pegawai dari JPJ dan tindakan akan diambil kepada pengawal tersebut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dua orang bangun. Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada jawapan yang diberi. Kita semua tahu bahawa pada kebelakangan ini ada beberapa orang mengambil *take law with their own hands*. *Moral values, moral policy* itu yang kita tidak mahu dan kalau seorang pakai *short* pergi ke JPJ atau jabatan kerajaan *what's wrong*. Apa dia punya *uniqueness*? *In fact* dalam Parlimen, semalam patutnya saya hendak cakap. Dalam Parlimen *you go to Australia you can wear shorts and go. You must be people centric, you must be people-oriented.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dalam Parlimen boleh pakai *short* Yang Berhormat? Mungkin peraturan mesyuarat mengizinkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan Ahli Parlimen. Bila pelawat datang. Yang Berhormat Menteri, *many years ago* dalam mahkamah di Lumut saya ingat lagi perkara yang sama majistret mengarahkan yang kena tuduh *you* pakai *shorts you* tidak boleh masuk dalam

mahkamah, pergi beli seluar panjang. *He was a fisherman*. Saya pergi jumpa majistret kata *what is the uniqueness all these? Why long pant? Long pant is western orientated gentlemen* punya *style*. Jadi perkara yang ini saya harap bukan sahaja kepada pegawai berkenaan. Saya harap tindakan diambil dan dimaklumkan selepas itu apakah tindakan yang diambil terhadapnya. *Because you must be lesson very big grin* supaya perkara ini tidak lagi diulang-ulang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah isu yang selalunya *little napoleon* yang berlaku dalam agensi-agensi kerajaan tetapi kita tidak nampak tindakan yang tegas. *We have to name and shame*. Kalau tidak hari ini JPJ, esok pula DCA esok pula MAHB dan sebagainya. *No ends to it*. So, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri *name and shame* supaya nama orang tersebut yang mangsa ini dia terpaksa telan tetapi orang yang buat salah itu tidak dikenakan tindakan yang tegas dan *name and shame*. *I think name and shame is very important*. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Bayan Baru. Saya mengambil berat tentang isu ini dan telah pun mengarahkan JPJ untuk memohon maaf kepada pelanggan tersebut dan kita juga akan memastikan bahawa kod etika pakaian ini sekiranya perlu dikaji semula dan kita akan kaji semula. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kita akan mengambil tindakan kepada pengawal yang berkenaan.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah pun menyertai perbahasan isu-isu di Kementerian Pengangkutan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua sikit, sikit.

Dato' Seri Liow Tong Lai: Sekiranya- ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sikit saja. Yang Berhormat Menteri, saya juga minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri pertimbangkan pelebaran *airport runway* di Pulau Pinang yang kita telah banyak kali Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah tulis kepada kementerian. Akan tetapi kementerian masih belum ada respons. Ini adalah keperluan industri di *northern Malaysia* yang penting. *Airport expansion* pelan sudah banyak dibincangkan sejak RMKe-8, RMKe-9 tetapi sampai ke RMKe-11 masih tidak ada ketetapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Menteri tolong respons. Adakah *Penang Airport runway* boleh dilebarkan dan ditambahkan satu *runaway* kedua? Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tong Lai: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan tadi. Tadi Yang Berhormat Bagan, Ketua Menteri sudah bangkit isu ini. Saya pun sudah terima surat daripada beliau dan sudah arahkan Bahagian Udara memberi jawapan dan kita akan buat susulan ya. Saya rasa ini...

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, ada sikit, sikit.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Seri Liow Tong Lai: Saya hendak tegaskan di sini bahawa kita juga hendak lihat keperluan naik taraf Lapangan Terbang Pulau Pinang ini adalah untuk menanggung bilangan dan kapasiti penumpang yang kian meningkat, termasuk kargo di kawasan Pulau Pinang. Oleh itu, ia perlukan kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri kerana yang memohon ini adalah untuk landasan lapangan terbang, *runway* yang kedua. Bagi pandangan Kementerian Pengangkutan bahawa *the existing runway is good enough*, kecuali kita hendak tambah lagi satu *runway*, ia perlu *acquire land*, tanah dan juga perlukan kerjasama daripada kerajaan negeri. Itu saja. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya tadi, isu Malaysia Airlines.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Malaysia Airlines tidak jawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *...of top management.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Langsung tidak jawab isu pakaian.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Isu Malaysia Airlines, jawab.

Dato' Seri Liow Tong Lai: Saya tidak ada tapi mana-mana yang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bangkit, Yang Kuala Langat bangkit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat, *let him speak.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *As if it is a non issue* bagi Menteri kah?

Dato' Seri Liow Tong Lai: Isu saya tidak ada terima. Akan tetapi tidak apa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Macam mana boleh tidak terima?

Dato' Seri Liow Tong Lai: Saya hendak jelaskan di sini, mana-mana isu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bercakap fokus fasal pekerja MAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dengar dulu Yang Berhormat. Dengar Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Liow Tong Lai: Mana-mana isu yang tidak dijawab, kita akan jawab secara bertulis kepada semua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mana boleh gitu Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, isu pekerja MAS isu besar.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, kalau tidak ada terima, macam mana hendak jawab balik? *How can you response...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah, tidak payah macam ini Yang Berhormat. Yang Berhormat sebentar, sebentar Yang Berhormat. Banyak kementerian lagi. Mungkin MAS diambil oleh kementerian yang lain. EPU, Menteri Labour, banyak lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Takkanlah MAS di bawah Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *that's why*. Tidak payah marah, cukuplah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu MH17...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat itulah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh tanya MH17?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tiap-tiap kali bila tanya saja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tidak izinkan Yang Berhormat. Pagi tadi Tuan Yang di-Pertua sudah bagi tahu. Tidak payah, dua orang Ahli dikeluarkan Dewan tadi fasal perkara yang sama. Takkan saya *repeat*. Takkan saya ulang pada kementerian ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi dia sudah berdiri, saya sudah berdiri di sini. Tadi dia setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu, *it's unfair to your friend, your colleague*. Dua orang kerana perkara yang sama membangkitkan perkara yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi Yang Berhormat Menteri tidak setuju untuk jawab. Sekarang Yang Berhormat Menteri setuju untuk jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu Tuan Yang di-Pertua. Saya ikut peraturan. Saya tidak boleh lain, Tuan Yang di-Pertua lain. Tidak boleh Yang Berhormat, saya kena *defend* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, ini isu yang *of national interest*, kita bincang dalam MH17, *what happened to investigation?* Siapa yang telah tembak, siapakah *culpritnya*. Itulah dibangkitkan. Akan tetapi takkan lah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri sudah habis jawab.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh Yang Berhormat Menteri tulis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sekarang giliran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. 25 orang kesemuanya kerana menyentuh perkara dan isu berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Yang Berhormat Lenggong memohon agar Sungai Lenggong didalamkan supaya dapat mengelakkan banjir kilat berlaku. Mendalamkan Sungai Lenggong telah pun dimasukkan ke dalam Projek RTB Sungai Perak fasa 1. Oleh itu, di dalam RMKe-11, mendalamkan Sungai Lenggong adalah satu daripada usaha yang akan dijalankan di dalam fasa 1 RTB Sungai Perak.

Yang Berhormat Rantau Panjang menyentuh tentang RTB di Rantau Panjang. Saya memang amat prihatin kepada beliau sebab dia sentiasa menimbulkan perkara ini di Parlimen ini agar peruntukan diberi oleh EPU supaya RTB Rantau Panjang seterusnya dilaksanakan. Kementerian telah mohon lagi projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, RMKe-11 untuk membangunkan Lembangan Sungai Golok. Kesemuanya iaitu fasa 1 sebanyak RM345 juta dalam RMKe-11. Kawasan yang akan dibangunkan ataupun dilaksanakan dalam RTB adalah 70 kilometer persegi di hilir Lembangan Sungai Golok. Adalah harapan saya agar projek ini akan terus dibina di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Silam, rakan saya ini memohon RTB di Sungai Sepenggaya, Lahad Datu. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam RMKe-11 kementerian telah pohon RM29 juta untuk naik taraf prasarana RTB di Sungai Pancuran, Lahad Datu di dalam RMKe-11. Di dalam lembangan sungai ini, Sungai Sepedaya, Lahad Datu adalah termasuk di dalam projek RTB ini. Adalah diharapkan bahawa semuanya ini akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat Putatan, dia juga menyentuh tentang masalah banjir di Sabah, lebih-lebih lagi di kawasan dia sendiri. Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas juga, kementerian telah pohon 53 projek RTB di Sabah, termasuk 6 projek di Putatan.

Projek-projek itu adalah RTB Sungai Sendil, RTB Sungai Ketiau, RTB Sungai Meruntuh, RTB Sungai Pemboyo, betulkah sebutan saya itu? RTB Sungai Ketiau Davason dan RTB Sungai Lembeseng. Ini enam buah projek akan dilaksanakan di kawasan Putatan.

Yang Berhormat Sungai Siput menyentuh tentang pencapaian pengurangan intensiti karbon yang sebanyak 33% yang menyebabkan...

■1510

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Ia agak tinggi. Ia macam ini, Yang Berhormat Sungai Siput. Ini adalah *carbon intensity reduction*. *The carbon intensity reduction* berdasarkan kepada KDNK. Oleh itu, 33% itu sememangnya tercapai kerana kementerian ada *roadmap* untuk perkara seperti ini. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Bukit Katil.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey Yang Berhormat Sungai Siput, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk kita tengok intensiti, kita kena tahu jumlah karbon dioksida yang dikeluarkan dan kita bahagi ia dengan GDP kita, keluaran kasar ekonomi kita. Untuk itu, kita kena tengok apa yang dipakai oleh *power station*, apa yang daripada kenderaan semua.

So saya harap jika boleh, bolehkah Menteri aturkan satu taklimat di mana pegawai-pegawai kanan boleh beritahu kita macam mana *you* buat kajian ini? Ini kerana kajiannya kita kena tengok semua karbon dioksida yang dikeluarkan di negara kita pada tahun ini dibahagi oleh GDP kita pada tahun itu, baru kita boleh tengok berapa karbon dioksida yang dikeluarkan setiap bilion ringgit GDP kita dan kita banding dengan beberapa tahun dahulu, kita boleh tengok adakah dia keluar 33%. Saya lihat dalam RMKe-11 itu, dia punya *calculation* ada banyak andaian, *you know*. So saya ada keraguanlah tahap kesahihannya. So jika boleh, jika Menteri boleh anjurkan satu taklimat *and* kita boleh bincang, kita boleh dapat tahu, kita boleh yakinkan diri. Terima kasih Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan isu ini sekali lagi. Kementerian sedia mengadakan taklimat kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tentang perkara ini termasuk *roadmap* yang telah pun dilakukan dan dirancang seterusnya. Memang betul, *carbon intensity reduction* ini adalah karbon yang terhasil atau yang dikeluarkan oleh negara kita dibahagikan dengan KDNK kita. Sememangnya macam itu, bukannya *carbon reduction*, tetapi *carbon intensity reduction*. Itu yang betul. Nanti di dalam taklimat, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat boleh bertanya lagi *detail* tentang perkara ini, macam mana pengiraan dibuat.

Sebenarnya *carbon intensity reduction* ini adalah *voluntary*, tetapi *voluntary* dengan ada syarat-syarat. Negara maju, jika dia nampak kita sememangnya ada *reduction*, mereka boleh memberi sumbangan juga kepada kita. Jadi, itulah yang kita telah buat selama ini. Apa yang berlaku pada tahun 2020 pun, itu memang daripada *estimation*, bukannya *actuality*, tetapi daripada *estimation*. Walaupun ia daripada *estimation* itu, *carbon intensity reduction* memang akan berlaku. Yang 40% itu adalah jika *business as usual* berlaku jika kita tidak buat apa-apa. Akan tetapi kalau kita ikut *roadmap* kita, 44% *reduction* akan terhasil. Pada tahun 2030, 53% boleh terhasil untuk *carbon intensity reduction*. Akan tetapi...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, silakan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Timbalan Menteri, saya yakin tidak ada seorang Menteri yang mahir dalam bab pengurusan banjir ini kerana daripada apa yang Timbalan Menteri jawab tadi, ada ramai wakil rakyat di kawasan masing-masing yang berhadapan dengan isu yang serius iaitu masalah banjir. Kita semua sedia maklum yang banjir ini memberikan kos atau membebankan rakyat selepas banjir kerana hendak membersihkan rumah, hendak beli barang dan sebagainya.

Saya teliti tadi jawapan Yang Berhormat Menteri tentang rancangan tebatan banjir dan sebagainya. Saya hendak membangkitkan, khususnya baru-baru ini di Bukit Katil, kita ada banjir besar hanya hujan lebat selepas empat jam. Saya hendak tanya Menteri, apakah dilihat atau dinilai semula segala projek yang berkaitan dengan pendalaman sungai dan sebagainya dalam RMK yang sebelum ini dan dijadikan sebagai satu asas untuk memperbaiki keadaan ini?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Misalnya saya difahamkan RMKe-10 telah memberikan peruntukan untuk melebarkan atau mendalamkan Sungai Duyung, tetapi dilihat itu juga tidak mampu untuk menyelesaikan masalah banjir. Apakah ada suatu penyelarasan di antara kementerian Yang Berhormat dengan kementerian, misalnya yang membabitkan PBT, supaya ada suatu tindakan yang tegas bagi pemaju-pemaju yang ingin membuat projek tetapi tidak prihatin terhadap masalah saluran dan longkang, menyebabkan ada pembangunan tetapi akhirnya menyusahkan rakyat apabila hujan lebat dan sebagainya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari Bakri. Isu...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jauhnya Yang Berhormat Bakri. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Di sini Bakri hendak tanya, apakah rancangan kerajaan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Lorong 4 Jalan Sarip dan Jalan Utara Bukit Bakri, Daerah Muar ekoran sistem perparitan yang tidak efektif? Adakah dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, adakah Timbalan Menteri ada rancangan? Minta penjelasan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Bakri kerana menyentuh masalah banjir. Sememangnya benar, banjir adalah satu masalah. Selepas banjir, kerugian berlaku kepada rakyat yang terkena banjir dan juga kepada kerajaan kerana harta benda rosak termasuk infrastruktur rosak seperti jambatan dan sebagainya.

Oleh itu, saya sentiasa menganggap bahawa banjir dan rancangan tebatan banjir adalah satu usaha yang seharusnya diberi prioriti supaya mengurangkan kesan-kesan banjir. Apa yang penting adalah mengurangkan, tetapi untuk mengelakkan banjir berlaku, ini belum tentu lagi kita tahu. Ini disebabkan perubahan iklim yang semakin serius dan hujan yang semakin kerap di negara kita. Kalau dibandingkan tahun 60-an, hujan tidak seberapa tetapi sekarang, 30% hujan lebih kerap di negara kita. Apatah lagi di Sarawak, di selatan Sarawak, di bahagian Kuching dan Samarahan, 40% hujan lebih kerap. Sekarang pun hujan juga di Kuching.

Oleh itu, rancangan tebatan banjir sememangnya kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran mengkaji dan terus mengkaji daripada pengalaman di RMKe-9, RMKe-10 dan sebagainya, apakah struktur yang sesuai untuk sesuatu kawasan, struktur rancangan tebatan banjir.

■1520

Untuk sistem perparitan sememangnya cadangan tadi daripada Yang Berhormat Bukit Katil yang mencadangkan agar kementerian bekerjasama dengan PBT. Itu kita buat, kita bekerjasama. Kita melalui JPS sentiasa menasihatkan juga PBT untuk mereka bentuk sistem perparitan supaya air hujan dapat mengalir dengan secepat mungkin ke dalam sungai. Jangan banjir kilat berlaku dengan cepat. Jadi itulah yang kementerian buat melalui Jabatan Pengairan dan Saliran dan PBT.

Seterusnya...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Kuantan mohon mencelah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Mohon lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat. Ya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kuantan? Yang Berhormat Kuantan, nanti saya ada ini...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Akan tetapi ini tentang sistem perparitan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sistem perparitan? *[Ketawa]* Nanti saya akan jawab dalam perbahasan Yang Berhormat Kuantan boleh tak?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Kalau boleh saya teruskan Yang Berhormat Sungai Siput ini yang dia sentuh ini memang perkara yang saya anggap pentinglah bagi saya. Dia juga menyentuh peningkatan liputan hutan di Malaysia sudah banyak iaitu *forest cover*. Dia macam ini Yang Berhormat.

Forest cover di Malaysia sememangnya kalau *natural forest cover* memang sudah banyak tetapi hutan simpanan kekal. Itu sudah pun diwartakan sebagai hutan simpanan kekal. Jadi kalau hutan di tanah kerajaan negeri ada, jika kita wartakan lagi sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK), maka *forest cover* akan bertambah. Selain daripada itu, sekarang oleh sebab banyak *fragmented forest*, hutan di dalam negeri-negeri, kita telah pun mengambil usaha untuk melakukan dan membuat *central forest spine* untuk pemuliharaan. Jadi ini juga akan menambah *forest cover*.

Selain daripada itu, *reforestation* yang disebut oleh Yang Berhormat, ini juga memang berlaku sebab dalam *reforestation* ini Food and Agriculture Organization (FAO), ia mengiktiraf perladangan getah sebagai ladang hutan. Jadi itu buat *central forest cover* kita semakin bertambah juga. Lagipun kita terus membuat inventori hutan. Jika kita buat inventori hutan mengguna pakai takrifan FAO, ia mengatakan di dalam satu kawasan, satu hektar kalau terdapat 10% *forest cover* ataupun liputan hutan, ini bermakna kawasan itu dianggapkan sebagai kawasan hutan. Jadi kita ikut takrifan FAO lah sebab ini adalah takrifan antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini kerana kita baca dalam RMKe-11 dokumen daripada angka-angka itu, kita dapati liputan hutan *forest coverage* telah tambah 1.5 juta hektar. So, itu yang satu angka bila kita baca "*Wah, Malaysia ada pre-foreseen program yang begitu cantik*".

Akan tetapi bila Yang Berhormat Menteri kita sekarang kita sudah iktiraf. Dulu dia *state* sekarang kita gazet sebagai hutan, kita gazet ladang-ladang getah sebagai hutan. Kita katakan jika satu kawasan 10% pun hutan kita gazetkan semua itu sebagai hutan. Itu macam satu – kita main dengan angka-angkalah. Bila kita main macam itu, katakan kita tambah 1.5 juta kita punya *forest cover*, orang takkan percayalah. Lain-lain angka kita orang takkan percaya.

Jika kita *cook the data* lah, kita kini saya rasa dengan maaf, kita *we are cooking the data you know? It's not good* untuk data yang lain mungkin sahih tetapi data macam ini yang kita

cook ini akan bawa satu tanda tanya atau semua *data line* yang kita sebut dalam dokumen kita. Itu perasaan saya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, kita tidak *cook data*. *Reforestation* ataupun perladangan hutan yang kita buat. Di Sarawak kerajaan telah pun meluluskan 1.03 juta hektar untuk *planted forest* ataupun ladang hutan. Di Sarawak lesen dikeluarkan siapa yang naik buat ladang hutan ini. Lesen dikeluarkan jadi setakat ini 1.3 juta hektar di Sarawak sahaja. Jadi inilah yang menambah *forest cover*.

Yang *forest plantation* di Sarawak tidak termasuk ke dalam Hutan Simpan Kekal. Di Sarawak Hutan Simpan Kekal adalah hanya untuk *natural forest* sahaja yang telah pun diwartakan. Jadi *forest plantation* tidak. Ia memang *forest plantation* kerana hutan simpan kekal adalah untuk pemuliharaan dan untuk *conservation* lah. Jadi inilah yang berlaku dan dimasukkan di seluruh negara data itu bukan *dicook* kan atau bukan dimasakkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat Raub menyentuh tentang pemberian lesen kependudukan sementara ataupun TOL kepada orang-orang Melayu di Raub. Ini adalah pemberian lesen TOL di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Oleh itu, saya tidak ada fakta berkenaan yang berkaitan dengan Raub kerana ia dikeluarkan oleh kerajaan negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Bachok. Yang Berhormat Bachok menyentuh tentang jaminan oleh kerajaan untuk pembinaan Empangan Lebir dan Empangan Nenggiri. Daripada segi kos, kualiti dan keselamatan. Kerajaan memang apabila sudah pun merancang untuk membina dua empangan ini. semuanya akan diambil kira daripada segi kos, daripada segi struktur dan daripada segi keselamatan. Ini memang penting.

Akan tetapi Yang Berhormat sentuh itu tentang Empangan Bakun dan Empangan Murum di Sarawak bahawa kes-kes rogol berlaku di situ. Saya rasa Yang Berhormat itu tidak betul sebab kerajaan negeri telah pun membuat siasatan di situ.

■1530

Itu hanya laporan NGO di Sarawak. Saya tahu siapa mereka itu dan apakah yang mereka buat. Di dalam dua empangan itu di Sarawak, saya terlibat termasuk terlibat dalam *Social and Environmental Impact Assessment* di dalam dua-dua empangan itu. Saya tahu apakah yang berlaku di situ. Oleh itu Empangan Lebir dan Empangan Nenggiri, kerajaan telah pun membuat perancangan daripada segi kos, kualiti alam sekitar dan sebagainya akan dibuat.

Yang Berhormat juga mencadangkan penanaman pokok di kawasan sungai yang terdedah banjir. Perkara ini adalah dilakukan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menanam pokok di tebing-tebing sungai supaya tebing sungai terjamin dan terjaga daripada hakisan. Ini amatlah penting. Oleh itu ia menjadi zon penampan. Zon penampan diurus dengan sebaik-baiknya dan penebangan pokok sememangnya tidak dibenarkan di zon penampan di tebing sungai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibubangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Sibubangun, silakan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya tentang empangan di Sarawak. Kita tengok di Sabah sudah ada berlakunya gempa bumi. Jadi saya mahu tanya adakah gempa bumi yang berlaku di Sabah akan mengancam struktur empangan di Sarawak? Selain itu, soalan yang lain ialah adakah di Sarawak pernah berlakunya gempa bumi? Kalau memang di Sarawak ada gempa bumi, adakah empangan-empangan ini selamat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Itu soalan ya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Sibubangun atas pertanyaan itu tentang keselamatan empangan. Itu adalah satu perkara yang amat penting kerana struktur empangan sekarang adalah *rockfill* dan ia memang struktur yang diguna pakai di merata-rata dunia. Selain daripada itu, peralatan untuk memantau walaupun *hairline crack* yang kecil punya pun ada peralatan untuk memantau. Di Bakun dan Murun telah pun diletak di situ supaya ianya boleh dilihat dan boleh diteliti.

Tentang gempa bumi di Sabah, setakat ini belum lagi berlaku di Sarawak. Akan tetapi ingin saya maklumkan di sini bahawa daripada *Philippine*, satu pecahan di dalam laut, satu pecahan itu memang ada. Jadi, ianya 80 km di luar Miri, pecahan di dalam laut itu. *Earthquake* ataupun gempa bumi belum berlaku lagi di Sarawak. Jadi, jangan kita harapkan gempa bumi tidak berlaku di mana-mana pun di negara kita walaupun kita di luar *earthquake zone*. Akan tetapi oleh kerana tujuh *tectonic plates* ini yang setiap saat bertumpu, berlawan satu sama lain, maka inilah yang menyebabkan gempa bumi berlaku. Oleh itu di mana-mana pun jika gempa bumi berlaku kita seharusnya berhati-hati lebih-lebih lagi ada bangunan-bangunan tinggi yang agak banyak.

Seterusnya, Yang Berhormat Serdang menyentuh agar orang awam diberi peluang untuk mendapat maklumat tentang alam sekitar kerana *environmental democratic system* ini sememangnya sudah sedia ada. Orang awam mendapat maklumat tentang alam sekitar dari Jabatan Alam Sekitar. Pertamanya, daripada laman web Jabatan Alam Sekitar. Kedua, daripada laporan tahunan yang boleh didapati dari Jabatan Alam Sekitar juga. Selain daripada itu, sesiapa yang ingin maklumat terperinci dari Jabatan Alam Sekitar boleh datang ke Jabatan Alam Sekitar untuk mendapat maklumat supaya boleh mengetahui apa sebenarnya yang berlaku.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Akan tetapi perkara yang lain seperti indeks kualiti udara sememangnya setiap hari kita boleh dapati daripada laman web dan juga melalui *mobile phone* kita. Jadi itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sedang bangun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Sememangnya sudah sedia ada. Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang bangun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Serdang? Okey, Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memang selalu menjawab soalan tentang kementerian. Akan tetapi saya merasa sedikit kecewa kerana Menteri untuk satu portfolio yang penting ini selalu tidak berada di Dewan yang mulia ini untuk menjawab soalan-soalan penting. Saya harap Timbalan Menteri boleh beritahu kepada Menteri.

Okey, soalan saya ialah walaupun ada beberapa perkara dan maklumat yang boleh didapati daripada laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) tetapi dalam pertanyaan saya, apa yang saya minta daripada Menteri dan juga orang awam juga adalah maklumat yang lebih terperinci lagi mengenai beberapa perkara yang spesifik. Saya beri satu contoh. Sekarang ada empat loji insinerator yang telah dibina dan beroperasi di Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Pangkor dan Pulau Tioman. Akan tetapi apabila orang awam, penduduk di sana mahu akses kepada *information* dan maklumat udara, *dioxin* dan lain-lain bahan pencemaran itu mereka tidak boleh dapat daripada JAS ataupun dapat daripada pihak yang mengoperasikan insinerator berikut.

Saya hendak minta Menteri sama ada kementerian ada apa-apa rancangan untuk mengubahsuai syarat-syarat dan juga *guidelines* di bawah JAS supaya loji insinerator bukan sahaja yang sekarang sedang beroperasi. Akan tetapi loji insinerator berskala besar di Kepong, adakah JAS akan mengubahsuai *guidelines* supaya beroperasi semacam di negara Jepun, di negara maju. Di mana luar sana, di luar loji insinerator itu ada maklumat terkini, *real time information* tentang pencemaran, tentang output yang dikeluarkan oleh insinerator dari segi pencemaran udara dan sebagainya. Itu adalah soalan yang lebih spesifik. Terima kasih.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat Kampar juga bangun Yang Berhormat .

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadar kitar semula isi rumah negara ini kini 15% berbanding dengan hanya 5% pada tahun 2010. Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 22% menjelang tahun 2020. Ini bermakna 7% lagi dalam masa lima tahun lagi akan datang. Di Singapura, kadar kitar semula...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kitar semula sudah masuk Yang Berhormat. Kita dalam tajuk indeks bacaan alam sekitar dan sebagainya.

■1540

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Itu macam insinerator. Itu isu sama. Sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cakap pasal insinerator, pasal Kampar.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Akan tetapi itu kitar semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tujuan saya Yang Berhormat, perkara baru tak boleh dibahas pada ketika ini Yang Berhormat.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Okey, terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya memang setuju dengan cadangan tersebut sebab keperluan untuk memantau atau mengukur pengeluaran gas-gas beracun seperti *dioxins* dan *furans* dan lain-lainlah memang amat penting. Jadi, pengukuran ini tiga bulan satu kali oleh operator. Jadi operator di Langkawi, di mana-mana lagikah sememangnya akan meneruskan. Jabatan Alam Sekitar akan membuat pemantauan juga dan membuat pengukuran juga untuk menentukan bahawa apa yang diperolehi oleh pihak operator adalah betul, adalah sama juga dengan apa yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar.

Oleh itu, jika maklumat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat ada di depan pejabat operator ataupun di depan *operating plant*, itu memangnya satu perkara yang baik supaya orang awam boleh tahu sebab yang penting kita mesti tahu bahawa *dioxins* dan *furans* adalah gas-gas yang sememangnya bahaya kepada kita, gas yang bahaya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri itu memang mengelirukan Dewan yang mulia ini kerana mengikut *guidelines* yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, *measurement* ataupun pengukuran *dioxins* dan *furans* itu akan diambil satu kali satu tahun, bukan tiga bulan satu kali. Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, saya baru-baru ini telah melawat loji insinerator di Pangkor di mana operator itu beritahu saya bahawa mereka memang ukur *dioxins and furans* itu satu tahun sekali sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apabila Yang Berhormat Menteri memberi maklumat sebegini yang dasar kementerian beliau, beliau sendiri pun tidak tahu, saya rasa ini memang tidak boleh beri keyakinan kepada rakyat bahawa maklumat yang diberikan oleh kementerian ini adalah tepat dan *accurate*. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Operator mesti buat dengan lebih kerap lagi Yang Berhormat. Jabatan Alam Sekitar memang satu tahun satu kali tetapi operator mesti buat dengan lebih kerap perkara seperti ini. Sebab kalau dia tak buat dengan lebih kerap, apa yang kita boleh tahu? Maklumat apa yang kita mahu lagi? Walaupun ada papan maklumat di depan *that particular plant* pun sudah luput. Satu tahun maklumat itu. Oleh itu kekerapan itulah yang penting supaya kita lihat sama ada *improvement* ataupun tidak di dalam operasi itu. Ini adalah penting Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat, masalahnya ialah apabila JAS tidak memberi syarat untuk mengukur dengan lebih kerap lagi. sebagai operator, kenapa saya hendak menanggung kos yang lebih untuk menambahkan kekerapan dari segi pengukuran *dioxins* dan *furans* ini sebagai operator. Saya tadi telah bilang apabila saya pergi ke loji insinerator di Pangkor mereka memang kata ukur satu kali sahaja kerana ini adalah syarat yang ditetapkan oleh JAS. Kenapa mereka mesti menanggung kos yang beribu-ribu USD apabila mereka mesti hantar sampul itu keluar negara kerana buat masa sekarang di Malaysia memang tidak ada kepakaran untuk mengukur *dioxins* dan *furans* ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri satu jawapan yang lebih sesuai kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAS bukan sahaja hujah-hujah Yang Berhormat Menteri untuk kata okey, ini sepatutnya dibuat tetapi pada hakikatnya memang tidak dikendalikan oleh operator ataupun oleh JAS.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Siapa cakap kita tidak ada kepakaran? Di Kuching, operator itu sendiri yang membuat, di Kuching. Kenapa di Kuching ada kepakaran di seluruh Semenanjung Malaysia tidak ada kepakaran?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya rasa itu adalah soalan yang kementerian mesti jawab kerana apabila saya pergi ke loji insinerator di Pangkor memang...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini yang saya...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Memang mereka kata hantar sampul itu ke luar negara ke Australia. Apabila saya tanya Menteri Perumahan juga, dia juga kata, tiada kepakaran untuk mengukur *dioxins* dan *furans* mesti dihantar ke luar negara. Jadi, kenapa ada satu standard untuk Kuching, untuk Sarawak tetapi ada satu lagi standard untuk Semenanjung? Saya memang tak faham, sila jelaskan. Bukan kerana Timbalan Menteri, ini bukan dasar untuk Sarawak sahaja. Saya tahu Yang Berhormat adalah Menteri yang dari Sarawak tetapi apa yang sedang berlaku di Semenanjung? Itu mesti diberi perhatian juga.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ini kalau tak ada kepakaran memang agak susahlah dihantar di luar negara dan sebagainya. *Furans* dengan *dioxins* bukan susah hendak ukur kalau ada *equipment*. Beli sahaja *equipment*, selepas itu buat pengukuran. Kenapa kilang-kilang lain buat seperti kilang simen Lafarge dibuat tiga bulan satu kali untuk mengukur *furans* dan *dioxins*. Ini

memang satu sengaja operator tak mahu berbelanja duit untuk membeli peralatan yang sedia ada dari luar negara. Apa yang penting adalah peralatan Yang Berhormat. Seterusnya...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu adalah memang sesuatu yang mengelirukan Dewan ini kerana isu sekarang ialah bukan peralatan. Bukan sahaja peralatan yang mesti digunakan tetapi kepakaran untuk menggunakan peralatan itu untuk mengukur *dioxins* dan *furans*.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mendapatkan bukti yang kukuh di mana saya akan menunjukkan bahawa memang tiada kepakaran di Semenanjung Malaysia untuk mengukur *dioxins* ini dan saya harap apabila saya membentangkan bukti seperti ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang lebih sesuai dan tidak mengelirukan Dewan Rakyat ini.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey Yang Berhormat, dapatkan kalau boleh kita berdua pergi sama. Saya pun mahu bertanya kepada operator apa yang mereka buat sama ada mereka buat dengan kaedah yang betul, yang benar ataupun tidak. Itu kita boleh buat bersama. Selepas itu kita boleh berbincang di pejabat saya di Putrajaya sebab perkara seperti ini kualiti alam sekitar adalah minat saya. Itulah yang...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Minggu depan ini kasi, minggu depan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tahu tentang perkara dan saya juga ingin tahu apabila Yang Berhormat bawa perkara seperti ini memang saya memang amat gembiralah sebab saya tahu apa masalah, apa isu dan sebagainya dan bagaimanakah untuk menyelesaikan masalah dan menangani isu ya Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya, boleh, boleh.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Boleh ya?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Kita pergi loji insinerator itu bersama, boleh?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Bolehlah. Nanti kita pergi insinerator bersama-sama tengok dan bertanya. Selepas Dewan Rakyat inilah, ya Yang Berhormat.

Okey, seterusnya Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Parit Sulong mohon projek RTB di kawasan Parlimen Parit Sulong di Daerah Batu Pahat dan juga bertanya tentang status permohonan peruntukan RM5 juta untuk kerja-kerja bagi melaksanakan projek di Parit Sulong di Daerah Batu Pahat.

Yang Berhormat Parit Sulong, oleh sebab ini adalah jawapan *detail* yang panjang, yang menyentuh tentang pelbagai perkara struktur dan sebagainya, saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Parit Sulong untuk projek-projek yang disentuh oleh Yang Berhormat Parit Sulong supaya Yang Berhormat Parit Sulong boleh bawa maklumat bertulis itu dalam kawasan dan memberi taklimat juga dengan orang-orang di dalam kawasan.

Yang Berhormat Batu Sapi, menyentuh punca banjir yang utamanya adalah banjir yang disebabkan pembangunan yang tidak terkawal di kawasanya dan juga pembalakan. Pembangunan di mana-mana negeri adalah tanggungjawab kerajaan negeri dan pembalakan juga tanggungjawab kerajaan negeri. Oleh itu saya tidak ada maklumat daripada kerajaan negeri tentang pembangunan di Batu Sapi yang menyebabkan banjir berlaku dengan begitu teruk.

Seterusnya Yang Berhormat Parit Buntar, beliau menyentuh perkara yang berkaitan dengan hutan bakau ditebang di Parit Buntar dan selain daripada itu projek *aquaculture* juga dilaksanakan di Parit Buntar. Hutan bakau di Parit Buntar jika ianya bukan di bawah hutan simpanan kekal...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang tidak jawapan itu? Kalau panjang, boleh bagi bertulis, Yang Berhormat Parit Buntar itu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Parit Buntar, ia tidak panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh baca.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ia tidak panjang. Jadi, hutan bakau di Parit Buntar yang ditebang disebabkan projek-projek yang melaksanakan *aquaculture*. Jika *aquaculture* itu besar, lebih daripada 50 hektar, maka EIA dijalankan. Jika tidak, maka EIA tidak dijalankan. Sebab itu adalah di tanah kerajaan negeri ataupun di tanah perseorangan. Itu untuk hutan bakau di Parit Buntar. Akan tetapi rakan saya dari Parit Buntar ini memang berminat agar hutan bakau di Parit Buntar tidak ditebang dan tidak terjejas penggunaannya sebab penggunaan hutan bakau adalah amat penting.

Seterusnya, Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau menyentuh tentang hakisan tebing di sepanjang Sungai Tebrau dan juga bertanya tentang permohonan RM150 juta untuk projek RTB Lembangan Sungai Tebrau. Rancangan RTB Sungai Tebrau sememangnya kementerian sudah pun memohon di dalam RMKe-11. Projek untuk yang melibatkan hakisan tebing Sungai Tebrau itu sedang berjalan tetapi ianya belum siap lagi.

Seterusnya, Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah menyentuh tentang pelupusan sisa buangan berjadual.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rasah tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tidak ada? Kalau Yang Berhormat Rasah tidak ada dalam Dewan, saya akan beri dia jawapan bertulis. Okey. Satu lagi rakan saya ini, Yang Berhormat Gerik. Dia banyak pertanyaan, panjang jawapannya. Oleh itu saya juga akan beri jawapan bertulis dengan dia sebab pertanyaan dia spesifik seperti apa yang berlaku di dalam Royal Belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya rasa Yang Berhormat Gerik tidak ada halangan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Gerik tidak ada halangan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tidak ada juga. Kalau macam itu saya akan bagi jawapan bertulislah untuk dia. Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Gopeng ada dalam Dewan tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada juga.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tidak ada juga? Tidak ada juga, jawapan bertulis untuk Yang Berhormat Gopeng. Yang Berhormat Kuantan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan ada.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kuantan tadi dia tanya tentang sistem perparitan juga. Yang Berhormat Kuantan, dia banyak pertanyaan juga, termasuk pertanyaan tadi tentang sistem perparitan. Yang Berhormat Kuantan, boleh lagi kah tanya sistem perparitan sekarang supaya saya boleh beri penjelasan. Oleh sebab yang lain sudah tulis di sini, nanti saya akan beri jawapan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya bahas saya banyak kepada dasar. Akan tetapi yang saya hendak tanya tadi berkenaan dengan sistem perparitan. Oleh kerana dalam sesi yang lepas saya ada bercakap berkenaan dengan sistem perparitan terancang yang tidak wujud selepas daripada Jambatan Tanjung Lumpur yang telah pun dibuka pada hujung 80-an, awal 90-an. Ia merupakan pusat tarikan pelancong pergi makan ikan bakar tetapi tidak ada sistem perparitan, tidak ada *monsoon drain*. Selalu air dari restoran dan kedai-kedai ikan bakar itu tidak ada tempat hendak mengalir.

Tadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap bahawa ada kerjasama di antara PBT dengan JPS, saya ingin bertanya. Apa dia rancangan untuk sistem perparitan di Tanjung Lumpur hingga Kempadang? Sebab sebelum ini Yang Berhormat Menteri ini kata itu bukan bawah JPS. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Menteri kata JPS dan PBT akan kerjasama, saya pohon penjelasan berkenaan dengan sistem perparitan terancang, khususnya daripada Jambatan Tanjung Lumpur hingga ke Kempadang. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Dari jambatan hingga ke sempadan. Sistem perparitan terancang. Seharusnya sistem perparitan terancang memang dibuat oleh PBT tetapi JPS juga boleh bekerjasama dengan PBT untuk merancang sistem perparitan yang lebih baik. Oleh kerana kalau tidak kerjasama, mana kita boleh dapat sistem perparitan yang lebih baik, yang tidak menyebabkan banjir kilat dan sebagainya. Oleh itu, itu amatlah penting.

Daripada perbahasan Yang Berhormat seperti mana yang saya telah sebut tadi, Malaysia boleh mencapai 40% itu, *business as usual* pada tahun 2020. Pengurangan *carbon intensity* itu boleh mencapai pada tahun 2020. Oleh sebab *initiative* ataupun *rolling plan* dirangka oleh kementerian adalah seperti *renewable energy* iaitu tenaga yang boleh diperbaharui. Itu memang dilaksanakan tetapi tidak tahulah kenapa TNB lagi hendak membina dua jana kuasa menggunakan

arang batu. Jadi, itu satu daripadanya dan kita ingin mengurangkan kegunaan *fossil fuel* di kementerian kita.

Yang kedua, *energy efficiency* iaitu mengurangkan *emissions*. Ini amatlah penting untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kamar bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kamar kah bangun?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kamar.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, Yang Berhormat Kamar.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Kamar tunggu sekejap, saya akan sebut semuanya ini, lima sahaja, lima perkara. Nanti Yang Berhormat Kamar boleh tanya.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Okey, terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Kedua, *energy efficiency*.

■1600

Ketiga, *green technology* yang kita memang sudah pun berusaha untuk mengguna pakai. Keempat, *land used change* dan *forestry*. Itu adalah yang kita juga terus lakukan. Kelima, *waste management* kerana kita tidak mahu *methane* dikeluarkan dengan begitu banyak dari kawasan *landfill* kita, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kamar tadi berkaitan dengan *recycling*.

Okey Yang Berhormat Kamar, silakan.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Tentang *recycling*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadar kitar semula isi rumah negara kini baru 15% berbanding dengan hanya 5% pada tahun 2010. Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 22% menjelang tahun 2020. Ini bermakna 7% lagi dalam masa lima tahun akan datang. Di Singapura, kadar kitar semula isi rumah adalah 60%, di Jerman 62%, negeri Pulau Pinang juga telah mencapai kadar kitar semula sebanyak 30% pada tahun 2013. Mengapakah seluruh negara kita tidak boleh mencapai tahap yang sama? Kerajaan sepatutnya menetapkan sasaran 30% juga menjelang tahun 2020. Minta penjelasan daripada Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *On issue of* kitar semula Yang Berhormat, kalau tidak dibahas, boleh jawab secara bertulis.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, ini di bawah KPKT. Kitar semula bukan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar memang memberi kesedaran kepada rakyat kepentingan kitar semula juga. Okey?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Penjelasan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, Hulu Langat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Saya mendengar jawapan kepada Yang Berhormat Kuantan tadi dan juga yang disebut kepada Yang Berhormat Kampar. Jadi perkara itulah yang saya bangkitkan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini saya minta boleh tak menjadi koordinator kepada banyak kementerian yang tadi kata itu KPKT, itu Kementerian Tenaga. Jadi kalau itulah kita tidak boleh *coordinate* yang kita sebut selalu *blue ocean strategy* tetapi kita tidak boleh *coordinate*, maka hasrat untuk mengurangkan GHG ke 40% pada tahun 2020 mungkin tidak tercapai sebab tidak ada orang yang *coordinate*. Apakah pandangan Menteri? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasihlah Yang Berhormat atas cadangan itu. Untuk koordinator, kerajaan ada satu majlis yang dinamakan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim. Di situ banyak kementerian yang terlibat. Jadi, tanggungjawab kementerian-kementerian yang berkaitan dengan pengurangan-pengurangan sisa-sisa pepejal ataupun *recycling* juga dibincangkan dalam mesyuarat majlis itu. Kalau sudah pun dibincangkan dan apabila dilaksanakan, ia akan terus dilaksanakan kerana sekretariat majlis itu adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jadi kementerian inilah yang bertanggungjawab atas *recycling* dan diharapkan bahawa ia akan diteruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ada 10 lagi rakan-rakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Kuantan sudah habiskah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Belum.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Belum.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Minta penjelasan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya pohon Yang Berhormat teruskanlah sebab saya tidak dapat lagi satu pun jawapan kepada apa yang saya bahas daripada jawapan Timbalan Menteri. So saya pohon sangat ada jawapan-jawapan yang bernas daripada Timbalan Menteri sebab ini adalah RMKe-11. Ini bukannya soalan hendak buat longkang sana, buat parit sini. Ia melibatkan strategi, ia melibatkan hala tuju dan seharusnya jawapan juga begitu.

Saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ya, yang ini bagus, yang ini patut dan sebagainya. Saya tidak dengar jawapan lagi. Saya bercakap berkenaan dengan dasar dan saya kata kalau kita tidak betulkan dasar, kita *will remain on paper*. Jawapan Timbalan Menteri tadi kata tidak tahu kenapa loji arang batu mahu dibina. *It is very frustrating*, Tuan Yang di-Pertua, *very frustrating* jawapan daripada seorang wakil Menteri yang berada di depan sini. Sedangkan kita bercakap tentang *the green growth*, kita hendak pindah kepada *trajectory*...

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat, saya belum habis lagi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Okey, silakan. Saya hendak dengar jawapan-jawapan daripada yang lain.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tadi saya katakan kita boleh *intensity carbon reduction* boleh mencapai 40% dan saya sebut inisiatif-inisiatif yang kita buat seterusnya. Itu berkaitan dengan dasar. Bukankah ia berkaitan dengan dasar seperti *renewable energy*, pengurangan kegunaan *fossil fuel* dan sebagainya? Itu saya telah sebut.

Seterusnya Yang Berhormat juga sentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kualiti air minuman. Itu Yang Berhormat sebut juga dengan kualiti air minuman. Maklumat tidak diberi kepada orang awam. Ini di bawah Kementerian Kesihatan tentang air minuman.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat juga sentuh tentang Indeks Pencemaran Udara (IPU). Indeks Pencemaran Udara dikeluarkan setiap hari oleh Jabatan Alam Sekitar dan ini kita boleh mendapatkannya sama ada daripada laman web Jabatan Alam Sekitar ataupun melalui 'handset' kita. Jadi ini kita boleh dapati.

Yang Berhormat juga sentuh tentang isu operasi Lynas. Isu operasi Lynas adalah di bawah MOSTI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyebut tentang Majlis Tanah. Ini keputusan yang dibuat bahawa Majlis Tanah Negara pada tahun 2012 telah pun meluluskan zon pembangunan di pihak berkuasa tempatan. Macam-macam ada. Dengan jumlah keluasan... [Sambil menyemak dokumen] Ha, hutan. Ini adalah hutan. Dengan jumlah keluasan hutan asli dalam HSK iaitu Hutan Simpanan Kekal bagi tempoh tujuh tahun yang adalah di bawah pihak berkuasa iaitu pihak berkuasa kerajaan negeri.

■1610

Ini zon-zon hutan. Jadi itulah antara perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Kuantan yang berkaitan dengan dasar-dasar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kalau ada sepuluh...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya pun penjelasan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri *miss the point totally*. Saya bercakap berkenaan dengan *environmental democracy index* di mana Malaysia mendapat nombor 69 daripada 70. Dalam 70 negara yang diukur *environmental democracy index* pada bulan Mei 2015.

Kalau *environmental democracy index* ini memanglah di bawah Kementerian Alam Sekitar. Takkan hendak pas kat kementerian lain lagi. Saya bercakap apakah teras-teras yang merupakan kayu ukur. Di antaranya *the right to be hurt, the right to information and the right to legal justice*. Itu teras kepada kayu ukur kepada EDI ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri seolah-olah tidak tahu, dalam dunia yang berbeza apabila menjawab bahas saya. Isu yang saya ketengahkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah tuduh sampai macam itu Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya minta maaf sebab saya kesal dengan cara Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Lynas ini di bawah MOSTI, yang ini di bawah Kementerian Kesihatan, ini di bawah Kementerian Tenaga. Sebab isunya ialah saya hanya melaporkan apa yang dilaporkan oleh WRI yang membuat *index* tersebut bahawa tidak ada maklumat tentang kualiti air. Saya tidak berkata bahawa kualiti air itu kita tidak tahu. Maksudnya orang tidak tahu *there is no access to information*.

Jadi kementerian seharusnya mengambil berat perkara ini kerana di mata dunia memang kita dapat nombor 69 daripada 70 negara-negara yang diukur. Itu dasar yang saya maksudkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebut langsung berkenaan dengan bauxite, perlombongan bauxite yang saya sebut. Saya cadangkan ada EMP, *Environmental Management Plan* untuk meneliti bagaimana laut di Kuantan dah jadi merah.

Jadi apa yang penat-penat kita bahas tetapi jawab ini menteri ini, ini kementerian ini, ini kementerian ini. Yang kita bahas ialah dasar. Dasar berkenaan dengan *green cloth* dan kenapa EDI kita ini 69 daripada 70. Ini yang saya cukup... saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup kecewa dengan jawapan Timbalan Menteri macam ini.

Mungkin pegawai-pegawai pun tidak faham apa yang saya cakap. Sebab *index* itu keluar Mei 2015 baru sangat lagi. Akan tetapi ia menunjukkan Malaysia dekat hendak corot. Kerana apa? Kerana kita tidak ada *mind set* bagaimana hendak menangani isu-isu alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, hendak tambah sedikit sebab saya pun ada bangkitkan isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab Yang Berhormat Kuantan dahulu Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya bagi jawapan untuk Yang Berhormat Kuantan dahulu. Yang Berhormat Kuantan, itu tercicir daripada ini, kalau ada saya mesti juga sentuh, mesti juga jawab. Pertamanya bauxite. Yang Berhormat cadangkan bahawa EMP (*Environmental Management Plan*) dibuat jika EIA tidak dibuat. Dalam peraturan EIA, EMP adalah satu daripada faktor yang termasuk di dalam EIA.

Oleh itu EMP untuk dibuat *independently* memang tidak boleh kalau ikut peraturan. Oleh itu cadangan Yang Berhormat EMP seharusnya dibuat jika EIA tidak dibuat adalah cadangan yang baik Yang Berhormat. Kalau saya tahu Yang Berhormat sebut perkara macam itu dari awal tadi, saya boleh bagi jawapan.

Kedua yang disebut oleh Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Berkenaan dengan EMP tadi, di Selangor saya hendak bagi tahu Timbalan Menteri bahawa di Selangor walaupun tidak ada EIA, EMP boleh dibuat kepada perlombongan pasir di bawah 500 ekar yang tidak perlu EIA. Ini untuk mengawal kesan-kesan terhadap alam sekitar. Saya mencadangkan pusat boleh belajar dari Selangor.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Itu yang saya sebut tadi sebab EMP dari pusat adalah bersamaan dengan EIA. Saya juga ingin bagi tahu kepada Yang Berhormat sejak tahun 1994, EMP di Sarawak dibuat tanpa EIA. Kalau tidak ada EIA, EMP mesti dibuat. Itu tahun 94 sudah bukan belajar dari Selangor, belajar dengan Sarawak pun boleh. Jadi inilah satu perkara yang saya anggap cadangan Yang Berhormat memang bagus.

Kedua, EDI (*Environmental Democratic Index*) ini, kita nombor 69 daripada 70. Itulah permasalahannya dengan kualiti minuman air ini. Kita tidak dapat maklumat daripada Kementerian Kesihatan. Orang awam pun kalau hendak bertanya dengan kita tentang kualiti air minuman ini, macam mana kita hendak beri maklumat atau data yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, saya memang amat kenal dengan the WRI (*World Resources Institute*). Dahulu mereka minta data-data daripada saya. Jadi apa yang saya hendak kenal dengan mereka? Saya juga ramai kawan di dalam sana. Jadi itu tidak apa, saya akan berhubung lagi dengan mereka kenapa Malaysia di tangga 69 daripada 70 keseluruhannya, ya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah satu jam 15 minit Yang Berhormat. Kalau ada 10 lagi jawapan yang perlu dijawab macam ini saya rasa terlalu banyak masa akan diambil oleh kementerian ini. Saya ingin cadangkan Yang Berhormat untuk dijawab secara bertulis dan dikemaskan jawapan-jawapan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Kalau macam itu, saya patuhi dengan arahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Siapa mereka yang saya belum lagi beri jawapan secara lisan, saya akan beri jawapan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Giliran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya jemput Yang Berhormat Menteri.

4.18 ptg.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Seputeh,

Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Sepanggar dan Yang Berhormat Bukit Gantang yang telah membangkit perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sepanjang perbahasan Rancangan Malaysia Ke-11 pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen ke-13 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Lenggong meminta kementerian supaya memberi fokus untuk pembangunan kawasan Lenggong dan mempercepatkan usaha ini kerana Yang Berhormat Lenggong telah pun diiktiraf sebagai tapak warisan dunia. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan kawasan Lenggong sebagai tapak warisan dunia UNESCO di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 projek naik taraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong akan dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Warisan Negara dengan peruntukan RM5 juta. Projek ini dijangka bermula pada Ogos 2015 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2016.

JWN (Jabatan Warisan Negara) giat menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan tapak di gua-gua bersejarah dan arkeologi di tapak warisan arkeologi Lembah Lenggong di samping membaik pulih kemudahan pelawat di sekitar tapak warisan arkeologi Lembah Lenggong.

■1620

JWN juga berusaha untuk mengambil tanah ke tapak-tapak arkeologi penting di Lenggong seperti di Bukit Bunuh dan Bukit Jawa. Bagi menjaga artifak-artifak dan memudahkan pembangunan infrastruktur pelancongan yang dapat memberi nilai tambah kepada tapak warisan dunia Lembah Lenggong. Dari sudut kemudahan prasarana pelancongan, kerajaan telah membelanjakan RM3.5 juta di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 bagi pembangunan Tasik Raban atau Tasik Chenderoh yang melibatkan 29 unit chalet, satu unit restoran dan pengindahan tebing tasik. Projek berkenaan telah siap pada April 2011.

Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat Limbang meminta kementerian bersama dengan kerajaan negeri supaya mencari jalan untuk membuka Gua Buddha untuk dijadikan tempat pelancongan di Limbang selain daripada Gua Mulu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa memberi perhatian ke atas pembangunan infrastruktur di destinasi-destinasi pelancongan di seluruh negara. Di bawah RMKe-10 sebanyak RM35.5 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan di negeri Sarawak.

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.5 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan di Limbang iaitu menaik taraf sepanjang tebing Sungai Limbang yang berjumlah RM800 ribu. Projek menaik taraf kemudahan pelancongan *mud spring* di Kampung Meritam yang berjumlah RM500 ribu dan projek menaik taraf kemudahan pelancongan di Kampung Petiambun yang berjumlah RM200 ribu.

Kementerian ini bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak sekiranya Gua Buddha ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan yang berdaya saing dan dapat menarik kedatangan pelancong ke gua ini. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Menteri, sedarkah Menteri bahawa kadang-kadang kementerian memberikan *promotion* untuk pelancong-pelancong luar negara melawat ke tempat-tempat kita di Malaysia yang indah ini. Akan tetapi isu yang ada depan kita Menteri ialah kadang-kadang tempat itu elok tetapi *maintenance* yang pertama, yang kedua sampah sarap. Walaupun ianya di bawah pimpinan kuasa *local authority* tetapi *local authority* ini kadang-kadang tidak mampu daripada segi kewangan ataupun segi pemikiran seperti yang ada pada Menteri. Maknanya Menteri harus ada satu SOP dan bajet untuk membantu *local government* ini supaya ia paling tidak pun *maintain* sahaja.

Baru-baru ini saya pergi satu tempat, saya tidak mahu sebutlah sebab kawan-kawan ada sini. Kita tengok cantik tetapi sampah sarapnya hingga 'mat saleh' kata, "Wow!" Ini kerana mereka takut penyakit. Jadi, saya rasa harus ada satu cara baru untuk bagaimana membantu mereka dan yang lebih penting lagi pemikiran Menteri itu harus sampai ke bawah. Supaya pemimpin-pemimpin di bawah ini ikut Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya amat bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Sungai Petani sebut. Sememangnya kementerian saya memberikan geran di atas permintaan daripada kerajaan tempatan ataupun majlis daerah. Untuk mendapatkan geran ataupun peruntukan untuk mereka membina satu-satu tempat. Akan tetapi sudah tentulah Yang Berhormat, kalau macam kita bagi geran, geran itu dia belanja hangus. Maka untuk *maintenance* sudah tentulah ianya dipertanggungjawabkan kepada sama ada majlis tempatan kalau yang tempatan ataupun majlis daerah. Jadi, saya kira perkara ini sebenarnya bukan hanya sekadar kita menyediakan peruntukan sahaja tetapi *mindset* rakyat Malaysia itu.

Saya amat dukacita sebagai contoh di Langkawi sebagai contoh ada *geopark* dan keadaan *geopark* itu sungguh-sungguh mengecewakan dan memalukan. Teguran telah pun dibuat dan sebenarnya UNESCO telah menyatakan bahawa mereka mungkin akan tarik balik pengiktirafan itu memandangkan kepada penyelenggaraan yang tidak memuaskan. Jadi, sesebuah tempat yang mendapat pengiktirafan bukan senang, *geopark* UNESCO tetapi akan telah pun diberi amaran.

Kalau sekiranya kita tidak *comply* dengan izin segala apa yang telah ditentukan oleh UNESCO, dia akan ditarik balik. Ini memang masalah Yang Berhormat. Saya kira ia datangnya daripada sikap rakyat kita sendiri yang tidak menekankan tentang *maintenance*. Kalau ianya merupakan harta, bukan harta mereka, mereka akan tidak mempedulikan, mereka hanya guna dan

tidak ada langsung rasa bertanggungjawab untuk menjaga sama ada tempat itu *maintenance* nya ataupun menjaga kebersihannya.

Saya setuju dengan Yang Berhormat sebenarnya saya pun cukup *frust* jugalah ya. Kadang-kadang ada satu majlis kerajaan tempatan, kita bagi dia duit, waktu dia minta bersungguh-sungguh minta duit tetapi apabila sampai masanya rosak dia minta saya lagi duit. Jadi, inilah sikap majlis daerahlah yang sepatutnya mereka lebih bertanggungjawab untuk menjaga harta itu. Ini kerana apabila siap sahaja kita serahkan penyelenggaraan itu kepada majlis daerah. Jadi, dalam hal ini saya kira majlis daerah mesti mengambil sesuatu tindakan untuk memastikan supaya harta kerajaan yang di bawah jagaan mereka itu semestinya diselenggarakan dengan baik. Kita hanya memberi peruntukan berdasarkan kepada permintaan mereka. *Maintenance* itu sememangnya di bawah tanggungjawab mereka.

Saya juga minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh bagi panduan, cadangan bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini. Dia memerlukan kepada tindakan yang sepakat untuk kita memastikan supaya budaya yang tidak mengindahkan tentang kebersihan dan tidak mengindahkan *maintenance* ini dapat kita atasi. Kalau tidak Yang Berhormat, berulang-ulang kalilah kita akan memberi wang untuk membina projek yang sama. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat. Memang amat-amat memalukan tetapi kalau Yang Berhormat tengok macam Thailand, sebuah negara yang dianggap sebagai *touristic country*. Kalau kita pergi sampai ke hulu mana sekalipun kita akan lihat dia punya *public toilet* mesti bersih, itu Thailand.

Jadi maknanya kita kena bagi fahaman ini kepada seluruh rakyat Malaysia untuk memastikan supaya kebersihan ini dilaksanakan. Amat memalukan kita kalau sekiranya orang-orang luar datang ke negara dan memang itulah selalu disebut. Selain daripada teksi yang teruk, pelancong akan bagi tahu kebersihan, ini masalah kita. Saya setuju Yang Berhormat. Cubalah fikir apa yang boleh kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Pokok Sena ada? Makan banyak tadi tidak tidur lagi kah? Ada 'kus kus' itu, bagi pening sedikit, tidur tidak? Meminta kementerian menyatakan apakah status tapak arkeologi di Sungai Batu Merbok, Kedah berikutan kajian dibuat oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia mengenai penemuan jeti kuno dan galian besi yang menunjukkan satu perusahaan yang berkurun lama di situ. Yang Berhormat juga bertanya adakah kementerian bercadang untuk mendaftarkan Sungai Batu sebagai warisan negara atau akan diangkat sebagai Tapak Warisan UNESCO bagi menarik lebih ramai pelancong ke sana?

Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilan tanah telah dilaksanakan oleh Jabatan Warisan Negara ke atas tapak arkeologi Sungai Batu agar penyelidikan bagi mencari data-data baru dan bukti ketamadunan awal dapat digiatkan secara berterusan tanpa halangan. Manakala bagi penemuan jeti kuno dan galian besi, penyelidikan lanjut dan saintifik perlu dilaksanakan untuk mengesahkan bukti-bukti kewujudan *relic* arkeologi tersebut. Tapak arkeologi Sungai Batu sedang

dalam proses untuk diwartakan sebagai tapak warisan menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Akta 645. Kini tapak tersebut hanya menunggu keizinan pihak berkuasa negeri seperti mana diperuntukkan seksyen 30, Akta 645 untuk diwartakan sebagai warisan negara sebagai isyarat awal sebelum dinilai untuk dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

■1630

Ini maksudnya, ya. Kita akan *apply* untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO bagi kawasan arkeologi Sungai Batu dan saya sudah pergi, Yang Berhormat. Memang menakjubkan dan memang saya rasa kagum sebab rupa-rupanya Kedah itu maknanya...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kedah Tua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kedah Tua. 'Keda' ini maknanya besi. *Iron*. Dalam bahasa Jepun, apa. Jadi, sebab itu namanya Kedah. Jadi, kerja-kerja ini telah dilaksanakan dalam awal tahun 700, 800. Bermakna, sudah ada satu industri secara kunolah. Sungai sebenarnya bukannya di tebing laut seperti sekarang tetapi sungai semua ke dalam. Tempat itu, Sungai Batu ini sebenarnya satu pelabuhan yang sibuk pada ketika itu. Perusahaannya adalah perusahaan besi ini. Jadi, memang saya rasa ini patut dipohon untuk kita mendapatkan pengiktirafan UNESCO kerana ia sebenarnya menukar sejarah Semenanjung kita. Kalau kita hanya bercakap tentang tahun 1500, ini lebih awal lagi. Jadi, Yang Berhormat, saya setuju. Tidak puas hati lagi? Sudah setuju. Okey, okey. Sila.

Memang kita setuju untuk menjadikan ia kawasan pengiktirafan UNESCO dan kerja-kerja awal ke arah itu sedang dilakukan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengambil apa yang saya bangkitkan iaitu satu penemuan 300 tahun sebelum Masihi. Saya difahamkan 300 tahun sebelum Masihi. Cuma tadi Yang Berhormat ada sebut hanya menunggu berkaitan dengan kerajaan negeri. Berkaitan dengan Pihak Berkuasa Negeri Kedah. Setakat mana sekarang ini *progress* laluan ataupun kelulusan yang telah diberikan? Kerjasama yang diberikan oleh pihak berkuasa negeri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya kira kerjasama oleh pihak kerajaan negeri adalah baik. Contohnya, sewaktu berlaku satu pembangunan satu kawasan untuk perumahan, apabila tiba-tiba didapati dalam waktu mereka menggali tanah, ada tanda-tanda arkeologi yang dianggap sebagai cukup penting kepada kita. Maka, sebenarnya kerajaan negeri melalui Menteri Besar telah menelefon saya untuk mewartakan secepat mungkin. Jadi, dalam hal ini juga, saya telah melawat Sungai Batu atas permintaan kerajaan negeri supaya saya sendiri melihat dan akan sedar betapa pentingnya usaha untuk memelihara dan proses untuk menggazetnya itu dilakukan.

Seperti mana yang telah saya sebut, kita menunggu pihak berkuasa negeri menerusi peruntukan seksyen 30, diwartakan sebagai warisan negara. Selepas itu, kita akan ambil tindakan di peringkat kebangsaan. Selepas itu, baru kita boleh memohon. Kerjasama yang cukup baik daripada kerajaan negeri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kenapa kerajaan negeri mengambil masa yang agak perlahan-lahan untuk mewartakan?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mewartakan ini bermakna kita terpaksa pergi menerusi proses, kalau tidak silap saya, macam kita berbahas di dalam Dewan ini. Apabila hendak digazet, bermakna ia mesti diluluskan dulu sama ada oleh mesyuarat kerajaan, exco negerikah ataupun sama ada menerusi dewan undangan negeri mereka untuk mengangkat. Baru ia boleh bawa. Boleh digazet. Ini proses yang mesti dilalui dan ia tidak lambat, Yang Berhormat. Prosesnya berjalan dan saya faham dalam proses ini, ia mesti ada prosedur-prosedur untuk diikuti. Ini kadangkala menyebabkan masanya itu mungkin pada anggapan kita lambat sedikit. Akan tetapi yakin dan percaya, ia dalam proses. Saya yakin dalam masa yang terdekat, ia akan digazet dalam peringkat negeri dan kemudian kita akan angkat di peringkat kebangsaan. Ini kerana ia kena pergi proses bantahan apa lagi semua itu. Itu kena buat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya mintalah. Pengalaman saya duduk di Kedah ini. Lagipun *port* saya di depan. Bermakna, kena *push* yang kuat daripada Menteri Kerajaan Pusat terhadap kerajaan negeri ini. Menteri Besar ini tidak macam bapa dia. Bapa dia laju. Anak dia ini *slow* sedikit. Lembap sedikit. Jadi, hendak kena *push* daripada Menteri bagi laju sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Seperti mana yang disebut, ia tidak lambat. Ia memang kita—macam kes Yang Berhormat ini jugalah yang membangkitkan Ashram. Jadi, terpaksa kita kena ikut proses. Ia ada prosedur yang perlu kita ikut. Prosedur ini mesti diikuti kerana kalau tidak, pada bila-bila masa kalau ada bantahan, kalau proses tidak ikut, di mahkamah ia boleh buang kes kalau ada bantahan. Jadi, itu sebab proses ia ikut, Yang Berhormat. Jangan bimbang. Saya boleh bagi jaminan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Pokok Sena juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mengenai Ashram tersebut.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti, nanti. Ashram?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh saya habiskan Yang Berhormat Pokok Sena sekejap?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ahli Yang Berhormat Pokok Sena juga meminta pihak kementerian mengenal pasti dan memberikan satu sijil khas kepada pemandu pelancong tempatan yang tidak berdaftar yang berkebolehan, bercakap berbagai bahasa asing, khususnya di Langkawi supaya ia dapat meningkatkan pendapatan mereka setanding dengan pendapatan pemandu pelancong daripada syarikat-syarikat pelancongan. Kementerian sememangnya mengeluarkan lesen kepada para pemandu pelancong bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti pelancong ditipu, pelancong tidak diberi penerangan yang betul dan pemandu pelancong tidak terampil dan fasih.

Maka, setiap individu yang ingin menjadi pemandu pelancong perlu menduduki kursus dan peperiksaan anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia terlebih dahulu. Justeru itu, setakat ini kementerian tidak mengeluarkan sijil khas bagi mereka yang tidak mengikuti kursus pemandu pelancong. Dia kena ikut, Yang Berhormat. Kalau dia tidak berdaftar, mungkin dia tidak berkursus. Dia mesti berkursus. Oleh sebab kalau dia tidak berkursus, maklumat yang dia beri sebagai seorang pemandu itu mungkin tidak tepat dan tidak benar. Jadi, kita kena kawal. Ada kualiti dan mesti dikawal.

Bagi mereka yang berminat untuk menjadi pemandu pelancong di Pulau Langkawi sahaja kerana fasih dalam beberapa bahasa asing, mereka boleh memohon untuk menyertai kursus pemandu pelancong alam semula jadi setempat yang dikendalikan oleh kementerian bersama dengan Jabatan PERHILITAN. Setelah mengikuti kursus ini, mereka boleh memohon lesen pemandu pelancong alam semula jadi setempat yang dikeluarkan oleh kementerian untuk menjalankan pemanduan di Pulau Langkawi.

Jadi, kita tidak ada masalah. Sesiapa yang berminat, memang ia satu peluang untuk cari makan kalau kita jadi pemandu ini. Kita tidak menghalang, sesiapa sahaja yang apabila telah diuji, kita rasakan bahawa dia berkebolehan, kita akan bagi dia lesen pemandu pelancong. Kursus pemandu pelancong alam semula jadi setempat ini ditanggung oleh kerajaan sepenuhnya. Ditanggung. Kita tidak minta dia apa-apa bayarankah, apakah. Ini kerana kita hendak menggalakkan dia untuk menjadi pemandu pelancong. Jadi, kita tidak kenakan apa-apa caj. *Free* sahaja asalkan dia datang berkursus. Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian (*online*) melalui laman sesawang Jabatan PERHILITAN iaitu www.wildlife.gov.my

Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan pada 17 Mei ini, Jabatan Warisan Negara telah mendengar *inquiry* mengenai Vivekananda Ashram. Satu *inquiry* telah diadakan. Adakah keputusan telah dibuat untuk mewartakan Vivekananda Ashram? Apakah yang terkini mengenai perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Bolehkah soalan sama?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang bangun. Ya, sila.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu sejauh manakah tentang proses menentangkan bangunan Vivekananda Ashram, Brickfields ini? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk memastikan bahawa bangunan yang akan kekal kerana warisan ini pertahankan? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua tanya berkenaan dua Ahli Yang Berhormat ini tanya, satu sebab dalam kawasan dia, Bukit Bintang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Seorang lagi kerana Ashram ini daripada komuniti orang India. Jadi, dia belalah. Jadi, sebab itu dua-dua kena tanya. Nanti mereka pula akan ditanya apa tindakan yang telah mereka lakukan.

■1640

Jadi, saya hendak bagi tahu, betul seperti Yang Berhormat sebut daripada Ipoh Barat iaitu pada 19 Mei, sesi pendengaran daripada pihak pembantah di Jabatan Warisan Negara. Kita telah mengadakan sesi pendengaran bersama dengan pihak pembantah di Jabatan Warisan Negara. Kemudian untuk berlaku adil, kita pula panggil mesyuarat mengenai pewartaan bangunan ini bersama wakil NGO iaitu *Save Vivekananda Ashram Action Committee* pada 5 Jun, pukul 9.30 pagi.

Ini merupakan inisiatif Jabatan Warisan Negara untuk memberi peluang kepada badan NGO dalam menyatakan pandangan berhubung pewartaan bangunan ini sebagai tapak warisan. Pada hari yang sama juga, mesyuarat mengenai pewartaan bangunan ini bersama wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Perancangan Fizikal juga telah diadakan pada jam 11.00 pagi bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut cadangan pembangunan yang dikemukakan oleh lembaga pengerusi di Vivekananda Ashram sebelum apa-apa keputusan dibuat bagi menetapkan tapak tersebut sebagai tapak warisan.

Jadi, ada tiga mesyuarat. Pembantah, kemudian NGO, kemudian kita dengar pula iaitu *proposal* daripada Pengerusi Trustee Ashram yang telah membuat *proposal* untuk membangun kawasan itu. Kita dengar tiga-tiga ini iaitu pada 5 Jun 2015 bagi yang NGO dan juga bersama dengan Jabatan Perancangan Fizikal, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sekarang Yang Berhormat ialah terpulang kepada *Commissioner* warisan kita. Setelah mendengar tiga-tiga ini untuk dia membuat keputusan, ya. So, kita sudah sampai kepada, dengan izin, *the final stage*. *The next stage is for the Commissioner to decide, which is my* Ketua Pengarah, Jabatan Warisan Negara.

Apabila dia buat keputusan nanti, maka ada lagi satu ruang untuk rayuan bagi pihak yang dianggap sebagai yang kalah. Maknanya, kalau NGO menang, maka *trustee* boleh *appeal*. Kalau *trustee* menang, NGO boleh *appeal* dan *appeal* itu ialah kepada saya selaku Yang Berhormat Menteri yang diberi tanggungjawab di bawah Akta Warisan, rayuan terakhir kepada saya. Jadi, *we have reached the final stage. If there is no appeal*, habislah. Akan tetapi kalau ada *appeal*, maka ada satu *step* lagi iaitu kepada saya. Jadi, usaha yang telah Yang Berhormat lakukan itu, kedua-duanya telah pun hampir sampai ke penghabisannya. Jadi, sabar, bukan Yang Berhormat Menteri tidak buat kerja tapi Yang Berhormat Menteri buat kerja. Akan tetapi mesti mengikut prosedur supaya jangan nanti dibawa ke mahkamah, kalau ada *slack* dalam prosedur ini, maka ia boleh dibuang kes ataupun dibatalkan keputusan yang telah dibuat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, tidak puas hati lagi?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Puas, puas. Saya hendak cakap sedikit, walaupun puas saya hendak tambah sedikit. Saya hendak cakap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga dengan kementerian yang telah berusaha untuk membuat mengikut prosedur-prosedur ruangan undang-undang. Saya harap satu keputusan yang baik dibuat dengan seberapa segera yang boleh supaya perkara mewariskan harta ini dapat diwartakan harta ini, dapat dibuat dengan seberapa segera yang boleh. Saya hendak cakap terima kasih lah. Itu sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita melakukan semua ini mesti mengikut prosedur seperti yang telah saya sebut sebentar tadi supaya tidak ada ruang untuk mana-mana pihak nanti yang tidak berpuas hati menggunakan itu sebagai alasan untuk membatalkan. Jadi, *insya-Allah* benda ini akan dapat diselesaikan dalam masa yang tidak berapa lama lagi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh mencadangkan kementerian memberi peruntukan bagi membangunkan destinasi pelancongan di kawasan Lembah Klang kerana kebanyakan pelancong asing yang masuk ke Semenanjung Malaysia adalah melalui KLIA. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian ini telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM14.9 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan pelancongan di Selangor.

Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM65 juta bagi pembangunan projek di Kuala Lumpur seperti pembangunan Taman Eko Rimba Kuala Lumpur, Istana Budaya dan Balai Seni Lukis Negara. Kementerian ini juga telah diperuntukkan sebanyak RM 334.4 juta di bawah *Programme National Key Economic Areas* (NKEA) – Pelancongan, bagi melaksanakan 12 *entry points*. Di mana salah satu *entry point* projek tersebut adalah bagi membangunkan Mitsui Outlet Park (MCP) yang terletak di Sepang iaitu sejauh 6 kilometer dari KLIA. Pusat membeli belah yang telah dibuka dengan rasminya pada 30 Mei 2015 merupakan pusat membeli belah barangan berjenama yang terbesar di Asia Tenggara dan menjadi tarikan baru kepada pelancong luar negara untuk melancong dan berbelanja di negara kita.

Projek dan program yang telah dilaksanakan ini secara tidak langsung telah menaik taraf produk-produk pelancongan di Lembah Klang bagi menarik lebih ramai pelancong, khususnya dari luar negara untuk mengunjungi negara kita. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Gerik minta kementerian mewujudkan peluang-peluang produk pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong di kawasan hutan Royal Belum. Setelah Yang Berhormat Perdana Menteri mengumumkan kawasan tersebut akan dijadikan kawasan warisan yang diiktiraf oleh UNESCO. Yang Berhormat juga turut mencadangkan kementerian mewujudkan beberapa produk pelancongan seperti pakej 4 hari 3 malam bagi menjalankan aktiviti *jungle tracking* ke Kampung Belum Lama yang telah ditinggalkan lebih 100 tahun akibat serangan komunis dahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Taman Negeri Diraja Belum, Gerik, Hulu Perak telah diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan pada 2012 mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005, Akta 645. Susulan lawatan Yang Amat Perdana Menteri ke Royal Belum pada 9 Mei 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah pun mengadakan perbincangan dengan beberapa jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Perak pada 19 Mei 2014, 24 April 2015 dan 28 April 2015 dalam usaha mengangkat Royal Belum sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Sebelum sesuatu tapak diangkat ke UNESCO untuk dimasukkan sebagai senarai tentatif, data dan maklumat lengkap perlu dikumpulkan kerana setiap penyenaiaan akan dinilai terlebih dahulu oleh UNESCO.

Proses dan prosedur ini akan mengambil tempoh masa yang panjang sebelum penyediaan dokumen ataupun *dossier* yang lebih terperinci. Kebiasaannya tempoh bagi sesuatu pencalonan memakan masa selama 4 tahun hingga 5 tahun. Untuk itu, kementerian melalui Jabatan Warisan Negara sedang menjalankan kerja awalan, termasuk pengumpulan maklumat dan perbincangan berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan imej hutan Royal Belum sebagai sebuah destinasi pelancongan dan meningkatkan produk pelancongan seperti pakej-pakej ke Belum bagi menarik lebih ramai pelancong, pihak kementerian melalui agensi Tourism Malaysia menyertai pameran-pameran pelancongan bertaraf antarabangsa seperti *International Tourism Bourse* (ITB) di Berlin dan *World Travel Mart* di London.

Tourism Malaysia juga melibatkan MK Group dalam misi galakan ke luar negara, di mana ia berpeluang memperkenalkan pakej-pakej istimewa kepada pengusaha pelancongan di pasaran berkaitan. Di samping itu, Tourism Malaysia dengan kerjasama Malaysia Nature Society (MNS) pernah menganjurkan satu program promosi yang diberi nama *International Hornbill Expedition* 2013 di Belum Temenggor Forest Complex. Program tersebut yang bertujuan untuk mempromosikan aktiviti pemerhatian burung turut memberi pendedahan terhadap produk pelancongan Belum. Hutan Belum juga dipromosikan semasa penyertaan Tourism Malaysia dalam pameran pelancongan, *trade* dan *consumer* di peringkat domestik iaitu semasa pameran MATTA Fair, Malaysia *International Travel Mart* (MITM), *Travel Fair*, serta *Corporate Travel Bazar* (CTB).

■1650

Tourism Malaysia juga menyediakan risalah dan bahan promosi berkaitan negeri Perak termasuk Hutan Belum untuk disebar kepada pelancong dan pengusaha pelancongan melalui 14 pejabat Tourism Malaysia Negeri, 22 pusat penerangan pelancongan di seluruh negara melalui 44 Pejabat Tourism Malaysia di luar negara serta di pameran-pameran antarabangsa yang disertai.

Tourism Malaysia dengan kerjasama MK Group juga menganjurkan lawatan suai kenal bagi memberi peluang dan pengalaman kepada para pengusaha pelancongan dan media tempatan serta asing mengenai keunikan Hutan Belum. Melalui usaha dengan pengusaha pelancong asing khususnya dapat melahirkan pakej-pakej berdasarkan keperluan pasaran. *Royal Belum Rainforest* juga turut dipromosikan menerusi kempen pengiklanan luaran seperti *billboard* yang ditempatkan di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan serta penerbitan *vignettes* oleh *National Geographic Channel* yang ditayangkan menerusi rangkaian TV satelit di seluruh dunia.

Agaknya saya boleh berhenti dah lepas ini. Suara nak hilang dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pun tengok di sini Yang Berhormat Bagan Serai tak ada. Cuma, Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Kota Melaka ada, saya akan jawab Yang Berhormat Kota Melaka.

Yang Berhormat Kota Melaka meminta kementerian menyatakan status Projek Pengindahan Sungai Melaka Fasa II yang lewat siap dan Projek Monorel Fasa II yang terbengkalai yang secara tidak langsung menjejaskan imej serta ekonomi negara melalui kehadiran pelancong asing sempena MyFEST 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pengindahan Sungai Melaka Fasa II adalah di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Melaka dan bukannya di bawah peruntukan pembangunan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Projek yang melibatkan peruntukan kementerian adalah projek penambahbaikan pencahayaan di sepanjang Sungai Melaka dengan peruntukan sebanyak RM500,000 dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2014. Jadi kalau '*hak*' mana kementerian saya, siaplah itu. Yang '*hak*' tak siap itu tanya kerajaan negeri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, dalam satu kenyataan akhbar, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka katakan kerana untuk menyokong program MyFEST ini, Pesta Sungai Melaka telah dinaiktarafkan ke taraf antarabangsa dan dia merasa kesal kerana ini satu kecacatan kerana

fasa kedua projek pembinaan Sungai Melaka ini tidak dibina keseluruhan. Sebab itu dia katakan harap permohonan dapat diluluskan.

Sebab itu saya nak tanya kementerian, kalau bukan Kementerian Pelancongan, di mana permohonan peruntukan tambahan ini datang? Daripada kementerian yang mana? Bukan katakan datang daripada Kerajaan Negeri Melaka. Dia kata dia sudah buat permohonan dan harap permohonan itu dapat diluluskan. Sebab itu saya tanya kedudukan tentang permohonan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau dia membuat festival di Sungai Melaka, maka keseluruhan perbelanjaannya tidak boleh ditanggung oleh kementerian saya. Dia sepatutnya mencari *sponsor* dan kita hanya boleh memberi sedikit sumbangan tapi bukan seluruh sumbangan itu mesti diberikan oleh kementerian saya. Jadi dalam perkara ini, saya pun tidak tahu bila permohonan itu telah dihantar sama ada secara lisan kah ataupun bersurat kah tapi kalau ia ada bersurat, saya akan lihat permohonan ini.

Akan tetapi, sebagaimana yang telah saya sebut iaitu kita tidak boleh jadi *the main sponsor*. Kita tidak boleh memberikan, katakan kalaulah perbelanjaannya itu katalah RM4 juta, kalau dia mengharapkan RM4 juta itu datang daripada kementerian saya, maka itu adalah satu permohonan yang mungkin tidak dapat ditunaikan oleh kementerian sebab kementerian saya bertanggungjawab kepada banyak festival yang bukan sahaja yang dianjurkan oleh Melaka tetapi banyak negeri-negeri lain lagi yang menganjurkannya yang juga perlu mendapat *sponsorship* sebahagiannya daripada saya. Jadi saya akan lihat perkara ini dan saya harap saya punya pegawai akan ambil maklum supaya kita akan dapat memberi jawapan kepada Yang Berhormat.

Bagi projek monorel, status terkini bagi pelaksanaan projek tersebut adalah 75.5% berbanding dengan jadual perancangan 100% siap. Kelewatan ini disebabkan oleh kelewatan di pihak kontraktor dalam menguruskan perjanjian bersama pembekal koc dari negara China. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah mengeluarkan surat amaran kepada pihak kontraktor supaya dapat menyiapkan projek ini dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat Kuala Kangsar ada? Jawapan bertulis ya. Yang Berhormat Sepanggar? Yang Berhormat Sepanggar tak ada? Okey, jawapan bertulis. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja... Yang Berhormat Bukit Gantang ada? Yang Berhormat Bukit Gantang, naib presiden. Tak ada? Okey. Betul kan naib presiden? Betul? Saya pun risau ini fasal... *[Disampuk]* Betul ya? Disahkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja isu-isu perbincangan yang menyentuh...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri. Indera Mahkota.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, kenal-kenal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Minta maaf, tak nampak. Berdiri atas apa itu?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya dah berdiri atas kerusi ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ini bila datang Menteri Pertahanan, bukan main semangat lagi ya? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri, saya telah meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi apabila menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawasanya, bagi saya, Yang Berhormat Menteri tentu bersetuju bahawa pelancongan merupakan faktor yang penting bagi negara kita kerana dengan keadaan nilai kewangan kita jatuh kerana *outflow of cash from this country* kepada negara-negara seperti Indonesia, Bangladesh dan sebagainya begitu hebat, maka untuk mengimbangnya, saya percaya bahawasanya *the tourist dollars is very important*. Bersetuju tak bahawasanya *tourism* adalah satu faktor yang penting bagi negara kita untuk mengembalikan balik wang yang keluar dan saya menganggap bahawasanya kementerian ini adalah kementerian yang penting.

Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tadi telah menjelaskan beberapa *constraint*, sekatan dan halangan bagi pelancong-pelancong seperti *from China* dan India untuk datang ke mari dan mereka lebih rela pergi ke Thailand dan Indonesia. Adakah Yang Berhormat Menteri yakin bahawasanya dengan huraian yang mungkin Yang Berhormat Menteri nak buat boleh mengatasi masalah *constraint* yang disebutkan pagi tadi? Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Boleh Menteri saya minta sikit? Sambung daripada Yang Berhormat Indera Mahkota.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sebelum itu, atas jawapan Menteri tadi Tuan Yang di-Pertua, saya terujalah. Kami semua tadi berbincang dan kami bersetuju nak memberi lima bintang kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri juga ada sebut bahawa negara kita kaya dengan tempat-tempat pelancongan. Cuma malangnya, rakyat tempatan ini tidak begitu *appreciative* kadang-kadang hinggakan kita terlepas pandang bagaimana aset kita ini boleh menjana pendapatan apabila pelancong-pelancong masuk berbanding dengan Thailand. Saya setuju dengan Menteri, kita tengok di Thailand itu walaupun orang-orang kampung sahaja tetapi cara dia *organize*, tidak ada campur tangan daripada pihak *local government* pun, kadang-kadang tasik yang begitu kecil tetapi orang kampung boleh *organize* dan membuatkan kita cukup gembira untuk melawat kawasan-kawasan tersebut.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah apakah Menteri boleh bincang dengan pihak RTM ataupun pihak Kementerian Multimedia untuk harus ada satu maklumat yang mesti diberikan sentiasa, bukan sekali-sekala tetapi kalau dalam program-program TV ini diselitkan setiap kali

selepas berita kah lima enam minit untuk ditunjukkan tempat-tempat yang cantik tapi tempat yang cantik ini menjadi tidak cantik disebabkan oleh perangai inilah, perangai tempatan. Ini membuatkan akhirnya rakyat akan rasakan kita harus selesaikan masalah ini dan jangan mengharapkan kerajaan tetapi juga kita sebagai rakyat ini mengambil tindakan dan ini harus ditunjukkan dalam bentuk TV dan sebagainya.

■1700

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat Menteri kerana dapat lima bintang. *[Tepuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Kuantan sudah balik. Yang Berhormat Indera Mahkota, saya setuju dengan dia. Kalau tidak setuju pun tidak boleh. Dia senior saya di Kolej Melayu Kuala Kangsar dahulu. Sama-sama pakai *tie* sama tapi rakan saya Yang Berhormat daripada Sembrong dia tidak pakai *tie* hari ini...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Cakap fasal pakai *tie* ini, Tuan Yang di-Pertua pun bukan orang lain. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Dia tidak pakai *tie* hari ini saya cakap boleh minta RM1 daripada dia. Junior saya dia tidak pakai *tie* Malay College, hari Rabu.

Ya, saya setuju iaitu sebenarnya Yang Berhormat apabila orang bersungut mengatakan bahawa duit ringgit kita telah jatuh begitu banyak sekali, orang yang paling gembira ialah saya sebab apabila USD1 sudah jadi RM3.80 ini bermakna bahawa orang-orang luar wajib datang melancong ke negara kita sebab *they can stretch their money*. Kalau dahulu USD1 RM3.20 ke RM3.30 sekarang sudah RM3.80. Jadi dia mesti datang ke negara kita sebab dia boleh membelanjakan wang dan akan merasa begitu mewah apabila datang ke Malaysia.

Dalam masa yang sama apabila duit kita jatuh, Yang Berhormat Pokok Sena tidak boleh pergi melawat luar negara. Dia kena cuti-cuti Malaysia di sini sahaja. Jadi orang kita tidak boleh keluar sebab sudah mahal. Hendak pergi ke UK saya difahamkan GBP1 sama dengan RM5.70, tinggi. Jadi bila tinggi, dia tidak akan pergi keluar negara. Dia akan belanja di dalam negara. Jadi bila wang ringgit jatuh saya yang paling gembira sekali dan betullah seperti mana Yang Berhormat Indera Mahkota kata untuk mengembalikan wang ini ke negara kita, maka *tourism* ini memang satu kementerian dan industri yang cukup penting kerana industri ini boleh mengutip balik wang yang telah dibawa keluar negara. *[Disampuk]* Jadi saya setuju apa Yang Berhormat sebut.

Sememangnya juga dibincangkan di *United Nations World Tourism Organization* bagaimana mereka berusaha untuk meruntuhkan rejim visa. Dia kata *visa is anti tourism* kerana dengan adanya visa ini, dia menyukarkan untuk rakyat dunia melawat di antara satu sama lain dan

sememangnya kalau kita letak visa dan kenakan pula bayaran yang tinggi dia merugikan kita kerana orang ada pilihan lain.

Jadi apa yang saya sebut iaitu bahawa visa ini mesti dihapuskan untuk mereka yang hendak datang ke negara kita sebagai pelancong. Mesti dihapuskan. Dengan cara itu maka kita boleh membawa pelancong lebih ramai ke negara kita untuk mencapai sasaran 29.4 juta bagi tahun 2015.

Jadi sebab itu Yang Berhormat saya setuju. Pertamanya *tourism* ialah satu industri yang boleh mengutip balik wang untuk dikembali ke negara kita dan yang keduanya visa ini mestilah dihapuskan untuk menyenangkan pelancong-pelancong datang melawat negara kita kerana ini antara faktor yang boleh mempengaruhi seseorang itu kalau dia hendak melancong ke Tenggara Asia. Sudah tentu kalau Thailand dengan Indonesia yang tidak kenakan visa langsung kepada *tourist*, sudah tentu kalau saya pun pelancong luar negara, saya akan pilih Indonesia dan Thailand kerana tidak payah visa boleh datang.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya setuju Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu tidak di Thailand ini tahun 2013 waktu itu baju merah lawan baju kuning semua, pelancongannya tidak terjejas pun. Dia telah menepis kita dia duduk nombor 10, kita jadi nombor 11. Waktu dia bergaduh tahu. Kerana apa? Ini kerana rakyat dia itu diajar bahawa pelancongan adalah penting untuk negara mereka. Dia memberi jaminan kerja juga kepada *grass root*. Jadi sebab itu walaupun ada pergaduhan di antara baju merah dan baju kuning di Thailand tetapi pelancongannya tidak terjejas. Kerana apa? Kita bergaduh berdua, jangan kacau pelancong. Pelancong tetap datang.

Saya tanya kepada pelancong pada tahun 2013 dahulu, saya tanya dia, dia melawat ke mana. Dia kata pergi Thailand. Dia baru datang dari Thailand. Melancong ke Thailand datang ke Malaysia. Saya tanya dia macam mana kedudukan di sana baju merah lawan baju kuning. Dia tidak ada apa, mereka tidak kacau kita. Kita boleh melawat semua tempat yang menjadi pusat pelancongan dan mereka tidak kacau. Jadi inilah mentaliti yang ada pada orang-orang Thailand sehinggakan dia tahu kebersihan itu merupakan satu fakta yang penting untuk menarik pelancongan. Dia punya jambannya, minta maaf perkataan ini. Jamban dia...

Seorang Ahli: Tandas!

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mahu, tandas cantik di bandar. Di kampung, jamban. Kalau saya sebut tandas, kita tidak dapat membayangkan macam mana. Ini jamban. Jamban ini kita rasa kotorlah tapi jamban dia bersih, air cukup. Dia memang di mana-mana pun sampai ke kampung di hulu mana sekalipun jambannya bersih. Ini mentaliti.

Jadi saya setuju Yang Berhormat iaitu kita mesti cari jalan dan cara bagaimana hendak menukar pemikiran rakyat Malaysia kita. Kejayaan pelancongan di negara kita ini bergantung kepada rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia dikenali *hospitality number one*. Memang bagus. Saya baru-baru ini *Bollywood*. *Bollywood* jumpa dengan Bipasha Basu, Shahid Kapoor...

Seorang Ahli: Shah Rukh Khan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Shah Rukh Khan tidak mari. Yang mari yang mata kelabu itu. *[Disampuk]* Bukan Kareena Kapoor, yang lelaki menari *terror*. Hrithik Roshan, Anil Kapoor. Saya tidak tipu. Dia jumpa saya dia kata Menteri...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak ajak.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memanglah tidak ajak fasal saya tidak mahu bagi Yang Berhormat pergi sebab kalau saya ajak nanti saya tidak boleh menceritakan di sini. *[Ketawa]* Sebab itu saya tidak ajak. Tidak, sebenarnya kena bayar. Saya malulah hendak minta banyak sangat. RM1,000 *seat* dia. Jadi mereka beritahu, dia kata Menteri, *Malaysia is a beautiful country*. Betul, saya tidak tipu. Dia kata *we feel welcome, we feel loved and we feel warm*. Maknanya dia datang ini dia rasa disayangi. Mana dia tidak rasa sayang Yang Berhormat, apabila kita punya budak-budak yang jaga di hotel-hotel nampak sahaja dia mereka menjerit semua tanya, angkat beg semua. Jadi memang betullah kita kenal dia. *Bollywood* memang kita kenal.

Jadi dari segi hospitaliti kita okey. Cuma *maintenance* kebersihan ini mesti dilakukan satu kejutan dan pemikiran kita dan saya setuju kita mesti fikir luar daripada kotak. Kalau perlu saya akan bincang dengan rakan saya Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, kita masukkan jamban-jamban yang kotor ataupun bangunan yang mula baru sekarang macam mana supaya sedarkan kepada kita bahawa kita perlu menukar sikap kita terhadap kebersihan dan juga terhadap penyelenggaraan. Jadi Yang Berhormat Sungai Petani saya setuju dan terima kasih kerana memberikan saya *five star*. Sekian. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Pertahanan. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.08 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin mengucapkan terima kasih dan menyatakan penghargaan kepada sembilan orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Kuala Kangsar yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan usul Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Pertahanan Malaysia akan memperkasakan bidang pertahanan negara dengan memberi tumpuan kepada empat aspek utama iaitu:

- (i) meningkatkan kesiapsiagaan aset dan kemudahan fizikal angkatan tentera Malaysia;

- (ii) meningkatkan keupayaan bagi berhadapan ancaman bukan tradisional dan mungkin ancaman-ancaman baru dan memberi tumpuan keselamatan di Sabah;
- (iii) menambah baik aspek kebajikan anggota dan veteran ATM; dan
- (iv) memperkukuh sektor inovasi dan sektor komersial industri pertahanan.

■1710

Mengenai memperkukuhkan keselamatan di Pantai Timur Sabah, perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan yang telah mencadangkan agar ATM menggunakan aset yang lebih canggih di kawasan Pantai Timur Sabah serta isu agihan kekuatan ATM secara saksama antara Semenanjung dan Sabah Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat memandang serius serta komited dalam menentukan kedaulatan dan keselamatan di Pantai Timur Sabah sentiasa terpelihara dari sebarang bentuk ancaman sama ada yang datang dari luar ataupun dari dalam negara. Penubuhan *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE) di bawah pemerintahan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) dengan izin, adalah sebahagian daripada bukti komitmen dan usaha kerajaan untuk memperkukuhkan pertahanan dan keselamatan di kawasan berkenaan.

Peranan utama ATM di Pantai Timur Sabah adalah untuk menentukan ancaman dan pencerobohan terbuka dari luar negara dapat dibendung dan dihalang. Itu merupakan peranan dan tanggungjawab ATM yang paling utama. Bagi memenuhi peranan ini pihak Kementerian Pertahanan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuhkan pertahanan di kawasan ini.

Antara inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan pada tahun ini mengikut perkhidmatan dalam ATM, untuk markas ATM pertamanya mewujudkan dua pangkalan operasi hadapan di laut dalam bentuk *sea basing*, dengan izin. *Sea basing* pertama yang merupakan kapal kargo yang telah melalui proses baik pulih dan modifikasi telah mula beroperasi sepenuhnya di Permatang Telatan, Sabah pada 15 Mei lalu. *Sea basing* kedua yang merupakan *Mobile Offshore Production Unit* (MOPU) dengan izin, telah siap dan telah diatur gerak ke Sabah semalam, pada 9 Jun ini serta dijangka tiba pada 5 Julai di kawasan operasi di Teluk Lahad Datu.

Kedua, mengatur gerak 12 bot *Mark V Special Operations Craft* (SOC). Bot *Mark V* SOC ini yang dalam proses perolehan mempunyai kemampuan untuk dioperasikan pada kelajuan tinggi dilihat mampu dan dapat memberikan nilai tambah terhadap pengoperasian *sea basing*. Bot ini akan digunakan untuk tugas rondaan kawasan perairan Sabah dan juga untuk memintas bot-bot yang mencurigakan. Berhubung kait dengan Tentera Darat pula.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Minta maaf Yang Berhormat Menteri, sini Indera Mahkota.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota, silakan.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat sebut tadi adalah *hardware* tetapi saya memahami bahawasanya negara Malaysia pernah memiliki *our military intelligence* dan *police intelligence* yang boleh kita katakan bangga sebagai setanding di peringkat dunia. Saya berani menyatakan satu ketika *we are one of the best in this region*. Sama ada *military intelligence* dengan *police intelligence*, tapi apa dah jadi kini apabila Sabah begitu mudah sangat dipenetrasi oleh golongan seperti ini dan baru-baru ini kita tengok di Perlis pun keadaan yang sedemikian rupa juga. Apakah *is it intelligence failure* atau sebab apa yang terjadi macam ni? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Seperti yang saya sebutkan tadi, kemampuan ATM dan MINDEF Yang Berhormat, tumpuan kita ialah untuk melihat kepada ancaman dan pencerobohan. Hal-hal yang berhubung kait dengan masalah-masalah jenayah tradisi, penculikan, penyeludupan dan sebagainya, itu di bawah bidang kuasa agensi-agensi lain dan itu mesti ditunjukkan kepada Menteri yang berkenaan. Akan tetapi dalam konteks *military intelligence* atau risikan ketenteraan, ancaman yang kita hadapi sekarang berubah daripada terdahulu.

Ini telah pun diakui oleh seluruh dunia dan baru-baru ini ADMM kesemua sepuluh negara ASEAN telah pun bersepakat untuk menolak IS, contoh dan IS ini merupakan satu ancaman yang perlu kita lihat bukan sahaja dalam konteks Timur Tengah tetapi seperti kumpulan-kumpulan Abu Sayyaf, VIFF, MNLF semua telah baiah dan menyokong dan ikrar sokongan kepada IS, hendak wujudkan satu khalifah Islamiah di kawasan Sabah.

Ini menuntut kita berkongsi pengalaman dengan negara-negara berdekatan dan keselamatan maritim di *Straits of Sulu*, itu sahaja melibatkan empat negara iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia dan juga Filipina. Saya setuju bahawa risikan ketenteraan memang pada ketika dahulu pun memang kukuh tetapi kita mesti menyesuaikan hubungan itu mengikut ancaman baru yang kita hadapi. Ini merupakan sesuatu fenomena yang perlu kita *navigate* secara teliti.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *I think* elok kita *on record* dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya pada satu ketika kita punya *military intelligence* dengan *police intelligence* mereka bergerak dengan begitu hebat hinggakalau kalau Yang Berhormat ingat bahawasanya hinggakalau kepala komunis di negara China yang dikepung oleh komunis di China mampu negara Malaysia bawa balik. Yang itu yang kita nak berasa bangga. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Memang saya menghargai sangat pengiktirafan Yang Berhormat tetapi sebagai Menteri Pertahanan kebimbangan kita bila melihat apa yang menular di Timur Tengah berhubung kait dengan IS merupakan ancaman baru yang perlu kita meneliti secara dekat. Ini saya bersetuju tidak

berkisar kepada aset-aset semata-mata kerana apa yang kita lihat serangan-serangan *coalition* yang di Iraq dan Syria tidak menyekat kemaraan IS, apa yang kita lihat di Yaman yang menular pada hari ini pun tidak menampakkan hasil.

Ini semua menjadi iktibar kepada kita kerana yang penting sekarang ini ialah melihat apa yang berlaku di sana. Menyedari yang ia boleh berlaku di kawasan kita, di rantau kita dan kita mesti mengambil tindakan-tindakan yang proaktif termasuk juga perkongsian maklumat yang meneliti dan meniti ancaman-ancaman baru yang fenomenanya baru kepada semua di dunia pada hari ini. Ini satu perkara yang membimbangkan tetapi kita tidak keseorangan kerana saya sebut tadi Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN baru-baru ini telah pun bersetuju untuk bekerjasama untuk mengatasinya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya inginkan penjelasan yang lebih lanjut tentang pendirian kementerian yang disebut tadi soal persediaan kita untuk berhadapan dengan keadaan keselamatan kerana RMKe-11 ini bercakap tentang pertumbuhan untuk membantu rakyat, mengurangkan ketakutan rakyat. Jadi, saya fikir antara perkara aspek yang paling penting yang tidak boleh kita ke sampingkan ialah soal pembelian aset yang terkini yang terancanglah.

Saya ingin tanya pendirian kementerian, dalam RMKe-11 ini apakah kita berikan sedikit penumpuan terhadap penambahbaikan *military asset* kerana kalau kita boleh beli kapal terbang atau jet yang baru untuk Perdana Menteri *why don't* kita *spend* sedikit untuk memastikan agar peralatan kita canggih dan bersedia sebab saya baca kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa kita akan tengok keadaan. Pada saya, mungkin saya silap, mungkin salah *reporting* tapi kalau tengok keadaan ini merbahaya. Kita tidak *pre-empt* keadaan yang mungkin berlaku. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya tidak setuju bahawa kita tidak *preempt* tetapi apa yang saya nyatakan berhubung kait dengan RMKe-11 merupakan satu perkara yang realistik iaitu pertamanya kita mesti lihat bahawa dari segi kemampuan kita. Keduanya, kalau tak ada duit tak guna kita menyatakan apa di atas kertas pun kalau sekiranya satu pesawat MRCA boleh membina satu universiti kalau itu yang dilihat oleh Yang Berhormat sebagai satu peralatan yang canggih apabila kita beli MRCA Yang Berhormat Bukit Katil juga yang akan membantah pembiayaan aset berkenaan.

■1720

Keduanya ialah berhubung kait dengan ancaman yang kita hadapi. Kalau kita lihat apa yang berlaku di Timur Tengah, mereka mempunyai kesemua aset yang paling canggih di dunia. Di

Yaman sahaja, yang membuat serangan di Yaman termasuk Super Hornet, Typhoon, Rafale, Gripen dari Sweden pun digunakan. Akan tetapi ia tidak membantu untuk menyekat kemaraan apa yang berlaku di sana. Ini kita kena kaji supaya apa yang kita beli dengan kemampuan yang terhad ini, menjurus kepada apa ancaman yang terpaksa kita hadapi.

Hendak kejar *pump boat* di Sabah tidak perlukan peralatan yang canggih dan yang melibatkan berjuta-juta, berbilion-bilion ringgit. Jadi, itu merupakan sesuatu yang MINDEF sekarang ini sedang memperhatikan dan memperincikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya akui bukan mudah kerana siling yang ada pada kita terhad dan apa yang telah kita komited sebelum ini perlu dibiayai, berhubung kait dengan aset-aset kita yang lain. Akan tetapi pada masa yang sama, yang penting...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...saya hendak tekankan kepada Dewan yang mulia ini ialah ia juga mesti bersandarkan kepada ancaman baru yang kita hadapi, pertama. Keduanya, kita kena dapat *buy-in* daripada orang ramai supaya transparensi apa yang kita hendak lakukan dengan duit rakyat ini dapat difahami oleh orang ramai, supaya ia tidak menjejaskan perancangan kita untuk memastikan keselamatan dan juga kedaulatan dan maruah negara, bangsa kita dapat dipelihara. Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Silakan Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Mungkin Menteri tidak akan kandungi perbincangan saya kerana saya membangkitkan isu *airbase* di Sungai Besi ini dalam konteks 1MDB. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri tentang penyediaan kita. Sebelum ini, Lapangan Terbang TUDM di Sungai Besi ini merupakan benteng pertahanan negara kita dari segi kekuatan tentera udara. Dengan pemindahan semua fasiliti, akan termasuk mungkin muzium dan lain-lain lagi, apakah penggantian kita untuk memperkukuhkan pertahanan kita di ibu kota ini dengan tanpa satu lapangan Tentera Udara yang begitu kuat sejak dahulu? Apakah *backup* yang telah dirancang oleh kementerian? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Perkara ini tidak dibangkitkan dalam perbincangan... [Disampuk] Nanti saya jawab dalam konteks Kementerian Pertahanan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bot Mark V tadi, bot ini saya harap dapat beroperasi dalam masa terdekat. Kita telah membuat keputusan untuk menggunakan bot-bot yang kecil-kecilan untuk berhadapan dengan ancaman yang kita hadapi di *Straits of Sulu*, dengan izin, khusus untuk memintas bot-bot lain yang mencurigakan.

Persiapan tentera darat Tuan Yang di-Pertua, kita telah atur gerak 12 buah kenderaan perisai 8X8 Gempita. Ini merupakan aset terbaru ATM yang kita telah pun gerakkan *batch* pertamanya terus ke Sabah dan telah pun ditempatkan di Kem Kukusan Tawau pada 14 Januari

tahun ini. Kedua, berhubung kait dengan tentera darat, atur gerak 18 buah kenderaan perisai *Military Infantry Fighting Vehicle* (MIFV) Tuan Yang di-Pertua. Kenderaan ini kini telah ditempatkan di Kota Belud. Pemasangan *gatling gun* pada lima buah pesawat A119 Agusta LOH kita, empat pesawat yang akan dipasangkan dengan *gatling gun* ini akan ditempatkan di Lahad Datu, manakala sebuah lagi pesawat akan ditempatkan di Semenanjung bagi tujuan latihan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Pokok Sena hendak tanya atau bangun sahaja?

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Stampin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Stampin.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak ada? Hendak balik sudah? Okey, *assalamualaikum. [Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Okey, *alhamdulillah. [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Stampin bangun. Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Boleh Yang Berhormat? Stampin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin, sila.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, satu soalan dan satu cadangan. Soalan saya, Tun Dr. Mahathir dalam satu forum pernah membawa cadangan supaya Menteri Pertahanan mempertimbangkan membeli UAV yang jenis yang boleh terbang *endurance* 12 jam. Akan tetapi saya tahu juga *bahawa under our Defense Department* kita ada ScanEagle. Jadi, saya hendak tahu status ScanEagle di Sabah, adakah ia digunakan secara berkesan?

Cadangan saya, saya dapati bahawa Angkatan Tentera Indonesia, mereka ada membeli Ekranoplan. Ekranoplan itu dia adalah sejenis *flying boat*. Ia terbang menggunakan *ground effect*. Jadi, ia adalah lebih laju daripada bot-bot kerana ia boleh terbang di atas laut. *It is actually a plane, but its flying boat* dan harganya pun murah *if compared to* helikopter. Ini cadangan saya yang mungkin Menteri Pertahanan boleh itu. *It is called* Ekranoplan. *Thank you very much.* Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ekranoplan ini nanti kita akan melihat kesesuaiannya untuk keperluan kita. Akan tetapi berhubung kait dengan soalan UAV tadi, nanti saya akan jawab kerana ia dibangkitkan dalam perbincangan RMKe-11 ini.

Tambahan atur gerak 3 *Batallion Infantry Standard* (BIS) di Sabah juga merupakan usaha kita untuk memperkukuhkan kedudukan kita di Sabah ini. Penempatan sementara satu batalion

infantry berkekuatan seramai 20 pegawai dan 284 anggota di Kem Kukusan Tawau Sabah sementara menunggu penempatan kekal BIS di FELDA Sahabat 16, Desa Kencana, Lahad Datu yang dijangka siap dibina pada tahun 2017.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pada masa yang sama, satu batalion dengan kekuatan 18 pegawai dan 268 anggota telah ditempatkan di Kem Lok Kawi pada awal tahun ini. Satu batalion dengan kekuatan 19 pegawai dan 266 anggota telah ditempatkan di Kem Fairyland Labuan bermula pada awal tahun ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Jumlah anggota tambahan yang telah digerakkan dengan atur gerak tiga BIS ini adalah seramai 57 pegawai dan 818 anggota. Ini usaha kita untuk meyakinkan kepada rakyat Sabah khususnya, bahawa kita serius dalam memikul tanggungjawab dari segi keselamatan mereka di Sabah. Sila.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Menteri. Maaf, *I missed out one point*. Ada satu cadangan lagi. Cadangan saya ialah boleh kita pakai kita punya *local expertise* untuk membangunkan UAV? Bukan sahaja PDRM tetapi juga universiti-universiti ataupun agensi yang lain dan juga membangunkan Ekranoplan. Ini kerana setahu saya, universiti kita dan *researchers* kita ada *capability* untuk berbuat demikian. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya setuju dan itu terangkum di dalam empat perkara yang saya sebutkan awal-awal lagi iaitu usaha untuk memperkukuhkan sektor inovasi dan sektor komersial industri pertahanan. Sudah tentunya perlu melibatkan *downstream, research* dan juga daripada universiti-universiti kita. Ini antara perkara-perkara yang saya sendiri tekankan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas kerana industri pertahanan boleh memainkan peranan yang membantu ekonomi negara yang mencabar ini.

Dari segi tentera darat, masih lagi di Sabah. Pembinaan kem tentera darat di FELDA Sahabat Lahad Datu, untuk menempatkan markas briged ESSCOM, sebuah batalion *infantry* dan elemen-elemen logistik bagi meningkatkan keupayaan dan memperkemaskan *defense structure* di negeri Sabah sedang dilaksanakan.

Mengenai tentera laut pula Tuan Yang di-Pertua, pengoperasian empat kapal TLDM. Sebuah daripada empat ini berkeupayaan platform helikopter, ditugaskan sepanjang masa yang turut melibatkan kapal yang berpangkalan di Semenanjung Malaysia yang ditugaskan secara giliran berdasarkan keperluan operasi. Pertama.

Kedua, pengoperasian empat CB690 di Pangkalan KD Sri Sandakan. Ini *combat boats* yang dioperasikan bersesuaian untuk menampung keperluan pengoperasian platform *sea basing*, dua *sea bases* yang saya sebutkan tadi.

Ketiga, penempatan helikopter di KD Sri Semporna yang akan dilengkapi dengan senjata, menyokong keperluan operasi PASKAL di KD Sri Semporna ini dan menjadi *force multiplier* bagi platform *sea basing* kita.

■1730

Keempat, penempatan tambahan dua *team* PASKAL di KD Sri Semporna dan *team* ini ditubuhkan bagi menyokong pengoperasian skuadron bot pemintas TLDM di ESSCOM. Akhir sekali, Tentera Darat - perolehan bot P38 dan Silver Breeze. Kerajaan telah melaksanakan perolehan empat bot P38 dan lima Silver Breeze bagi menambah keupayaan skuadron bot pemintas TLDM di ESSCOM.

Mengenai Tentera Udara pula Tuan Yang di-Pertua, penaikan lapangan terbang di pangkalan udara Labuan. Ini merupakan sesuatu yang telah kita putuskan bagi menampung pengoperasian berterusan dan efektif sebuah Skuadron *Hawk* yang akan ditempatkan dan sebahagiannya telah pun ditempatkan di pangkalan udara di Labuan.

Kedua, penaikan Lapangan Terbang Lahad Datu sebagai *forward base* pesawat, khususnya pesawat *helicopters* kita. Ketiga, pemasangan persenjataan *heavy machine guns* (HMG) pada lima buah pesawat Nuri. Sebuah Nuri telah ditempatkan di Tawau, manakala empat Nuri lagi ditempatkan di Kuching, siap sedia untuk digerakkan atas keperluan di Timur Sabah apabila situasi memerlukan.

Empat buah pesawat helikopter jenis EC725 dalam perancangan dilengkapi dengan sistem persenjataan MAG7.62mm dan kini ditempatkan di pangkalan udara Labuan. Tak pernah dalam sejarah kita helikopter kita dilengkapi dengan sistem persenjataan tetapi mengikut ancaman-ancaman baru ini kita merasakan bahawa itu wajar dilakukan dan perlu dilaksanakan.

Akhir sekali, berhubung kait dengan tentera udara. Penempatan satu skuadron pesawat pejuang *Hawk* di pangkalan udara Labuan dan setakat ini lima pesawat pejuang *Hawk* telah ditempatkan di pangkalan ini. Perancangan penambahan satu lagi pesawat *Hawk* di Labuan akan dilaksanakan setelah semua kerja peningkatan infra di Labuan dilaksanakan dan menjadikan kesemua enam buah pesawat di sana.

Pesawat pejuang Sukhoi dan juga Hornet juga ditugaskan dalam Ops Daya secara berkala. Dua bulan sekali yang beroperasi dari pangkalan di Labuan. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan pengawasan dan pengesanan terhadap ancaman di kawasan berkenaan, ATM kini sedang menggunakan khidmat pesawat udara tanpa pemandu atau lebih dikenali sebagai *unmanned aerial vehicle* (UAV), Yang Berhormat Stampin.

Sebagai maklumat Dewan yang mulia, setakat ini ATM masih belum menggunakan pesawat *drone* yang lebih tinggi keupayaannya seperti disarankan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir. Akan tetapi pada masa ini khidmat dan pengoperasian UAV adalah menggunakan konsep COCOM iaitu *company owned, company operate* dan *maintain* yang ditempatkan di padang terbang *airstrip* di Semporna.

Pengoperasian UAV pada masa kini hanya terhad di sekitar Semporna dan Lahad Datu sahaja, termasuklah menggunakan ScanEagle yang disebutkan oleh Yang Berhormat Stampin tadi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, setahu saya apa yang dicadangkan oleh Tun Mahathir iaitu *endurance* ia boleh terbang 12 jam. Akan tetapi beberapa buah ScanEagle yang kita dapat di dalam aset kita boleh terbang *up to 24 hours and can carry a pillar of even including night vision*.

Selain daripada itu, setahu saya juga CTRM telah membangunkan UAV selama lebih daripada 10 tahun dan UAV bangunan Malaysia *itself can fly for few hours, I think it's more than enough to assist in this scenario*. Thank you Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Untuk membantu saya setuju tetapi untuk mengatasi ancaman ia bukan satu perkara yang boleh ditangani oleh UAV sahaja. Oleh kerana pantai yang perlu kita awasi sejauh 1,400 kilometer dan berapa lama pun UAV ini boleh terbang, tak mencukupi. Apa yang ada dalam ScanEagle sekarang ini dengan CTRM dengan jumlah hanya 10 juta yang digunakan, memang tidak mencukupi untuk melihat UAV ini sebagai satu kaedah yang boleh menangani dan mengatasi segala kekangan yang ada.

Akan tetapi kalau sekiranya kita lihatnya secara menyeluruh menggunakan *sea bases*, letakkan UAV di situ, UAV digunakan di kawasan-kawasan yang strategik tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi, ini banyak bergantung kepada maklumat risikan yang kita terima, khususnya daripada negara jiran. Apa agaknya ancaman yang perlu kita tangani dan bagaimana UAV ini boleh bantu.

Justeru itu, pihak kementerian dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan operasi UAV ini melalui peluasan kawasan operasi UAV yang seterusnya akan meningkatkan keupayaan analisis maklumat bakal dikutip oleh UAV ini. *Insya-Allah*, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas ini saya rasa bahawa wajar kita betul-betul melihat kepada kemampuan UAV's untuk keperluan kita. Perkara yang paling terdesak ialah bagaimana kita dapat mengawasi 1,400 kilometer pantai di Timur Sabah ini yang merupakan satu perkara yang kita jangan lupa dan ambil iktibar daripada insiden di Lahad Datu tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertahanan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan negeri Sabah dan juga negeri Sarawak. Bagi mewujudkan konsep operasi serentak di dua wilayah iaitu Semenanjung dan Sabah, Sarawak, maka pihak kementerian telah menubuhkan Markas Pemerintahan Wilayah Timur di Kuching Sarawak. Sebuah lagi markas *task force* 450 yang akan berfungsi sebagai markas *division* di Kota Kinabalu Sabah. Ini juga merupakan satu keputusan baru yang kita lakukan. Adalah diharapkan dengan usaha ini, kekuatan ATM antara dua wilayah iaitu Semenanjung dan Sabah, Sarawak akan dilihat lebih seimbang serta keselamatan dan kedaulatan negara dapat dilindungi.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung kait dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Gerik berhubung kait dengan naik taraf aset tentera laut dan tentera udara. Pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dari segi cadangan agar kerajaan menaik taraf aset-aset tentera laut dan udara bagi memastikan perbatasan laut dan ruang udara sentiasa terpelihara dari sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan anasir luar.

Secara umumnya, naik taraf aset serta perolehan aset baru ATM adalah berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Strategik ATM yang dikenali sebagai Fourth Dimension Malaysian Armed Forces, dengan izin, 4D MAF. Pelan pembangunan ini merupakan landasan atau *roadmap* bagi pembangunan keupayaan ATM untuk tempoh jangka masa panjang. Ini merupakan sandaran kita dalam membincangkan dan memikirkan perincian di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Supaya apa yang kita lakukan tidak lari daripada apa yang telah pun diputuskan oleh *the end user* atau *the stakeholders*, ATM dan ketiga-tiga perkhidmatan itu.

Akan tetapi itu berdasarkan dan juga terhad kepada kemampuan ekonomi negara. Ia menggariskan *blueprint* bagi pembangunan struktur angkatan *force structure* ATM. Seiring dengan pelan mentransformasikan ATM ke arah satu ketumbukan yang versatil dan bersepadu sepenuhnya, *fully integrated*, dengan izin. Ini bagi membolehkan ATM sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang semakin kompleks dan berbentuk pelbagai dimensi.

Strategi pembentukan keupayaan ini adalah sejajar dengan konsep pertahanan yang termaktub di dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) dan juga Strategi Ketenteraan Negara (SKN). Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Tentera Laut Diraja Malaysia telah bercadang untuk membuat pembelian dan penambahbaikan aset seperti berikut:

- (i) Pembelian bot pasukan khas laut – *special force boat* yang baru, khususnya dalam mempertingkatkan pengawasan dan rondaan TLDM di kawasan laut negara;

■1740

- (ii) perolehan aset permukaan yang baru iaitu *Littoral Combatant Ship (LCS)* yang akan diterima secara berperingkat mulai tahun 2019 bagi mengukuhkan armada TLDM yang sedia ada;
- (iii) perolehan bot latihan yang baru bagi mempertingkatkan latihan anggota-anggota pelatih TLDM; dan
- (iv) menaik taraf keupayaan kapal korvet Kelas Laksamana melalui Program Pemanjangan Hayat Kapal.

Di bawah RMKe-11, Tentera Udara Diraja Malaysia telah bercadang untuk membuat pembelian dan penambahbaikan aset seperti berikut:

- (i) menaik taraf pesawat-pesawat pejuang berhubung kait dengan Hawk di Labuan;

- (ii) perolehan tambahan pesawat latihan PC-7 Mark II bagi tujuan latihan juruterbang pegawai TUDM;
- (iii) perolehan pesawat MPA secara berfasa;
- (iv) perolehan radar pertahanan udara bersama infra dan kelengkapan sokongan;
- (v) menaik taraf radar pertahanan udara di bawah Program Pemanjangan Hayat Aset;
- (vi) peningkatan keselamatan dengan keselesaan pangkalan udara secara berfasa; dan
- (vii) program pengintegrasian Sistem Pertahanan Udara Negara (SPUN).

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, harus diakui rancangan ini akan mengambil masa dan bergantung kepada keupayaan kewangan negara yang diluluskan oleh kerajaan.

Perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah pembinaan jalan di bawah Projek Jiwa Murni. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Limbang membangkitkan berkenaan isu pembinaan jalan di bawah Projek Jiwa Murni yang dilaksanakan oleh ATM di Daerah Limbang serta kualiti pembinaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi cadangan pembinaan jalan di bawah Projek Jiwa Murni dari Jalan Kuala Medalam ke Maruyu, Limbang sepanjang 18.5 kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM22.8 juta, pada dasarnya telah pun dipersetujui oleh mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mac tahun ini. Ianya akan dilaksanakan setelah mendapat peruntukan kewangan daripada Kementerian Kewangan dan setelah mendapat kelulusan jajaran jalan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak.

ATM sentiasa memastikan bahan-bahan yang digunakan memenuhi kehendak spesifikasi piawaian yang sedia ada seperti mana yang termaktub dalam dokumen kontrak. Piawaian yang dilaksanakan di bawah projek ini adalah dikelaskan sebagai R3 mengikut spesifikasi reka bentuk Jalan Raya Persekutuan Luar Bandar Malaysia di mana kelas R3 ini ialah jalan yang mempunyai kelebaran enam meter untuk dua hala dengan kelajuan maksimum kenderaan pengguna ialah 70 kilometer sejam.

Perkara keempat yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah Program Membiak Pulih Rumah Veteran 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu Program Membiak Pulih Rumah Veteran 1Malaysia ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Kuala Kangsar, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dengan kerjasama Rejimen Askar Jurutera Diraja, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Kementerian Kewangan telah melaksanakan Program Membaik Pulih Rumah Veteran 1Malaysia ini sejak tahun 2012 sehingga sekarang.

Semenjak tahun 2012 hingga tahun 2014, kerajaan telah menyiapkan sebanyak 420 buah rumah yang melibatkan sebanyak 207 unit rumah bina baru dan 213 unit baik pulih rumah di

seluruh Malaysia. Projek ini melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM10.99 juta. Bagi tahun 2015 pula, sebanyak 84 buah rumah telah dirancang untuk disiapkan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.86 juta. Ianya melibatkan sebanyak 52 unit bina baru dan 32 unit baik pulih.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Limbang, bagi negeri Sarawak sahaja untuk tahun 2012 hingga tahun 2014, jumlah keseluruhan rumah yang telah disiapkan adalah sebanyak 65 buah rumah yang meliputi 28 unit bina baru dan 37 unit baik pulih. Pada tahun 2015, peruntukan bagi negeri Sarawak terus dipertingkatkan kepada 50 buah rumah secara keseluruhannya yang meliputi 25 unit bina baru dan 25 unit baik pulih. Pelaksanaannya dijangka akan bermula pada bulan Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tasek Gelugor telah mencadangkan agar agihan Program Membiak Pulih Rumah Veteran 1Malaysia dilaksanakan mengikut zon. Sebagai makluman Yang Berhormat, program ini dilaksanakan berpandukan kepada permohonan yang diterima dari setiap negeri. Permohonan ini akan ditapis berdasarkan syarat yang telah pun ditetapkan. Ia juga berpandukan beberapa syarat yang telah digariskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Siasatan dan lawatan oleh pasukan Rejimen Askar Jurutera Diraja dan wakil Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM cawangan negeri akan dibuat terlebih dahulu sebelum keputusan pemilihan dibuat. Mesyuarat jawatankuasa pemilihan terdiri daripada semua pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM cawangan negeri, Rejimen Askar Jurutera Diraja dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

Pihak kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat di atas kebajikan dan pembelaan kepada veteran ATM. Di atas iltizam ini, pihak kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM akan meneliti semua skim bantuan kepada veteran ATM dan akan membuat perancangan melalui *blueprint* kita yang mungkin akan melibatkan tiga rancangan Malaysia lima tahun dan mengambil tempoh 15 tahun akan datang bermula daripada RMKe-11 bagi menentukan kebajikan anggota veteran ATM terus diperkasakan.

Perkara kelima yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah program pemilikan rumah sendiri anggota dan veteran ATM. Ahli Yang Berhormat Tasek Gelugor telah membangkitkan isu pemilikan rumah sendiri untuk anggota dan juga veteran-veteran kita. Pihak kementerian sentiasa menggalakkan warga ATM supaya memiliki sekurang-kurangnya sebuah rumah tetap untuk tempat berteduh bagi mereka dan keluarga mengikut kemampuan, lebih-lebih lagi sebelum mereka menamatkan perkhidmatan atau sebelum mereka bersara daripada ATM.

Pihak ATM mempunyai Unit Pinjaman Perumahan ATM di bawah Bahagian Perkhidmatan Anggota Markas ATM bagi menguruskan permohonan pinjaman perumahan bagi anggota ATM. Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan segala proses berkaitan dengan permohonan

pinjaman perumahan oleh anggota ATM di bawah skim pinjaman perumahan kementerian dan juga di bawah Angkatan Tentera Malaysia.

Di samping itu, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) turut melaksanakan pembinaan perumahan yang sesuai untuk ditawarkan kepada anggota-anggota ATM dan veteran di projek perumahan Taman LTAT Bukit Jalil, Kuala Lumpur; Mutiara Damansara, Selangor; dan Mutiara Rini, Johor. LTAT juga akan terus mengenal pasti tanah-tanah di lokasi yang strategik di seluruh negara untuk dibangunkan dengan projek perumahan yang sama.

Sehingga kini, LTAT dan syarikat kumpulannya telah membina dan menjual sejumlah 1,650 rumah mampu milik yang turut ditawarkan kepada anggota tentera yang layak di Mutiara Rini, Johor, Mutiara Damansara, Selangor dan Taman LTAT Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pada masa ini, LTAT dan anak-anak syarikatnya bercadang untuk membina sebanyak 1,068 unit rumah kos sederhana dan 580 unit rumah mampu milik PR1MA di Bukit Jalil, Kuala Lumpur serta 748 unit rumah berkembar dua tingkat dan 307 unit rumah teres dua tingkat di Mutiara Rini, Johor untuk ditawarkan kepada anggota-anggota angkatan tentera dan juga veteran-veteran kita yang layak.

Isu berhubung kait dengan Program Latihan Khidmat Negara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu penambahbaikan yang diperoleh yang di transformasi PLKN terutamanya bagi meningkatkan semangat cintakan negara seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor menjadi perhatian kita.

Transformasi PLKN dibuat dengan melaksanakan beberapa *engagement* awal bersama pelbagai pihak *stakeholders* seperti pengusaha kem, pembekal, ibu bapa, bekas pelatih dan juga orang awam. Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama PEMANDU dan juga Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan makmal transformasi kita pada 22 Februari hingga 27 Mac yang melibatkan pelbagai pihak termasuk beberapa kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

■1750

Penambahbaikan yang dicadangkan di dalam makmal dan yang akan dilaksanakan adalah dengan menggabungkan kemahiran *soft skills* dan juga *hard skills*. Model kemahiran teknikal turut diperkenalkan dengan kerjasama institusi-institusi kemahiran teknikal di samping memperkenalkan beberapa modul *soft skills* seperti kemahiran komunikasi dan teknologi maklumat terkini. Itu berhubung kait dengan PLKN.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah naik taraf kuarters Angkatan Tentera. Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Tasek Gelugor telah menyentuh berkaitan status naik taraf kuarters Angkatan Tentera. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.1 bilion menggunakan peruntukan pembangunan dan *private finance initiative* di dalam RMKe-10 untuk pembinaan kuarters di seluruh Malaysia.

Kerajaan sentiasa melaksanakan kerja-kerja selenggaraan dan peningkatan bangunan untuk kuarters sedia ada bagi memastikan ia selesa dan selamat untuk diduduki. Dalam tahun 2015, Angkatan Tentera Malaysia telah menerima peruntukan *one-off* dari Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM100 juta dan RM33.3 juta melalui program NBOS My beautiful Malaysia untuk membaik pulih kuarters yang sedia ada. Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas pula, kementerian telah mencadangkan beberapa pindaan rumah-rumah keluarga angkatan bagi projek-projek baru, yang itu akan diumumkan kelak.

Yang Berhormat Limbang juga mencadangkan agar kerajaan menaik taraf sebuah kem Tentera Darat di Limbang. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, kem di Limbang merupakan sebuah pos Jawatankuasa Perancangan Gerakan (JPG). Pos ini dibina bagi menangani pelbagai ancaman keselamatan semasa seperti aktiviti pencerobohan dan penyeludupan melalui rondaan di dalam sektor.

Bagi memastikan pos ini sentiasa berkeadaan baik dan dapat memberikan keselesaan kepada anggota yang bertugas, pihak kementerian sentiasa melaksanakan selenggaraan dan naik taraf kepada pos ini setiap tahun melalui belanja mengurus (OE). Walau bagaimanapun, sebagai maklum Yang Berhormat Limbang, kekuatan barisan pertahanan di negeri Sarawak akan diperkukuhkan dengan cadangan Tentera Darat untuk membina sebuah lagi Kem Briged Sempadan yang akan diberi destinasi sebagai Briged ke-31 infantri. Kertas cadangan perjawatan bagi penubuhannya telah dimajukan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada November tahun lepas dan cadangan pembinaan kem ini telah pun dimasukkan di dalam RMKe-11.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya..

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Limbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ingin hendak bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya perhatikan dari tadi Yang Berhormat Limbang hendak bangun itu secara tersenyum-senyum.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Secara spesifik di mana agaknya yang kem baru ini akan dibina? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Penggulungan kita hari ini tak mungkin kita dapat umumkan lokasi yang spesifik kerana dari segi perincian Rancangan Malaysia Kesebelas belum pun dimuktamadkan lagi. Jadi kalau sekiranya ia telah pun diputuskan, jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada pihak kementerian dan saya percaya bahawa kem ini telah pun disenaraikan sebagai keutamaan di situ. Saya tak teragak-agak untuk mengumumkannya, *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Bukit Katil sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Lenggong dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih. Lenggong dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak mencelah daripada awal lagi sebab dalam perbahasan Yang Berhormat Lumut saya ada buat pencelahan sedikit tetapi mungkin tidak ada di dalam perhatian Yang Berhormat Menteri. Cuma saya yakin Yang Berhormat Menteri boleh berikan pandangan.

Baru-baru ini dalam bulan Mei yang lalu, ada satu Shangri-La Dialogue di Singapura yang membincangkan saya fikir secara intensif konflik yang kemungkinan boleh berlaku di kawasan Laut China Selatan. Ini tentunya berkait dengan tuntutan kita dan antaranya Kepulauan Spratly dan sebagainya dan tentunya menuntut kepada sesuatu *engagement military*.

Jadi saya ingin tanya pendirian kerajaan waktu itu saya ada buat pencelahan iaitu apakah pendirian Kerajaan Malaysia dalam hal yang diumumkan dalam dialog itu inisiatif ataupun *Southeast Asia Maritime Security Initiative* yang mana ada komitmen dari segi perbelanjaan yang besar dan ini tentunya menuntut kepada satu pendekatan yang halus kerana kita tidak mahu ada *possible conflict* dalam masa tahun-tahun yang akan mendatang ini. Jadi saya minta pendirian kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong belum bersedia lagi. Sila Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Dia, saya tengok Yang Berhormat Lenggong dengan Yang Berhormat Lipis ini dia hendak bangun tetapi dia hilang idea bila dengan Yang Berhormat Menteri Pertahanan. *[Ketawa]* Ini ada cerita-cerita di belakang agaknya.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Hai, sampai hati Yang Berhormat Lenggong. Tadi nampak beria-ia sangat. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, hilang idea dengan Menteri Pertahanan. Saya ingat Yang Berhormat Jasin pun hendak bangun juga. Sila, sila.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya turut hadir di Shangri-La Dialogue dan jelas bahawa penyelesaian ketenteraan tidak akan membawa apa-apa makna kepada kestabilan di rantau ini. Saya bagi pihak negara telah menyatakan bahawa kalau pertembungan atau pertimbangan jiwa politik di rantau ini khususnya di Lautan China Selatan tidak diselesai dengan secara baik seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, ia akan mengundang satu *catastrophe* yang cukup serius.

Seperti Yang Berhormat tahu bahawa ia melibatkan dua pola kuasa besar dan keduanya diwakili di Shangri-La Dialogue tetapi *temperature* di Shangri-La Dialogue tahun ini tidak sehangat tahun lepas dan mungkin ada kesedaran di antara kuasa-kuasa besar ini bahawa tidak ada jalan yang lebih baik untuk menyelesaikan apa jua konflik daripada *engagement* dan saya harap bahawa pertembungan di antara dua kuasa besar ini dan termasuk satu lagi kuasa di rantau kita yang baru memperluaskan kepentingan ketenteraan mereka iaitu Jepun, merupakan satu perkara yang di negara kita dapat mendekati kerana kita tidak bermusuhan dengan mana-mana tiga pihak ini. Ini kelebihan yang ada pada kita.

Dalam konteks ASEAN pula, kita telah menyatakan bahawa apa jua perkara yang berhubung kait dengan tuntutan bertindih, ia mesti diselesaikan dalam konteks ASEAN. Kita menentukan *destiny* kita. DOC dan COC yang telah pun dibincangkan mesti dipercepatkan dan hubungan diplomatik dan *military diplomacy* merupakan kaedah yang terbaik yang saya bimbang supaya Menteri Pertahanan Negara ialah *unintended accident* yang berlaku di lautan dalam.

Bila wujudnya *accident* yang tidak diingini tadi dan kita tidak mempunyai hubungan dengan kuasa-kuasa besar ini, ia boleh menular kepada satu situasi yang tak boleh dikawal. Dalam keadaan sebegitu, itu membawa padah yang amat membimbangkan. Akan tetapi *alhamdulillah*, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, peranan kita sebagai Pengerusi ASEAN, sebagai Pengerusi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN, kita telah dapat memastikan setakat hari ini bahawa insiden-insiden sebegitu perlu dielakkan. Hubungan dan *engagement* secara diplomasi mesti diteruskan supaya *military action* mestilah sebagai *last resort*, dengan izin.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Menteri, secara spesifik Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ada menyentuh hari itu tentang sebuah kapal perang Negara China, *just about 85 knots, nautical miles* dari Sarawak. *Actually*, apa sebenarnya yang berlaku? Kenapakah mereka begitu sampai dekat sekali dengan pantai kita?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kita tak mempunyai maklumat yang terkini berhubung kait dengan kapal berkenaan tetapi telah pun menjadi keputusan kita bahawa dalam konteks ASEAN dan untuk kita berdepan dengan kuasa-kuasa besar ini dan juga untuk mengatasi *the right of way and maritime security* ini, di bawah Wisma Putra kita.

■1800

Jadi, itu mungkin satu perkara Yang Berhormat boleh tanya Menteri Luar Negeri kita kerana yang penting sekarang kita di peringkat ATM, kita tunggu arahan sahaja. Akan tetapi apa yang penting sekarang usaha diplomatik berhubung kait dengan apa Yang Berhormat sebut tadi ada salurannya untuk kita menyatakan bantahan-bantahan kita. Kalau betul ianya merupakan sesuatu yang melanggar persefahaman dan undang-undang antarabangsa.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Malaysia telah dilihat dan telah membuktikan keupayaan kita bagi menyelesaikan apa juga pertikaian dengan cara perundingan iaitu yang pertamanya bila perselisihan kita dengan Vietnam dan juga dengan Brunei. Apa yang banyak diperdebatkan pada ketika ini ialah campur tangan kuasa besar yang cukup membimbangkan seolah-olah membuli negara-negara kecil dan kita berharap perkara ini dapat diselesaikan dengan cara yang paling bijaksana sekali. Kalau tidak mungkin ada perkara buruk berlaku, apa yang telah dibentangkan...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih dan saya setuju sangat dan sebab itulah saya telah menyatakan di Shangri-La Dialogue hari itu bahawa negara-negara kecil seperti negara kita ini kalau persendirian mungkin kita tidak dapat menangani atau berdepan dengan isu-isu berat dan libatkan kuasa-kuasa besar.

Akan tetapi ASEAN, 10 negara yang kalau dapat persefahaman dan dapat kesatuan yang jitu yang melibatkan kepentingan kita bersama di sini membuat pendirian, saya rasa tidak ada kuasa-kuasa besar yang berani untuk menidakkan dan untuk memperlekehkan hak kita dan itu banyak bergantung kepada *engagement* dengan negara-negara jiran kita. Di peringkat MINDEF kita telah usahakan contohnya dalam *Straits of Sulu* ianya melibatkan empat negara ASEAN iaitu Filipina, Brunei, Indonesia dan Malaysia dan juga Selat Melaka melibatkan juga empat negara iaitu Thailand, Indonesia, Singapura dan Malaysia. Kita memperluaskan apa yang kita lakukan di Selat Melaka, *joint patrolling* dan *Eye in the Sky* tadi kepada negara-negara lain sebagai jambatan untuk mengeratkan hubungan di antara kita di ASEAN.

Baru-baru ini Vietnam dan juga Myanmar telah setuju untuk bersama-sama kita untuk memastikan *safe passage*, dengan izin dan juga keselamatan maritim kita di Selat Melaka dan ini merupakan satu usaha yang berterusan. *Insya-Allah* di bawah kepimpinan dan *chairmanship* kita di ASEAN ini saya percaya bahawa usaha untuk mewujudkan jambatan itu untuk kepentingan kita bersama dapat berhadapan dengan kuasa-kuasa besar yang juga tidak mahu lihat ketidakstabilan di kawasan kita kerana mereka juga *stand to loose*. Kalau negara satu rantau yang dilihat sebagai

ada lagi peluang pertumbuhan yang cukup berpotensi dicemari dengan ketidakstabilan seperti apa yang kita lihat di negara-negara di luar sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lumut. Saya kira Yang Berhormat Lumut celahan terakhir fasal Yang Berhormat Menteri hendak habis.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya risau Yang Berhormat Menteri sudah tidak pegang kertas itu seolah-olah sudah habis jawapan. Oleh kerana saya rasa banyak perkara yang belum disentuh. Jadi pada petang ini saya ingin bangkitkan dua perkaralah.

Pertama, tentang perkembangan ataupun pembangunan Angkatan Tentera Malaysia. Zaman kita dahulu kita gunakan buku *Force 2000*, buku merah tetapi dikatakan sekarang ada buku yang baru. Saya ingin kementerian melihat oleh kerana kita ada *Five Power Defense Arrangement* yang bertujuan untuk melindungi Malaysia dan Singapura dari serangan luar dan juga dengan perjanjian bilateral yang ada. Jadi saya lihat perkembangan untuk memperkembangkan angkatan tentera kita rasa faktor-faktor perjanjian itu mungkin boleh mengurangkan perbelanjaan kita untuk membeli aset-aset yang lebih mahal dan lebih canggih dan juga saya mencadangkan supaya mungkin selaku Pengerusi ASEAN, mengapa tidak cuba mulakan cadangan mengadakan *military pact* ASEAN? Niatnya setakat untuk menjaga keamanan antara negara-negara dalam ASEAN. Itu berhubung dengan pertumbuhan ataupun perkembangan Angkatan Tentera Malaysia.

Keduanya, saya amat peka dengan perbelanjaan peruntukan senggaraan di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Duit kita habis berbilion, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat tahap operasi aset-aset kita tidak begitu menggalakkan. Oleh kerana saya di dalam angkatan tentera saya tahu, kita tidak boleh sembunyi daripada keadaan ini. Mungkin kita perlu lihat kaedah ataupun cara-cara senggaraan itu dilakukan. Maka sebab itu hari ini kalau kita baca surat khabar *The Sun Daily* menceritakan bagaimana SPRM mendedahkan perbelanjaan TLDM yang melibatkan beratus juta ringgit tetapi keadaan asetnya tidak seberapa. Khususnya hari ini dilaporkan KD Nadim. Bagaimana perbelanjaan RM2000 lebih pesanan kerajaan dikeluarkan semata-mata untuk satu kapal. Begitu juga dengan kapal-kapal lain di dalam *fleet* yang kita tahu keadaannya tidak menggalakkan sebab itu dalam perbincangan saya kata ada kapal yang tidak boleh tembak meriam, ada.

Jadi, kita minta Kementerian Pertahanan melihat perkara ini khususnya dalam perbelanjaan peruntukan senggaraan. Yang Berhormat Menteri, kita habis berjuta-juta. Saya juga telah maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana kita buat perolehan untuk Lahad Datu. Perolehan Lahad Datu habis RM138 juta dan kita lihat ada mungkin ada berlaku kecuaihan ataupun dikatakan perolehan *emergency* atau darurat tetapi kaedah yang dilakukan macam tidak darurat. Begitu juga saya lihat macam tidak bersedia untuk hadapi ancaman Tentera Sulu ini. Bila ada Tentera Sulu baru kita sibuk cari duit untuk beli aset, darurat tetapi tidak dilakukan darurat.

Apa yang lebih teruk lagi aset ada dalam stok, kita beli lagi tetapi tidak diendahkan. Jadi, kita mintalah Yang Berhormat Menteri untuk melihat perbelanjaan senggaraan dan juga pembangunan angkatan tentera berdasarkan kepada perjanjian-perjanjian yang kita ada. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, sudah habis semua? Benda yang saya bahas belum sentuh lagi kan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bergantung kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab Yang Berhormat Lumut dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pertamanya, dari segi perbelanjaan penyelenggaraan tadi. Semua tahu prinsip saya, kalau sekiranya ada penyelewengan, ada salah laku, ada yang kena, kalau SPRM buat siasatan saya tidak akan lindungi sesiapa yang salah. Dalam hal ini almaklumlah perbelanjaan aset kita begitu besar dan kalau sekiranya tahun depan ekonomi kita terhad, kemampuan kita terhad makna tidak ada ruang untuk ketirisan dan penyelewengan di bawah kementerian. Jadi, kalau sekiranya ada mana-mana pihak yang mempunyai maklumat dari segi penyelewengan saya mengalu-alukan sampai kepada agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan untuk siasat dan saya sebagai Menteri bertanggungjawab tidak akan melindungi sesiapa yang salah.

Keduanya, berhubung kait dengan FPDA. Saya sempat juga berjumpa dengan keempat-empat FPDA yang lain semasa di Singapura di Shangri-La Dialogue baru-baru ini. Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat merupakan pemikiran luar kotak di mana kalau kita masih lagi melihat ke hadapan dalam silo masing-masing, apa yang kita perolehi pun tidak cukup tetapi bersama-sama dengan United Kingdom, New Zealand, Australia dengan Singapura, melihat kepada ancaman bersama dan menggunakan aset atau berkongsi aset bersama itu saya rasa kaedah yang terbaik. Saya telah menyatakan kepada Menteri Pertahanan United Kingdom, Australia, New Zealand, dan juga Singapura di bawah FPDA ada dua perkara dua kawasan yang perlu kita bekerjasama rapat, sama ada perkongsian aset, perkongsian maklumat risik ialah di *Straits of Sulu* dan juga Selat Melaka.

■1810

Ini satu kaedah baru yang perluaskan lagi hubungan sejarah kita di dalam FPDA. Nampaknya mereka sudah bersetuju untuk bersama-sama memikirkan cara yang terbaik. FPDA satu lagi perkara yang saya percaya ada ruang untuk kita perhebatkan lagi usaha kita hendak memastikan rantau kita ini selamat dan stabil menggunakan hubungan sejarah atau rangkaian yang telah pun wujud selama ini. Seperti apa Yang Berhormat sebut berhubung kait dengan FPDA tadi. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak tahu sama ada menteri sediakan soalan saya iaitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sediakan jawapan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...penglibatan saya. Maaf, sediakan jawapan saya. Isu penglibatan kita dalam operasi di Yaman. Kita dimaklumkan dan diberi jaminan kita tidak akan menyertai tindakan agresif bersama Saudi. Saya ingin tahu bilakah kita akan tarik balik tentera kita? Saya ingin tahu berapa ramai lagi warganegara kita yang masih terperangkap di Yaman yang perlukan penyelamatan kita? Kenapa kita hantar *fighter jet*, bukan *airlift* mereka ke luar dari Yaman secepat mungkin tetapi berpangkalankan kekuatan tentera kita di Saudi yang memberi satu gambaran seolah-olah kita mendukung tindakan Saudi yang mengebom Yaman ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dua perkara yang tidak benar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu. Pertamanya, kita tidak hantar *fighter jet* kita tetapi hanya dua pesawat C-130. Kita hantar C-130 tadi dengan ahli anggota 84 orang. Saya sudah maklumkan kepada orang ramai dalam konteks untuk evakuasi dan juga *humanitarian*. Ini telah pun disahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan ke Saudi.

Bagi saya, berapa lama banyak bergantung kepada pelajar-pelajar kita yang masih lagi di Yaman. Makluman yang terkini ialah mereka yang sebelum ini tidak mahu balik ke negara kita oleh sebab-sebab tertentu. Mereka hendak melalui peperiksaan dan sebagainya. Ada satu kumpulan baru di Sana'a dan juga di Hadramaut telah bersetuju untuk kembali dan pesawat kita berada di sana boleh membantu. Saya tidak membenarkan mereka terlibat dalam serangan-serangan di Yaman.

Percayalah Yang Berhormat dan selagi ia diperlukan untuk rakyat dan pelajar kita kerana Tuhan sahaja yang tahu apa yang terpaksa kita lalui untuk menyelamatkan pelajar-pelajar kita tempoh hari yang berada di pelabuhan Aden, bukan satu perkara yang mudah. Kadangkala kita kena minta belas ihsan daripada negara lain untuk menyelamatkan 68 orang pelajar kita yang terkepong di Aden. Itu yang saya hendak elak dengan kehadiran mereka di sana. Itu tidak ada lebih, tidak ada kurang daripada itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tadi telah sebut bahawa hendak saya percepatkan penggulangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mungkin ada perkara-perkara kecil yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ini berhubung kait dengan Askar Wataniah. Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Limbang mencadangkan agar kementerian memperkasakan Askar Wataniah dengan menambah kekuatan Askar Wataniah serta membaik pulih kem-kem Askar Wataniah yang sedia ada.

Pendekatan kekuatan Askar Wataniah adalah seiring dengan paras kekuatan tentera darat. Sesuai dengan peranannya untuk membantu dan mengganti angkatan tetap apabila diperlukan. Unjuran peningkatan adalah melalui pengambilan seramai 6,000 orang anggota Askar Wataniah

baru setahun dengan mengambil kira *detention and attrition rate*. Pengambilan ini juga tidak hanya tertumpu kepada orang kebanyakan, malah melibatkan pengambilan di kalangan penuntut IPTA dan IPTS, pekerja awam, swasta serta golongan profesional.

Dalam aspek membaik pulih kem-kem Askar Wataniah, tentera darat sentiasa memberi perhatian agar kem-kem Askar Wataniah tidak ketinggalan dalam pembangunan secara keseluruhannya. Pelaksanaan peningkatan kem Askar Wataniah adalah mengikut keutamaan dan kemampuan berdasarkan peruntukan yang diterima oleh tentera darat.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Limbang, jumlah kem-kem Wataniah yang telah diwujudkan di negeri Sarawak kini adalah sebanyak enam buah kem. Ia dibangunkan di atas tanah milik ATM dan sumbangan Kerajaan Negeri Sarawak. Kementerian pada ketika ini belum bercadang untuk mewujudkan tambahan memandangkan kem sedia ada sudah mencukupi.

Walau bagaimanapun sebagai makluman Yang Berhormat Limbang, seperti mana yang telah saya nyatakan lebih awal, kekuatan barisan pertahanan di negeri Sarawak akan diperkukuhkan dengan cadangan tentera darat untuk membina sebuah lagi kem briged sempadan yang akan diberi destinasi sebagai Briged Ke-31 Infantri.

Yang Berhormat Lumut pula mencadangkan agar Kementerian Pertahanan mewujudkan sistem depot simpanan minyak perang di kawasan yang strategik bagi digunakan semasa darurat. Pihak kementerian amat mengalu-alukan akan cadangan ini. Sebagai maklumat Yang Berhormat, rancangan bagi pembinaan depot simpanan strategik untuk kegunaan bahan api semasa kecemasan darurat atau peperangan memang telah sedia ada dan pembinaan depot tertakluk kepada keupayaan kewangan kerajaan. Pada masa ini keperluan strategik bahan api ATM ditumpangkan di beberapa buah depot Petronas yang terpilih, sesuai dengan keperluan semasa ATM.

Yang Berhormat Lumut meminta penjelasan berkaitan status perolehan dua buah kapal latihan TLDM yang masih tertangguh serta status perolehan kapal KD Perantau yang sebelum ini diselenggarakan di Boustead Shipyard Lumut. Tuan Yang di-Pertua, bagi status perolehan dua buah kapal latihan TLDM pada masa ini, isu berkenaan masih lagi dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi bagi penyelesaian isu hak milik kedua-dua kapal di antara kerajaan dan Ernst & Young.

Manakala bagi status kapal KD Perantau pula, pada masa kini kapal berkenaan sedang menjalani pasang pulih dan juga restorasi yang dijangka selesai pada 1 Februari 2016. Kerja-kerja pembongkaran peralatan kapal telah selesai dan kini pembaikan ke atas plat badan kapal selaras bidang kerja pasang pulih sedang dilaksanakan. Peratusan kemajuan kerja semasa adalah 18.4%.

Yang Berhormat Lumut turut mencadangkan bagi perolehan aset ATM yang bernilai tinggi dilaksanakan melalui Jawatankuasa Perolehan di peringkat Parlimen. Bagi cadangan ini, pihak kementerian berpandangan tatacara perolehan aset yang dilaksanakan kini adalah memadai serta mengikut prosedur ketat yang perlu dipatuhi. Sebarang rancangan pembelian kelengkapan tentera

adalah dinyatakan dalam anggaran belanjawan pembangunan yang mana dibahaskan dan diluluskan oleh Parlimen.

Seperti yang telah saya nyatakan, proses perolehan aset adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan seperti Arahan Perbendaharaan dan tatacara prosedur kewangan. Di samping itu setiap perbelanjaan juga adalah tertakluk kepada peperiksaan atau teguran Jabatan Audit Negara serta boleh dipanggil untuk memberikan penjelasan kepada Jawatankuasa Kira-kira Akaun Wang Awam Parlimen sekiranya terdapat keperluan.

Jadi, sememangnya terdapat *sufficient safeguards*, dengan izin, bagi memastikan tahap integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian aset dan sistem pertahanan terpelihara. Di samping itu, Yang Berhormat Lumut turut mencadangkan agar kajian semula dibuat atas kaedah senggaraan. Saya sudah sebut tadi daripada masa Yang Berhormat mencelah, aset-aset yang digunakan oleh ATM adalah aset-aset strategik. Saya setuju bahawa lebih-lebih lagi sekarang ini dalam keadaan ekonomi yang terhad, kaedah senggaraan aset-aset ini mesti dilihat secara terperinci.

Mengenai industri pertahanan, Yang Berhormat telah memohon kementerian menyatakan status terkini terhadap industri pertahanan di Malaysia. Sebagai maklumat, industri pertahanan Malaysia kini lebih memfokuskan kepada *maintenance, repair and overhaul* (MRO) serta *manufacturing* dan *manufacturing related services* sahaja. Daripada segi *manufacturing related services*, masih terdapat ruang bagi Malaysia untuk membuat penambahbaikan. Memandangkan bidang ini merupakan bidang berteknologi tinggi yang strategik dan memerlukan pelaburan yang besar dan penglibatan mereka yang daripada universiti-universiti yang boleh membantu dan diserap masuk di dalam industri ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan menyedari keperluan membangunkan industri pertahanan tempatan ke arah pertahanan berdikari atau *self reliance*, dengan izin, bukan satu perkara yang mudah dan sentiasa memerlukan sokongan daripada industri-industri tempatan, universiti-universiti dan juga pihak industri di luar negara untuk membantu kita membangunkan industri pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua tengok saya semacam. Lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak apa. Sila, sila.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Antara industri pertahanan yang berdaya maju dan berpotensi tinggi adalah seperti industri komposit yang kini diterajui oleh CTRM, Industri Komponen Aero Angkasa yang diterajui oleh SMEA, Industri Persenjataan seperti peluru dan senjata kecil yang diterajui oleh SME Ordinars, Industri Automotif iaitu kenderaan darat yang diterajui oleh Def Tech dan industri maritim yang diterajui oleh Boustead. Pada masa ini, Malaysia dalam proses meningkatkan kemampuan industri pertahanan tempatan melalui pengeluaran

produk dan peralatan eksport. Walau bagaimanapun, produk peralatan yang dieksport masih lagi terhad, saya tidak nafikan.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain perkara tidak banyak, saya akan jawab secara bertulis. Sekian sahaja penjelasan yang saya dapat berikan oleh kementerian ini berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih. Sekiranya terdapat apa-apa lagi cadangan, kita tidak pernah menolak dan mengalu-alukan usaha kita bersama untuk memikirkan perkara yang terbaik untuk kita meniti satu dunia yang penuh mencabar dan tidak menentu dalam keadaan peruntukan yang terhad demi keselamatan, keamanan, maruah dan kedaulatan negara, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tersenyum sebab Menteri pun tengok jam dan saya tersenyum apabila disebut Askar Wataniah. Oleh sebab sudah diumumkan di kawasan Parlimen Kuala Krau. Saya jemput Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sila Menteri.

6.22 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbincangan Rancangan Malaysia Ke-11 2015 tempoh hari. Izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semasa perbincangan. Isu pembangunan infrastruktur kawasan. Pertama sekali, isu yang sentiasa dibangkitkan oleh Ahli Dewan, terutama sekali oleh Ahli Parlimen luar bandar iaitu isu pembangunan infrastruktur asas di kawasan mereka. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ke-11, pihak kerajaan tidak akan meminggirkan penduduk di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, usaha-usaha untuk melengkapkan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar merupakan usaha berterusan kerajaan dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Usaha pembangunan ini akan diteruskan sehingga semua kawasan luar bandar menerima kemudahan asas air bersih, jalan raya dan bekalan elektrik. Pihak kementerian akan melaksanakan semua ini dengan keupayaan peruntukan yang telah disediakan. Namun, perlu mengambil kira bahawa kita terpaksa mengikut keutamaan yang telah dirancang dan juga peruntukan yang terhad.

Bagi menjawab kenyataan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan. Di kawasan pedalaman Sabah masih terdapat kawasan yang belum menerima kemudahan infrastruktur asas sepenuhnya. Kerajaan sedar bahawa masih terdapat kampung-kampung di pedalaman Sabah yang masih belum mendapat kemudahan infrastruktur asas seperti kemudahan bekalan air, elektrik dan jalan raya. Usaha untuk menyediakan semua kemudahan ini merupakan usaha

berterusan dan menjadi keutamaan kerajaan. Pelaksanaan projek dibuat secara berperingkat dan kerajaan yakin bahawa semua kampung ini akan mendapat kemudahan infrastruktur asas sebelum akhir Rancangan Malaysia ke-11 nanti.

Jalan luar bandar. Pertama sekali, Yang Berhormat Sipitang memohon agar tiga buah jalan utama iaitu Jalan Mendulung-Meligan, Jalan Magalan-Long Pasia, Jalan Mintulut-Mangkalalak dan Jalan Kerangan-Lumadan dalam daerah Sipitang dinaiktaraf dan diberi perhatian serta pertimbangan yang lebih khusus. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi cadangan Jalan Magalan-Long Pasia, kementerian telah menerima permohonan tersebut daripada pihak JKR Sabah. Oleh itu, projek ini akan disenaraikan di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11. Manakala bagi tiga cadangan projek lain iaitu Jalan Mendulung-Meligan dan Jalan Mintulut-Mangkalalak dan Jalan Kerangan-Lumadan, pihak kementerian akan bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri untuk menjalankan siasatan tapak terperinci agar dapat disenaraikan di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11.

Seterusnya, Yang Berhormat Sandakan memaklumkan bahawa kawasan kampung di kawasan Pitas tidak mempunyai akses jalan raya ke pekan. Sehingga orang kampung menggunakan kerbau di pasar dengan satu kayu papan troli untuk menampung dan menarik pesakit keluar ke pekan. Bagi makluman Yang Berhormat, bagi isu orang kampung yang sakit di kawasan kampung yang telah ditarik yang menggunakan kerbau di Kampung Ngatang, Pitas, pihak kerajaan telah maklum akan isu ini. JKR Sabah telah mencadangkan agar jalan di kawasan tersebut diperbaiki di bawah kelolaan cawangan penyelenggaraan jalan JKR Sabah, Maris.

Yang Berhormat Sandakan juga membangkitkan bahawa banyak kampung di pedalaman di kawasan Kota Marudu dan Tenom masih terdapat kampung yang tidak mempunyai jalan raya dan anak kampung susah hendak pergi ke sekolah kerana keadaan jalan yang tidak mengizinkan. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak bermulanya Rancangan Malaysia Ke-10, kementerian telah melaksanakan lima buah projek jalan luar bandar di kawasan Kota Marudu sepanjang 16.1 kilometer dengan kos projek keseluruhan berjumlah RM53.65 juta. Manakala kawasan Tenom pula, kementerian telah melaksanakan empat buah projek sebanyak 18 kilometer dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM32.11 juta. Oleh yang demikian, untuk Rancangan Malaysia Ke-11 ini kementerian akan terus komited dalam memastikan kesejahteraan dan keselesaan penduduk luar bandar menerusi perancangan penyediaan infrastruktur asas jalan luar bandar yang lebih selamat dan selesa.

Yang Berhormat Kinabatangan menyuarakan bahawa Parlimen Kinabatangan memohon 300 kilometer daripada 3,000 kilometer dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi program jalan luar bandar, pelaksanaan setiap projek bergantung kepada pelbagai faktor seperti keperluan penduduk dan keadaan semasa kawasan berkenaan. Sehingga hari ini, kementerian sememangnya sentiasa komited dalam memastikan penduduk luar bandar di seluruh Malaysia dapat menikmati kemudahan infrastruktur asas yang selamat dan selesa. Sejak

bermulanya Rancangan Malaysia Ke-10, kementerian telah menyiapkan empat buah projek jalan luar bandar di kawasan Kinabatangan sepanjang 41 kilometer. Manakala, tambahan dua buah projek jalan luar bandar sepanjang 30 kilometer dijangka dapat disiapkan pada tahun ini. Selain itu, tiga lagi projek sepanjang 22.2 kilometer dijangka akan disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Yang Berhormat Paya Besar pula memohon supaya projek naik taraf rangkaian jalan raya ke pedalaman di Parlimen Paya Besar hendaklah diberi keutamaan seperti Jalan Sungai Lembing ke Jerantut. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa komited dalam merencanakan pembangunan di kawasan luar bandar dan akan diteruskan melalui Rancangan Malaysia Ke-11. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini tiga buah jambatan telah dibina merentasi Sungai Lembing iaitu di Kuala Kenau, Kampung Seberang dan Kampung Kawah. Kementerian akan terus bekerjasama dengan kerajaan negeri dan Jabatan Kerja Raya dalam mengenal pasti kawasan-kawasan di Parlimen Paya Besar dan Parlimen Jerantut yang memerlukan jaringan jalan raya dan jambatan untuk di laksanakan di bawah program jalan luar bandar.

■1830

Seterusnya Yang Berhormat Parit berharap agar dapat ditambah peruntukan bagi membina jalan-jalan di luar bandar yang masih diperlukan oleh rakyat di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat juga, peruntukan yang diterima bagi pembangunan Program Jalan Luar Bandar jalan-jalan negeri Perak untuk RMKe-10 adalah sebanyak RM314,834,635 dan kesinambungan akan diteruskan di dalam RMKe-11. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pembinaan jalan-jalan ke kawasan yang menghubungkan kampung-kampung sudah pun dilaksanakan kementerian di bawah Program Jalan Perhubungan Desa (JPD).

Yang Berhormat Limbang ada menyebutkan projek yang telah pun dilaksanakan dalam RMKe-10 tetapi belum selesai iaitu jalan raya Meritam-Telahak-Buang Abai-Sungai Koyan Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 sudah pun dilaksanakan dalam RMKe-10 dan akan diteruskan ke RMKe-11.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Meritam-Telahak-Buang Abai-Pengkalan Rejab Fasa 1 telah pun disiapkan sepenuhnya pada Oktober tahun 2010. Fasa 2 pula sedang dalam proses pelantikan kontraktor dan Fasa 3 projek ini sedang dalam peringkat pelaksanaan. Sehingga kini, prestasi fizikal projek adalah 81.26% berbanding 100% jadual. Kelewatan adalah disebabkan oleh kelemahan kontraktor dalam menguruskan projek. Bagi Fasa 4 projek ini, pihak kementerian telah pun menyenaraikannya untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 tahun 2016. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Jalan Upai Pendang dan Jalan Empangan Limbang yang dilaksanakan dalam RMKe-10 sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bukan di bawah seliaan kementerian KKLW ini. Oleh yang demikian, adalah lebih baik sekiranya

permohonan untuk meneruskan kesinambungan projek ini diangkat kepada pihak kerajaan negeri memandangkan projek-projek ini merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri Sarawak.

Manakala bagi Jalan Bukit Sagan/Ulu Lubai, projek ini telah disiapkan pada Februari tahun 2012. Sekiranya Yang Berhormat ingin menaik taraf jalan ini, maka kementerian mencadangkan supaya Yang Berhormat memohon dengan pihak kerajaan negeri menyenaraikan projek ini di dalam senarai keutamaan untuk dipanjangkan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melalui kementerian ini.

Bagi projek Jalan Bawang Ubur-Kampung Ukong-Ulu Lubai, Limbang, Sarawak pula, pada masa ini projek ini sedang dalam peringkat pelaksanaan. Prestasi kerja-kerja fizikal adalah 90.31% sebenar berbanding 100% jadual. Manakala bagi Fasa 2 projek ini, kementerian tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak kerajaan negeri. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian mencadangkan supaya Yang Berhormat memohon dengan pihak kerajaan negeri menyenaraikan projek ini di dalam senarai keutamaan untuk dipanjangkan kepada UPE, Jabatan Perdana Menteri melalui kementerian ini juga.

Yang Berhormat Sepanggar memohon agar Projek Jalan Luar Bandar bagi kawasan Sepanggar iaitu Jalan Nitai Tombongan sepanjang 19.8 kilometer, Jalan Poring-Poring ke Ruminding sepanjang 17.9 kilometer dan Jalan Kiambalang ke Babagon Toki sepanjang 19 kilometer dapat diluluskan dan dimulakan pada awal tahun 2016.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe-11 tahun 2016, kementerian tidak menerima permohonan untuk melaksanakan Projek Jalan Nitai Tombongan dan Poring-Poring ke Ruminding sebagaimana yang dinyatakan. Sehubungan dengan itu, kementerian ini mencadangkan supaya Yang Berhormat mohon dengan pihak kerajaan negeri untuk menyenaraikan projek ini di dalam senarai keutamaan untuk dipanjangkan kepada UPE Jabatan Perdana Menteri melalui kementerian ini dalam RMKe-11 tahun 2017.

Walau bagaimanapun...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lanang.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Lanang ada kaitan? Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Lanang tak bangkitkan apa isu – sebab ini agak spesifik. Bolehkah saya teruskan sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terpulang pada Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey Yang Berhormat Lanang, maaf ya. Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat boleh bagi peluang Yang Berhormat Lanang berjumpa ya?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh, boleh, nanti. Mungkin selepas isu ini. Adalah dimaklumkan bahawa Projek Jalan Kokol Poring-Poring, Kota Kinabalu, Sabah yang dilaksanakan oleh kementerian ini telah siap dilaksanakan pada Julai tahun 2010. Manakala bagi cadangan Projek Jalan Kiambalang ke Babagon Toki, kementerian tidak menyenaraikannya dalam RMKe-11 tahun 2016 memandangkan projek tersebut tidak berada dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2016.

Sila Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana saya tidak sempat hendak bahas dalam RMKe-11. Jadi saya ingin tanya sama ada, adakah rancangan untuk memperluaskan jalan-jalan ke rumah panjang di kawasan Lanang dalam RMKe-11 ini? Ada satu lagi tentang jalan perhubungan di kawasan **Jalan Pak** yang telah dinaik taraf pada tahun 2012 tetapi sampai hari ini masih belum ditarkan dan jalan ini sudah rosak selama setengah tahun. Boleh minta jawapan bertulis. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tepat sekali Yang Berhormat Lanang. Jawapan bertulis akan diberi kepada Yang Berhormat Lanang sebab ini adalah perkara baru dan agak spesifik tetapi saya memberi peluang untuk Yang Berhormat Lanang membangkitkan isu ini.

Yang Berhormat Jelebu pula memohon agar dibina jalan yang menghubungkan Triang Hilir dan Kampung Chenai. Dicadangkan dibina kerana pada masa kini mereka yang ingin sampai ke kawasan DUN Chenai perlu melalui beberapa kawasan DUN lain sebelum sampai ke kawasan DUN Chenai.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe-11 tahun 2016, kementerian tidak menerima permohonan untuk melaksanakan projek jalan sebagaimana yang dinyatakan. Sehubungan dengan itu, kementerian ini mencadangkan supaya Yang Berhormat mohon dengan pihak kerajaan negeri untuk menyenaraikan projek ini dalam senarai keutamaan untuk dipanjangkan kepada UPE, Jabatan Perdana Menteri melalui kementerian ini dalam RMKe-11 tahun 2017.

Seterusnya Yang Berhormat Jerlun ada membangkitkan berkaitan jalan-jalan luar bandar di Parlimen Jerlun yang sudah uzur, rosak dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) atau dahulunya dikenali sebagai Projek Jalan Kampung (PJK), sebanyak 32 projek dengan peruntukan RM848,000 telah diluluskan untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Jerlun bagi tahun 2015. Kesemua projek ini adalah di peringkat pelaksanaan dan di bawah bidang kuasa Pejabat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Cawangan Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang. Itu pejabat cawangan negeri ya, PCN.

Yang Berhormat Kota Samarahan pula berharap agar jalan-jalan raya di kawasan kampung dapat dipertingkatkan bukan sahaja untuk tujuan komunikasi dan ekonomi tetapi juga untuk memudahkan perjalanan masyarakat luar bandar ke bandar bagi mendapat pelbagai perkhidmatan termasuk perkhidmatan kesihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2015, sebanyak empat projek yang bernilai RM1,350,000 telah diluluskan bagi Parlimen Kota Samarahan di bawah peruntukan Projek Jalan Perhubungan Desa. Kesemua projek ini adalah di peringkat pelaksanaan dan di bawah bidang kuasa Pejabat KKLW Cawangan Negeri Sarawak.

■1840

Seterusnya Yang Berhormat Sik memohon agar kerajaan naik taraf jalan-jalan kampung di Parlimen Sik. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek jalan perhubungan desa, sebanyak 20 projek dengan peruntukan sebanyak RM400,000 telah diluluskan untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Sik bagi tahun 2015 ini. Kesemua projek ini adalah di peringkat pelaksanaan dan di bawah bidang kuasa pejabat KKLW Cawangan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Sekarang saya beralih kepada bekalan air luar bandar. Bagi bekalan air luar bandar di Semenanjung, Yang Berhormat Raub...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Parit Sulong. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum berpindah ke tajuk lain, saya hendak bertanya mengenai jalan perhubungan desa ini. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, ucapan baru-baru ini ramai wakil rakyat yang membangkitkan isu-isu mengenai jalan perhubungan desa. Jadi saya hendak bertanya dengan pihak kementerian. Bagaimanakah pihak kementerian membuat penilaian dan kemudian membuat keputusan mengenai jalan desa manakah yang menjadi *priority* untuk kementerian buat dahulu?

Ini kerana saya bagi contoh di kawasan saya. Bila kita bercakap mengenai jalan kampung secara mudahnya, hampir kebanyakannya berada dalam keadaan yang mendukacitakan dan saya percaya banyak lagi rakan-rakan kita bercakap mengenai perkara yang sama. Oleh sebab itulah mesti ada jenis *priority*. Kalau hendak mengharapkan pegawai, dia tidak berapa ramai sangat. Jadi apakah jenis *priority* yang dibuat dan mungkin pihak kementerian juga boleh menambah pegawai-pegawai untuk lebih bergerak ke akar umbi untuk membantu kami di kawasan kami masing-masing. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Pertamanya atas cadangan untuk bagaimana kita di peringkat kementerian boleh membuat penambahbaikan *delivery system* kita iaitu untuk kalau diperlukan menambah pegawai untuk menjalankan tugas berkenaan.

Satu lagi tadi dalam soalan ialah bagaimana *priority* dibuat. Sesungguhnya *priority* ini dibuat mengikut senarai yang dipanjangkan kepada kementerian iaitu secara langsung daripada Yang

Berhormat Ahli Parlimen sendiri atau daripada **focus due** ataupun dalam senarai yang disyorkan oleh kerajaan negeri. Jadi, sila. Lagi tidak puas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Ini kerana tadi Yang Berhormat beritahu daripada Ahli-ahli Parlimen. Saya percaya Ahli-ahli Parlimen pun ada memanjangkan permohonan-permohonan tersebut tetapi saya bagi contoh bagi kawasan Parlimen Parit Sulong sendiri. Sampai sekarang, setelah dua tahun diajukan surat permohonan pun saya tengok tidak bergerak juga, Yang Berhormat Menteri.

Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh melihat kembali dan mengkaji semula sebab kita selaku wakil rakyat, kita tahu apa yang terjadi di bawah. Apa yang diperlukan dan saya kira tidak boleh pandang mudah juga kepada permohonan yang diajukan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Memang betul, Yang Berhormat. Kita ambil maklum. Bukan setakat itu, kita juga mengambil berat saranan ataupun teguran daripada Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jadi oleh kerana wakil rakyat adalah pemimpin yang sebenarnya sangat tahu akan keadaan sebenarnya di peringkat akar umbi.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sebelah, sebelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Belakang, belakang. Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya, saya ada menyentuh dua jalan. Satu adalah Jalan Lajong dan kedua adalah Jalan Skim Sepupuk. Adakah itu dalam penglihatan Yang Berhormat Menteri? Boleh dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Maklumat terperinci akan diberi sebagai jawapan bertulis. Ini kerana kalau dia sudah ada dalam senarai. Kalau tidak kita memerlukan menggunakan kaedah biasa iaitu perlu dipohon dan dimasukkan dalam senarai untuk diberi *priority* atau keutamaan dalam senarai kerajaan negeri kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah seperti mana dengan cadangan-cadangan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Projek-projek yang dibangkitkan ataupun diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya jawab tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu, Yang Berhormat Rantau Panjang, saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekiranya ada senarai-senarai jalan yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat, bermakna Yang Berhormat Menteri akan memaklumkan secara langsung kepada Yang Berhormat Parlimen yang berkenaan dan tidak dijawab di dalam Dewan. Untuk menjimatkan masa. Kalau tidak Yang Berhormat Ahli Parlimen nanti akan bangun setiap orang bertanya jalan kawasan masing-masing.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begitulah sepatutnya dalam jawapan ini untuk kita menjimatkan masa dan kepada semualah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya sikit sahaja. Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya berterima kasih di atas komitmen yang telah dijanjikan oleh pihak menteri untuk mengambil perhatian kepada semua jalan-jalan kampung di seluruh negara. Tidak perlu maknanya kita kena minta satu-satu. Memang sudah. Mana-mana yang diperlukan itu adalah menjadi satu kewajipan.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang apakah persediaan yang dibuat oleh pihak kementerian terutama jalan perhubungan desa yang sempit menyebabkan timbul masalah apabila jalan itu sempit. Jalan-jalan kampung yang sempit, yang sedia ada. Adakah dari segi perancangan, dari segi peruntukan atau untuk melebarkan jalan-jalan yang sedia ada sebab sangat berbahaya? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, memang kita ada peruntukan untuk penyelenggaraan di mana jalan yang mungkin juga sudah diserahkan kepada kerajaan negeri, ada peruntukan yang dikatakan MARIS. Penyelenggaraan jalan. Jadi program itu memang ada baik dari KKLW sendiri ataupun dari pihak JKR ataupun MARIS, Yang Berhormat.

Bekalan air luar bandar. Jadi bekalan air luar bandar di Semenanjung, Yang Berhormat Raub memaklumkan bahawa di kawasan Raub ini, setiap dua hari tidak ada air. Dari tahun lepas sehingga kini tidak ada pam lagi. Tidak ada paip yang diganti termasuk juga kampung-kampung. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam cadangan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas, sebanyak empat buah kampung di Parlimen Raub yang telah disenaraikan itu iaitu **Pos Keluai Tengah**, Kampung Batu Rusa, Kampung Cenara dan Ladang Kurnia. Keseluruhan cadangan projek ini dijangka akan melibatkan kos sebanyak RM3.7 juta. Kerajaan juga bersedia untuk mempertimbangkan semula mana-mana permohonan. Sekiranya lebih banyak peruntukan diluluskan dan selaras dengan skop pelaksanaan bekalan air luar bandar.

Yang Berhormat Tebrau memaklumkan bahawa penduduk-penduduk di Kampung Seri Perdana di Sungai Tiram dan juga di Kampung Pasir Salam belum menerima bekalan air bersih dan memohon agar kerajaan berusaha untuk membekalkan air bersih kepada penduduk kedua-dua kampung itu dengan seberapa segera.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah menyenaraikan sembilan buah kampung di kawasan Parlimen Tebrau. Dalam cadangan pelaksanaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah diangkat kepada Unit Perancangan Ekonomi untuk kelulusan termasuklah Kampung Seri Perdana dan Kampung Pasir Salam. Jumlah peruntukan keseluruhan dianggarkan RM5.9 juta. Yang Berhormat Jerantut pula menyeru agar dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini, kerajaan dapat mengambil kira pembinaan sebuah loji air baru untuk kegunaan masyarakat di Jerantut kerana loji yang sedia ada buat masa ini hanya mampu bertahan sehingga ke tahun 2015 sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan dan penyelenggaraan loji rawatan air bagi penggunaan sedia ada adalah di luar skop kerja bekalan air luar bandar sebaliknya ia adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan Pengurusan Air Pahang.

Seterusnya Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan isu berkaitan dengan pembangunan bekalan air luar bandar.

■1850

Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar pula adalah berdasarkan senarai keutamaan dari pihak berkuasa negeri dan kementerian ini dengan kerjasama PBN akan mengenal pasti kawasan yang belum dibekalkan dengan bekalan air bersih. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini di kawasan tersebut bergantung pada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Yang Berhormat Sipitang juga turut membangkitkan agar ditingkatkan pengurusan pembekalan air di kawasan Bangkalalak, Mintulud, Bintuka, Padas Damit dan Jabang iaitu perkampungan tradisi yang letaknya di penghujung dalam kawasan Parlimen Sipitang. Untuk makluman Yang Berhormat Sipitang, kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek bekalan air bersih di kawasan Bangkalalak, Mintulud, Bintuka, Padas Damit serta Jabang dan melaraskannya dengan senarai cadangan pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Batu Sapi ada mencadangkan satu projek untuk menyediakan bekalan air bersih dan jana kuasa tenaga suria di pulau-pulau di sekitar Sandakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek bekalan air luar bandar adalah berdasarkan senarai keutamaan dan pihak berkuasa negeri dan kementerian ini mengambil maklum ya tentang keperluan bekalan air bersih di pulau-pulau di Sandakan dan Batu Sapi dan akan menyelaraskannya dengan senarai Rancangan Malaysia Kesebelas juga.

Yang Berhormat Limbang pula menyentuh dengan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang mesti disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini iaitu bekalan air dari Simpang Ukong, Limbang menuju ke daerah kecil Nanga Damit. Yang Berhormat juga mohon kerajaan

meneruskan bekalan-bekalan alternatif ataupun menaik taraf dan diperbaiki bekalan-bekalan alternatif yang ada yang memang memerlukan *maintenance* yang berterusan di kawasan-kawasan pergunungan dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar dari Simpang Ukong, ke pekan kecil Nanga Damit dan telah menyelaraskannya dengan senarai cadangan pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah saya sebut beberapa kali sudah, pelaksanaan adalah tertakluk kepada senarai keutamaan pihak berkuasa negeri dan kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar sistem alternatif bagi kawasan-kawasan yang tidak *viable* untuk disambungkan dengan sistem retikulasi bagi membantu penduduk di kawasan luar bandar untuk mendapatkan sumber air alternatif.

Yang Berhormat Sepanggar memaklumkan bahawa masih terdapat 30 buah kampung yang tidak mendapat bekalan air bersih dan hanya menggunakan punca air graviti. Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek bekalan air bersih di kawasan Sepanggar dan akan menyelaraskannya dengan senarai cadangan pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Samarahan mencadangkan agar Projek Bekalan Air Luar Bandar dapat dilaksanakan di Kota Samarahan antaranya projek bekalan air Asajaya Fasa 2, menaik taraf saluran paip sedia ada dengan menggantikan paip sedia ada dengan paip yang lebih besar serta membina lebih banyak *high level tank* di kawasan Sireh dan Serian. Kementerian mengambil maklum akan keperluan bekalan air di kawasan Kota Samarahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dan JKR Sarawak sedang mengadakan makmal Kejuruteraan Nilai bagi memuktamadkan projek saluran paip utama dari loji Batu Kitang ke tangki Bukit Entinggan dan ke tangki Batu Sembilan bahagian Kuching. Kawasan-kawasan yang akan terlibat dan mendapat manfaat daripada pelaksanaan ini termasuklah kawasan Yang Berhormat, diikuti kawasan Asajaya, Sebangon, Sibuyau, Siburan dan Bratok.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerja-kerja penukaran dan penggantian paip adalah di luar skop bekalan air luar bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kerja-kerja tersebut adalah termasuk dalam skop pengoperasian dan penyelenggaraan oleh pihak berkuasa air negeri yang terlibat di kawasan berkenaan. Sehubungan itu, kementerian ini mencadangkan agar pihak berkuasa air negeri terbabit untuk memohon pinjaman daripada pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di bawah Program Pengurangan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil bagi membiayai kos penukaran paip tersebut.

Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan isu berkaitan dengan pembangunan bekalan elektrik luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited untuk memberi kemudahan infrastruktur asas termasuk bekalan elektrik kepada semua penduduk di

kawasan luar bandar di seluruh negara. Usaha untuk menyediakan semua kemudahan ini merupakan usaha berterusan dan menjadi keutamaan kerajaan khusus untuk negeri Sabah kementerian menyasarkan hingga akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh sejumlah 35,434 buah rumah di Sabah akan menerima bekalan elektrik.

Sehingga 31 Disember 2014 sejumlah 35,778 buah rumah di Sabah telah menerima bekalan elektrik 24 jam iaitu lebih daripada sasaran. Yang Berhormat Ulu Rejang pula menyeru agar projek pemasangan bekalan elektrik solar hibrid khususnya di Long Kajang dan Lusong Laku di daerah Belaga yang masih tertangguh dipercepatkan kerana gara-gara kelembapan kontraktor. Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini lewat disiapkan kerana isu perpindahan tapak stesen dan masalah halangan untuk membawa bahan binaan menggunakan jalan perhubungan sedia ada untuk penduduk kampung. Selepas beberapa sesi dialog dan perbincangan, isu ini telah diselesaikan. Projek tersebut telah siap secara fizikal dan kementerian mengunjurkan bahawa penduduk kampung di Long Kajang dan Lusong Laku akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik pada akhir bulan ini, bulan Jun 2015 ini.

Yang Berhormat Kapar bertanya berkenaan status terkini bagi setiap projek yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh di mana kerajaan dilihat terlalu *ambitious* dalam berjanji tetapi *clueless* dalam melaksanakan janji-janji tersebut terutama bagi Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian menyasarkan sehingga akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh sejumlah 35,434 buah rumah di Sabah dan 70,482 buah rumah di Sarawak yang akan menerima bekalan elektrik 24 jam. Sehingga 31 Mei 2015 ini sejumlah 36,130 buah rumah di Sabah dan 54,578 buah rumah di Sarawak telah menerima bekalan elektrik dan kementerian yakin menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh sasaran 105,916 buah rumah yang akan menerima bekalan elektrik sepenuhnya dapat dicapai ya.

Seterusnya, Yang Berhormat Kota Samarahan berharap agar kerajaan dapat menyelesaikan isu bekalan elektrik dengan menyediakan sistem bekalan elektrik yang sempurna melalui projek elektrik luar bandar. Di kawasan Kota Samarahan masih terdapat kampung-kampung yang belum menikmati bekalan elektrik yang baik dan sempurna. Kerajaan telah memaklumkan kepada pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) berhubung aduan Yang Berhormat mengenai gangguan elektrik khasnya di kawasan Asajaya dan pihak SEB akan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja naik taraf dan pengukuhan sistem bekalan dibuat oleh pihak SEB dan kementerian hanya bertanggungjawab untuk menyambung bekalan elektrik ke kampung-kampung yang masih belum menerima bekalan, SEB yang bertanggungjawab untuk buat naik taraf dan pengukuhan sistem bekalan.

■1900

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kerajaan sedar bahawa masih terdapat kampung-kampung di pedalaman Sarawak yang masih belum mendapat kemudahan bekalan elektrik. Usaha untuk menyediakan kemudahan ini merupakan usaha berterusan dan menjadi keutamaan kerajaan khususnya bagi kawasan Parlimen Kota Samarahan, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan 58 projek bekalan elektrik luar bandar melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 2,933 buah rumah sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Sehingga 31 Mei 2015, 56 projek yang memberi manfaat kepada 2,630 buah rumah di kawasan Parlimen Kota Samarahan telah siap dilaksanakan manakala dua projek lagi yang melibatkan 303 buah rumah sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan November 2015.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Saya habiskan ini dahulu ya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum akan permohonan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sedia untuk mempertimbangkan semula mana-mana permohonan yang akan dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tertakluk kepada pematuhan garis panduan sedia ada dan senarai keutamaan pihak berkuasa negeri serta kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Sila.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya dengar dengan teliti perincian dan penerangan Yang Berhormat tentang beberapa jumlah ribuan rumah yang telah dapat bekalan elektrik dan sebagainya. Daripada RMKe-10 sehingga 31 Mei 2015 dan sehingga selesainya RMKe-11 ini, boleh tak Menteri bagi saya peratus yang dianggarkan dahulu dan peratus yang dah siap sehingga 31 Mei 2015 dan juga perincian dalam bentuk peratus yang akan siap sehingga RMKe-11 nanti selesai. Bukan pada hari ini, *at least* dalam bentuk penulisan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar membantu kami di Sarawak jugalah. Saya tidak ada maklumat yang terperinci pada saya buat masa sekarang. Jadi seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat sendiri secara bertulis, maklumat itu akan dipanjangkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada isu Program Bantuan Rumah (PBR). Berkenaan isu Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Yang Berhormat Sipitang mohon agar Program Perumahan Rakyat Termiskin dalam membangunkan golongan eKasih akan terus dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) atau dahulunya dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat Termiskin akan terus dilaksanakan mengikut keperluan di negeri-negeri.

Sehubungan dengan itu, agihan peruntukan kepada negeri akan diselaraskan berdasarkan maklumat daripada sistem eKasih dan maklumat insiden kemiskinan. Dalam konteks pelaksanaan PBR di negeri Sarawak atau negeri Sabah, kementerian bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memastikan pelaksanaan PBR khususnya bantuan bina baru dapat disampaikan kepada golongan sasaran dengan sebaiknya. Kementerian juga percaya bahawa mekanisme sebegini akan memastikan agihan bantuan rumah secara setara mengikut keperluan daerah atau Parlimen termasuk di kawasan Sipitang.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa pula membangkitkan mengenai kajian Profesor Madya Shukor Karim, profesor daripada USM di mana PPRT dilabelkan sebagai gagal kerana memilih golongan sasaran yang tidak tepat yakni gagal memilih golongan sasaran yang tepat. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam pelaksanaan program bantuan rumah atau dahulunya dikenali sebagai Program Pemulihan Rumah (PPR), pemilihan peserta adalah berdasarkan kepada cadangan nama yang diperakukan oleh *focus group* daerah berdasarkan syarat-syarat dan kriteria pemilihan peserta yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Selanjutnya, perakuan daripada *focus group* daerah ini akan disemak dan dimuktamadkan di peringkat *focus group* negeri iaitu di bawah Pejabat Pembangunan Negeri di Semenanjung atau di Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak bagi memastikan bantuan PBR sampai kepada golongan sasaran khususnya golongan miskin tegar dan miskin. Walau bagaimanapun, kementerian sedia ada maklum bahawa terdapat isu yang dibangkitkan seperti peserta yang dipilih adalah bukan daripada golongan sasaran dan tidak sepatutnya menerima bantuan. Sehubungan itu, kementerian amat mengalu-alukan cadangan penambahbaikan daripada Ahli-ahli Parlimen bagi memastikan pelaksanaan PBR mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Parit minta kepada kerajaan kaji semula supaya bantuan untuk membina rumah baru dan membaik pulih rumah-rumah, peruntukannya dapat ditambah kerana pada hari ini, peruntukan tidak mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa peka akan keperluan peruntukan bagi membiayai bantuan bina baru dan baik pulih rumah di bawah Projek Bantuan Rumah yang mana program ini bermatlamat untuk memberikan perumahan yang selamat dan selesa kepada golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar.

Untuk tujuan itu, kementerian telah mengemukakan permohonan peruntukan PBR dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan kementerian percaya agensi pusat akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya bagi permohonan ini. Kementerian juga amat berterima kasih atas keprihatinan dan sokongan Yang Berhormat Parit bagi memastikan program ini mendapatkan peruntukan yang mencukupi. Beginilah kawan-kawan yang lain, bantulah Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk mendapat peruntukan yang besar daripada agensi pusat ataupun Kementerian Kewangan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas supaya kita dapat memenuhi permohonan-permohonan Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat Sik mohon agar bilangan rumah bawah program baik pulih rumah di kawasan Sik dapat ditambahkan memandangkan rumah-rumah yang didiami oleh golongan pekebun, penoreh getah dan penduduk kampung yang tiada pekerjaan tetap amat memerlukan pembaik pulihan. Yang Berhormat, agihan peruntukan bantuan bina baru dan baik pulih rumah di bawah program bantuan rumah adalah berdasarkan keperluan negeri mengikut maklumat sistem eKasih dan maklumat insiden kemiskinan dan dalam konteks pelaksanaan PBR di negeri Kedah, kementerian bekerjasama dengan Pejabat Pembangunan Negeri untuk memastikan pelaksanaan PBR khasnya bantuan baik pulih dapat disampaikan kepada golongan sasaran dengan sebaiknya. Kementerian juga percaya bahawa mekanisme sebegini akan memastikan agihan bantuan rumah secara setara mengikut keperluan daerah termasuk di kawasan Sik.

Isu Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Isu berkaitannya Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung, Yang Berhormat Raub telah membangkitkan berkaitan kualiti pemimpin yang berada paling hadapan iaitu JKKK mestilah yang baik-baik dan mereka perlu mempunyai sumbangan yang sesuai dengan kedudukan dan pendidikan latar belakang dan pengalaman yang mereka ada. Untuk makluman Yang Berhormat Raub, anggota JKKK dan JKKP individu yang dilantik untuk berkhidmat secara sukarela kepada kerajaan tetapi mereka bukanlah penjawat awam. Antara syarat-syarat umum pelantikan anggota JKKK mempunyai aliran pemikiran dan daya kepimpinan yang dapat diterima oleh masyarakat setempat dan kerajaan. Selain itu, JKKK dan JKKP dilantik di kalangan individu yang mengamalkan nilai integriti dan kepimpinan berwibawa.

Sebagai agen transformasi luar bandar, peranan JKKK dan JKKP pada masa kini amat luas skopnya termasuk menjadi penghubung di antara kerajaan dengan rakyat dalam menyampaikan informasi dan dasar kerajaan yang tepat dan telus di samping membawa rakyat bergerak seiring dengan hasrat kerajaan.

■1910

Oleh yang demikian, untuk mengimbangi kefahaman terhadap tugas dan tanggungjawab semakin mencabar, maka JKKK dan JKKP telah diberi pendedahan khusus dan seminar oleh kerajaan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sebagai pemimpin di peringkat akar umbi. Peranan JKKK dan JKKP diperkukuhkan lagi menerusi model baru JKKK dan JKKP mulai tahun 2014 dengan memberi penekanan kepada aspek pemilihan dan kompetensi bertujuan melahirkan JKKK dan JKKP yang lebih berpengetahuan, berkemahiran dan berintegriti

Isu berikutnya Tuan Yang di-Pertua isu berkaitan pusat transformasi luar bandar atau RTC - *rural transformation centre*. Yang Berhormat Kuala Selangor telah membangkitkan agar pembinaan *rural transformation centre* atau RTC disegerakan di Parlimen Kuala Selangor. Merujuk kepada penubuhan RTC Selangor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, KKLW telah memohon peruntukan daripada Kementerian Kewangan dan RTC ini dicadang untuk dilaksanakan pada tahun 2016, nanti. Pada masa ini, KKLW dengan kerjasama kementerian peneraju RTC yang lain

sedang mengenal pasti beberapa buah lokasi berpotensi di Kuala Selangor untuk dijadikan RTC dan akan mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan negeri dalam jangka masa terdekat ini.

Yang Berhormat Tanjong Piai, memohon agar dibina sebuah RTC di Parlimen Tanjong Piai. Untuk makluman Yang Berhormat, negeri Johor telah mempunyai sebuah RTC di Kulai Jaya dan hanya sebuah RTC diperuntukkan bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan inisiatif RTC dan aktiviti-aktiviti ekonomi akan juga berlaku dalam radius 100 kilometer dari RTC dan akan meliputi kawasan Tanjong Piai.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah. Berkenaan Program Desa Lestari yang dikatakan tidak berjaya di Kampung Bukit Bulat dan Kampung Paya Lebar di kawasan Masjid Tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan ekonomi penduduk luar bandar melalui inisiatif *cooperative driven*, kampung-kampung yang terpilih di bawah Program Desa Lestari telah disyaratkan menubuhkan koperasi. Rasional koperasi sebagai penggerak Program Desa Lestari adalah berasaskan kepada perkara-perkara seperti berikut:

- (i) untuk mencapai matlamat kerajaan bagi memperkasakan ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar secara berk komuniti;
- (ii) beroperasi sebagai sebuah entiti perniagaan yang menjadi milik komuniti penduduk kampung melalui pegangan saham keanggotaan;
- (iii) dikawal selia oleh perundangan koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- (iv) mempunyai garis panduan pengurusan tatacara kewangan dan perakaunan yang teratur;
- (v) pelaksanaan projek ataupun program oleh koperasi adalah untuk faedah semua anggota dan bukannya untuk kepentingan individu atau sebilangan kecil usahawan;
- (vi) unsur-unsur salah guna dan penyelewengan dana dapat dikawal melalui tatacara, peraturan dan mekanisme kawalan yang telah digariskan;
- (vii) untuk program atau projek yang dicadangkan adalah melalui perancangan dan keputusan bersama pihak pengurusan koperasi; dan
- (viii) projek yang diusahakan secara tidak langsung menjadi milik seluruh anggota koperasi yang hasil aktiviti perniagaannya akan memberi faedah secara langsung kepada komuniti.

Sebagai penggerak inisiatif ekonomi, koperasi berperanan untuk memastikan projek yang diluluskan dilaksanakan dengan jayanya bagi memenuhi objektif program iaitu berupaya menjana pendapatan kepada koperasi serta membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung. Di

samping itu, Program Desa Lestari mengamalkan perancangan pembangunan secara *bottom-up approach* yang turut melibatkan agensi atau jabatan berkaitan, termasuk pejabat daerah.

Terdapat koperasi yang telah menunjukkan pencapaian dan prestasi yang baik. Sebagai contoh, Kampung Batu Putih, Kinabatangan, Sabah yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pelancongan. Telah berjaya menjana pendapatan tambahan sebanyak RM342,404 bagi tahun 2014 serta mewujudkan sebanyak 20 peluang pekerjaan daripada bilangan sedia ada, hasil daripada pelaksanaan program.

Sehubungan itu, kejayaan pelaksanaan projek ekonomi adalah bergantung kepada perancangan dan komitmen koperasi dengan dibantu oleh kementerian. Sinergi dan kerjasama dengan pelbagai pihak di peringkat negeri dan daerah juga akan terus diperkukuhkan selaras dengan inisiatif Strategi Lautan Biru bagi memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar untuk mendapat akses yang lebih luas kepada peluang ekonomi serta peningkatan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya isu berkaitan KEMAS. Di mana Yang Berhormat Jelebu memohon penstrukturan semula KEMAS, khususnya golongan N17 yang telah berkhidmat berpuluh-puluh tahun. Oleh sebab kakitangan kontrak tanpa diploma tidak akan diserap dalam perkhidmatan tetap. Untuk makluman Yang Berhormat Jelebu, penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedang dibuat secara berfasa. Bagi fasa pertama melibatkan kakitangan KEMAS berstatus tetap, pihak kerajaan telah meluluskan penstrukturan semula tersebut pada bulan Januari tahun 2015 ini. Untuk itu, pihak KKLW amnya dan KEMAS khususnya, sangat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak kerajaan yang telah meluluskan penstrukturan semula KEMAS bagi fasa pertama tersebut.

Bagi penstrukturan KEMAS fasa kedua ia melibatkan kakitangan KEMAS berstatus kontrak yang fokus kepada lebih 1,300 orang penyelia kanan dan penyelia pelbagai jurusan yang sedang berkhidmat di KEMAS pada masa ini. Proses penstrukturan semula fasa kedua ini sedang dalam peringkat akhir perundingan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta agensi pusat yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat juga, penyelia kanan KEMAS berada di Gred S22, manakala penyelia KEMAS berada Gred S17 iaitu gred perkhidmatan yang mula-mula disandarkan kepada mereka sebagai pembantu pembangunan masyarakat sejak tahun 1996 dahulu.

Pihak KEMAS dan KKLW sedar tentang kerisauan golongan ini yang tidak pernah distruktur semula atau mendapat kenaikan gred. Ramai di kalangan mereka yang telah berkhidmat lama di KEMAS tetapi masih berada dalam gred yang sama sejak tahun 1996 tersebut. Dalam lain perkataan, mereka telah tidak naik gred sejak 19 tahun yang lalu. Pihak KEMAS dan KKLW juga sedar bahawa kumpulan penyelia kanan dan penyelia KEMAS ini merupakan kumpulan pertengahan dalam struktur organisasi KEMAS yang menjadi penggerak utama kepada pelaksanaan semua program dan aktiviti KEMAS di lapangan. Justeru, KEMAS bersama KKLW

akan terus memperjuangkan nasib golongan ini dengan meneruskan usaha penstrukturan semula yang melibatkan kakitangan kontrak KEMAS tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya dibangkitkan isu masyarakat Orang Asli. Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mengambil perhatian terhadap isu dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) amat prihatin terhadap keperluan kemudahan asas Orang Asli di negara kita. Untuk maklumat Yang Berhormat, peruntukan yang diterima oleh JAKOA dari kerajaan adalah terhad dan ia perlu diagihkan kepada semua negeri yang terlibat. Oleh itu, pembangunan infra di kawasan Orang Asli dilaksanakan secara berperingkat.

■1920

Berkenaan dengan isu pegawai yang berkhidmat di JAKOA yang dibangkit juga Yang Berhormat Ipoh Barat, jabatan turut memberi keutamaan kepada kaum Orang Asli yang memenuhi kriteria jawatan kerajaan untuk dilantik sebagai penjawat awam. Sehingga Mei 2015, seramai 177 Orang Asli dari pelbagai peringkat perjawatan sedang berkhidmat di JAKOA.

Seterusnya Yang Berhormat Parit memohon kementerian agar mengambil maklum berkaitan dua perkampungan Orang Asli Parlimen Parit yang tersangat mundur yang perlukan bantuan perkara ini dan memberikan bantuan-bantuan yang sepatutnya terutama daripada segi pembinaan rumah seperti di Kampung Sungai Perah yang tidak selamat untuk didiami.

Yang Berhormat, kementerian amat prihatin terhadap keperluan kemudahan asas Orang Asli di negara kita. Memandangkan peruntukan yang diterima terhad dan ia perlu diagihkan kesemua agensi di bawah kementerian, pembangunan infra di kawasan Orang Asli dilaksanakan secara berperingkat termasuk di kampung tersebut, di Kampung Sungai Perah. Bagi isu pembinaan rumah di kampung tersebut, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh hingga tahun 2014, sebanyak empat buah rumah baru telah dibina dan sebanyak 15 buah rumah telah dibaik pulih. Manakala pada tahun ini, enam buah rumah baru akan dibina.

Isu berkenaan Majlis Amanah Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir adalah yang berkaitan salah agensi di bawah naungan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu Majlis Amanah Rakyat iaitu MARA. Yang Berhormat Sipitang menyarankan agar dapat diwujudkan sekurang-kurangnya sebuah institusi kemahiran tinggi sebagai persiapan mengisi keperluan dan ribuan peluang kerja berkemahiran tinggi di kawasan industri minyak dan gas dalam koridor pembangunan Papar-Sipitang.

Untuk makluman Yang Berhormat Sipitang, pada masa ini terdapat dua buah institusi pendidikan MARA yang mengkhususkan sepenuhnya dalam bidang minyak dan gas iaitu Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) di Kemaman, Terengganu dan Institut Kemahiran MARA (IKM) di Bintulu, Sarawak. Kedua-dua institusi ini boleh menampung seramai 1,600 orang pelajar di peringkat sijil dan diploma. Di samping itu, 22 buah IKM dan KKTm yang lain di seluruh negara dengan kapasiti 19,000 orang pelajar turut menawarkan pengajian dalam pelbagai bidang

kemahiran dan teknikal yang boleh menampung permintaan tenaga kerja dalam industri minyak dan gas termasuk di *Sipitang Oil and Gas Industrial Park*.

MARA juga dalam tindakan menyusun semula beberapa program yang ditawarkan di IKM Kota Kinabalu agar selari dengan pembangunan ekonomi negeri Sabah dalam memenuhi tenaga kerja mahir dan separa mahir termasuk dalam bidang minyak dan gas. MARA akan mengkaji keperluan untuk membina institusi kemahiran di kawasan Papar dan Sipitang jika terdapat keperluan pada masa akan datang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanah Merah membangkitkan berkenaan pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Parlimen Tanah Merah yang telah dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu. Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan MRSM Tanah Merah telah dimasukkan dalam *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Kesebelas tahun 2016-2017. Cadangan ini juga telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan.

Yang Berhormat Limbang pula memohon agar dibina Kolej MARA khususnya di Parlimen Limbang. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, pada masa sekarang terdapat enam buah Kolej MARA yang terdapat di seluruh negara iaitu Kolej MARA Seremban, Kolej MARA Banting, Kolej MARA Kulim, Kolej MARA Kuala Nerang, Kolej MARA KETENGAH. MARA akan mengkaji keperluan cadangan untuk membina Kolej MARA di Parlimen Limbang dan akan mengemukakan cadangan ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini Giat MARA telah mengadakan kerjasama untuk program *internship* dengan Syarikat Brooke Dockyard dan Labuan Shipyard dalam bidang *oil and gas*. Kurikulum sedia ada GIATMARA merangkumi Modul Proses Kimpalan SMAW 6G. Malah, GIATMARA juga menawarkan Kursus Kimpalan Lanjutan MCAW 6GR 6GTAW yang pastinya dapat memenuhi keperluan dalam pelbagai sektor industri. GIATMARA amat berbesar hati sekiranya Petronas membuka peluang kepada lepasan pelatih GIATMARA untuk membina kerjaya mereka.

Selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tasik Gelugor ada mohon agar diwujudkan MRSM Angkatan Tentera Malaysia di kawasan Butterworth khusus kepada anak-anak tentera. Kementerian ini amat berterima kasih dan menghargai kepercayaan Ahli Yang Berhormat Tasik Gelugor terhadap sistem pendidikan MRSM ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, MRSM Terendak, Melaka merupakan inisiatif kerjasama MARA dengan Angkatan Tentera Malaysia. MRSM ini telah ditubuhkan pada tahun 1983 dengan kapasiti pelajar seramai 750 orang pelajar. MARA akan membuat kajian terperinci berkenaan cadangan Yang Berhormat mengikut kesesuaian, keperluan dan peruntukan kewangan sedia ada pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai ada mohon agar dibina sebuah MRSM di Parlimen Bagan Serai. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat tujuh buah MRSM yang terdapat di negeri Perak iaitu di Taiping, Gerik, Lenggong, Pasir Salak, FELDA Trolak, Pengkalan Hulu dan Parit. Kesemua MRSM ini mampu menampung kapasiti pelajar seramai 5,870 orang pelajar.

Walau bagaimanapun, MARA akan membuat kajian terperinci dan mempertimbangkan tentang penubuhan MRSM untuk setiap Parlimen mengikut kesesuaian, keperluan dan peruntukan kewangan sedia ada pada masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh sikit, fasal MARA.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Sepang ya. Okey, Yang Berhormat Sepang dulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setahu sayalah, di Selangor ini hanya ada satu saja MRSM iaitu di Kuala Kubu sedangkan negeri-negeri kecil seperti Perlis pun saya difahamkan ada dua. Jadi saya hendak tanyalah, saya pernah bercakap walaupun yang baru ini tidak sempat, saya minta supaya dalam RMKe-11 ini kalau boleh ada satu MRSM di Sepang. Kalau boleh ada MRSM Ulul Albab pun lebih baiklah. Sebab ini ada- ya lah, warga Sepang tanya saya kenapa tidak ada satu. Di Selangor ini terlalu sikit jumlahnya. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri dapat *consider* dalam RMKe-11 ini. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih atas minat Yang Berhormat Sepang untuk diadakan satu dua lagi MRSM di kawasan tersebut. Seperti mana saya telah terangkan pada dalam ucapan terdahulu tadi, di mana-mana sahaja kawasan di mana sekiranya ada keperluan dan kepentingan untuk didirikan MRSM, MARA sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan. Akan tetapi, kesemuanya MARA seharusnya mendapat maklumat dulu dan membuat kerja awallah untuk memperincikan bagaimana keperluan itu. Jadi...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bagan Serai, *please*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Bagan Serai, ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Limbang dulu dan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi menyentuh tentang GiatMARA, Yang

Berhormat Timbalan Menteri mungkin terlupa iaitu tentang keadaan GiatMARA sekarang yang ada di Limbang lah. Sekiranya kalau pihak Yang Berhormat Menteri dapat melihat dengan keadaan mereka yang ada sekarang di Limbang yang menumpang di pejabat residen yang lama dan sungguh daif. Saya sendiri ada melawat Yang Berhormat Menteri. Mungkin ini juga dapat- hari itu saya ada menyebut sekiranya dapat dibuat Kompleks GiatMARA sekurang-kurangnya, *the building by itself*, dengan izin, ya. Jadi, kalau tidak pun sekurang-kurangnya yang ada ini diperbaiki sebab sungguh kesian sekalilah melihat keadaan mereka. Terima kasih.

•1930

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kerajaan ataupun kementerian dan MARA ambil maklum atas saranan daripada Yang Berhormat Limbang berkenaan isu yang telah dibangkitkan itu tadi.

Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti jawapan tentang permohonan Bagan Serai dengan MRSMnya tadi. Saya faham yang dikatakan Perak sudah ada tujuh, 5,000 lebih pelajar boleh ditampung oleh MRSM yang ada di negeri Perak. Akan tetapi apa yang saya sudah sebut banyak kali dalam Dewan ini ialah berkenaan dengan rakyat di Parlimen Bagan Serai. Di Parlimen Bagan Serai ini satu-satunya Parlimen saya rasa yang tidak ada MRSM, tidak ada SBP pun dan pelajar-pelajarnya telah menunjukkan keputusan yang cemerlang hampir setiap tahun. Tahun lepas SPM mendapat tempat yang pertama dalam negeri Perak. Kalau dahulu PMR pun tempat yang kedua dalam negeri Perak. UPSR pun begitu juga.

Jadi, saya pernah tanya dan pernah dijawab pun kononnya ada di Teranskrian, ada di Taiping, tetapi rakyat di Parlimen Bagan Serai sentiasa tertanya-tanya mengapa di Parlimen saya tidak ada. Mereka juga inginkan satu, supaya petani-petani umpamanya, rakyat yang miskin tidak perlu pergi jauh keluar. Kita ada pelajar-pelajar yang memang anak-anak yang bijak di Parlimen Bagan Serai.

Jadi saya memohon sekali lagi Timbalan Menteri, kementerian mengambil perhatian yang serius. Kesianlah kepada rakyat di Bagan Serai yang mana mereka selalu tertanya-tanya saya, kenapa kita tidak dapat, kenapa kita seolah-olah macam terpinggir. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, saya kira jawapan kepada itu sebab seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi yang telah kerap kali membangkitkan atau bertanya yang sama dan telah mendapat jawapan. Jawapan bagi saya ringkas juga. Memang seperti mana yang telah diberitahu kepada Yang Berhormat Bagan Serai terlebih dahulu, jadi tidak mengapalah. Kerajaan sememangnya ataupun sesungguhnya kita prihatin kepada keperluan di mana-mana. Oleh sebab kalau dalam jawapan tadi, disebut juga kalau kita mampu mungkin setiap kawasan Parlimen dibinakan sebuah. Akan tetapi itu banyak tertakluk kepada kewangan yang sedia ada dan sebagainya. Jadi maaflah kalau jawapan sebegini mungkin tidak memuaskan. Akan tetapi Yang Berhormat Bagan Serai, jangan putus asa. Hantar sahaja permohonan kerana Yang

Berhormat Sik buat begitu dan juga Yang Berhormat Sekijang pun sekarang buat begitu dan kalau boleh Rancangan Malaysia Kesebelas...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sepang lagi Sepang ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Juga Sepang, hantar. Sebagai wakil rakyat, adalah tanggungjawab kita- saya sebelum di kementerian, tiga penggal di *Backbencher* juga sebut perkara yang sama, Kapit belum ada MRSM. Saya pun berharap akan ada MRSM nanti.

Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Lawas dan Yang Berhormat Sik memohon agar dibina sebuah Maktab Rendah Sains MARA di kawasan Parlimen masing-masing, Sekijang, Lawas dan Sik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek pembinaan MRSM Segamat, MRSM Lawas dan MRSM Sik telah dimasukkan dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas tahun 2016 dan tahun 2017. Jadi, cadangan ini juga telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan. Jadi Yang Berhormat Sik telah mendapat berita terbaiklah tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Dewan Rakyat sekalian, pihak kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tempoh hari. Kita juga sedia maklum bahawa masih banyak projek pembangunan dan kemajuan di kawasan luar bandar yang perlu kita laksanakan dan selesaikan. Kerajaan akan sentiasa komited dan akan menunaikan apa yang telah kita janjikan kepada rakyat khususnya penduduk luar bandar.

Akhir sekali, pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan input dan maklum balas daripada semua Yang Berhormat dan kita akan cuba untuk selesaikan sebarang isu dan masalah dengan sedaya upaya kita. Saya dahului penggulangan ini dengan ucapan terima kasih dan salam hormat kepada semua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Giliran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sila Yang Berhormat Menteri.

7.35 mlm.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih bagi pihak MITI kepada 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan MITI dan *insya-Allah* malam ini saya akan cuba ringkaskan kerana kita telah masuk waktu Maghrib Tuan Yang di-Pertua.

Isu-isu yang dibangkitkan ada lapan kesemuanya daripada 14 orang Ahli Yang Berhormat. Pertama, isu-isu yang berkaitan dengan pelaburan.

Kedua, berkaitan dengan TPPA yang sudah pun saya jawab panjang lebar pagi tadi, soalan nombor 2.

Ketiga, hubungan perdagangan Malaysia-Taiwan.

Keempat, industri halal.

Kelima, perusahaan kecil dan sederhana.

Keenam, anti lambakan berkaitan industri solar.

Ketujuh, kereta elektrik dan hibrid.

Kelapan, berkaitan dengan kawasan bebas cukai ataupun FTZ.

Isu pertama, pelaburan. Enam Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan yang ini iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Seputeh. Umumnya Ahli Yang Berhormat yang membahaskan perkara ini meragui angka-angka yang disebut dalam ucapan RMKe-11 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita telah mensasarkan pertumbuhan sebanyak 9.4% pertumbuhan pelaburan swasta setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi ramai mempertikaikan angka tersebut. Sebagai makluman, angka ini ialah berdasarkan prestasi sebelum ini. Umpamanya pada tahun 2014, pelaburan swasta berkembang sebanyak 11%, pada tahun 2013 13%, maka pada pandangan kerajaan 9.4% satu angka yang munasabah. Daripada segi kelulusan, kerajaan menganggarkan RM291 bilion setahun. Ini kelulusan, bukan pelaburan sebenar. Andaian ini kami buat- dalam kerajaan, berdasarkan kepada prestasi tahun lalu di mana kelulusan pelaburan dalam semua sektor berjumlah RM240 bilion dan kami rasakan angka-angka ini adalah munasabah.

Jadi saya harap, Ahli Yang Berhormat khususnya daripada pembangkang akan mengakui hakikat bahawa Malaysia masih lagi menerima pelaburan yang tinggi, masih tinggi. Minggu lepas saya mengumumkan bagi angka-angka sukuk pertama bagi tahun 2015 di mana dalam tiga bulan pertama ini pihak kerajaan telah meluluskan RM57.4 bilion pelaburan. Ini satu angka yang membanggakan. Sebahagian besar daripada pelaburan ini adalah daripada sumber dalam negeri iaitu 80% dan 20% sumber luar negara. Angka-angka ini adalah luar biasa sedikit kerana dalam tempoh pertama pelaburan domestik datang kebanyakan daripada Petronas, projek RAPID. Nisbah biasa ataupun *ratio* biasa adalah 70:30 keseluruhan pelaburan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan juga galian (*mining*), 70% daripada sektor ataupun pelaburan domestik dan 30% daripada pelaburan asing.

Jadi saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa angka-angka ini adalah munasabah kerana yakin bahawa kita akan dapat mencapai pertumbuhan sebanyak kira-kira 9.4% dalam tempoh RMKe-11 berdasarkan prestasi tahun 2014 sebanyak 13% dan tahun 2013 sebanyak 11%. Itu berkaitan dengan pelaburan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ada juga yang mempertikaikan bahawa dia tidak nampak ataupun tiada bukti kukuh menunjukkan pelaburan swasta kekal kukuh. Saya hari Isnin lalu ke Bangi melawat syarikat Sony umpamanya. Syarikat Sony akan mengeluarkan *ultra slim* TV, 4.9 milimeter dan Malaysia akan menjadi pusat bagi seluruh dunia.

■1940

Ini contoh di mana Malaysia masih lagi menerima minat yang tinggi. Dua hari lepas saya ke KL Sentral untuk merasmikan satu lagi syarikat asing SOS International yang terbilang dalam bidang perkhidmatan kesihatan untuk syarikat-syarikat multinasional termasuk *oil and gas*. Syarikat ini telah menjadikan Malaysia sebagai pusat Asia Pasifik dan pejabatnya terletak di KL Sentral. Ada satu lagi pejabat di dalam negara kita di Miri dan syarikat ini mengambil atau mempunyai kira-kira 400 orang pekerja.

Jadi ini baru sahaja satu hari, dua hari lepas satu ialah hari Isnin menunjukkan kepada kami bahawa minat pelabur untuk melabur dalam Malaysia adalah masih tinggi. Kedua ialah berkaitan dengan TPPA. Saya tak mahu cakap panjang-panjang kerana saya telah ulas panjang lebar pada pagi tadi menjawab soalan Yang Berhormat Gopeng, soalan nombor dua. Cuma saya nak tegaskan sekali lagi bahawa apa pun kita akan pastikan bahawa perkara ini dibawa ke Parlimen, seperti saya maklum pagi tadi hujung Julai kajian *cost benefit* akan dimuktamadkan oleh ISIS dan PwC.

Pagi tadi saya mengadakan mesyuarat dengan mereka dan kemajuannya baik dan mereka bagi jaminan hujung Julai akan siap kajian ini dan sekiranya rundingan selesai, belum tahu lagi akan selesai ataupun tidak pada masa yang ditetapkan. Sekiranya kita bawa ke Parlimen sudah pasti bahawa laporan *cost benefit* ini juga akan dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan. Sekiranya dimuktamadkan bukan sahaja laporan *Cost-Benefit Analysis* akan dibawa ke Parlimen, juga perjanjian sepenuhnya akan didedahkan kepada umum untuk membolehkan Ahli Parlimen membahaskannya maka tidak berbangkit hal-hal berkaitan dengan ketulusan dan *transparency*.

Saya tak mahu ulang, Yang Berhormat Kelana Jaya bertanya tentang sama ada Malaysia akan disingkirkan berkaitan dengan pemerdagangan manusia. Perkara ini sudah pun saya jawab pagi tadi, saya tak mahu ulang. Perkara ini sudah saya sebut pada pagi tadi Tuan Yang di-Pertua. Itu berkaitan dengan pemerdagangan manusia. Daripada sekarang kita di tahap *tier* ketiga dan saya maklumkan tadi bahawa sekiranya kita luluskan rang undang-undang berkaitan dengan pemerdagangan manusia yang *insya-Allah* akan dibahaskan minggu depan, maka kemungkinan Malaysia akan dinaiktarafkan daripada *tier* tiga ke *tier* dua adalah cerah dan dengan itu ia tidak akan menimbulkan apa-apa masalah.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Sungai Siput tentang harga ubat saya dah terang pagi tadi berkaitan dengan *investor-state dispute settlement* perkara ini masih lagi dalam perbincangan. Apa pun kita sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk pastikan bahawa kepentingan negara akan terpelihara.

Yang Berhormat Simpang Renggam dan Yang Berhormat Bintulu membangkitkan tentang rundingan kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan Taiwan. Saya ingin maklumkan bahawa kita sudah buat keputusan setelah berbincang dengan pihak di Taiwan untuk ditubuhkan Jawatankuasa Malaysia-Taiwan berkaitan dengan kerjasama ekonomi. *Malaysia-Taiwan Economic Cooperation Committee* di peringkat pegawai kanan. Ini langkah yang kita ambil untuk merapatkan lagi hubungan antara Malaysia dengan Taiwan.

Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kuala Kangsar membangkitkan tentang Taman Mini Halal di Parit Sulong dan juga berkaitan dengan perlunya dibawa industri ke luar bandar. Mengenai Taman Mini Halal, saya difahamkan Yang Berhormat Parit Sulong sedang membuat pembentangan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi dan kita berharap pihak EPU akan menimbang cadangan ini.

Seperti sedia maklum, projek-projek untuk RMKe-11 belum lagi dimuktamadkan. Ada masa lagi untuk Yang Berhormat buat permohonan walaupun beberapa projek telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan ini semasa membentangkan RMKe-11 tetapi beberapa projek lagi masih lagi terbuka untuk rundingan. Saya mendoakan supaya permohonan Yang Berhormat Parit Sulong untuk dibina sebuah Taman Mini Halal di kawasan Yang Berhormat akan diluluskan oleh EPU.

Yang Berhormat Kuala Kangsar mahu supaya dibawa halal hab dan juga industri keseluruhan ke luar bandar. Jadi untuk makluman, halal hab ini ada di beberapa buah kawasan luar bandar. Di negeri saya umpamanya Kelantan ada di Kampung Apam. Kita difahamkan bahawa projek ini tak berapa berjaya selama setahun dan kedudukan terkini saya dimaklumkan bahawa 93% daripada keluasan bangunan ini sudah pun ada syarikat yang menempahnya. Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana membangkitkan ataupun menjawab persoalan yang saya bawa dalam ucapan Rancangan Malaysia Kesebelas,

Akan tetapi, apa yang saya perlu komitmen daripada pihak kementerian dalam usaha untuk membantu sekiranya peruntukan itu diluluskan oleh EPU dalam usaha untuk membantu untuk menjayakan program ini ataupun projek ini secara NBOS sebabnya HDC itu di bawah kementerian. Saya harap HDC dan juga daripada segi pemasarannya, kita mempunyai agensi-agensi lain di bawah kementerian yang kalau dibuat secara bersama dengan kementerian daripada MOA ataupun daripada KKLW ia dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Jadi itulah, kalau Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan komitmen kementerian. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ya Tuan Yang di-Pertua, jawapan ringkasnya *insya-Allah* boleh. Terima kasih banyak ya. Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya juga ada mencadangkan supaya industri halal ini diwujudkan satu profesion baru kerana terdapat antara pengusaha halal dan juga *regulator* dan juga *auditor* di peringkat JAKIM. Mungkin di pihak kementerian boleh bekerjasama dengan kementerian lain untuk sama-sama kita lihat kepada satu kerjaya baru, profesion baru untuk menyelaraskan antara industri dan juga pihak *auditor* dan *regulator* yang mana sudah tentunya pihak MITI akan berperanan besar dalam mewujudkan satu kerjaya baru untuk anak-anak muda dan membantu industri halal keseluruhannya. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sebenarnya terdapat beberapa program di beberapa buah universiti lah UiTM, UIA dan pihak HDC pun mempunyai program jangka pendek bernama *Halal Executive Program* umpamanya dan setakat ini dalam tempoh lima tahun telah dilatih kira-kira 6,300 orang peserta. Sebahagian mereka profesional walaupun bukan semuanya. Ini selari dengan kemajuan yang dicapai dalam sektor ini. Umpamanya setakat ini 130 buah syarikat sedang beroperasi di taman-taman halal di negara kita, pelaburannya RM8.5 bilion.

Benarlah kata Yang Berhormat Kuala Kangsar kita perlu beri perhatian dengan mewujudkan walaupun tidak profesion baru tetapi kita perlu melatih pakar-pakar dalam bidang ini termasuklah dari JAKIM ya. Terima kasih banyak. Berkaitan dengan luar bandar ini, saya nak maklumkan bahawa memang ini satu perkara yang diberi penekanan oleh kerajaan dan bermula bulan Mei lalu satu insentif baru bernama *locational incentive* untuk menggalakkan syarikat-syarikat menempatkan operasi mereka di luar bandar telah diperkenalkan. Boleh mendapat pengecualian cukai sehingga 15 tahun. Lima campur lima, campur lima dan setakat ini kita telah menerima tiga permohonan. Satu dari Sarawak, dua dari Kelantan.

Sebenarnya luar bandar ini sebab kita walaupun tak berjaya sepenuhnya, ada syarikat-syarikat yang telah pun menempatkan operasi di luar bandar umpamanya di kawasan Kulim, ada kawasan industri bernama Padang Meha yang saya melawat kira-kira enam minggu lalu. Ada kira-kira 20 buah syarikat di sana yang mempunyai kira-kira 300 hingga 400 orang pekerja dan kawasannya terletak kira-kira satu kilometer daripada jalan besar ya.

Di Kelantan umpamanya ada tiga permohonan untuk dan telah diluluskan untuk membina kilang simen yang terkini bernama ASN yang telah pun dirasmikan dan ini semuanya terletak luar bandar. Kilang simen di Kelantan ini terletak di Gua Musang. Jadi, kerajaan amat prihatin pada usaha-usaha untuk membawa syarikat-syarikat ke luar bandar dan bermula pada 1 Mei yang lalu kita telah memperkenalkan insentif baru dan setakat ini sudah ada tiga permohonan. Satu di

Tebedu dan dua di Kelantan. Jadi, itu untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Seterusnya, saya nak pergi kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang membangkitkan *subject favorite* lah sejak saya dalam Dewan ini. Ini sahaja yang dibangkitkan mengenai MITI oleh Yang Berhormat Kota Melaka. Tak ada benda lain, benda lain banyaklah tetapi untuk MITI satu sahaja iaitu projek persijilan Malaysia Brand.

■1950

Terima kasih atas minat Yang Berhormat. Kita akan terus membantu syarikat-syarikat ini. Ia mula diperkenalkan seperti Yang Berhormat maklum sejak tahun 2009 dan setakat ini 111 buah syarikat telah pun berjaya dan kita akan sentiasa membimbing mereka. Hasrat kita hendak lebih banyak lagi syarikat-syarikat berjaya termasuklah untuk eksport ke luar negara. Pasaran kita kecil sahaja. Penduduk kita cuma 30 juta tetapi kalau kita boleh memasarkan ke negara ASEAN umpamanya melalui *National Mark of Malaysian Brand* ini sudah pasti kita akan berjaya.

Baru-baru ini dua program besar yang kita anjurkan dua minggu lalu ASEAN SME Showcase. Ada kira-kira 600 yang terbesar yang pernah diadakan. Rakan-rakan saya Menteri dari negara ASEAN yang datang untuk bersama dengan saya. Kita ada forum dengan rakan-rakan negara ASEAN. Setiap negara ASEAN ada pesertanya. Jadi kita berbangga kerana Malaysia telah mengambil inisiatif untuk melonjakkan prestasi PKS ke persada antarabangsa.

Pada 5 Jun lalu saya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor melancarkan Minggu PKS Peringkat Kebangsaan. Ini telah pun selesai. Seminggu kita adakan di seluruh negara. Minggu PKS diadakan di seluruh negara. Ini juga usaha-usaha yang kita laksanakan untuk memperkasakan SME.

Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan tentang *anti-dumping*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka dan Bakri bangun.

Dato' Sri Mustapa Mohamed]: Ya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri dalam perbahasan saya cadangkan bagaimana Kementerian Yang Berhormat dapat, mungkin kena bekerjasama dengan Kementerian yang lain kerana cadangan saya dengan usaha MITI memang berjaya untuk mengisytiharkan kilang-kilang atau pertubuhan-pertubuhan tempatan yang diberikan persijilan *Malaysian Brand*. Terbukti bahawa ini telah membantu mereka bukan hanya dalam *branding* jenamanya tetapi termasuk dalam proses dan *production* telah di perbaiki.

Cadangan saya, adakan MITI bercadang untuk kerana ada program untuk melatih tentang pekerja yang berkemahiran. Adakah cadangan saya iaitu melibatkan penerima-penerima *Malaysian Brand* ini dalam program? Ini kerana mereka telah terbukti. Mengapa kita tidak gunakan

mereka untuk melatih pekerja-pekerja yang telah berkemahiran dalam bidang ini supaya dapat lagi bantu dalam sektor ini? Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Minta penjelasan Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: MITI ialah sebuah kementerian yang amat terbuka. Kita mengadakan banyak kerjasama dalam PKS umpamanya MITI menyelaraskan program dengan 15 buah kementerian, 65 agensi. Kita bekerjasama dengan kerajaan negeri, bekerjasama dengan agensi lain, dengan Kementerian Pertanian.

Sekarang ini berlangsung umpamanya *Milan Expo* di *Italy*. Sekarang Menteri Pertanian kita ada di sana. Tiga, empat hari lepas Menteri MOSTI ada di sana ya. Jadi kita bekerjasama dengan semua kementerian untuk mempamerkan Malaysia. Ini *world expo* selama enam bulan di *Italy*. Jadi kita membelanjakan wang yang besar dan kita juga membawa produk-produk PKS ke Milan untuk dipromosikan di seluruh dunia. Setakat ini kita telah menerima lebih 320,000 pengunjung dalam sebulan lebih ini. Maksudnya kira-kira 10,000 sehari melawat ke pavilion Malaysia. Ini adalah hasil kerjasama MITI dengan semua kementerian negara kita.

Jadi mengenai cadangan Yang Berhormat supaya melibatkan mereka 111 orang ini yang mendapat *National Mark of Malaysian Brand* ini tidak ada masalah. Saya yakin mereka sudah pun dilibatkan tetapi saya akan pastikan mereka dilibatkan dengan lebih banyak lagi program-program untuk melatih pihak-pihak lain supaya mereka juga berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri kerana memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Di sini saya hendak minta penjelasan dari Menteri. Adakah kawasan industri perabot yang akan dibina di Jalan Bakri, daerah Muar, Johor termasuk dalam skop Rancangan Malaysia Kesebelas untuk meningkatkan daripada segi persaingan dalam bidang perindustrian perabot antarabangsa? Jika ya, apakah rancangan yang seterusnya kecuali mengadakan sebuah kawasan perkilangan?

Adakah sistem perhubungan dan logistik serta pusat perdagangan akan diwujudkan di kawasan yang berdekatan? Jika tidak, mengapakah? Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan institut perabot di daerah Muar dengan kerjasama daripada kerajaan dan sektor swasta di mana daerah ini sudah menjadi pusat pengeluaran perabot....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri tidak sempat berucap Yang Berhormat Bakri hari itu?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Minta penjelasan, hendak minta jawapan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bakri nampak dia bersiap sedia. Dibaca satu-satu. Dia tidak tinggal satu perkataan pun [*Ketawa*] Tahniah kita ucapkan.

Jadi yang pertama kawasan pelabur, yang kedua, perladangan itu. Yang Berhormat Bakri kena hantar permohonan kepada pihak EPU seperti yang saya maklumkan tadi masih lagi dalam

pertimbangan. Apa pun di Muar ini banyak Ahli Parlimen. Bukan Yang Berhormat Bakri sahaja. Muar pun ada Ahli Parlimen Muar juga... [Disampuk] Pagoh pun. Pagoh, Ledang, Muar dan Bakri. Empat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong jangan bising ya.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi empat Parlimen ini boleh bersama-sama untuk memastikan bahawa- tetapi sebenarnya kawasan Muar ini merupakan satu kawasan yang sedang menonjol dalam bidang perabot ini. Kita berharap akan lebih menonjol lagi. Terima kasih banyak. Okey, saya teruskan.

Seterusnya berkaitan *anti-dumping* Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru mahu kerajaan berhati-hati dalam menimbangkan pelaburan daripada syarikat-syarikat yang ingin mendirikan ataupun yang terlibat dalam bidang solar. Saya ingin maklumkan bahawa ini telah pun kita laksanakan sejak bulan Mac tahun ini apabila kita dapati bahawa tindakan *anti-dumping* telah dikenakan oleh beberapa buah negara termasuklah Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah.

Maka pada masa ini pada 13 Mac yang lalu kita telah mengetatkan syarat-syarat. Kita teliti dengan mendalam sebelum diluluskan. Kita tidak luluskan sewenang-wenangnya. Yang penting kita hendak supaya syarikat-syarikat solar ini adalah *integrated* dan bukan sahaja hendak pasang-pasang supaya sesetengah syarikat ini ada niat untuk datang ke Malaysia, daripada China datang ke Malaysia untuk mengelak daripada dikenakan tindakan. Kita tidak mahu Malaysia dijadikan tapak untuk lari daripada undang-undang perdagangan antarabangsa. Jadi ini satu perkara yang kita tegas dalam melaksanakannya. Ingatan Yang Berhormat Bayan Baru itu kita ucapkan terima kasih kerana memang kita adalah teliti dalam menimbangkan permohonan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Hulu Langat membangkitkan tentang insentif untuk kereta elektrik dan hibrid. Ini kita telah berikan untuk kereta hibrid sudah pun tamat. Sudah pun kita rasa mencukupi kecuali kalau hendak pasang dalam negara kita. Untuk kereta elektrik ini satu perkara oleh kerajaan dan insentif ini kita berikan secara apa yang dipanggil dengan izin, *customized*.

Akhir sekali Yang Berhormat Rompin ada membangkitkan tentang...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Saya difahamkan Menteri Proton Iriz itu menjadi asas atau landasan untuk menghasilkan kereta elektrik. Adakah benar? Adakah kereta hibrid Proton Iriz ini? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Sebenarnya saya mungkin antara orang yang pertama yang membawa kereta ini di Seoul tahun lalu iaitu di LG. LG ini ialah sebuah syarikat yang ternama di dunia yang membangunkan kereta elektrik. Sekarang ini kereta ini sebenarnya telah melepasi

beberapa ujian. Ada beberapa hal yang berkaitan dengan kewangan yang belum selesai lagi. Sudah pasti Proton akan membuat perkembangan sewajarnya.

Kereta elektrik ini isu utama ialah harga. Macam Tesla umpamanya. Elon Musk bosnya telah mengeluarkan kereta Tesla yang paling berjaya di dunia ialah Elon Musk, Tesla. Akan tetapi harganya berkali-kali ganda lebih tinggi daripada harga biasa. Itu isu. Kenapakah tinggi harga? Oleh sebab baterinya, kos bateri itu lebih separuh kos kereta. Itu masalahnya. Ini juga mungkin perkara yang ditimbang oleh Proton dalam kerjasama dengan LG untuk membangunkan kereta-kereta elektrik.

Jadi jawapan kepada soalan Yang Berhormat memang Proton telah pun mengadakan beberapa perbincangan rundingan dengan sebuah syarikat Korea. Saya telah menguji pandu kereta tersebut dan nampak okey. Akan tetapi mungkin isu utama ialah kos. Ini kerana kalau kita bandingkan dengan kereta konvensional berkali-kali ganda itu ialah satu angka yang amat berat bagi pengguna untuk membelinya.

■2000

Akhir sekali, Yang Berhormat Rompin mencadangkan supaya Pelabuhan Kuantan dijadikan sebagai sebuah FTZ ataupun *free trade zone*. Pada masa ini di Malaysia ada kira-kira 18 buah kawasan perdagangan bebas, hampir kesemuanya di kawasan pelabuhan. Jadi, saya difahamkan bahawa pihak Pelabuhan Kuantan akan ataupun sudah membuat permohonan. Perkara ini akan diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana FTZ ini melibatkan banyak pihak, termasuklah kastam, Kementerian Kewangan dan beberapa kementerian lain lagilah. Fahaman saya iaitu permohonan telah dimajukan oleh pihak berkuasa Pelabuhan Kuantan kepada pihak-pihak berkenaan dan pertimbangan sewajarnya akan diberikan.

Jadi, terima kasih Ahli Yang Berhormat kerana tak banyak mengganggu saya. Jadi, sudah 8.01 malam. Terima kasih Yang Berhormat Bakri kerana baca setiap perkataan daripada soalan tadi. Terima kasih semua yang telah mengambil bahagian, 14 orang Ahli Yang Berhormat. Jadi, saya berharap selepas ini pun rakan-rakan saya tidak akan diganggu sehinggalah 10.30 malam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Giliran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Sila Yang Berhormat Menteri.

8.01 mlm.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesebelas yang menyentuh mengenai tiga sektor utama di bawah bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Sepanjang perbahasan yang bermula pada 25 Mei 2015 sehingga 9 Jun 2015, seramai 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan tenaga, teknologi hijau dan air.

Pihak kami amat menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas isu-isu berkenaan. Bagi tujuan penggulungan pada petang ini saya ingin memberi penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan mengikut tiga sektor utama iaitu sektor air, sektor tenaga dan sektor teknologi hijau.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air telah mencapai beberapa kejayaan sungguhpun terpaksa menghadapi pelbagai kekangan. Kejayaan-kejayaan ini boleh dinilai daripada pencapaian KPI yang telah disasarkan oleh kementerian ini. Dalam hal ini sehingga Jun 2015, kementerian telah berjaya membelanjakan RM6.97 bilion daripada keseluruhan peruntukan yang diberikan sebanyak RM9.74 bilion.

Bagi perkhidmatan bekalan air, kementerian memberi tumpuan untuk mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW). Dalam hal ini, NRW telah berjaya dikurangkan daripada 36.3% dalam tahun 2010 kepada 35.8% dalam tahun 2014. Purata liputan bekalan air bersih dan terawat pula telah meningkat daripada 94.2% pada tahun 2010 kepada 95.3% pada tahun 2014.

Dalam hal ini, sebanyak 24 buah loji rawatan air baru telah siap dibina dan beroperasi, manakala 38 buah loji rawatan sedia ada telah dinaiktarafkan. Bagi sektor tenaga, kementerian telah berjaya memastikan *reserve margin* dalam kadar yang amat baik. Semenanjung umpamanya, kementerian dapat memastikan kapasiti terpasang sebanyak 21,994 MW berbanding dengan permintaan puncak bahawa *maximum demand*, dengan izin, setinggi 16,901 MW pada 11 Jun 2014. Di negeri Sabah pula, permintaan puncak yang ditetapkan sehingga kini sebanyak 914 MW pada 12 Mei 2015 dan dengan kapasiti terpasang 1,499 MW.

Langkah-langkah mitigasi yang telah diambil oleh kementerian melalui agensi-agensinya seperti Suruhanjaya Tenaga, Tenaga Nasional (TNB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah berjaya mempertingkatkan tahap kebolehan harapan pembekalan elektrik di seluruh negara. Ini telah diterjemahkan kepada pengurangan kadar gangguan bekalan elektrik di mana *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) bagi Semenanjung telah menurun daripada 62.9 minit pengguna satu tahun pada tahun 2009 kepada 56.65 minit pelanggan satu tahun pada tahun 2014. Manakala bagi negeri Sabah pula, kadar SAIDI telah menurun daripada 2,868 minit pengguna satu tahun pada tahun 2009 kepada 777.26 minit pengguna bagi satu tahun bagi tahun 2014.

Walaupun *figure* ini sememangnya masih mencabar dan dalam usaha-usaha di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas untuk mengurangkan SAIDI tersebut bagi kawasan negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesebelas telah menggariskan beberapa inisiatif penting yang bukan sahaja memastikan kelangsungan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi akan memperkasakan hasrat kerajaan untuk memastikan

kepentingan dan kesejahteraan rakyat terus diberi tumpuan. Dua buah teras yang akan diberikan tumpuan utama oleh kementerian ialah daripada segi teras strategik menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan. Di bawah teras strategik lima, memperkukuhkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Bagi sektor-sektor ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sandakan bangun Yang Berhormat..

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Belum sampai Sandakan, tunggu sebentar lagi. Kita tahu Yang Berhormat akan mahu bangkit. *So, about* SESB barangkali. Akan tetapi sekadar lagi teras strategik keempat dan kelima ini nanti, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah meneliti dalam dokumen, tumpuan-tumpuan pembangunan yang akan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin terus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara khusus. Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, Ahli Yang Berhormat Rompin dan Ahli Yang Berhormat Tanjong Karang ada membangkitkan perkara berhubung penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor dan meminta agar perjanjian berkenaan dapat dimuktamadkan secepat mungkin.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah pun mengambil tindakan-tindakan yang diperlukan untuk menguatkuasakan perjanjian penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Namun begitu, perjanjian tersebut masih boleh dikuatkuasakan kerana pihak Kerajaan Negeri Selangor masih belum sedia memenuhi tindakan yang diperlukan oleh perjanjian tersebut. Kelewatan negeri Selangor untuk mengambil tindakan yang diperlukan bagi menguatkuasakan perjanjian tersebut telah menjejaskan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihannya iaitu LARL 2. Projek tersebut disasarkan untuk beroperasi pada tahun 2017, hanya boleh disiapkan pada tahun 2019, itu pun sekiranya semua permit dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan negeri.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan arahan untuk pihak berkuasa tempatan menangguhkan pengeluaran permit tersebut dengan *reserve margin* di bawah 2% sahaja. Bahkan, pada lima hari yang lalu, *reserve margin* sekadar pun 0.46% pada 6 Jun yang lalu iaitu berada dalam keadaan kritikal. Pihak kita terus merayu kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk membatalkan arahan tersebut supaya projek LAR 2 dapat disiapkan secepat mungkin.

Saya harus tambahkan di sini bahawa perbincangan-perbincangan masih berterusan di antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Selangor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Saya berharap bahawa *the spirit* ataupun semangat MoU serta semangat dan isi kandungan *heads of agreement* dan seterusnya perkara-perkara di bawah *master agreement* itu jika dapat ditunaikan oleh pihak negeri Selangor secepat mungkin, maka terpulihlah dan

tersempurnalah keseluruhan cadangan penstrukturan semula industri bekalan air di negeri Selangor, dan seterusnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat Rompin, suka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

■2010

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat kata kerajaan negeri mengarah supaya pihak berkuasa tempatan supaya tidak mengeluarkan permit dan sebagainya. Boleh dapat dengan lebih jelas, ini arahan Menteri Besar baru kah atau Menteri Besar yang lama?

Kedua, dalam perjanjian penstrukturan semula air ini, adakah penstrukturan air ini untuk mengambil alih Syarikat Pengurusan Air dengan Loji Langat 2 ini dimasukkan sekali? Ini kerana bagi saya patutnya benda ini perkara yang berbeza. Penstrukturan semula *is business deal*. Loji Langat 2 ini ialah bekalan air. Siapa juga yang menguruskan air Selangor, Loji Langat 2 ini mestilah disiapkan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Hendak tanya sedikit, Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Menteri, boleh sikit?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini tempat orang Selangor ini, sokong kah tidak sokong?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Saya ingin menyambung Yang Berhormat Tanjong Karang tadi. Apakah fasa-fasa yang perlu diluluskan oleh PBT itu? Maksudnya daripada segi teknikal, gambaran kasar sahaja. Peringkat pertama ini apa dia yang sudah lulus dan apa lagi yang tidak lulus. Mungkin kita boleh bincang perkara itu. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi sedikit tambah. Soalan sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pendek sahaja. Saya hendak mengingatkan kepada semua bahawa kalau kita punya *reserve margin* sudah tinggal 0.46%, kita kena ambil kira juga bahawa *the El Nino effect* akan berlaku dan dijangkakan *El Nino effect* ini akan lebih dahsyat daripada sebelumnya. Kita pun dapat rasakan bahawa hari ini *temperature* mencecah 35 hingga 38 darjah Celsius.

Saya mintalah atas nama kebajikan rakyat di Lembah Klang ini supaya benda ini mesti disegerakan dan mesti ditolak elemen-elemen politik yang menyebabkan ini lambat kerana akhirnya kita tidak mahu rakyat jadi mangsa. Saya minta kepada semua dalam Dewan yang mulia ini ambil sikap bertanggungjawab sebab mereka rakyat di luar sana akan terseksa. Saya cakap sebab saudara-mara saya pun marah saya Tuan Yang di-Pertua, sebab dia kena panjat tangga hendak ambil air dan kena beli baldi dan kebetulan yang sepatutnya harga RM7 atau RM8 sampai harga RM75. Jadi kita jangan lupa kepada sengsara yang baru sahaja berlaku tidak berapa lama sebelum ini.

Jadi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, duduklah dengan Menteri Besar Selangor, ambil iktibarlah apa yang berlaku, utamakanlah rakyat. Saya minta tolong.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Kota Tinggi atas sentimen dan *concern* yang telah pun dikeluarkan mengenai dengan keadaan berkenaan penstrukturan air di Selangor ini dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seterusnya.

Ya, keadaan di mana beberapa permit sebelum ini atas perjanjian dengan mantan Menteri Besar, mereka telah memberi enam permit utama untuk membolehkan pembinaan itu diteruskan. Namun, beberapa permit yang lain yang ada kaitan dengan pengagihan, *distribution* beberapa loji air dalam *distribution North and South* punya, itu belum lagi dapat diperolehi, dan bila pegawai kita, PAAB menyusulnya, kedua-dua majlis tersebut mengatakan ada arahan supaya KIV dahulu sebelum- kena tandatangan semula masa *agreement* tersebut. Jadi inilah yang dihadapi saat ini. Namun, projek yang utama itu telah pun jalan 20% sudah tetapi jika *distributionnya*, pengagihannya sistem itu tidak dapat dimulakan secepat mungkin, maka walaupun siap loji tetapi *distribution part* belum lagi, maka ini semuanya implikasinya ada kelewatan-kelewatan kepada keseluruhan projek.

Bagi Yang Berhormat Kota Tinggi, sememangnya kita *concern*. Saya katakan tadi permintaan 40,781 MLD dan *averaging* setiap hari iaitu pada 2 Jun, 2.3%; pada 3 Jun, 3.4%; pada 4 Jun, 1.2%; dan pada 5 Jun, oleh sebab pada hujung minggu, 1.49% margin; dan pada 6 hari bulan yang lalu itu, 0.46%. Kalau ada pam rosak memang masuk di dalam *water rationing* dan seterusnya.

So, memang itu keadaan yang memerlukan tindakan yang lebih komited daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor khususnya. Saya telah menulis surat dan kami sudah bertemu sekali. Saya telah menulis surat dua kali dan kita bercadang untuk berbincang dengan pegawai-pegawai dalam satu minggu ini untuk memberi satu gambaran lagi bahawa *the situation is very critical and* bagi kami dalam Kerajaan Pusat ini, kita telah lakukan apa yang perlu. Perlu RM2 bilion untuk membeli *shareholders* dalam konsesi. Wang tersedia tetapi perjanjian belum ditandatangani. Juga, bon berjumlah RM7.6 bilion, PAAB, Kerajaan Pusat ambil itu supaya *become asset light* seperti

dalam kerajaan-kerajaan negeri yang lain tetapi tanah-tanah yang diperlukan untuk diserahkan untuk membolehkan PAAB iaitu Kerajaan Pusat mengambil alih bon-bon tersebut belum lagi diserahkan kepada kita.

Jadi dalam keadaan begitu, memang banyak opsi yang boleh dijalankan oleh Kerajaan Pusat tetapi kita mahu kalau boleh daripada sebelum gunakan perundangan dan *declaring emergency water* di Selangor, saya masih belum putus asa untuk mencari jalan yang *win-win situation*.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun memenuhi *condition precedent* termasuk menyediakan RM2 bilion peruntukan. Mengapakah susah sangat ini yang kerajaan negeri hendak bagi kerjasama supaya kerajaan negeri juga memenuhi *condition precedent* ini?

Selain daripada kelulusan-kelulusan permit yang di bawah PBT, ada tidak pihak Loji Langat 2 ini iaitu pihak kementerian kena buat pengambilan tanah pula? Adakah proses pengambilan tanah ini juga mendapat kerjasama ataupun tidak daripada kerajaan negeri? Sekiranya kerajaan negeri tetap juga berdegil, tidak mahu memberi kerjasama, adakah kementerian, Yang Berhormat Menteri kata tadi kita akan isytiharkan darurat air di negeri Selangor, Wilayah dan juga Putrajaya ini?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Karang. Awal tadi saya mengatakan bahawa, yang mohon penjelasan tadi, memang Loji Langat 2 itu di luar daripada perjanjian, di luar daripada aset dia. Dia akan dibincang apabila terselesainya keseluruhan dan tidak termasuk dalam aset yang ingin di *takeover* setakat ini.

Kedua, permit-permit seperti permit bangunan, permit parit, permit sungai, permit tanah untuk sistem agihan bagi projek utama LARL 2 itu, tanah telah pun kita perolehi dari dahulu, hanya pengagihannya untuk *distribution* itu yang mesti ada 24 keping tanah yang masih belum diserahkan walaupun mantan Menteri Besar dahulu telah bersetuju supaya ini diberi ataupun *actually just* dibeli oleh PAAB atau pemaju. So, sana yang sangkut itu dan dengan itu kontraktor-kontraktor untuk pengagihan belum lagi boleh memulakan kerja-kerja yang lain.

Ada beberapa opsi yang pihak Kabinet telah bincang dan saya telah pun tulis surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Satu, *within* Akta 665 ini, *to go back to section 114* tetapi itu terpulang kepada industri dan seterusnya. *The other one under declaration of* Darurat kerana *national interest*. *We can consider all these points*.

Saya hairan sahaja kenapa tidak boleh teruskan perjanjian yang telah pun dimulakan dalam tiga peringkat. Kita telah berjumpa, berbincang dengan pegawai lebih 50 kali. Saat ini sahaja halangannya soal tanah dan pihak Kerajaan Pusat sebenarnya telah pun beri kelonggaran, katakan pada waktu itu *because I give you money, you have to give me the security*.

■2020

So I give you RM22 billion, Kerajaan Pusat kasi RM22 bilion untuk mengambil alih syarikat-syarikat ini perlu memberi tuntutananya dan sangkut pada saat ini kerana kerajaan negeri masih mengatakan Bukit Nanas itu dan Semenyih itu milik kerajaan negeri walhal di bawah akta *Federal Act* okey sudah menjadi harta Kerajaan Pusat.

Jadi dia nak *confess* itu kena pergi mahkamah lagi lewat. Akan tetapi Kerajaan Selangor telah setuju bekal aset baru empat yang cukup bernilai untuk menggantikan itu sambil mereka nak tuntutan secara perundangan. So inilah yang menyusahkan dan juga saat ini saya katakan pada mengikut Kerajaan Pusat, okeylah *never mind the pipe supposed to go to*, dengan izin, dengan *the land*. Okey. Akan tetapi kebanyakan *land ini*, *parit reserve*, so kita bilang okeylah, tidak payah itu tanah. Okey *we can take the asset* tetapi itu pun belum lagi dapat dipersetujui sepenuhnya.

Saat ini *I hope* dalam satu minggu kita boleh selesaikan *but to be frank*, menceritakan keadaan supaya kita tahu bahawa keadaan adalah begitu serius dan dalam keadaan krisis. Ya lah kerajaan negeri tidak mahu *sign master agreement*. Mereka mahu *sign Letter of Exchange* sahaja dan bagi Kerajaan Pusat, ini tidak bolehlah.

So, itulah tetapi Yang Berhormat dengan bantuan semua saya pihak Kerajaan Pusat masih belum putus asa untuk mencari sesuatu kemenangan untuk rakyat di negeri Selangor dan wilayah persekutuan. *We have been so amendable* tetapi Menteri Besar baru ini beza sedikit banyak dengan Menteri Besar yang dahulu. *We have to tell him I think, that el-Nino and all these thing* kalau berterusan, *water rationing will coming anytime next moth*. Begitu keadaannya. Okey selamat terus maju dalam perkara ini.

Yang Berhormat Silam ada membangkitkan isu mengenai bekalan air di Lahad Datu Sabah dan didapati tidak mencukupi selain turut memohon dan mencadangkan agar dilaksanakan projek pembinaan loji bekalan air di daerah tersebut bagi menampung keperluan yang dijangka akan meningkat. Saya di pihak kita amat menghargai cadangan Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk pembinaan loji bekalan air di Lahad Datu telah diperakui untuk kelulusan bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Tanah Merah telah menyentuh isu mengenai bekalan air yang tidak mencukupi di Hospital Tanah Merah yang telah menimbulkan kesukaran kepada pesakit, kakitangan dan operasi hospital berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyelesaikan masalah bekalan air di Hospital Tanah Merah tersebut, perbincangan antara pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN), Syarikat Air Kelantan dan pengurusan Hospital Tanah Merah telah diadakan.

Hasil daripada perbincangan tersebut, semua pihak terlibat telah bersetuju supaya pengurusan hospital menyediakan tangki simpanan dalaman yang mampu bertahan selama dua hari dan Syarikat Air Kelantan (AKSB) bertindak dalam mengawal tekanan air dalam sistem agihan untuk meminimumkan bilangan kes paip pecah yang boleh menyebabkan gangguan bekalan air

khususnya di hospital berkenaan. Justeru itu mengenai langkah yang diambil, pihak kita yakin masalah bekalan air di Hospital Tanah Merah dapat dikurangkan.

Yang Berhormat Rantau Panjang telah membangkitkan isu berkaitan pembangunan infrastruktur bekalan air di Kelantan agar berkualiti, air bersih dan pembangunan infrastruktur bekalan air di negeri Kelantan adalah setaraf dengan negeri-negeri lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah jangka panjang Kerajaan Persekutuan telah menawarkan Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Pada masa ini, pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan sedang dalam proses memuktamadkan perjanjian penstrukturan semula yang terlibat.

So untuk Kelantan, *they are moving* dengan izin di peringkat terakhir. Hanya *argument* di situ was berapa banyak hutang mereka ini yang boleh diterjemahkan kepada geran tetapi selain daripada itu hampir di situ dan *I think* di Pulau Pinang walaupun kerajaan pembangkang boleh saya katakan bahawa *I think* di situ pihak Kerajaan Pusat sama sekali tidak ada masalah dalam soal pengurusan industri. *So sometime we wonder why it is so difficult* untuk Selangor, *capital of the country territory to opposed, you know. Take politic aside I think* kita boleh bekerjasama mencari penyelesaian ini dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Langkawi telah mencadangkan pembinaan satu lagi *submarine water pipe*, dengan izin, bagi menyalurkan air ke Pulau Langkawi memandangkan pulau tersebut dijangka akan menghadapi krisis air menjelang tahun 2017. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek *submarine water pipe*, dengan izin, telah diperakui untuk kelulusan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Ahli Yang Berhormat Lipis. Ada Yang Berhormat Lipis kah?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Langkawi bangun.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dia sudah bisik-bisik dengan saya. Nanti tunggu *Rolling Plan* dalam bajet tahun depan ataupun tahun seterusnya.

Baik, Ahli Yang Berhormat Lipis juga menyatakan harapan beliau supaya Kerajaan Pusat dapat memberi peruntukan yang mencukupi untuk tujuan penggantian paip-paip air yang telah lama ataupun rosak dan juga membaik pulih loji rawatan di sekitar kawasan Kuala Lipis. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan projek penggantian paip dan membaik pulih loji rawatan di Kuala Lipis telah diperakui untuk kelulusan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Seterusnya berkenaan dengan perkara-perkara ketiadaan tiang lampu jalan sepanjang lima kilometer di kawasan Tebrau.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Rantau Panjang sudah ada sentuh.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ini ada tambahan lagi saya perhati. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan. Sebenarnya di Kelantan juga banyak isu paip lama yang menyebabkan berlakunya kebocoran dan menyebabkan kehilangan air. Jadi saya hendak tahu sebanyak mana peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini khas untuk pembaikan paip-paip air lama untuk memastikan bekalan air ini dapat sampai kepada rakyat.

Sebagaimana yang dimaklumkan dalam Dewan sebelum ini bahawa 36% lagi bekalan air bersih yang masih belum ada di Kelantan. Kebanyakan rakyat Kelantan menggunakan telaga-telaga tiub, telaga-telaga persendirian. Jadi saya ingin tahu apakah mekanisme yang disediakan dalam pelan tindakan Rancangan Malaysia Kesebelas ini untuk memastikan 100% air ini dapat dibekalkan dengan perkhidmatan yang terbaik untuk seluruh negeri Kelantan. Minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Rantau Panjang ...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, soalan dari Bakri mengenai bekalan air.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Bakri sudah tulis, sudah sedia? Okey, sekejap saja.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Ya okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri memberi peluang. Di sini Bakri hendak tanya jika bekalan air yang tidak bersih dan berbau, siapakah yang bertanggungjawab? Adakah boleh dapat pampasan dan ganti rugi sebab sentiasa ada berlaku di kawasan daerah Muar, Bakri. So, berlaku banyak kali pada bulan yang lepas. Minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Rantau Panjang, di bawah Rancangan Kesebelas cadangan pihak kementerian untuk membantu negeri-negeri dalam bidang *non-renewable water*, ini NRW, dan tujuannya ialah mengadakan satu *national blue print* untuk menukar paip dan memberi bantuan melalui pam serta agensi-agens operator di peringkat negeri. Nanti dalam tempoh sebelum belanjawan tahun hadapan ini akan dapat nanti diperlihatkan sekadar berapa luas. Untuk makluman, NRW sememangnya masih tinggi di negeri-negeri seperti Sabah lebih 50%, di Pahang pun lebih 50% dan seterusnya.

Kerajaan Pusat berpendapat bahawa tidak banyak *benefit* kita beri peruntukan untuk loji-loji daripada peruntukan untuk empangan tetapi hanya sekadar 60% sahaja daripada air yang dirawat itu sampai ke rumah-rumah. Jadi begitulah itu nanti saya berharap bahawa kawasan Yang Berhormat akan terus diberi perhatian dalam perkara ini akan datang.

■2030

Daripada segi kualiti air, ini dipantau sebenarnya oleh Kementerian Kesihatan dan yang bertanggungjawab daripada segi pengeluaran air operator loji dan *sampling* dibuat pada tarikh dan masa yang ditetapkan untuk memastikan air itu adalah selamat untuk digunakan. Saya tahu Yang

Berhormat Bakri telah banyak kali *complain* dengan kita dalam perkara ini. Kita telah mengambil tindakan apa yang perlu. Dahulu itu Yang Berhormat *complain* kerana air dari laut dengan air pasang yang tinggi memasuki loji. Akan tetapi air yang bau itu perlu dilaporkan dan bagi pihak jabatan kesihatan dan operator loji itu untuk mengambil tindakan seterusnya. Kalau masih lagi tidak, nanti Yang Berhormat boleh berhubung dengan saya secara *direct*.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri di sini sebab saya mendapat laporan dari pejabat kesihatan, dia memang menguji air di daerah Muar. Dia punya klorin memang melebihi standard. Semua orang yang minum itu dan berasa bimbang akan memudaratkan kesihatan. Minta Yang Berhormat Menteri mengambil berat tentang isu ini.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, terima kasih. Nanti Yang Berhormat boleh hantarkan laporan sekali lagi dan kami *check* balik rekod di kawasan Yang Berhormat Bakri.

Yang Berhormat Seputeh ada membangkitkan mengenai tenaga yang perlukan di negara ini dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan usaha untuk menggunakan tenaga yang diperbaharui dan juga keberkesanan tenaga ataupun *energy efficiency*, dan sumber tenaga baru. Untuk Yang Berhormat, permintaan tenaga elektrik diunjurkan tumbuh pada kadar purata 3.3% satu tahun bagi tempoh lima tahun yang akan datang dan keperluan tenaga elektrik di Semenanjung diunjurkan meningkat kepada 127,383 gigawatt jam menjelang tahun 2020.

Campuran sumber Tenaga Boleh Diperbaharui (TBB) pada tahun 2020 dijangka meningkat sehingga 2080 megawatt berbanding dengan 290 megawatt sehingga 31 Mei pada tahun ini untuk mengurangkan penggantungan kepada bahan fosil api. Dalam hal ini kerajaan telah melaksanakan mekanisme *Feed-In Tariff* (FIT), dengan izin, untuk menggalakkan pembangunan sumber tenaga boleh diperbaharui. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan pelaksanaan *net energy metering*, dengan izin, dan penjanaan daripada sumber solar berskala besar ataupun utiliti *scale* solar bagi menggalakkan penjanaan daripada sumber tenaga boleh diperbaharui dalam negara, di samping mengangkat tindakan strategik dalam pelaksanaan aktiviti kecekapan tenaga.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas KeTTHA akan mengambil pendekatan yang lebih holistik dan komprehensif bagi melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga. Merujuk kepada perkara ini, pelan tindakan kecekapan tenaga akan dilancarkan dan telah menetapkan matlamat, sasaran, penjimatan, penggunaan tenaga sebanyak 52,233 *GigaWatt hour* di sektor komersial domestik dan industri. Antara pelaksanaan inisiatif yang berkaitan penjimatan tenaga- peralatan jimat tenaga, pengenalan skim tarif dan Pengoptimuman Masa Penggunaan Tenaga (EToU) dan mengkaji pelaksanaan teknologi *co-generation* yang berkecekapan tinggi.

Dalam pada itu pembangunan loji-loji baru yang berdaya harap dan kos efektif adalah diperlukan bagi memenuhi pertumbuhan permintaan tenaga elektrik akan datang dan bagi mengganti loji-loji jana kuasa sedia ada yang akan menamatkan perkhidmatan dan dihentikan

tugas. Dalam hal ini kerajaan telah merancang untuk membangunkan loji-loji jana kuasa baru berasaskan sumber-sumber gas, arang batu, hidro dan sumber tenaga boleh diperbaharui.

Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Gopeng dan penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Serdang terhadap keperluan pembinaan jana kuasa baru serta peningkatan penggunaan arang batu daripada 42% pada tahun 2014 kepada dijangka 62%, ini yang disebut pada tahun 2020. Akan tetapi 62, *it's a bit* tinggi berbanding sumber bahan api gas dan sumber lain, sedangkan Malaysia berusaha meningkatkan penggunaan *renewable energy* (RE), dengan izin.

Dengan izin, saya menyatakan di sini bahawa kerajaan telah melaksanakan dasar mempelbagaikan sumber bahan api bagi penjanaan elektrik untuk memastikan keselamatan tenaga atau *energy security*, dengan izin, serta kemapanan sistem bekalan elektrik negara bagi jangka panjang. Rancangan ini telah dirancang dengan mengambil kira penelitian terhadap kelebihan dan kekurangan setiap sumber bahan api dan kriteria penentuan campuran bahan api dibuat berdasarkan ketetapan *Herfindahl-Hirschman Index* (HHI) dengan izin. *Index* ini merupakan *index* mengenai kepelbagaian campuran bahan api or *Fuel Diversity Index* yang tidak melebihi nilai 0.5 sehingga tahun 2020.

Selain daripada faktor-faktor seperti kos kepada sistem penjanaan bekalan dan kos bahan api, keupayaan beroperasi secara *base load*, dengan izin, dan skala tinggi serta impak kepada alam sekitar diambil kira dalam perancangan bekalan. Pemilihan sumber penjanaan tenaga elektrik bukan merupakan penyelesaian mutlak kepada keperluan bekalan elektrik pada masa hadapan. Malah sumber-sumber penjanaan elektrik ini ialah pelengkap dan bukannya pengganti kepada keseluruhan sistem pembekalan elektrik negara. Penjanaan daripada sumber arang batu adalah paling sesuai daripada aspek ekonomi dan kos penjanaan bagi memenuhi keperluan *base load* dengan izin atau penjanaan untuk tempoh yang panjang berikutan harga barang batu yang paling kompetitif berbanding dengan sumber-sumber bahan api yang lain.

Kos purata atau *levelized cost*, dengan izin, untuk penjanaan daripada arang batu hanya dalam lingkungan 22.78 sehingga 25.3 kilowatt/jam sahaja. Penjanaan daripada sumber tenaga boleh diperbaharui seperti *biomass* dan biogas adalah sangat terhad dan kurang sesuai digunakan untuk keperluan *base load*. Penggunaan sumber solar pula adalah bersifat *intermittent*, dengan izin, dan kesediaan sumber terhad pada waktu siang. Daripada segi kesan alam sekitar dan perubahan iklim atau *climate change*, dengan izin, perancangan pembangunan loji arang batu sedia ada dan akan datang amat menekankan pengurusan sumber arang batu yang dikawal selia dengan baik. Ini termasuk penggunaan teknologi terkini yang lebih efisien dan dilengkapi dengan ciri-ciri kawalan alam sekitar seperti teknologi *ultra supercritical flue gas desulphurization*, dan penghasilan gas rumah kaca yang rendah dan membebaskan *particular matter*, dengan izin di bawah paras yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi mengurangkan impak kepada alam sekitar. Ahli Yang Berhormat...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan daripada segi kos arang batu tadi lebih kurang 22 sen lebih. Akan tetapi hidro bagaimana? Sebab saya fikir sudah sampai masanya kita menggunakan cara bersepadu umpamanya kita ada Pedu Dam yang digunakan untuk *regression system*, untuk air minum digunakan juga untuk menjana *electricity*, itu satu. Kedua, daripada segi mini hidro itu boleh juga kita gunakan tetapi persoalannya, kosnya berapa? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: *Energy mix* pada saat ini adalah kira-kira 42% adalah arang batu dan 48% sampai 50% adalah gas LNG dan lebih itu kira-kira ada 3% *renewable* pada saat ini dan lebih itu adalah hidro. Hidro kira-kira 8% dan sememangnya daripada segi kos hidro itu memang ada lebih kurang daripada kos pembinaan dan kos *levelized tariff* bagi gas ataupun arang batu. Akan tetapi potensi bagi hidro yang besar-besar di Malaysia adalah terhad.

■2040

Itulah di bawah perancangan *renewable energy* ini di bawah SEDA. Kita memberi sokongan *Feed-in Tariff (FIT)* kepada hidro-hidro di bawah 30 megawatt. Di situ kami melihat bahawa masih luas potensi-potensi di negeri Sabah negeri Sarawak dan juga beberapa buah negeri di Semenanjung. Pada keseluruhannya kita saya rasa pandangan kementerian saat ini adalah untuk mengelakkan pembinaan hidro yang besar-besar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di sini *ASEAN Ministers of Energy* baru-baru ini tahun lalu mesyuarat tahun lalu memutuskan supaya *hidro of any size can be defined as renewable*.

Bagi kita di Malaysia kita masih lagi pada dasarnya kita setuju *but* daripada segi pembinaan masa hadapan, pihak kita masih ragu-ragu dengan definisi tersebut. So dari segi *renewable energy* di Malaysia dan *supported* dibantu oleh *Feed-In Tariff (FIT)*, kita masih kekal pada 30 megawatt *because* pandangan kita ialah bagi hidro yang 1,200 itu *we can only*, dengan izin, *be renewable after 30 years when bio-economic system in a basic organism settle back to normal*. So, begitu pendekatan kita pada saat ini. Untuk makluman, *renewable tariff* untuk hidro dalam lingkungan 16 sen untuk kilowatt. So, hampir setengah dari segi kosnya.

Yang Berhormat Permatang Pauh telah membangkitkan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh bangun.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya dia bagus dengar hari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Ketawa] Sudah lama tidak kacau Menteri. Saya hendak tanya tentang loji-loji penjanaan elektrik ini. Kita lihat di Sarawak kita sudah ada Empangan Bakun. Dahulu bila kerajaan buat Empangan Bakun, kata hendak salurkan tenaga elektrik ke Semenanjung sini tetapi saya pernah ada peluang pergi tengok Empangan Bakun dan saya

difahamkan hanya beberapa *lane* atau jentera yang guna sahaja. Lepas itu kita lihat di Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak hendak buat 12 dalam *pipeline*, hendak buat 12 lagi hidro juga. Jadi ini menyebabkan ramai Orang Asli di sana sini mereka adakan bantahan.

Jadi itu sebab saya tanya fasal kenapa buat loji elektrik hidro dan sebagainya dan kita ada lagi beberapa IPP yang keluarkan tenaga elektrik yang mana agak lama tempoh kontrak mereka, so saya agak kelirulah. Jadi bila kerajaan buat RMKe-11 ini tentang bekalan elektrik yang diperlukan, adakah diambil kira tentang empangan-empangan yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk menjana elektrik. *Do you consider that as part of your plan in Eleventh Malaysia Plan?*

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Okey, untuk makluman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat bangun lagi Yang Berhormat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit sahaja. Saya berminat hendak tahu berapa keperluan di Sarawak. Sebab keperluan macam tadi di Sabah, saya tidak ingat berapa. Ada Menteri bagi *figure*nya tetapi di Sarawak ini berapa sebab sebagaimana Yang Berhormat Seputeh sebutkan tadi Bakun *Dam* sudah ada. Kemudian saya tengok Sarawak *Baleh Dam* juga akan dibina dengan kapasiti 1,285 megawatt. Adakah benar ini? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Untuk makluman Yang Berhormat perihal perancangan tenaga di Sarawak kalau di bawah Kerajaan Negeri Sarawak yang mana kita telah beri *delegated power* kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Kita hanya memantau dari semasa ke semasa. Daripada segi Bakun *install capacity* sejumlah 2,400. Dalam *production* sekarang ini pengeluaran sekadar setengah - 1,200. Saya difahamkan oleh pihak penguasa di Sarawak, *Sarawak Electricity Corporation* (SEC) bahawa dalam perancangan mereka dan keperluan industri pada masa akan datang, mereka perlu menjana lebih banyak. Daripada segi 1,200 di Bakun yang belum lagi diguna pakai kerana beberapa *turbines* belum sempurna dan *transmission* dia.

Dalam *planting up National Power* bagi Semenanjung Malaysia adalah dalam perancangan antara tahun 2025 untuk cadangan asal *to export power* dari Sarawak. Masih dalam *planting up* tetapi kita masih lagi kaji *the economic of FiT* dan *costing* dan juga sesuai dengan *demand* daripada segi di sebelah Semenanjung di sini. Di bawah ASEAN grid punya *corporation* juga ada perancangan untuk eksport tenaga dari Sarawak melalui Kalimantan, Pontianak dan terus ke Jawa.

Dalam perancangan tetapi dengan izin *loose discussion* oleh Menteri-Menteri Tenaga ASEAN. Saya rasa yang asas adalah harusnya tidak ada *wastage* yang akan wujud. Mengikut Sarawak mereka katakan bahawa *the demand* tidak mencukupi untuk industri mereka dalam lima tahun, *I mean supply*. Itulah yang perancangan dibuat oleh pihak negeri Sarawak.

Baiklah, Yang Berhormat Permatang Pauh telah menyentuh jaminan daripada pihak kerajaan supaya tenaga nuklear tidak akan digunakan dalam penjanaan elektrik pada masa akan datang. Saya rasa saya tidak payah bicara terlampau panjang di sini. Yang Berhormat Hulu Langat pun terbuka dalam perkara ini. Saya masih ingat juga Yang Berhormat Seputeh dahulu pernah tanya mantan Menteri bila mahu mula, kenapa mahu 10 tahun lagi baru mulai. Ahli-ahli Parlimen dalam perkongsian seminar yang dijalankan oleh KeTTHA pada waktu itu dan MOSTI saya rasa majoriti terbuka kepada perkara asalkan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan juga *disposing of the waste* dapat diselesaikan.

So pada saat ini, saya hanya mengatakan bahawa dalam perancangan itu masih terbuka. Namun, beberapa langkah asas belum lagi disempurnakan termasuk pembentangan akta di Dewan yang mulia ini. Pada saat ini semua usaha kerajaan untuk memantapkan kesediaan negara dalam membuat keputusan yang tepat berasaskan maklumat dan fakta terkini dalam perkara ini *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan kajian-kajian persediaan negara dalam penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan tenaga elektrik selaras dengan garis panduan yang diberi oleh Agensi Nuklear Antarabangsa iaitu *International Atomic Energy Agency* (IAEA).

Yang Berhormat Serdang- ada dua-tiga perkara sahaja lagi. Juga telah meminta KeTTHA mengatakan- Yang Berhormat Serdang tidak ada di sini... [Disampuk] Yang Berhormat Sandakan pun minat ini perkara. Ada meminta KeTTHA mengatakan sasaran dan perangkaan yang tepat atau rasmi bagi kapasiti untuk *renewable energy* di Semenanjung Malaysia kerana terdapat perancangan data di antara SEDA dan ST dan KeTTHA beliau katakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan sasaran bagi jumlah kapasiti tenaga boleh baharui seperti digariskan di bawah dasar dan pelan tindakan tenaga boleh baharui.

Perancangan adalah seperti begini. Bagi tahun 2015 jumlah kapasiti tenaga boleh baharui sebanyak 985. Daripada segi perancangan, untuk makluman daripada segi projek yang dibiayai di bawah SEDA kira-kira 900 megawatt yang mana kira-kira 300 megawatt daripada solar, *biomass*, biogas, mini hidro sudah di dalam status selesai, ertinya sudah *exporting power*.

■2050

Okey, bagi tahun 2016, jumlah kapasiti 1,209. Bagi tahun 2017, kapasiti tenaga boleh baharui dirancang 1,440 megawatt. Bagi tahun 2018, jumlah kapasiti TBB 1,664. Bagi tahun 2019, jumlah kapasiti TBB 1,882 megawatt dan bagi tahun 2020, sasaran jumlah kapasiti TBB ialah 2,082. Kapasiti *install*, saya katakan tadi kira-kira 22,000. *We are talking about*, dengan izin, 10%. Akan tetapi kalau kita *adopt* definisi *ASEAN Ministers of Energy* yang mana berapa sahaja saiz hidro adalah *renewable*, maka keadaan sekarang sebenarnya sudah 18% daripada *install capacity*.

Saya hendak gulung sedikit kerana perkara FiT saya sudah sentuh tadi dan Yang Berhormat Serdang pun tiada di sini. Yang Berhormat Gopeng pun tiada di sini... [Disampuk] Okeylah, sedikit untuk Yang Berhormat Gopeng, kawan lama saya. Hanya dia salah pasukan.

Yang Berhormat Gopeng ada membangkitkan isu berkenaan dengan kuota tenaga boleh dibaharui untuk solar yang rendah dan juga sasaran solar yang rendah untuk tahun 2020 iaitu sekadar 99% daripada jumlah yang saya katakan tadi 2,080 megawatt.

Berdasarkan pelaksanaan semasa dan ketersediaan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang diusul oleh SEDA, menjelang tahun 2020, solar PV dijangka mencapai jumlah sebanyak 429.91 megawatt yang merupakan 20% daripada jumlah tenaga boleh baharui yang disasarkan di bawah dasar dan pelan tindakan tenaga boleh baharui. Jumlah ini adalah *significant* daripada segi jumlah dana yang diperlukan daripada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) kerana kadar tarif FiT solar PV adalah yang paling tinggi berbanding dengan sumber-sumber yang lain.

Kuota bagi solar PV tidak dapat ditingkatkan lagi memandangkan jumlah dana KWTBB yang terhad dan hal ini telah diambil kira dalam perancangan dan telah dibuat melainkan sekiranya terdapat kutipan tambahan ataupun peruntukan tambahan daripada sumber lain seperti yang dibenarkan di bawah Akta TBB 2011. Selain itu, kementerian dengan kerjasama agensi berkaitan sedang mengkaji pelaksanaan *net energy metering* (NEM) bagi membolehkan lebih banyak pihak termasuk individu dan komersial terlibat dalam penjanaan elektrik daripada solar PV untuk digunakan sendiri. Sehubungan itu, *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) Malaysia sentiasa memantau rapi perkembangan projek-projek TBB yang telah diluluskan di bawah mekanisme FiT termasuk melaksanakan lawatan tapak projek.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, sehingga 30 April 2015, SEDA telah membatalkan sebanyak 45 kelulusan dengan jumlah kapasiti sebanyak 64.87 megawatt. Daripada jumlah itu, sebanyak 35 kelulusan adalah daripada kategori solar PV dengan jumlah kapasiti 18.87 megawatt. Kuota bagi kelulusan yang dibatalkan akan ditawarkan semula dalam pembukaan kuota yang seterusnya.

Yang Berhormat Silam telah membangkitkan isu ketidakcukupan bekalan elektrik di Lahad Datu yang dikatakan telah membantutkan pertumbuhan di kawasan berkenaan dan isu *reserve margin* yang tidak mencukupi sehingga menyebabkan gangguan bekalan elektrik baru-baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini bekalan elektrik di kawasan Lahad Datu diperoleh sepenuhnya melalui sistem grid pantai timur Sabah yang mempunyai kapasiti beban sehingga 70 megawatt berbanding dengan beban maksimum semasa di Lahad Datu iaitu sebanyak 46 megawatt.

Bagi menampung keperluan permintaan akan datang, pemindahan turbin gas berkapasiti 18 megawatt dari Melawa, Kota Kinabalu ke stesen jana kuasa Lahad Datu akan dilaksanakan. Pembinaan loji kuasa daripada sumber tenaga boleh dibaharui di bawah skim *Feed-In Tariff* berkapasiti 18 megawatt dan penjanaan semula *repowering system* jana kuasa Lahad Datu dengan kapasiti 30 megawatt akan dijalankan dan diharap tender ataupun perolehan ini dapat

dijalankan pada tahun ini juga. Projek-projek ini dijangka akan meningkatkan *reserve margin* di Lahad Datu daripada 58 megawatt kepada 66 megawatt menjelang tahun 2018.

Seterusnya ialah Yang Berhormat dari Sandakan. Saya habiskan dulu ini, Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai gangguan bekalan elektrik yang masih berlaku di Sabah. Dia juga sebut di daerah saya, Kota Marudu dan Tenom. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan pencapaian SAIDI iaitu indeks yang digunakan bagi mengukur gangguan bekalan elektrik bagi kawasan Kota Marudu dan Tenom, sehingga 31 Mei. Masing-masing sebenarnya telah mencatatkan sebanyak 150.3 minit untuk seorang pengguna, dan 322.03 minit seorang pengguna dan kadar ini sebenarnya telah jauh menurun berbanding tahun-tahun sebelum ini. Akan tetapi saya akui bahawa mesti ada gangguan-gangguan dari semasa ke semasa dan inilah yang sedang kita bukan sahaja di Kota Marudu, di Tenom tetapi di Sandakan juga khususnya daerah-daerah yang kecil sedikit kerana daripada segi *generation, we should not have a problem* dengan izin.

Kita ada lebih antara 180 sampai 250 setiap hari daripada segi *generation*. Daripada segi *transmission* kecuali masalah di sekeliling *lane tower* 303 baru-baru itu yang jatuh dan oleh kerana *single lane* sahaja daripada *KK West Coast* pergi Sandakan, Tawau maka apabila *transmission* yang besar itu ada masalah, maka terbantutlah *supply*. Oleh itu, Kerajaan Pusat telah setuju supaya di Rancangan Malaysia Kesebelas, kita teruskan *Southern Grid* iaitu untuk pusing grid itu balik melalui Tenom ke KK supaya ada masalah besar yang baru-baru itu, Yang Berhormat dari Sandakan, kita boleh elakkan.

Satu lagi ialah wayar bar. Masih kebanyakan *wire* ini adalah *bare wires* dan di bawah perancangan RM2.3 bilion dalam lima tahun oleh Kerajaan Pusat yang diberi sebagai geran. Tujuan kita adalah untuk menukar tidak kurang daripada 60% daripada wayar-wayar. Saat ini, macam Kota Marudu, sebahagian Sandakan, Lahad Datu hampir 70% masih lagi *bare wire*. Jadi hendak tukar kepada wayar *Aerial Bundled Cable* (ABC). Ini antara projek yang kita akan jalankan dalam dua tiga tahun ini. Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang pentingnya Yang Berhormat Menteri menyebut beberapa langkah untuk menyelesaikan masalah ini tetapi langkah-langkah ini kita telah dengar beberapa tahun lalu tetapi sampai sekarang, macam satu pun belum lagi mula. Contohnya Lahad Datu yang *last year* atau sebelum itu pun sudah hujah dan menyatakan sebuah loji yang menggunakan gas akan dilaksanakan di Lahad Datu untuk *East Coast* punya masalah sebab *East Coast* sentiasa *breakdown* dan tidak cukup tenaga. Akan tetapi hingga kini belum ada nampak apa-apa lagi. Seperti tahu juga.

Satu geometri, satu yang pakai loji, sampai sekarang pun belum nampak apa-apa tetap *logging* adalah. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh kasi satu *date* yang tertentu bila yang dua buah loji ini dibawa. Jadi kita di *East Coast* sana tidak menghadapi masalah begitu.

■2100

Macam Sandakan setiap hari ada orang *complaint* sebab tenaga kita tidak *balance*, tidak cukup. Jadi sentiasa ada jalan satu *phase* sahaja. Jadi masalahnya banyak *electrical appliances* di rumah pun selalu rosak. Jadi Yang Berhormat Menteri ini yang satu masalah haraplah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah berucap Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Lagi satu saya mahu tanya juga *capital contribution* Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Sabah punya *capital contribution* untuk *support* rumah boleh begitu berbeza dari Semenanjung. Saya dengar *housing association* di Semenanjung satu *housing* baru RM250 tapi di Sabah RM3,300. Ini satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan berucap Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Jadi harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sekejap lagi. Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Untuk makluman daripada segi gangguan sebenarnya di Sandakan juga banyak juga pengurangan sudah. Pada tahun lalu misalnya saya di kawasan Sandakan sekadar 108.22. Memang ada perubahan *almost 30%* daripada segi pengurangan tetapi memang masih lagi wujud di Tawau, 489.17 minit seorang engguna satu tahun.

Saya katakan tadi projek-projek yang telah saya sentuhkan tadi itu adalah semua yang telah pun di *firm up* dan untuk tujuan ini Kerajaan Pusat telah membuat satu perubahan. Setakat ini dahulu kalau geran daripada Kerajaan Pusat ataupun *loan* dikasi *pass* sahaja kepada SESB untuk melaksanakan.

Memang ada aduan lewat, ada aduan kerana kasi duit tapi lewat kasi selesai dan koordinasi, maka pihak kementerian dengan persetujuan Kabinet telah meluluskan satu pasukan khas untuk membantu SESB untuk melaksanakan projek-projek ini supaya wang pun cepat disalurkan. *Claim* dari kontraktor pun cepat untuk dibuat dan kita berharap bahawa dengan adanya sistem ini, maka kita boleh memantau dengan lebih rapi khususnya kewangan daripada pusat.

Ini SESB syarikat *actually*. Dia bukan *government agency*. Hanya Sabah ada 20% tetapi dia anak syarikat TNB dan pihak AG mengatakan mana boleh ini syarikat boleh terima geran bilion-bilion. Maka dengan tujuan untuk memastikan supaya pelaksanaan projek khususnya yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat melalui geran dapat dilaksanakan dengan cepat, maka satu badan petugas khas telah ditubuhkan. Dengan itu saya yakin ini bukan cakap-cakap sahaja tetapi ada tindakannya.

Mengenai dengan keperluan yang lain itu memang *Economic Council* telah meluluskan untuk membawa gas ke Sandakan yang masih dalam peringkat kajian daripada segi *costing* dan seterusnya yang tujuannya adalah untuk *fire*, untuk tujuan satu, perindustrian dan yang kedua ialah

satu janakuasa di situ dapat dibina yang berkapasiti 190/380. Ini akan menggunakan peruntukan yang banyak untuk membawa gas dari Tuaran melalui Kota Marudu–Beluran tetapi memang dalam peringkat kajian *costing*.

Tujuannya supaya di *east coast* ada satu *base station* yang besar. Sementara itu kita hantar dahulu 30 megawatt di Lahad Datu sendiri dan juga dua set 30/30 yang dijangka *open cycle* dahulu supaya bila gas sampai dia boleh *convert* pergi *combine cycle*. Jadi dengan langkah-langkah ini saya berharap sebelum September, tender akan dibuka untuk pelaksanaannya. So, *you want* Yang Berhormat *more than these things, we will be more than happy to do that*.

Mengenai dengan *contribution*. Pihak kita telah berbincang dengan SESB supaya ada satu formula yang boleh diterima oleh pihak pemaju dan satu formula yang *transparent* seperti di Semenanjung. Memang bukan senang sebab kalau di Semenanjung, *capital contribution* sudah dimasukkan dalam tarif. Tidak bayar banyak sebab termasuk dalam tarif *calculation* tetapi kalau di Sabah tidak dan kalau pemaju itu *first time* masuk di situ dia *expected* di kawasan itu *absorb*, dengan izin, *most of the cost*.

Akan tetapi saya sudah pun berbincang pada peringkat akhir supaya sebahagian formula yang ada di semenanjung digunakan di Sabah. So, mudah-mudahan *I can meet the housing association, gentlemen you wait good friend Francisco and the gang* bahawa ada penjelasan tidak memuaskan hati tetapi *I saw improvement over the existing one*.

Saya rasa Yang Berhormat Sandakan itu sahaja daripada saya kerana yang lain tidak ada di sini. Saya rasa saya akan jawab secara bertulis Tuan Yang di-Pertua kerana masa sudah berlalu. Terima kasih sekali lagi bagi mereka yang telah pun membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan mana-mana yang saya tidak sempat untuk mengulas dan memberi penjelasan nanti saya boleh lakukan secara bertulis ataupun berbincang dengan pihak saya, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Giliran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Sila Yang Berhormat Menteri.

9.06 mlm.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Amar Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan isu-isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan ke atas Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sektor komoditi yang terdiri daripada beberapa buah produk termasuk sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf merupakan salah satu tunggak ekonomi

negara dan memberi sumbangan signifikan kepada pembangunan negara. Pada tahun 2014, sektor komoditi telah menyumbang pendapatan eksport sebanyak RM119.6 bilion atau 15.2% daripada jumlah pendapatan eksport negara. Keluasan tanaman komoditi di seluruh negara adalah seluas 6.55 juta hektar iaitu 85% daripada jumlah guna tanah pertanian negara. Selain itu, seramai 600,000 orang pekebun kecil di seluruh negara bergantung kepada sektor komoditi.

Di bawah Dasar Komoditi Negara kerajaan menyasarkan sumbangan sektor komoditi kepada pendapatan eksport negara mencapai sebanyak RM242.6 bilion menjelang tahun 2020. Berdasarkan kepada sasaran ini Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan melaksanakan beberapa program ke arah memantapkan pembangunan industri komoditi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas. Strategi dan program ini juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan kepada pekebun kecil di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas kerajaan meneruskan pelaksanaan pelbagai strategi serta memperkukuh dan menstabilkan harga komoditi serta meningkatkan daya saing dan kemapanaan sektor ini. Antara strategi-strategi tersebut ialah:

- (i) mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan agar nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
- (ii) meningkatkan permintaan dan memperkukuhkan pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baru;
- (iii) meningkatkan penggunaan domestik produk-produk komoditi;
- (iv) memperkasakan industri hiliran pasaran komoditi;
- (v) melaksanakan program tanaman semula pokok-pokok komoditi;
- (vi) menggalakkan penggunaan mekanisme dan automosi; dan
- (vii) melaksanakan program-program latihan yang meningkatkan kemahiran pekerja dan kita menggalakkan pekebun-pekebun kecil menjalankan aktiviti integrasi tanaman pertanian dan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Dewan yang mulia ini, isu harga getah yang rendah dan kesan kepada pekebun kecil getah telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Sik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa prihatin atas masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil di seluruh negara terutama membantu mereka menghadapi kesan penurunan harga getah. Oleh yang demikian, pelbagai program telah dan sedang dijalankan untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini.

■2110

Antaranya insentif pengeluaran getah yang di mana dana telah pun diperuntukkan RM100 juta. Kedua, mekanisme penetapan harga di ladang ini mula dilaksanakan November 2014 untuk memendekkan rantai pemasaran dan harapan bahawa harga akan lebih baik kepada pekebun

kecil. Selain itu, kita juga mencadangkan supaya pemberian inisiatif tanaman semula dan tanaman baru kepada pekebun kecil di seluruh negara diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Selain daripada bantuan-bantuan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, MPAC bercadang untuk menubuhkan kluster pekebun kecil. Di bawah program ini, kawasan pekebun kecil akan diuruskan secara lebih profesional di bawah satu pengurusan bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan pemasaran getah keluaran mereka. Melalui penubuhan kluster ini, diharapkan produktiviti pekebun kecil juga akan dipertingkatkan melalui amalan pertanian baik ataupun *good agriculture practices*, dengan izin yang lebih berkesan dan sistematik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu memperkukuhkan harga getah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia tidak boleh secara bersendirian mempengaruhi harga getah dalam pasaran dunia. Memandangkan negara kita pengeluar getah sedunia keenam terbesar dengan menyumbang hanya 5.7% daripada jumlah pengeluaran getah asli dunia, maka Malaysia akan meneruskan kerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* untuk mengawal pengeluaran getah bagi tujuan memperkukuhkan harga komoditi ini.

Di samping itu, usaha juga akan terus diambil untuk menambah baik bilangan ahli ITRC untuk memperkukuhkan keberkesanan pakatan ini. Vietnam baru-baru ini telah menyatakan persetujuan untuk menyertai ITRC. Penyertaan Vietnam akan memperkukuhkan lagi kerjasama ini di samping membantu meningkatkan *share* global pengeluaran negara-negara anggota ITRC daripada 67% kepada 74% memandangkan Vietnam kini merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar di dunia. Oleh itu, kita berharap bahawa ITRC akan lebih berkesan dalam usaha-usahanya untuk menentukan harga getah yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini juga, setelah Mesyuarat Peringkat Menteri Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah di Kuala Lumpur, harga getah telah mula menunjukkan pemulihan meskipun masih belum sampai paras yang diharapkan oleh kebanyakan pekebun kecil. Mesyuarat ANRPC tersebut bersetuju untuk mengadakan mekanisme untuk menimbang penawaran dan permintaan getah asli dunia.

Negara-negara asli menghasilkan hampir 93% pengeluaran getah asli dunia. Dalam mesyuarat ini juga, pengeluar-pengeluar, ahli-ahli ANRPC telah menunjukkan solidariti mereka untuk mengatasi masalah ini. Di samping itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk meningkatkan penggunaan domestik getah asli. Antara usaha yang dilaksanakan adalah penyelidikan ke atas adunan getah dengan bitumen bagi pembinaan jalan raya. Adunan tersebut sedang menjalani ujian di lapangan di beberapa buah lokasi di Jalan Gambang, Kuantan, Jalan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan jalan di Stesen Penyelidikan Getah Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, isu penurunan harga sawit dan langkah-langkah kerajaan menangani isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Jelebu. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, harga sawit juga ditentukan oleh faktor penawaran dan permintaan serta pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara pengimport. Bagi menangani masalah ini, kementerian mengambil beberapa langkah seperti berikut.

Pertama, baru-baru ini kita telah pun meningkatkan penggunaan biodiesel kita dalam program biodiesel daripada B5 kepada B7 mulai November 2014 di seluruh negara. Matlamat ini adalah untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit serta mengurangkan *stock* yang memberi impak yang positif kepada harga minyak sawit. Kementerian sedang menimbang dan dalam usaha untuk membolehkan B7 ini ditingkatkan kepada B10.

Kedua, meningkatkan permintaan dengan memperkukuhkan pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baru menerusi aktiviti-aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di luar negara melalui penyertaan dan pameran tempatan dan antarabangsa, ekspo perdagangan dan misi teknikal dan pembekal tempatan. Pada purata, kementerian menganjurkan lapan misi promosi ke luar negara dan menyertai 10 ekspo perdagangan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, ANRPC juga berusaha bagi meningkatkan akses pasaran yang lebih baik dalam perundingan perjanjian perdagangan bebas dua hala dan perundingan pelbagai hala di serantau seperti Trans-Pacific Partnership bagi meningkatkan penggunaan minyak sawit.

Ketiga, meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk membanyakkan lagi produk nilai tambah untuk meningkatkan lagi penggunaan minyak sawit dan membanyakkan lagi produk nilai tambah tinggi untuk pasaran eksport. Selain itu, di bawah NKRA Sawit, kementerian menyediakan dana untuk menggalakkan industri sawit menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun bangun Yang Berhormat.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Ini termasuk penghasilan produk-produk *nutraceutical* dan farmaseutikal bagi tempoh 2011 dan 2014 sebanyak RM471.75 juta telah diluluskan dalam bentuk *matching grant*, dengan izin. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Minta laluan, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertariklah dengan langkah-langkah yang telah pun dan sedang diambil untuk meningkatkan permintaan minyak sawit seterusnya diharapkan meningkatkan harga sawit tersebut. Dalam masa yang sama, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri di dalam satu *conference* baru-baru ini berkaitan dengan R&D juga untuk meningkatkan *yield* hasil FFB ataupun BTB sehingga menjadi 26 tan menjelang 2020.

Jadi secara tidak langsung, kita juga meningkatkan penawaran bekalan. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri melihat bahawa dengan *embarkation* kita dalam B10 ini iaitu untuk meningkatkan lagi kadar kandungan minyak sawit dalam diesel untuk dijadikan bahan bakar akan dapat mengimbangi hasil yang jauh lebih tinggi berbanding dengan sekarang ini. Begitu jugalah dengan OER ataupun kadar perahan minyak yang kita jangka akan juga meningkat melalui penggunaan benih yang baik dan sebagainya. Apakah komen Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat memang sentiasa prihatin mengenai isu-isu komoditi ini. Betul, baru-baru ini dalam satu seminar, kita telah membincangkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh industri sawit negara. Antaranya keperluan kita untuk meningkatkan produktiviti kita. Sekarang, kita hanya mampu mengeluarkan empat tan satu hektar CPO dan oleh itu, kita mengharapkan dengan benih yang lebih baik, dengan cara pengeluaran yang lebih cekap dengan meningkatkan *mechanisation* dan sebagainya, kita berharap bahawa produktiviti kita akan lebih meningkat kepada enam tan satu hektar bagi CPO. Dengan inilah kita mengharapkan bahawa kita akan lebih kompetitif kalau dibandingkan dengan negara-negara lain.

Dalam masa yang sama, kita juga mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa kita ada mekanisme bagaimana kita nak bertindak apabila *stock* minyak sawit kita tinggi. Dengan ini, negara kita dengan negara Indonesia sama-sama mempunyai pendirian yang sama ialah satu pendekatan yang baik yang kita harus jalankan adalah untuk menambahkan kegunaan minyak sawit di dalam negeri. Di sinilah isu biodiesel ini timbul.

Oleh yang demikian, maka satu langkah yang diambil adalah telah pun meningkatkan penggunaan biodiesel daripada B5 kepada B7. Apabila kita menggunakan formula B7, maka kita akan menggunakan tidak kurang daripada 700 ribu tan minyak sawit satu tahun. Jadi kalau ini ditingkatkan kepada B10, tentunya akan lebih banyak lagi. Kalau negara kita dan negara Indonesia sama-sama menjalankan program yang sama, di situlah kita mampu untuk menentukan harga sawit kita daripada turun begitu mendadak.

■2120

Selain itu kita juga mengadakan R&D dan seperti yang saya sebut tadi pelbagai insentif. Masa depan sawit kita bergantung kepada permohonan sektor hiliran sawit kerana daripada segi jumlah keluasan ladang sawit kita, kita tidak boleh menambah lebih besar kerana *restriction* daripada segi keluasan tanah. Maka pada tahun 2020, kita hanya mungkin mampu ada mempunyai 5.8 juta hektar sawit di negara kita ini. Akan tetapi daripada segi kapasiti kita untuk memproses sawit sektor hiliran adalah tinggi. Kita mempunyai *comparative advantage*. Di sini lah kita juga mengharapkan penambahan hasil ini akan digunakan untuk kita mengeluarkan barang-barang yang lebih banyak. Oleh itu kita yakin bahawa program-program ini akan membantu kita menahankan harganya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pekebun kecil sawit, kementerian juga telah melaksanakan beberapa program. Kita meneruskan skim tanaman semula, skim tanaman baru sawit pekebun kecil. Begitu juga kita sekarang ada mengadakan satu skim untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Rompin.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, harga sawit sekarang ini ditraders dalam 2,200 di sekitar. Nampaknya bila *currency* kita turun di sekitar 3.7. Kalau dulu 3.3 kita punya harga minyak di sekitar yang sama. Maknanya penurunan US Dollar tidak memberi kesan positif kepada minyak sawit negara. Adakah sebab persaingan daripada soya *bean* dan minyak bunga matahari menyebabkan kita ataupun permintaan soya *bean* yang rendah, yang *supply* soya *bean* tinggi di pasaran, yang melimpah di pasaran dunia menyebabkan tiada peningkatan daripada segi harga walaupun US Dollar kita turun. Adakah *promotion* kita nampaknya semakin kurang di peringkat antarabangsa menyebabkan sawit kita tidak begitu diterima pakai ketika ini.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang minyak sawit menghadapi persaingan yang begitu hebat daripada segi *competition* dari soya *bean* dan sebagainya. Inilah satu cabaran yang kita hadapi. Oleh sebab itu kita berusaha, yang pertama untuk menggunakan banyak lagi minyak sawit ini dalam negara. Yang kedua, kita meningkatkan produktiviti supaya kos kita dapat turun dan yang ketiga, kita mempelbagaikan pembangunan industri hiliran supaya kita dapat lebih bersaing dengan apa-apa produk yang dikeluarkan oleh pesaing-pesaing kita yang lain. Kita mencuba untuk mengawal apa-apa faktor yang kita dapat kawal tapi ada faktor yang kita tidak dapat kawal. Ini kadang-kadang akan memberi kesan kepada harga sawit kita.

Daripada segi promosi, kita memang dari semasa ke semasa mencari jalan bagaimana yang lebih terbaik. Yang terkini kita akan mengatur satu program untuk *branding* sawit kita, Malaysia kerana kita mempunyai keunikan. Jadi kita harap dengan *branding* ini, dengan beberapa strategi, sama ada di China, di India, untuk *market* Amerika Syarikat, *market* Eropah, ini sentiasa kita ubah suai mengikut sesuatu keadaan dari semasa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, Skim Bantuan Baja Sawit Pekebun Kecil.

Skim ini dibuat untuk pekebun-pekebun yang tidak pernah menerima sebarang bantuan, akan disediakan bantuan baja untuk tanaman sawit mereka. Bantuan baja ini adalah pada kadar RM3,000 bagi sehektar dan had seluas 3 hektar seorang. Yang ketiga, bantuan penyelenggaraan kebun. Mereka yang menerima bantuan ini terdiri daripada pekebun kecil yang menerima bantuan tanaman semula yang memiliki kawasan tanah tidak melebihi 2.5 hektar pada kadar RM500 sebulan selama 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh beberapa Yang Berhormat. Akan tetapi apa-apa perkara yang tidak dijawab di sini, kita akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Giliran Kementerian Luar Negeri. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

9.25 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas baru-baru ini. Pertama Yang Berhormat Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Fon, Sandakan yang telah membangkitkan tentang isu tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak pernah mengaku dan tidak sekali-kali akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak sama ada Filipina atau Kesultanan Sulu ke atas sebahagian atau keseluruhan negeri Sabah.

Status negeri Sabah dalam Persekutuan Malaysia adalah sah dan diterima oleh masyarakat antarabangsa. Ini terbukti dengan keputusan Suruhanjaya Cobbold yang mengadakan pungutan suara pada 19 Februari hingga 18 April 1962 di mana rakyat Sabah telah bersetuju untuk menyertai pembentukan Malaysia dan keputusan ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sejak 16 September 1963, Sabah dan Sarawak telah menjadi sebahagian dari Malaysia.

Manakala Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam Tuan Yang di-Pertua, telah membangkitkan isu mengenai dengan Rohingya. Pelbagai inisiatif Tuan Yang di-Pertua, telah pun dilakukan oleh Kerajaan Malaysia dengan kerjasama negara-negara lain seperti Thailand, Indonesia, Myanmar dan Bangladesh bagi menangani isu pemerdagangan manusia dan kemanusiaan pendatang asing membabitkan etnik Rohingnya dan Bangladesh. Pada 17 Mei tahun ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah mengambil peluang untuk membincangkan isu ini bersama TYT Menteri Luar Negeri Bangladesh semasa Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Bangladesh Yang Keempat yang telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah.

Semasa mesyuarat tersebut, Malaysia dan Bangladesh bersetuju untuk bekerjasama dalam mencari jalan penyelesaian dan kedua-dua buah negara turut menekankan bahawa kerjasama dan penglibatan negara-negara serantau yang lain dalam menangani isu ini adalah amat diperlukan. Di samping itu Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah mengadakan mesyuarat di peringkat Menteri pada 20 Mei 2015 di Putrajaya bersama Menteri Luar Negeri Indonesia dan Menteri Luar Negeri Thailand bagi penyelesaian bersama selaras dengan semangat perpaduan dan solidariti ASEAN. Susulan mesyuarat tersebut, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju dan bersepakat untuk membantu dan menyediakan tempat perlindungan sementara

untuk menampung kira-kira 7,000 orang pendatang asing Rohingya dan Bangladesh yang dipercayai masih ada di Perairan Teluk Bengal dan Laut Andaman.

Malaysia sekali lagi mengambil langkah proaktif. Yang Berhormat Menteri Luar telah mengambil keputusan untuk mengadakan lawatan kerja ke Nay Pyi Taw, Myanmar pada 21 Mei 2015 bagi membolehkan beliau membincangkan perkara ini bersama rakan sejawat beliau di Myanmar. Semasa perbincangan dua hala antara kedua-dua Menteri Luar Negeri ini, Yang Berhormat Menteri Luar telah meminta jaminan dari Kerajaan Myanmar untuk membantu dalam menangani krisis ini di samping juga menekankan kepentingan negara Myanmar untuk mengenal pasti dan menyelesaikan punca utama kepada isu Rohingya ini.

Yang Berhormat Menteri Luar juga menekankan bahawa Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, negara-negara anggota ASEAN yang lain perlu bersepakat dalam memainkan peranan utama dalam menangani krisis ini yang telah mendapat perhatian serta liputan meluas oleh masyarakat antarabangsa.

Beliau turut menekankan bahawa masyarakat antarabangsa perlu turut memikul beban tanggungjawab secara bersama dalam hal ini dengan menghulurkan bantuan-bantuan yang sewajarnya khususnya bantuan kewangan ke Indonesia dan Malaysia untuk menampung kos pengendalian tempat perlindungan sementara mangsa pemerdagangan manusia dan pendatang asing Rohingya dan Bangladesh.

Manakala Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua, Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebut nama kawasannya.

•2130

Dato' Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Batu, saya baca ini Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan yang mulia ini- isu berkenaan status Malaysia dalam menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Sehingga kini, Malaysia bukan merupakan dan tidak berhasrat untuk menjadi negara pihak dengan izin, *state party* kepada konvensyen berkaitan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967, dengan izin, *Convention in relating to the Status of Refugees 1951 and its Protocol 1967*.

Namun, perlu saya jelaskan bahawa sebelum Malaysia menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, khususnya konvensyen berkaitan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967, Malaysia perlu mengkaji secara mendalam kesan dan implikasi penyertaannya daripada segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial serta aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Sehubungan dengan ini, persediaan menyeluruh perlu dilaksanakan dengan teliti oleh Kerajaan Malaysia sebelum sesuatu keputusan dimuktamadkan dalam usaha Malaysia menyertai sesebuah instrumen antarabangsa termasuklah sama ada instrumen antarabangsa berkenaan dapat dilaksanakan melalui rangka perundangan negara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih kepada Menteri. Giliran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sila Yang Berhormat Menteri.

9.31 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas berkaitan isu-isu dasar, program dan strategi di bawah kementerian ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, MOSTI akan terus memikul tanggungjawab untuk memacu agenda sains, teknologi dan inovasi ke arah meningkatkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi negara.

Saya terus kepada isu-isu yang telah dibangkitkan dalam perbahasan dasar. Yang Berhormat Jerlun bertanyakan produk-produk sampingan yang boleh dihasilkan daripada sisa-sisa tanaman padi seperti jerami dan sekam. Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, MOSTI sememangnya menyokong dan sudah ada kajian dilaksanakan di bawah Dana Sains MOSTI untuk memanfaatkan hasil sampingan ini. Contoh projek yang dibiayai oleh MOSTI adalah di bawah penyelidikan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia - *Development of Paddy Waste as An Alternative Plant-Based Corrosion Inhibitors for Metal Alloys* dan MARDI - *Lower' bio-absorbable interference screws composite consist of rice 'bio ceramic' and Poly-L-lactid*.

Seterusnya Yang Berhormat Kuantan membangkitkan mengenai *public engagement* dan contoh dikemukakan adalah berkaitan dengan pembangunan kilang Lynas di Kuantan. Mengenai projek Lynas, pihak kementerian telah mengadakan beberapa siri taklimat kepada masyarakat awam, khususnya masyarakat setempat berkenaan projek ini sebelum projek ini dilaksanakan. Taklimat diadakan untuk memberi penjelasan kepada masyarakat setempat mengenai projek ini atau dasar keprihatinan kerajaan terhadap orang awam. Kelulusan projek Lynas adalah berdasarkan kepada pematuhan terhadap peruntukan undang-undang berkaitan iaitu Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304] dan peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

Dakwaan Yang Berhormat Kuantan bahawa pelan pelaksanaan tenaga nuklear sudah dibentangkan di luar negara khususnya di Vienna, adalah merujuk kepada bengkel-bengkel teknikal. Perkara yang dibentangkan hanyalah merupakan perancangan untuk penerokaan penggunaan tenaga nuklear di Malaysia. Dari pandangan pakar teknikal pula, saya akan *timeline* dan dokumen ETP, pendirian kerajaan berkenaan perkara ini adalah jelas seperti yang tertera dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu penggunaan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif akan terus diterokai. Ini bermaksud kerajaan masih belum membuat apa-apa keputusan muktamad berkenaan penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan tenaga, malah sedang dalam proses *possibility study* untuk melihat opsi pengunaannya di negara kita.

Rang Undang-undang Tenaga Atom bertujuan untuk mengawal selia aktiviti dan amalan yang melibatkan penggunaan tenaga atom bagi memberi perlindungan kepada manusia dan alam sekitar daripada kesan sinaran ion, selain memastikan keselamatan bahan radioaktif, bahan nuklear dan kemudahan yang berkaitan. Rang undang-undang ini akan lebih komprehensif dan menyeluruh merangkumi aspek 3S iaitu *safety, security and safeguard* dan akan menggantikan Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304]. Rang undang-undang ini tetap diperlukan tidak kira sama ada kerajaan membuat keputusan untuk menggunakan nuklear sebagai penjana tenaga elektrik ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya berhubung dengan perkara...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Ya, teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri. Salah satu daripada *argument* Yang Berhormat Kuantan, mengatakan bahawa dunia telah *decommission* banyak reaktor nuklear, kenapa Malaysia baru hendak buat. Saya ingin mendapat penjelasan berapa banyak reaktor nuklear yang ada di dunia ini, berapa yang *decommission* dan di negeri mana. Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya, saya tidak ada data yang itu. Saya akan beri secara bertulis kerana yang kita cakap ini ialah berkenaan akta pelesenan atom yang baru, rang undang-undang yang baru.

Sekian sahaja penjelasan yang berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat menyentuh bidang kuasa MOSTI. Saya mengucapkan terima kasih atas pertanyaan dan cadangan Yang Berhormat atas kementerian ini yang mana semua akan diberikan perhatian serius dan tindakan susulan sewajarnya akan diambil oleh MOSTI. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, *waalaikumussalam.* Oleh sebab sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, saya jemput Kementerian Wilayah Persekutuan menggantikan giliran Kementerian Kesihatan. Sila.

9.37 mlm.**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa dan Yang Berhormat Labuan yang telah menyentuh secara khusus berkaitan dengan bidang kuasa kementerian ini semasa sesi perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas tempoh hari.

Sesungguhnya teras utama kementerian ini bagi memajukan pembangunan ekonomi serta fizikal yang seimbang di Wilayah Persekutuan sentiasa diberi keutamaan kerana kementerian ini mengambil maklum bahawa isu kesejahteraan hidup rakyat di Wilayah Persekutuan merupakan perkara pokok yang mesti dititikberatkan untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa telah membahaskan isu pembinaan rumah mampu milik serta pembangunan projek-projek komersial di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat berhubung dengan isu perumahan, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Salah satu inisiatif kerajaan ialah dengan mewujudkan Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) untuk merealisasikan Dasar Perumahan Negara dicapai di Wilayah Persekutuan, di mana keperluan pemilik rumah diasaskan kepada keperluan penduduk yang disandarkan kepada kemampuan untuk membeli dan membayar.

Kerajaan telah menggunakan pelbagai mekanisme melalui program RUMAWIP ini iaitu secara penswastaan, persendirian dan pembangunan semula. Program pembangunan semula merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama syarikat swasta yang bertujuan untuk mengelakkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan, di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan untuk faedah kepada rakyat. Pembangunan semula ini akan mewujudkan suasana persekitaran yang lebih moden dan selesa di mana keseluruhan unit rumah usang yang sedia ada digantikan dengan unit baru yang lebih sesuai dengan keperluan semua penduduk pada masa sekarang. Antara program pembangunan semula yang sedang dilaksanakan ialah pembangunan semula rumah pangsa Razak Mansion, pembangunan semula *flat* di Kampung Kerinchi dan pembangunan semula *flat* Seri Pahang di Bukit Bangsar.

Ini secara tidak langsung membuktikan keprihatinan pihak Kerajaan Persekutuan dalam memastikan bahawa semua rakyat dapat hidup dalam keadaan yang cukup selesa dan kondusif. Rumah-rumah lama yang hanya mempunyai satu atau dua buah bilik tidur dengan keluasan lantai antara 400-500 kaki persegi akan digantikan dengan rumah-rumah baru yang mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air dengan keluasan lebih selesa iaitu keluasan tidak kurang daripada 800 kaki persegi.

■2140

Selain daripada rumah dengan ruang yang lebih luas, kemudahan-kemudahan lain turut dibina seperti kemudahan petak tempat letak kereta, surau, dewan serba guna, *facility* awam lain yang lebih sistematik dan bersih. Semua rumah ganti berkeluasan tidak kurang daripada 800 kaki persegi ini mempunyai harga pasaran yang tidak lebih daripada RM300,000 seunit apabila siap kelak.

Rumah-rumah ganti ini akan diberikan kepada pemilik-pemilik unit rumah sedia ada secara *one to one* tanpa ada sebarang tambahan bayaran dikenakan kepada pemilik rumah unit tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sangat komited dan bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa rakyat dapat menduduki rumah yang berkualiti setaraf dengan rumah-rumah komersial. Seterusnya, rakyat dapat menjalani kehidupan seharian dengan lebih harmoni dan kondusif.

Melalui program RUMAWIP ini juga, kerajaan telah mengenal pasti beberapa buah tapak pembangunan yang boleh dijadikan skim pembinaan rumah mampu milik iaitu seperti tanah-tanah kerajaan yang menjadi *brown field* yang berada di sekitar stesen pengangkutan, tanah kerajaan yang dihuni setinggan, tanah persendirian dengan hak milik strata dan penzonan kawasan perumahan rumah mampu milik. Tambahan dari itu, dalam setiap cadangan pembangunan semula perumahan awam yang telah usang, pihak pemaju telah disyaratkan supaya memperuntukkan sebanyak 50% daripada keseluruhan kawasan pembangunan bagi pembinaan rumah-rumah mampu milik di dalam kawasan tanah yang dibangunkan selaras dengan komitmen kerajaan dalam usaha menyediakan lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan juga telah melancarkan program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di Bukit Jalil pada 8 April 2015. Sebanyak 1,536 unit telah ditawarkan kepada penjawat awam yang menetap atau bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan harga mengikut keluasan yang telah ditetapkan. Bagi rumah yang mempunyai keluasan 1,000 kaki persegi dijual pada harga RM150,000. Harga yang ditawarkan bagi skim PPA1M Bukit Jalil ini adalah antara RM150,000 hingga RM300,000 mengikut keluasan lantai minimum tidak kurang daripada 1,000 kaki persegi sehingga 1,500 kaki persegi.

Bagi menggalakkan pemilikan rumah untuk golongan berpendapatan rendah khususnya, kerajaan telah memperuntukkan 45,357 unit rumah PPR M10 atau PADBKL untuk penjualan pada harga serendah RM21,500 hingga RM35,000. Tawaran ini dikhaskan kepada para penyewa sedia ada supaya mereka dapat memiliki rumah sendiri. Walaupun tawaran ini telah dibuka semenjak tahun 2009, namun prestasi penjualan masih perlahan dan didapati segolongan besar penyewa tersebut masih tidak membuat keputusan untuk membeli unit rumah yang sedang mereka diami.

Sehingga 31 Mei 2015, hanya 11,985 (26%) orang penyewa sahaja yang telah selesai urusan pembelian. Antara faktor-faktor yang dikenal pasti menjadi sumbangan kepada status penjualan yang perlahan ini di peringkat awal ialah kesukaran untuk mendapat dana bagi

membayai pinjaman perumahan lanjutan dari status kewangan yang tidak kukuh dan kadar sewa yang rendah berbanding dengan ansuran pinjaman perumahan yang perlu dibayar jika penyewa memilih untuk membeli rumah unit terbabit.

Justeru, bagi mengatasi masalah ini Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Yayasan Wilayah Persekutuan telah mewujudkan skim pembiayaan khas bagi mengatasi masalah pendapatan kemudahan pinjaman bagi penyewa-penyewa. Namun, bilangan permohonan untuk membeli rumah masih tahap yang perlahan. Umum sedia maklum dengan kekurangan jumlah unit PPR M10 dan PADBKL sedia ada tidak cukup untuk menampung perumahan sewa yang kian meningkat justeru unit-unit yang ditawarkan untuk penjualan tersebut turut dibuka untuk penyewaan berdasarkan kekosongan.

Selain itu, sejumlah 18,452 unit bagi merangkumi 31 buah kawasan turut dikhaskan untuk penyewaan sahaja dan dikecualikan daripada tawaran penjualan. Melihat kepada senario ini, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang dalam proses mengkaji langkah penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan status penjualan dan sentiasa mencari jalan terbaik bagi mengatasi masalah ini manakala cadangan Yang Berhormat tentang penyediaan dana khas kerajaan sebanyak RM500 juta pula, Kementerian Wilayah Persekutuan sememangnya mengalu-alukan cadangan tersebut tetapi perkara ini tertakluk kepada keupayaan kewangan kerajaan.

Dalam masa yang sama, kementerian ini turut percaya bahawa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menerajui agenda perumahan negara dan program pembasmian kemiskinan turut mempunyai perancangan terhadap program perumahan rakyat meliputi kumpulan miskin bandar termasuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat Labuan telah menyentuh secara umum...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh satu soalan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya sila.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, jawapan yang sungguh memuaskan saya. Cuma ada satu yang saya nak tanya. Dalam kita lihat dalam pendaftaran, dalam senarai yang didaftar oleh DBKL terdapat senarai menunggu hampir 69,000 orang warga Kuala Lumpur yang mendaftar untuk mendapatkan rumah sewaan. Ini kerana mereka ini adalah terdiri daripada *young couple* yang baru berkahwin, yang mempunyai anak satu, dua tetapi mereka tidak mampu untuk membeli rumah RM300,000 ataupun RM250,000. Jadi, apakah perancangan pihak DBKL atau Kementerian Wilayah untuk menyelesaikan masalah mereka yang menunggu hampir 69,000 ini?

Saya percaya bahawa cadangan Kementerian Wilayah Persekutuan tadi iaitu untuk bekerjasama dengan pihak KPKT. Akan tetapi, KPKT ini dia boleh mengeluarkan peruntukan untuk membina tetapi dia tidak boleh mengeluarkan, tak menyediakan tanah. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri?

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa, memang Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun meneliti isu ini berkenaan dengan rumah untuk orang-orang yang baru kahwin dan mempunyai anak satu, dua yang tidak mampu membeli rumah mampu milik yang harganya kurang dari RM300,000 ini.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri telah pun meluluskan dana sebanyak RM250 juta bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mendirikan rumah-rumah transit untuk kegunaan pasangan-pasangan sedemikian. Ini satu. Yang keduanya, untuk makluman Yang Berhormat 69,000 yang Yang Berhormat sebutkan tadi juga tidak betul angkanya. Bukan semua nak beli rumah. Yang nak adalah yang untuk sewa sahaja. So, yang untuk sewa ini...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Menteri, saya rasa saya sebut yang 69,000 tadi ia untuk sewa, bukan untuk beli. Untuk sewa.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Kalau untuk sewa, baik memang kita ada program-program yang kita pastikan di mana-mana tempat yang kita membangunkan kawasan-kawasan perumahan mampu milik, kita juga membangunkan kawasan-kawasan di mana kita dirikan PADBKL. Kita pastikan juga ada PADBKL supaya rumah-rumah ini didapat dan juga daripada permohonan yang kita dapat ini bukan semuanya layak mendapat rumah sewaan PADBKL.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya ingat saya ada berbeza pendapat sedikit. Sebab saya lihat 69,000 yang mendaftar ini mereka layak. Tinggal lagi rumah tak ada. Rumah untuk menyewa tidak ada. Kalau dia tak layak, dia tak masuk dalam senarai menunggu 69,000. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri kena tengok- warga bandar kalau mereka ini tiada tempat nak tinggal, *the end up* kita dapat satu bilik sampai 10-15 orang duduk satu bilik.

■2140

Kumpulan ini sangat penting untuk kita menyelesaikan masalah. Saya difahamkan bahawa banyak tanah pihak DBKL ini boleh kita bangunkan balik semula supaya kita menambahkan unit-unit ini supaya kita boleh mengurangkan permintaan yang ada dalam *database* DBKL.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Ya, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya terima cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Titiwangsa. Kita akan kaji dan pastikan apa Yang Berhormat Titiwangsa cadangkan dapat dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Labuan telah menyentuh secara umum tentang dasar pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, termasuklah cadangan untuk membina Jambatan Labuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil maklum dan amat prihatin akan menangani Ahli Yang Berhormat Labuan dalam memastikan Wilayah Persekutuan Labuan terus berdaya saing dan *sustainable*, dengan izin, dari sudut kemajuan serta pembangunannya seperti mana Bandar raya Kuala Lumpur dan beberapa buah kawasan bandar lain di negara ini.

Dalam memastikan pembangunan Labuan terus mampan dan berdaya saing, kementerian ini telah mengemukakan permohonan 10 projek pembangunan bagi Rancangan Malaysia Kesebelas, (RMKe-11) dengan anggaran kos berjumlah 552 juta. Projek-projek yang dirancang adalah pembinaan, satu. Pembinaan terminal, jeti feri Labuan, Menumbok ke Membakul. Projek nombor dua, Projek Perumahan Mesra Rakyat Wilayah Persekutuan Labuan. Ketiga, Pembangunan Bersepadu Pusat Bandar Labuan. Keempat, projek menaik taraf pengangkutan bandar. Kelima, projek pelancongan di Pulau Papan.

Saya percaya projek-projek tersebut akan dapat memberi kesan dan impak yang cukup besar dalam semua sektor di Labuan, khususnya dalam sektor pembangunan ekonomi dan sektor pekerjaan kepada para warga tempatan. Menyentuh mengenai industri minyak dan gas di Labuan, kementerian ini akan menggerakkan usaha-usaha strategik serta kolaborasi dengan lebih gigih bagi bersama agensi-agensi pusat yang lain serta pemain-pemain industri dalam memastikan keistimewaan dan peranan Labuan dalam industri minyak dan gas dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi, khususnya dalam mendepani persaingan dalam industri ini dengan negeri Sabah dan Sarawak.

Di samping itu kementerian ini akan terus memberi keutamaan dalam menggalakkan agensi-agensi pusat dan kementerian yang berkaitan antaranya unit perancangan ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pengangkutan. Bagi menyokong apa juga program pembangunan yang akan melonjakkan ekonomi Labuan pada masa depan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagaimana jawapan yang telah beberapa kali kementerian ini kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan masih berpandangan bahawa belum tiba masanya untuk membina Jambatan Labuan dalam keadaan ekonomi semasa. Sebagai alternatif, kementerian ini akan memberi tumpuan kepada pembinaan terminal dan jeti, feri Labuan Menumbok-Membakul. Kementerian Wilayah Persekutuan berpandangan cadangan membina jeti yang baru ini akan dapat menyelesaikan masalah perhubungan dengan tanah besar Sabah yang sudah lama dideritai oleh rakyat Wilayah Persekutuan Labuan.

Walaupun apa yang di impi-impikan oleh mereka sebenarnya ialah pembinaan sebuah jambatan menghubungkan Wilayah Persekutuan dengan Sabah, namun pembinaan jeti dan feri

yang baru ini akan dapat mengurangkan sedikit masalah yang dihadapi oleh warga Wilayah Persekutuan Labuan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala pandangan dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat semua amatlah kami hargai dan akan kami manfaatkan demi menjadikan Wilayah Persekutuan sentiasa maju, sejahtera dan pada masa yang sama turut melestarikan rakyat Wilayah Persekutuan untuk ceria selalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya jemput Kementerian Kesihatan. Saya percaya tidak panjang ya.

9.55 mlm.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai isu yang menyentuh bidang kesihatan di negara kita. Kementerian Kesihatan sentiasa memandang serius terhadap isu yang dibangkitkan dan berusaha menyelesaikan dengan pelbagai inisiatif.

Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan transformasi kesihatan yang menyeluruh untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bersesuaian dengan tema Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat. Perancangan sektor kesihatan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas akan memberi penekanan kepada empat strategi utama yang telah dikenal pasti iaitu meningkatkan sokongan yang bersasar, khususnya bagi masyarakat yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan, menambah baik sistem penyampaian untuk *outcome* kesihatan yang lebih baik, memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan pada keseluruhannya dan mempergiat kerjasama antara sektor awam, swasta dan NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan.

Diasaskan kepada strategi-strategi ini, ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada perkara-perkara yang tertentu iaitu berkaitan dengan pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan di dalam kawasan-kawasan masing-masing dan di kawasan-kawasan tertentu. Ada soalan yang telah dibangkitkan berkaitan dengan prinsip dan dasar kementerian di dalam perjalanan kementerian ke arah tujuan mewujudkan satu perkhidmatan kesihatan yang lebih selesa dan yang mempunyai *sustainability* yang lebih tinggi.

Diasaskan dengan prinsip ini, kepada mereka yang telah minta bahawa kemudahan kesihatan dibina di kawasan-kawasan masing-masing, kementerian telah mengambil kira banyak daripada keperluan untuk kemudahan kesihatan di merata-rata tempat yang telah dibuat dengan mengambil kira kemudahan yang tersedia ada, kepadatan penduduk di satu-satu kawasan. Untuk memastikan kemudahan kesihatan akan dibina selaras dengan tujuan dan tanggungjawab

kementerian seperti yang telah dijelaskan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat Pengerang telah bangkit isu berkaitan dengan pekerjaan asing dan kemudahan...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Kota Raja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Belum mula lagi.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sudah mula. Saya ada- sebelum pergi jauh. Sikit lagi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Mahu balik *you*?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Mengenai strategi, mengenai strategi itu tadi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Strategi okey. Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Baik, baik. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab saya takut Menteri terus kepada menjawab soalan tadi. Tadi Menteri menyebut tentang strategi-strategi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila-sila.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita mengalu-alukan tentang menambahkan kemudahan dan kesedaran. Cuma saya ingin tahu, sebab tidak dinyatakan dengan jelas tentang penekanan terhadap pencegahan. Apakah perancangan jangka masa panjang kita? Ini kerana kita menghadapi *influx* PATI dan sebagainya. *There is a comeback of diseases that was once thought eradicated*. Jadi, kalau kita tidak masuk dalam perancangan kita Menteri, maka kita akan berhadapan dengan satu keadaan yang menakutkan nanti.

Jadi, berapa banyak agaknya bajet dalam RMKe-11 ini kita hendak tumpukan kepada pencegahan. *We can build*, dengan izin, kita boleh bina banyak hospital dan kemudahan. Akan tetapi jikalau kita tidak memberi penumpuan dan kita tidak menekankan tentang pencegahan penyakit, maka *the only people that will make a lot of money are the pharmaceutical companies and pharmaceutical industries and medical companies*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya berkongsi pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa salah satu daripada tanggungjawab utama Kementerian Kesihatan ialah untuk memberi tumpuan kepada pencegahan daripada memberi rawatan.

■2200

Pencegahan ini bukan sahaja untuk penyakit-penyakit yang berjangkit seperti yang telah dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi untuk kepada penyakit-penyakit yang lain termasuk penyakit-penyakit yang tidak berjangkit. Perkara ini telah diberi penekanan dalam perkara yang saya telah sebut dalam strategi tadi di mana dalam strategi empat iaitu mempergiat kerjasama di antara sektor awam, swasta dan NGO, salah satu daripada perkara yang telah diberi penekanan ialah macam mana kita boleh meningkatkan usaha untuk mengawal dan mencegah penyakit.

Berkaitan dengan penyakit yang datang kerana jumlah warga asing yang begitu tinggi yang datang ke negara kita, perkara ini sepatutnya dapat diselesaikan melalui kerjasama di antara beberapa buah agensi yang berkaitan khususnya Kementerian Dalam Negeri dan agensi-agensi yang lain. Ini kerana walaupun daripada segi kesihatan Kementerian Kesihatan akan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan mereka yang masuk itu telah dikesan, telah disaring dan tidak membawa penyakit-penyakit, walaupun banyaknya usaha yang telah dilakukan tetapi oleh sebab kebanjiran jumlah mereka yang datang tanpa izin, usaha kita untuk memastikan semua yang masuk tanpa penyakit ini susah sedikit.

So, perkara ini sepatutnya diselesaikan melalui usaha oleh kementerian-kementerian yang berkaitan dengan mereka yang datang iaitu kementerian yang bertanggungjawab untuk mengawal dan menguatkuasakan sistem perundangan untuk pastikan mereka yang tak izin ini tak masuk ke dalam negara kita dan mengambil tindakan supaya mereka boleh pulang secara cepat.

Akan tetapi untuk mereka yang sudah ada di sini, kita membuat *screening* lebih luas tanpa kira mereka datang dengan izin atau tanpa izin, kerana prinsipnya ialah bahawa kalau seseorang yang mempunyai satu penyakit tidak dirawat, mungkin mereka boleh jadi punca untuk penyakit ini merebak kepada orang-orang yang lain.

So, daripada segi ini, contohnya kalau ambil tibi, kita mempunyai pelbagai jenis *outreach program* yang pergi ke merata-rata tempat di mana kita lihat ada jumlah pesakit yang mempunyai penyakit ini yang lebih banyak supaya *screening* boleh dibuat lebih daripada apa yang kita buat pada masa sekarang. Daripada siling yang kita akan diberi, memang satu jumlah yang mencukupi akan diagihkan untuk mengawal penyakit-penyakit yang berjangkit dan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit.

Biar saya teruskan dengan perkara-perkara yang lain iaitu Yang Berhormat Pengerang telah tanya soalan tentang pemantauan terhadap pekerja warga asing supaya mereka tidak membawa penyakit. Saya sudah jawab ini dalam jawapan kepada Yang Berhormat Kota Raja tadi.

Yang Berhormat Serdang telah membangkit isu berkaitan dengan dasar penswastan hospital dikaji semula kerana ia meningkatkan kos rawatan. Pada masa sekarang, hospital-hospital swasta berfungsi- walaupun diberi lesen oleh kerajaan, kerajaan mempunyai peranan untuk menentukan mutu mereka, untuk menentukan bahawa tiada persaingan yang terlampau banyak melalui sistem *zoning* yang ada pada masa sekarang dan nombor tiga, melalui jadual *fees* yang telah ditetapkan oleh Bahagian Amalan Perubatan. Seseorang pegawai perubatan tidak boleh mengenakan *fees* yang lebih banyak daripada apa yang telah ditetapkan. Inilah beberapa daripada langkah-langkah dan kuasa yang dipunyai oleh kerajaan untuk mengawal selia hospital-hospital swasta.

Selain daripada itu, perkara-perkara yang saya sebut tadi, banyak daripada isu-isu yang berkaitan dengan hospital swasta ialah apa yang boleh dipanggil *market driven* dan mereka yang

melabur di dalam hospital swasta kena mengambil kira perkara-perkara ini dalam proses penubuhan hospital-hospital swasta.

Di dalam memastikan bahawa akses kepada rakyat boleh diperluaskan kepada mereka yang ada di dalam kawasan-kawasan bandar dan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya mereka yang ada di luar bandar, banyak program yang telah disediakan oleh kementerian supaya mereka yang ada di luar bandar boleh mendapat rawatan dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

Contohnya, kita telah mewujudkan sistem klinik bergerak untuk masuk ke dalam kampung-kampung pedalaman di mana tiada kepadatan penduduk yang mencukupi untuk pembinaan satu-satu klinik kesihatan yang kekal, dan di lain-lain tempat ada klinik bergerak yang melalui sungai contohnya di beberapa buah tempat di Sabah dan Sarawak. Di Sabah dan Sarawak, kita mempunyai satu sistem *client doctor* yang kekal untuk membawa kemudahan kesihatan kepada kampung-kampung di pedalaman dan untuk membawa pesakit-pesakit dari situ ke hospital kalau perlu. So, inilah sebahagian daripada usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan perkhidmatan kesihatan akan sampai ke seluruh pelosok negara khususnya kepada mereka yang ada di dalam kawasan-kawasan luar bandar.

Ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja bangun.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Lagi sekali.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Lagi sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bila Yang Berhormat Menteri menyebut tentang kampung-kampung pedalaman ini terutamanya di Sabah dan Sarawak, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah dalam perancangan Kementerian Kesihatan untuk satu hari untuk kita memperuntukkan bahawa satu perkampungan satu orang doktor, *one family doctor*?

Memandangkan jumlah doktor di dalam negara kita ini meningkat dengan *houseman* yang balik sampai tidak ada tempat untuk dilatih, maka adakah perancangan kerajaan untuk meletakkan sekurang-kurangnya satu *family physician insya-Allah*, ke dalam setiap kampung pedalaman ini? *So to give them better service*, diagnosis yang awal dan *referral* yang lebih awal. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, harapan kerajaan ialah untuk menambah jumlah – maksudnya pakar di dalam bidang perubatan keluarga?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, sebab mereka lebih *all rounded*.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tujuan kita adalah untuk menambahkan jumlah pakar di dalam bidang perubatan keluarga supaya tiap-tiap klinik kesihatan mempunyai seorang pakar walaupun sekarang di klinik-klinik besar kita mempunyai doktor pakar kesihatan keluarga dan mereka diberi tanggungjawab untuk menjaga klinik-klinik yang lebih kecil. Secara sistem giliran,

mereka membuat rondaan kepada klinik-klinik yang lain untuk memberi rawatan perubatan keluarga di satu tahap yang lebih tinggi.

Akan tetapi saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa tujuan kita untuk menambah jumlah mereka yang mempunyai kelulusan di dalam bidang ini dan ini sedang dibuat melalui meningkatkan jumlah mereka yang boleh mendapat tempat di dalam *Master's Program* yang sedia ada di dalam negara kita. Ada satu kerjasama yang telah diwujudkan oleh *Academy of Family Physicians Malaysia* dengan *Royal Australian College of General Practitioners* dan melalui ini beberapa doktor mahupun daripada swasta atau di dalam kerajaan telah mendapat latihan di dalam bidang kepakaran perubatan keluarga dan saya berharap bila jumlah mereka bertambah dan melalui sokongan yang diberi oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih daripada doktor-doktor mengambil bidang ini, saya berharap kita boleh melantik doktor pakar dalam perubatan keluarga di dalam semua klinik yang ada di dalam klinik-klinik kesihatan kita.

■2210

Yang Berhormat Serdang telah membangkitkan tentang prinsip penswastan dalam pembekalan farmaseutikal produk yang telah dilakukan oleh kementerian pada masa sekarang. Konsep penswastan pada masa sekarang yang dibuat melalui Pharmaniaga ialah Pharmaniaga telah diberi tanggungjawab untuk menjaga logistik pembekalan ubat di dalam negara kita dan mereka diberi tanggungjawab untuk mengawal *storage* dan pembekalan di seluruh negara kerana logistik ini adalah satu perkara yang memerlukan jumlah tenaga kerja yang begitu banyak dan kepakaran yang begitu tinggi.

Walaupun mereka diberi tanggungjawab untuk logistik tetapi kebanyakan daripada perolehan ubat dibuat melalui sistem tender yang terbuka yang dikawal oleh kementerian dan ini menunjukkan bahawa kita boleh mendapat ubat dengan harga yang berpatutan dan tanggungjawab pihak Pharmaniaga dihadkan kepada tanggungjawab untuk mengawal proses logistik supaya mereka boleh simpan dan membekal ke kawasan-kawasan bila diperlukan.

Ada beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang cadangan untuk pembinaan hospital di kawasan masing-masing atau klinik-klinik di tempat masing-masing seperti Ahli Yang Berhormat daripada Langkawi, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Gudang, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Ahli Yang Berhormat dari Jerantut. Untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan tentang keperluan kemudahan kesihatan biarlah saya menerangkan bahawa kita ada satu senarai panjang di mana semua keperluan telah disenaraikan tetapi pada akhirnya mana yang akan dibina, mana yang tidak akan dibina bergantung kepada siling yang akan diberikan kepada Kementerian Kesihatan dan kita akan *prioritize* ke atas keperluan ini mengikut keutamaan dan ini akan dibuat dalam *Rolling Plan* yang akan dikemukakan.

Pada biasanya ada 3 *Rolling Plan* so, di dalam tiap-tiap ada *rolling plan* kita akan mencadangkan keperluan yang kita berpendapat paling mustahak pada masa itu dan melalui

perkara itu kita akan memberi tumpuan kepada segala cadangan yang telah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan keperluan kemudahan-kemudahan kesihatan di dalam kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh terus memberi cadangan walaupun tidak diberi pada masa sekarang. Dalam masa kita menetapkan kemudahan-kemudahan yang akan dibangunkan di dalam *Rolling Plan 1*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Pada masa itu kementerian akan lihat kepada segala cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat dan akan cuba seberapa banyak yang boleh untuk membantu pembinaan itu.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Kota Tinggi...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bagan Serai...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kota Tinggi dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terpulang yang mana satu.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh sedikit tentang ancaman dadah. Mungkin ini ada kaitan dengan kementerian juga iaitu kita tahu sekarang ini baru selesai dengan AIFOCOM iaitu *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly Fact Finding Committee to Combat the Drug Menace* dan kita dapati bahawa *qualification* ataupun kajian daripada *United Nations Organization on Drug Combating*, pertambahan edisi *trafficking drugs* ini begitu ketara dalam masa 10 tahun bertambah 50% dan kali ini melibatkan dadah yang daripada sintetik ataupun berkimia, *chemical based*.

Kita lihat betapa mudahnya jenayah ini mendapatkan bahan-bahan yang boleh dijadikan dadah kimia dan apakah perancangan kerajaan untuk memastikan sama ada farmasi ataupun pengawalan bahan-bahan kimia ini supaya diletakkan di dalam bahan-bahan yang dikawal supaya merencatkan usaha-usaha untuk mengadakan sintetik drug ini dengan lebih mudah, pertama.

Kedua, *stress*. Saya ambil kesempatan di sini Yang Berhormat bahawa dalam debatan awal ini *stress* ini dianggap sebagai satu masalah. Saya rasa *stress* ini ialah kesan dan sebenarnya kita kena melihat penyebab *stress* ini ataupun kegagalan kita menangani sistem menyebabkan kita *stress*. Jadi adakah kementerian ingin melihat semula penyebab *stress* ini antaranya adalah persekitaran yang menyumbang ke arah berlakunya *stress* sebab saya lihat kalau kita maju 2020, pencapaian ekonomi tinggi tetapi rakyat kita *stress* maka kita tidak mencapai tahap kesejahteraan yang diperlukan.

Jadi mungkin ada satu manual bagaimana menangani penyebab *stress*, misalannya *stress* di tempat kerja, tempat belajar, pendapatan dan sebagainya. Jadi adakah kerajaan melalui kementerian hendak melihat dari satu sudut yang berbeza. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka dengar Menteri jawab tadi ada *list* yang panjang tentang hospital dan sebagainya dan boleh diulang-ulang selalu. Jadi di Parlimen Bagan Serai ini ada dua perkara yang saya sudah dapat jawapan daripada Menteri tetapi saya suka sangatlah untuk ulang sekali lagi kerana menjadi siulan dan juga igauan rakyat di Parlimen Bagan Serai.

Pertamanya, Hospital Daerah Kerian telah dua kali pilihan raya telah diluluskan. Saya asyik tanya dan nampaknya tolak tanah itu sudah lama sangat sudah. Jadi saya memang hendak tahu sangat statusnya. Keduanya tentang permohonan saya untuk membina klinik kesihatan Matang Gerdu di Bagan Serai. Saya sudah dapat jawapan daripada Menteri jawapan bertulis hari itu tetapi saya rasa yang dikatakan tidak berapa sibuk selepas itu pesakit-pesakit di Klinik Bagan Serai dan Batu Kurau itu tidak tepatlah. Saya minta sangatlah kalau boleh Menteri datang sekali kita sama-sama tengok keadaan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Isu dadah dikawal di negara kita melalui beberapa buah agensi sebab separuh daripada tanggungjawab besar ialah di bawah Kementerian Dalam Negeri melalui PEMADAM dan Agensi Antidadah Kebangsaan. Kementerian Kesihatan mempunyai tanggungjawab melalui dua akta. Satu ialah Akta Dadah Berbahaya dan lagi satu Akta Racun.

Melalui mana, ada keperluan untuk semua *chemical* yang diiktiraf atau berpendapat bahawa ia boleh menjadi racun atau menjadi sebahagian daripada Akta Dadah Berbahaya memang dikawal supaya perolehan, penyimpanan dan pendedahan bahan-bahan itu terkawal dan mereka yang tidak mengikut apa yang telah ditetapkan melalui undang-undang ini boleh diambil tindakan.

Dalam sudut yang lebih luas tentang isu sintetik *drug* di dalam negara kita, kita mempunyai majlis yang dipunyai oleh ahli-ahli daripada semua agensi yang berkaitan khususnya pihak Antidadah Negara, pihak PEMADAM, pihak Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang lain yang lihat kepada perkara ini daripada semua sudut. Salah satu daripada penguatkuasaan tentang mereka yang menjadi pengedar. Proses-proses pemulihan untuk mereka yang menjadi pengguna.

Kementerian Kesihatan memainkan peranan dalam dua-dua pihak untuk kalau kita tahu bahawa ada pihak-pihak tertentu mahupun farmasi ataupun *chemist* ataupun siapa-siapa tidak mengikut apa yang telah ditetapkan di dalam dua akta yang saya telah beritahu itu mereka boleh dikenakan tindakan dan denda yang kadang-kadang begitu tinggi. Untuk mereka yang sudah menjadi mangsa dadah iaitu menjadi pengguna dadah, proses pemulihan dijalankan oleh pusat-pusat yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan dalam klinik-klinik kesihatan dan oleh pusat-pusat yang lain yang dijalankan oleh PEMADAM dan agensi-agensi yang lain. Contohnya di

dalam heroin kita telah menggunakan morfin. Kita telah berjaya melalui *metadhone* klinik yang ada di beberapa buah klinik di dalam negara kita.

■ 2220

Untuk mengurangkan jumlah mereka yang pada satu masa dahulu menggunakan morfin atau heroin supaya mereka pindah kepada *methadone* dengan harapan bahawa mereka akan meninggalkan tabiat menggunakan dadah ini. Usaha ini akan diteruskan dan saya tahu pihak penguat kuasa sedang memberi tumpuan yang tinggi kepada *synthetic drug* dan *labs* yang menyediakan *synthetic drugs* dan untuk bahan-bahan *chemical* yang boleh bantu untuk menyediakan *synthetic drugs*. Kita akan bekerjasama dengan semua agensi untuk memastikan kita boleh membendung perkara ini.

Tentang isu *stress* di dalam negara, ini satu isu yang diberi tumpuan oleh kementerian melalui beberapa program yang telah disediakan. Salah satu daripadanya ialah di dalam *primary care clinics* di mana salah satu tanggungjawab mereka ialah untuk *management of stress*.

Baru-baru ini kita dengan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan mewujudkan protokol untuk membuat saringan kepada semua murid di sekolah supaya guru dapat mengesan mereka yang mempunyai *depression* dengan lebih awal supaya mereka boleh diberi kaunseling dan sebagainya kerana seperti kajian-kajian telah menunjukkan murid-murid yang mempunyai *stress* yang tinggi atau *depression*, pencapaian mereka di dalam bidang pendidikan nanti tidak berapa memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tidak ada, pendek sahaja. Oleh itu ada keperluan supaya mereka diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa daripada isu yang dibangkitkan. Perkara lain ialah semua berkaitan dengan kemudahan-kemudahan tertentu dan saya sudah jawab bahawa kementerian akan lihat kepada kemudahan ini.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri ...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tentang Yang Berhormat Bagan Serai nanti. Hospital Bagan Serai memang sudah ada dalam rancangan ...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri, Kota Tinggi lagi, sedikit sahaja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey boleh saya jawab Yang Berhormat Bagan Serai dahulu?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tidak, pendek sahaja saya nak sambung tadi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Pasal *synthetic drugs*. Negara kita bukan sahaja negara transit, sudah jadi negara *reproductive* dan *exporting*. Jadi ini ancaman yang amat besar. Cuma saya hendak tanya soalan bagaimana kawalan tentang bahan-bahan kimia tadi, akan kita perketatkan lagi tak? Sebab ini punca kita cuba kurangkan *on the supply side*.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Contohnya di dalam hospital, klinik dan farmasi undang-undang yang sedia ada untuk memastikan bahawa satu kawalan yang tinggi dibuat oleh mereka yang bertanggungjawab, cara macam mana menggunakan *synthetic chemicals* yang boleh digunakan ialah kuat dan tinggi. Pemantauan dibuat oleh bahagian farmasi kepada semua unit ini termasuk farmasi swasta atau kerajaan untuk memastikan tiada penyalahgunaan dan tindakan sentiasa diambil kepada pihak mereka.

Selain daripada itu ada kerjasama dengan Jabatan Kastam dan agensi-agensi yang lain untuk memastikan bahawa kita boleh mengawal kegunaan dan pembekalan sintetik *chemical* supaya perkara ini boleh dikawal.

Tentang Hospital Bagan Serai, memang pun hospital ini telah diluluskan dan kita sekarang dalam proses untuk membuat tender dan membangunkan Hospital Bagan Serai dan tentang keperluan lagi sebuah klinik di dalam kawasan Parlimen Bagan Serai, perkara ini ada dalam pandangan kementerian pada masa sekarang dan kalau kita berpendapat ini adalah keperluan yang tinggi untuk pembinaan satu lagi klinik kita akan membinanya.

Itulah beberapa isu yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi tumpuan dan pandangan dan nasihat dan saya berpendapat bahawa kita akan dipandu oleh pandangan dan nasihat yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membangunkan dan mewujudkan satu perkhidmatan kesihatan yang baik. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya terima kasih. Yang Berhormat Parit selepas ini boleh jumpa Yang Berhormat Menteri. Terus jumpa selepas ini. Saya jemput Kementerian Dalam Negeri kalau pendek saya boleh tambah 15 minit lagi. Kalau panjang kita habis 10.30, kalau pendek kita boleh sambung 15 minit. Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

10.25 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri ini besar dan panjang. Ada 35 helaian muka. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan

Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan yang mulia ini dari 20 Mei hingga 9 Jun 2015 lalu yang menyentuh berkenaan Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan secara spesifik, izinkan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas pada 21 Mei yang lalu. Ini termasuk semua perancangan yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan jabatan-jabatan serta agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti yang dinyatakan dalam bidang fokus C - hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas dan strategi-strategi yang terkandung di dalamnya.

Untuk itu Kementerian Dalam Negeri telah mengemukakan permohonan kepada agensi pusat senarai projek yang akan dilaksanakan bagi *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2016 hingga 2017 bagi tujuan menyokong dan mencapai strategi-strategi berkenaan.

Jumlah projek yang dipohon adalah sebanyak 196 projek dengan anggaran *ceiling* peruntukan yang diperlukan sebanyak RM24 bilion bagi tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek-projek tersebut meliputi 88 projek fizikal dengan anggaran kos berjumlah RM966.3 juta dan 108 projek bukan fizikal atau kelengkapan dan peralatan dan sistem yang dianggarkan berjumlah RM1.441 bilion.

Fokus pertama Kementerian Dalam Negeri menyenaraikan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas adalah mempertingkatkan tahap keupayaan pasukan keselamatan dan penguatkuasaan Kementerian Dalam Negeri khususnya Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen dalam menguatkuasakan undang-undang serta melaksanakan program-program pencegahan yang berkesan.

Oleh itu keperluan kepada peralatan-peralatan moden, canggih dan terkini malah penting dalam memastikan semua jabatan dan agensi berkenaan berada selangkah di hadapan dan mampu menangani apa jua cabaran dan ancaman keselamatan.

Antara projek utama yang telah dipohon dan akan dilaksanakan projek pembangunan *Advance Passenger Screening System* (APSS), Sistem Perintah Kawalan Komunikasi dan Integrasi Komputer, Sistem C4I, Projek Perluasan Pemasangan Kawalan CCTV dan *Special Record System*, Projek Menaik Taraf Peralatan dan Kelengkapan Persenjataan Peralatan Forensik, Peralatan-peralatan Operasi dan Taktikal Unit Khas PDRM seperti *Special Task Force Organized Crime* (STARFOC), *Special Tactical Intelligent Narcotic Groups* (STING) dan *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism* (STAGG) serta memperkukuhkan semua peranan Pasukan Gerakan Am (PGA) khususnya di kawasan *Eastern Sabah Security Zone* (ESSZONE) dan sempadan-sempadan negara.

Selain itu kementerian turut memberi fokus kepada kebajikan para anggota dengan menyediakan kemudahan kuarters yang lengkap, mencukupi serta menyelenggarakan dan menaik taraf kuarters sedia ada demi keselesaan mereka. Dalam usaha ke arah pencapaian *world class*

policing driven class service, pihak kementerian juga memohon untuk membina bangunan-bangunan baru pejabat PDRM, jabatan lain di bawah KDN yang serba moden, lengkap, canggih di samping menyokong sepenuhnya penggunaan teknologi hijau atau *green technology*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi perbahasan yang lalu Yang Berhormat Bagan bertanya terhadap mengapa keperluan untuk melantik dan menggaji pengawal keselamatan hingga jumlah mereka melebihi anggota polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ...

■2230

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, jawapan Yang Berhormat Bagan itu kita sambung besok.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Penipuan Skim Pelaburan Kayu Gaharu Kemboja

10.31 mlm.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penipuan Skim Pelaburan Kayu Gaharu Kemboja oleh UNIGROW (CAMBODIA) Co.LTD dan UNIGROW (MALAYSIA) BHD. Satu lagi skim pelaburan didakwa berunsur penipuan sedang menular di negara ini. Ia dikendalikan oleh seorang yang disyaki melakukan jenayah kolar putih melibatkan sejumlah besar pelabur dengan anggaran pelaburan melebihi USD4 juta (lebih kurang RM15 juta) yang melibatkan lebih kurang seramai 1000 orang pelabur. Sindiket pelaburan ini mengaku menggunakan agensi kewangan asing sebagai penjamin kewangan dengan tiga tahun

kontrak yang mana setiap tahun, jumlah keuntungan tahun pertama yang dipungut boleh mencapai 30% iaitu dividen 3.5% bagi empat bulan pertama, 2.5% bagi empat bulan berikutnya dan 1.5% bagi empat bulan terakhir. Pelaburan minimum USD1,000 digunakan untuk membiayai pokok gaharu yang ditanam di Ladang Kayu Gaharu di Kemboja yang dipunyai oleh seorang warganegara Kemboja bernama H.E. Chihit Kim Yeat yang mendakwa dirinya sebagai Senator Kemboja.

Tawaran yang diberikan mereka kelihatan bagus dan memang sukar bagi pelabur biasa menentukan kesahihannya. Ini adalah kerana segala transaksi dijalankan secara dalam talian online melalui alamat sesawang www.argroe.biz. tetapi laman tersebut didapati dipadamkan terus sejak 7 Ogos 2014. Sebab itu saya merasakan perkara ini perlu didedahkan kepada umum. Kita mahu orang awam berwaspada terhadap sindiket penipuan pelaburan antarabangsa seperti ini.

Sindiket ini berselindung di sebalik 'pelaburan kayu gaharu Kemboja' atau lebih dikenali sebagai *Uni-Argrow Series 0809*. Ia diuar-uarkan sebagai sebuah pelan pelaburan ladang kayu gaharu berpusat di Kemboja tentang syarikat beroperasi dan mempunyai syarikat pemasaran melalui UniArgrow (Marketing) Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Segambut, Kuala Lumpur.

Para pelabur diberitahu modal pelaburan mereka dilindungi oleh institusi perlindungan modal antarabangsa-LAPIF iaitu *Latin America Private Interest Foundation* sebagai penjamin. Skim pelaburan ini telah dilancarkan pada bulan September 2009 lalu. Ia mencatatkan pulangan yang baik pada tahun 2012 dan 2013 tetapi mengalami masalah pada tahun 2014. Ramai di antara pelabur yang mengadu bahawa pelabur dan agen sukar dalam menguruskan dividen serta komisen mereka. Syarikat yang bertanggungjawab dalam skim pelaburan ini ialah UniArgrow (Malaysia) Sdn Bhd di bawah Ketua Pengarah Eksekutifnya Dr. Nixon Yap @Yap Kim Piow (No MyKad 710503-10-6461) dan Pengurus Dananya didaftarkan di bawah nama YM Raja Izan Syed Abidin yang didakwa merupakan kerabat Diraja Perak.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai hasil siasatan memandangkan terdapat lebih 60 laporan polis telah dibuat terhadap syarikat-syarikat ini dan juga telah dibawa ke pengetahuan Bank Negara Malaysia. Apakah harapan para pelabur bagi wang pelaburan mereka dikembalikan? Adakah Dr Nixon ini pernah disoal siasat berdasarkan laporan yang dibuat ke atasnya termasuk *police report*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

10.35 mlm

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum*, selamat malam, salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Berikutan dengan aduan mengenai kes kayu gaharu syarikat UniArgrow (Cambodia) Co.Ltd dan UniArgrow (Malaysia) Sdn. Bhd., Bank Negara Malaysia telah

menyenaraikan syarikat tersebut dalam senarai peringatan kepada semua pengguna kewangan SPSPK ataupun *financial consumer alert* di laman sesawang BNM sebagai langkah peringatan kepada semua pengguna memandangkan syarikat tersebut telah menjalankan skim pelaburan yang diragui serta tidak mendapat kebenaran di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan.

Susulan daripada itu Bank Negara Malaysia sedang dalam proses meneliti dan mengumpul maklumat berkenaan kes tersebut. Pihak Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan penguatkuasaan setelah mempunyai sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah undang-undang yang ditadbir selia oleh Bank Negara Malaysia.

Sekiranya kes itu disyaki melibatkan kesalahan penipuan, ia akan disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia untuk tindakan penguatkuasaan. Untuk makluman, agensi penguat kuasa tidak mempunyai kuasa untuk mengembalikan wang pelabur. Sekiranya kes disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA), peruntukan undang-undang AMLA hanya memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat keputusan berkenaan dengan harta rampasan.

Aset yang dibekukan akan menjadi bahan bukti dalam kes pendakwaan dan tidak dapat dipulangkan kepada syarikat atau pelabur sehingga kes ini selesai dan mahkamah telah membuat keputusan. Selepas selesai perbicaraan kes, para pelabur boleh memfailkan tuntutan mereka ke atas harta yang disita sebagai pihak ketiga berkepentingan di bawah seksyen 61 AMLA. Maklumat mengenai cara untuk memfailkan sesuatu tuntutan akan dimaklumkan oleh mahkamah apabila prosiding selesai. Orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyertai mana-mana skim pelaburan yang bukan dikendalikan oleh institusi yang dilesenkan di bawah undang-undang sedia ada, yang dikawal selia oleh agensi-agensi penguat kuasa seperti Bank Negara dan agensi penguat kuasa yang lain.

Selalunya pengendali seperti ini akan menjanjikan pulangan pelaburan yang besar dan tidak realistik. Orang ramai harus berwaspada bagi mengelak daripada ditipu. Sebagai langkah pencegahan Bank Negara dengan kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam membanteras aktiviti Skim Cepat Kaya seumpama ini.

- (i) menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, KPDNKK dan lain-lain dalam usaha membanteras Skim Cepat Kaya dengan melakukan operasi serbuan bersama;
- (ii) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia SKMM bagi menyekat laman-laman web yang didapati terlibat dengan aktiviti-aktiviti *scam* dan Skim Cepat Kaya;

- (iii) mengeluarkan risalah *flyers* dan poster, "Awas Penipuan Kewangan" di mana institusi-institusi kewangan turut membantu meletakkannya berdekatan mesin-mesin ATM dan kaunter. Maklumat *scam* turut disalurkan melalui mesin-mesin ATM dan *online banking* bagi memberi peringatan kepada orang ramai sebelum selepas sesuatu pembayaran atau pengeluaran wang dibuat;
- (iv) menyenaraikan nama-nama syarikat yang disyaki menjadi skim-skim haram di dalam SPSPK ataupun *Financial Consumer Alert* di laman web di Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- (v) mengeluarkan iklan di akhbar-akhbar di Malaysia dan menyebarkan maklumat melalui SMS *blasting* Celcom, Digi dan Maxis, serta di media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook*;
- (vi) membuat pengumuman di media massa untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai gejala Skim Cepat kaya di stesen-stesen radio serta TV crawler yang disiarkan semasa berita utama di TV1, TV2, TV3 dan NTV7;
- (vii) melaksanakan usaha berterusan dalam mengadakan pelbagai kempen kesedaran dan ceramah kepada orang ramai seperti kakitangan kerajaan, pelajar-pelajar universiti, persatuan-persatuan dan lain-lain;
- (viii) bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menyediakan teks ucapan khutbah yang menyentuh secara khusus gejala Skim Cepat Kaya: dan
- (ix) bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyedarkan penjawat awam dengan mengeluarkan Pekeliling Am Bil.1 / Tahun 2009 yang melarang penjawat awam dari terlibat dalam aktiviti pelaburan awam atau Skim Cepat Kaya.

■2240

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai skim terbabit diminta untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak Bank Negara melalui perkhidmatan laman informasi nasihat dan khidmat link dan Telelink Bank Negara. Itu sahaja yang jawapan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Menteri. Sila Yang Berhormat, baca teks.

Isu Pembangunan Dua Blok Pangsapuri di Sri Petaling

10.40 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ramai penduduk di Kuala Lumpur, khususnya di kawasan Parlimen Seputeh amat kecewa terhadap DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan kerana meluluskan semakin banyak bangunan yang berdensiti tinggi tanpa ambil kira penambahbaikan trafik dan tanpa rundingan dengan persatuan penduduk dan wakil rakyat. Baru-baru ini penduduk di Sri Petaling diberitahu tanah DBKL di Lot PT7009 HSD 98369 di tengah-tengah kawasan komersial di Sri Petaling telah dijual kepada Yayasan Wilayah Persekutuan untuk tujuan pembangunan. Ini disahkan oleh jawapan lisan Parlimen yang bertarikh 18 Mei 2015 kepada saya. Jawapan menyatakan DBKL menjual lot tanah itu pada 23 Oktober 2013 dengan harga RM30,484,011. Yayasan Wilayah Persekutuan akan membina pembangunan bersepadu yang melibatkan pembinaan rumah dan komersial.

Saya difahamkan Yayasan Wilayah Persekutuan menjual lot tanah itu kepada I-Con Empire Sdn. Bhd. dengan harga RM35,484,011 sebulan kemudian. Ini bermaksud Yayasan Wilayah Persekutuan dapat keuntungan RM5 juta melalui penjualan semula tanah DBKL tersebut. Saya ingin tanya soalan berikut. Satu, apakah rasional DBKL untuk menjual tanah di kawasan yang telah pesat pembangunannya kepada Yayasan Wilayah Persekutuan untuk tujuan keuntungan melalui penjualan semula kepada syarikat swasta? Apakah hubungan di antara DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan? Apakah fungsi dan objektif Yayasan Wilayah Persekutuan?

Kedua, apakah Yayasan Wilayah Persekutuan merupakan satu badan yang menguntungkan pemimpin UMNO di Wilayah Persekutuan, khususnya Datuk Seri Syed Ali bin Syed Abbas Alhabshee, Ketua Bahagian UMNO Cheras. Beliau memegang jawatan Pengarah Yayasan Wilayah Persekutuan dan Pengarah I-Con Empire Sdn. Bhd.. Hanya letak jawatan di I-Con Empire Sdn. Bhd. pada 12 November 2013 iaitu selepas DBKL jual tanah itu kepada syarikatnya.

Ketiga, Persatuan Penduduk Sri Petaling difahamkan Lot PT 7009 HSD 98369 akan dibina dua blok bangunan komersial yang mempunyai 38 tingkat. Kawasan komersial Sri Petaling sudah pun amat sesak trafiknya sekarang, khususnya dengan adanya IPD Brickfields yang tidak mempunyai tapak letak kereta yang cukup. Saya ingin tanya perancangan trafik DBKL di kawasan Sri Petaling. Apakah DBKL sanggup meluluskan projek tersebut dan mengorbankan kesejahteraan kehidupan penduduk di Sri Petaling? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri.

10.43 mlm.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puan Teresa

Kok Suh Sim dari Seputeh yang telah menyuarakan pandangan dan persoalan dalam ucapan penangguhan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas, Dewan Rakyat 2015 ini. Keprihatinan dan ketelitian dan kepekaan Ahli Yang Berhormat terhadap kesejahteraan hidup dan kebajikan para warga Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat amnya sangatlah kami hargai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tiada kawalan terhadap penjualan tanah kepada pihak ketiga. Walau bagaimanapun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh mengawal cadangan pembangunan di atas tapak yang dijual tersebut melalui Jawatankuasa Perancang Bandar. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menerima cadangan membina bangunan komersial di tapak ini. Walau bagaimanapun sehingga kini pemaju masih belum lagi mengemukakan pelan terperinci mengenai cadangan tersebut.

Adalah menjadi syarat dalam perancangan, pihak pemaju hendaklah mengemukakan perancangan mereka untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul apabila pembinaan tersebut dijalankan. Antaranya pemaju dikehendaki menjalankan penilaian impak lalu lintas (*traffic impact assessment*), mencari alternatif pemindahan sekiranya tapak tersebut terdapat sebarang halangan, memenuhi syarat tempat letak kereta yang mencukupi dan syarat-syarat lain mengikut Akta Perancang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh di atas penyampaian ucapan penangguhan yang melibatkan bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini. Segala teguran, pandangan, cadangan, ulasan mahupun kritikan yang membina daripada Ahli Yang Berhormat amatlah kami hargai dalam usaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan awam sedia ada dan khususnya kepada rakyat dan negara secara menyeluruh. Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak jawab soalan saya? Saya tanya, dia tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada peraturan yang boleh disoal mencelah. Baiklah Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 11 Jun 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.46 malam]